

Embun Pagi

Pendahuluan

Saya masih dapat mengimbas sewaktu berjalan pagi-pagi di Pergunungan Fraser sambil menyebut udara segar dan keharuman bunga mawar. Betapa indahnya bebunga yang disirami embun pagi! Embun pagi bagai titisan airmata bebunga yang disegarkan setelah menahan keterikan matahari seharian.

Adakah anda bangun setiap pagi disirami embun firman Tuhan? Betapa banyak orang bangun setiap pagi dengan perasaan berat dalam hati mereka. Renungan bersama Tuhan dan doa pagi menyegarkan jiwa seperti embun yang menyegarkan bunga mawar.

*Bagi embun menyirami bebunga dan dedaun
T'rasa nyaman dan menyegarkan
Bagai mentari hangat memelukku
T'rasa kedamaian di jiwaku*

*Ku ke taman mencari persekutuan-Mu
Lembut nan indah bisikan-Mu
Memberi pengharapan
Menyinari wajahku dan hatiku ini*

Embun Pagi

HARI 1

Secangkir Berkat Harum

Renungan-Mazmur 63-2, Yohanes 4:32. 34, Matius 6:33

*Ya Allah, Engkaulah Allahku, aku mencari Engkau,
jiwaku haus kepada-Mu, tubuhku rindu kepada-Mu,
seperti tanah yang kering dan tandus tiada berair.
Mazmur 63:2*

Tanpa secangkir kopi Muar sewaktu bersarapan. Saya seakan-akan kehausan sepanjang hari. Setelah menghirup kopi harum, saya siap memulakan pekerjaan saya. Aneh tetapi nyata! Sekalipun saya sudah menetap di Petaling Jaya bertahun-tahun, ayah saya terus membekalkan kopi yang saya cintai ini. Sejak bilakah saya memupuk tabiat begini? Sejak kecil lagi, setiap pagi ibu saya menyiapkan mee goreng hitam, otak-otak dan kopi 'O' bagi saya. Inilah menu sarapan yang paling saya sukai hingga kini.

Pertanyaan yang perlu kita tanyakan kepada diri sendiri setiap hari ialah, "Adakah kita tidak akan bersarapan tanpa Yesus?" "Tidakkah kau melihat saya begitu sibuk dengan anak-anak saya? Mana saya ada waktu untuk renungan harian dan doa?" Itulah jawapan yang saya terima dari seorang suri rumah apabila saya bertanya tentang saat renungannya. Adakah urusan pekerjaan dan anak-anak menuntut perhatian kita sehingga kita tidak boleh bersarapan lagi dengan Yesus? Alangkah pilu hati Tuhan Yesus ketika mendengar jawapan seperti ini kerana Dia bersabda. "Pada-ku ada makanan yang tidak kamu kenal." (Yohanes 4:32)

Di tengah-tengah kesibukan kita, kita sering lupa berseru, "Ya Allah, Engkaulah Allahku, aku mencari Engkau, jiwaku haus kepada-Mu, tubuhku rindu kepada-Mu, seperti tanah yang kering dan tandus tiada berair." (Mazmur 63:2) Seruan seperti ini merupakan permulaan kehidupan rohani yang subur dan bebunga kerohanian akan bermekar setelah disirami embun pagi Allah.

Dalam Matius 4:4, Yesus bersabda manusia tidak sekadar hidup dengan roti sahaja tetapi kita juga harus bersantapan firman Tuhan. 2 Samuel 22:33 berkata Tuhanlah sandaran kita yang kuat dan dia membuat jalan kita rata. Hanya setelah kita mencurahkan secangkir berkat yang harum daripada firman Tuhan, baru kita bertenaga menghadapi cabaran hari itu.

George Muller, seorang tokoh yang menghirup secangkir syurgawi setiap pagi berkata, "Yakinlah, jika kau berjalan bersama dengan Dia dan bersandar pada pertolongan-Nya. Dia tidak akan menggagalkan engkau. Selaku seorang abang yang berumur empat puluh empat tahun, saya telah menulis nasihat ini untuk memberitahu engkau bahawa Dia tidak pernah menggagalkan saya. Dalam kesulitan yang terbesar, ujian yang terberat, dalam saat yang termiskin pun Dia tidak pernah menggagalkan saya. Akan tetapi ini disebabkan saya dimampukan oleh kasih karunia-Nya untuk mempercayai bahawa Dia selalu muncul untuk menolong saya. Saya gembira berbicara hal-hal yang manis tentang Nama-Nya."

Kurakamkan cinta kasihku kepada-Mu pada keheningan pagi ini Kurakamkan duka laraku kepada-Mu atas terang kasih-Mu Kurakamkan Berkat-Mu yang berlimpah ini Atas kasih setia-Mu.

Doa: Tuhan, jiwaku haus dan tubuhku rindu akan Engkau. Tanpa secangkir berkat daripada Engkau, aku bagai tanah tandus.

HARI 2

Patah Hati

Renungan-Mazmur 102:1-3

*Tuhan itu dekat kepada orang-orang yang patah hati,
dan Dia menyelamatkan orang-orang yang remuk jiwanya.*

Mazmur 34:19

Membaca cerita mangsa-mangsa tsunami membuat hati kita terkilan dan ingin menghibur hati ratusan ribu mangsa dunia yang diserang ombak ganas. Ismail Salleh berkata, "Sebaik tiba ke rumah ibu bersama anak, saya hanya melihat tapak rumah yang tinggal, ibu hilang walaupun kami berusaha mencarinya di kawasan sekitar." Cerita yang menyayatkan hati ini membuat rakyat lain ingin meringankan penderitaan orang yang sengsara.

Bantuan makanan dan ubatan dihantar kepada mangsa tsunami di Aceh. Rakyat Malaysia dan penduduk dunia ingin sekali menghibur dan menolong mereka yang patah hati. Pelbagai usaha telah dihulurkan kepada mangsa tsunami tanpa menimbangkan agama, bangsa, dan perbatasan politik yang sering memisahkan umat manusia. Rakyat sejagat memang tidak tertahan melihat ibu yang memeluk anak yang tidak bermaya sambil berkabung tanpa bersimpati. Keinginan untuk meringankan kesengsaraan batin ini telah menyentuh hati manusia.

Walau udara di Banda Aceh dan Sri Langka sangat busuk kerana banyak mayat mangsa yang bergelimpangan sudah mereput, air pun tercemar dan tidak selamat diminum, keadaan ini tidak mengecewakan pekerja-pekerja sukarelawan untuk turut mengambil bahagian dalam kesengsaraan mangsa tsunami. Ketika seorang wartawan Amerika melihat tiga anak kecil berpelukan dan mati bersama, dia menangis tersedu-sedu kerana dia sendiri mempunyai tiga anak seperti mereka ini.

Itulah hati manusia. Kita ingin mendekati orang yang patah hati, remuk jiwa dan bingung apalagi Tuhan yang mengasihi manusia. "Tuhan itu dekat kepada orang-orang yang patah hati dan Dia menyelamatkan orang-orang yang remuk jiwaanya." (Mazmur 34:19) Penderitaan dan kesengsaraan umat manusia di dunia ini membawa kita lebih dekat kepada Tuhan dan sesama apabila kita turut mengambil bahagian dalam kesengsaraan dunia. Sewaktu kita saling menolong tanpa mengira ras, agama dan perbatasan politik, itulah kekuatan dan keutuhan manusia sebagai insan ciptaan Tuhan. Hati kita yang terluka terhibur kerana insan di bumi ini pada saat ini tidak memakai bahasa perang tetapi pertolongan yang cemas.

Bantuan, kasih, dan penghiburan manusai sejagat telah banyak meringankan kesengsaraan dan luka kita sewaktu kita berjabatan tangan menghadapi kesengsaraan.

Yang jelas, Tuhan melihat kesengsaraan manusia dan menghitung-hitung airmata setiap insan. "Sengsaraku, Engkaulah yang menghitung-hitung, airmataku Engkau taruh ke dalam kirbat-Mu, bukankah semuanya telah Kaudaftarkan?" (Mazmur 56:9)

Doa: Tuhan Penghibur, kehadiran-Mu sangatlah penting bagi mangsa-mangsa tsunami dan dunia yang terkejut oleh serangan ombak yang ganas.

HARI 3

Marilah

Renungan-Yesaya 55:1-5

Ayo, hai semua orang yang haus, marilah dan minumlah air, dan hai orang yang tidak mempunyai wang, marilah! Terimalah gandum tanpa wang pembeli dan makanlah juga anggur dan susu tanpa bayaran!

Yesaya 55:1

Dalam kehidupan ini, kita sering ditawarkan pelbagai tawaran menarik yang menjanjikan kepuasan dan kesempurnaan: baju yang cantik untuk mengubah imej seseorang, makan angin yang seronok, filem yang dibintangi oleh pelakon terkenal, jualan murah yang memampukan anda memenangi rumah di Bandar Utama. Tawaran ini tidak dapat dinikmati tanpa kita terlebih dahulu menghamburkan wang! Seorang gadis telah menghamburkan \$20,000 untuk memenangi motorsikal yang bernilai \$6,000. Dia kemudian menangis dan melaporkan hal ini dalam suratkhbr. Apa daya? Nasi sudah menjadi bubur, wang sudah bersayap.

Tuhan menawarkan roti dan minuman percuma yang memuaskan jiwa dengan sempurna.

Tuhan bersabda, "Mengapakah kamu belanjakan sesuatu yang bukan roti, dan upah jerih payahmu untuk sesuatu yang tidak mengenyangkan? Dengarlah Aku maka kamu akan memakan yang baik dan kamu akan menikmati sajian yang lazat." (Yesaya 55:2) Pencipta jiwa tahu cara memuaskan jiwa kita yang tidak dapat dipuaskan sumber yang lain. Tuhan Yesus berkata kepada orang yang mengikut-Nya bahawa mereka tidak mencari diri-Nya kerana mukjizat atau tanda-tanda, "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya kamu mencari Aku, bukan kerana kamu telah melihat tanda-tanda, melainkan kerana kamu telah makan roti itu dan kenyang." (Yohanes 6:26)

Roti yang diberikan Tuhan dapat memuaskan kita sehingga kita tidak kelaparan lagi. "Kerana roti daripada Tuhan ialah roti yang turun dari syurga dan yang memberi hidup kepada dunia." (Yohanes 6:33) Yesus berkata kepada mereka, "Akulah roti hidup; barangsiapa datang kepada-Ku, ia tidak akan lapar lagi, dan barangsiapa yang percaya kepada-Ku, ia tidak haus lagi." (Yohanes 6:35)

Roti, makanan, barang-barang yang memuaskan kita secara jasmani dapat dibeli dengan mudah. Untuk memperoleh roti rohani, kita perlukan disiplin untuk mendalami firman Tuhan dan doa dalam kehidupan kita. Bagai anak kecil yang memerlukan kehadiran ibunya dan kata-kata daripada ibunya, kita pun perlukan bisikan Tuhan dalam kehidupan kita. Kita selalu memerlukan kehadiran Tuhan dan roti-Nya yang hidup melalui persekutuan yang intim bersama Tuhan.

Carilah Tuhan dan firman-Nya yang dapat memberi kepuasan kepada jiwa anda.

Doa: Tuhan Penciptaku, berikanlah aku roti dan air hidup yang dapat mengenyangkan aku.

HARI 4

Carilah Tuhan Selama Dia Berkenan

Renungan-Yesaya 55:6-10

Carilah Tuhan selama Dia berkenan ditemui;

berserulah kepada-Mu selama Dia dekat!

Yesaya 55:6

Apakah rahsia mencari Tuhan? Berserulah kepada-Nya selama Dia dekat dan berkenan ditemui. Orang salih yang mengasihi Tuhan memaparkan satu sifat yang unggul, mereka mencari Tuhan. Mereka semua mendirikan mezbah Tuhan dalam kehidupan mereka dan sering berseru kepada Tuhan. Ketika Tuhan menampakkan diri kepada Abram dan berfirman: Aku akan memberikan negeri ini kepada keturunanmu maka didirikannya di situ mezbah bagi Tuhan yang menampakkan diri kepadanya. (Kejadian 12:7-8) Setelah Abram berpindah ke Betel, dia juga mendirikan mezbah di sana. Di mana Abram pergi, dia akan mendirikan mezbah Tuhan.

Yakub juga membuat mezbah bagi Tuhan yang telah menjawab dia sewaktu dia berada dalam kesesakan. Dia berkata kepada keluarganya, "Marilah kita bersiap dan pergi ke Betel; aku akan membuat mezbah di situ bagi Allah, yang telah menjawab aku pada masa kesesakanku dan yang telah menyertai aku di jalan yang kutempuh." (Kejadian 35:3) "Dan kedahsyatan daripada Tuhan meliputi kota-kota sekeliling mereka, sehingga anak-anak Yakub tidak dikejar." (Kejadian 35:5)

Adakah anda membangun mezbah bagi Tuhan untuk diri anda sendiri dan keluarga anda? Apakah anak-anakmu dapat berasa kehangatan ibadah mezbah keluarga anda? Ketika ibu bapa Penginjil terkenal Billy Graham baru berkahwin, mereka mendedikasi penyatuan mereka kepada Tuhan. Pada malam perkahwinan mereka, mereka berdoa dan membaca Alkitab. Sejak itu mezbah keluarga mereka ternyata setiap malam. Api ibadah yang dinyalakan oleh Morrow Graham, ibu Billy Graham, menjadi sumber pengaruh luarbiasa dalam kehidupan anaknya. Setiap hari, dia memandikan Billy Graham semasa kecil, dia akan menceritakan Alkitab dan setiap pagi, dia akan membaca ayat Alkitab daripada kelendarnya.

Terbebankah anda untuk menyalakan mezbah keluarga dan menolong mereka mencari Tuhan selama Dia berkenan dicari? Adakah mezbah Tuhan dan kehadiran-Nya jelas ternyata dalam keluarga anda? Adakah anak-anakmu hanya masuk dan keluar pintu tanpa mengetahui bahawa Tuhan hadir di keluarga anda? Adakah api mezbah anda terpadam dan hanya menyala pada hari minggu di gereja? Nyalakannya dengan segera kerana Dia berkenan memberkati keluarga anda.

Carilah Tuhan dan mezbah Tuhan selalu kerana cara Tuhan berfikir berlainan daripada kita. Arah-Nya jauh lebih tinggi daripada kebijaksanaan kita sendiri. Setinggi syurga daripada bumi, demikianlah cara Tuhan, maka kita mesti selalu mencari Dia.

Doa: Tuhan, aku ingin selalu menyalakan api mezbah hatiku dan berkorbar-korbar mencari Engkau selama Engkau berkenan dicari.

HARI 5

Aku Rindu Akan Tuhan

Renungan-Mazmur 42:1-6

*Seperti rusa yang merindukan sungai berair,
demikianlah jiwaku merindukan Engkau, ya Allah.*

Mazmur 42:2

Pernahkah anda dilandai oleh pelbagai mala rindu? Mereka yang pernah terpisah daripada keluarga, Negara, atau kekasih tentu memahami ertinya rindu. Perasaan rindu boleh mendorong kita menelefon, E-mail, mengirim surat atau kad, dan mungkin SMS. Syarikat SMS begitu kaya kerana pemuda pemudi sering SMS kekasih mereka! Penulis Mazmur rindu akan Tuhan seperti rusa merindukan sungai yang berair. Tanpa perasaan rindu akan Tuhan, seseorang tidak dapat beribadah kepada Tuhan dengan hangat. Ibadah kita boleh diibaratkan seperti cili padi yang tidak pedas samasekali. Kita beribadah tanpa kerinduan dan kehangatan. Mengapakah anda kekurangan kerinduan untuk Tuhan?

Ketika Annie Sherwood Hawks sedang menyapu rumahnya, tiba-tibanya dia menyedari kehadiran Tuhan. Perasaannya cukup terharu lalu dia berjalan ke jendelanya serta berbisik, "Bagaimanakah mungkin seseorang hidup tanpa kehadiran Tuhan pada waktu susah mahupun gembira?" Bagi rusa yang merindukan sungai berair, jiwanya tertusuk rasa rindu akan Tuhan apabila angin sepoi-sepoi menghembus lembut pada mukanya. Perasaan gembira menyelubungi kalbunya ketika melihat matahari bersinaran terang dan burung-burung berkicauan. Dalam keriangannya tersemayam kasih dan rindu akan Tuhan. Sealunan perkataan melintasi fikirannya, "I need Thee every hour" iaitu "Aku perlukan Engkau setiap saat." Dia mengambil secebis surat dan mengarang sebuah lagu kepada Tuhan yang mencurahkan kerinduannya akan Tuhan:

Aku perlukan Engkau setiap saat
Tuhan yang berbelas kasihan
Tiada suara lain selembut bisikan Engkau
Yang membawa damai

Aku perlukan Engkau (2x)
Setiap saat aku perlukan Engkau
O berkatiku, Juruselamat

Aku ke hadirat-Mu

Aku perlukan Engkau setiap saat
Gembira atau susah
Datanglah segera dan tinggal
Atau hidup ini akan sia-sia.

Kehadiran orang istimewa dapat mencerahkan saat sepi dalam kehidupan apalagi kehadiran Tuhan Pencipta kita. Dia tengah-tengah ketandusan dunia ini, bagai rusa yang merindukan air berair, kita juga rindu akan kehadiran Tuhan setiap saat. Bisikan dan penghiburan-Nya yang meyegarkan dapat menguatkan kita pada saat gembira atau susah.

Doa: Tuhan Penyayang, aku perlukan Engkau setiap saat dalam kehidupanku.

HARI 6

Bergaul Dengan Tuhan

Renungan-Kejadian 5:22-24

*Dan Henokh hidup bergaul dengan Allah,
lalu tidak ada lagi, sebab itu telah diangkat oleh Allah.
Kejadian 5:24*

Ayat dalam kejadian 5:24 bagai bintang yang bersinaran cerah. Sekalipun penjelasannya tentang kehidupan Henokh sangat singkat tetapi ia cukup berkesan memberi kesaksian yang baik kepada generasi berikutnya. Terjemahan Bahasa inggeris berkata, "Dan Henokh berjalan dengan Allah, lalu tidak ada lagi, sebab itu telah diangkat oleh Allah." (Kejadian 5:24) Henokh selalu dikenangi sebagai insan yang berjalan bersama-sama Tuhan selama-lamanya.

Sewaktu kita meninggal dunia, apakah yang kita mahu dikenangi oleh orang lain? Ingat, gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama ya.

Mahukah anda dikenangi: "Dan Encik Sam hidup mewah, selalu memakan yang lazat dan memakai yang bermutu?" atau "Encik Salim hidup sebagai kaki botol dan mati katak di longkang?" "Encik Loh hidup sebagai kaki judi lalu terburu oleh lintah buaya. Dia menjual anak isteri dan hilang selama-lamanya?" "Ricky hidup memburu wang yang tidak pernah cukup dan mati berdakapan sekantung duit di depan bank? Nama samarannya Abenezer Scrooge, orang terkedekut yang terkenal."

Sebaliknya, kita mahu, "Cik Ros hidup berkorban bagi negara sehingga titisan darahnya yang terakhir?" atau "Encik Salim hidup berjuang untuk orang miskin dan banyak rumah kebajikan didirikan oleh dia." Tetapi yang terbaik ialah dikenangi sebagai, "Cik Anatasia berjalan bersama dengan Tuhan sehingga dia mati atau diangkat Tuhan." Kita dipanggil untuk berjalan bersama Tuhan seumur kehidupan kita sehingga saat kita menghembuskan nafas terakhir. Pertama, anda tidak mungkin dapat berjalan bersama Tuhan tanpa menjalin persahabatan yang akrab dengan Tuhan. Kedua, kita juga mesti mengingkari kemahuan dan kepentingan sendiri demi berjalan taat kepada Tuhan. Tuhan Yesus berkata sesiapa yang mahu mengikuti Dia, mesti rela memikul salib.

Janganlah berjalan sejenak tanpa kehadiran Tuhan. Kehidupan kita akan menjadi keharuman dan berkat kepada orang lain kalau kita berjalan terus menerus dengan Tuhan.

Doa: Tuhan, aku mahu berjalan dekat dengan-Mu setiap saat kehidupanku sehingga aku menghembuskan nafas terakhir.

HARI 7

Sebarkan Kasih Tuhan

Renungan-Mazmur 92

.... untuk memberitakan kasih setia-Mu pada waktu pagi dan kesetiaan-Mu pada waktu malam...

Mazmur 92:3

Seorang jiran saya yakin bahawa pil-pil spirulina dapat memberi kita kekuatan ajaib. Sewaktu saya sakit selesema, dia memberi saya sebotol air dan berpuluhan pil-pil spirulina agar saya dapat cepat sembuh! Dia menasihati saya banyak minum air dan menelan pil-pil vitamin C. Sebenarnya, saya selalu mengambil Vitamin C dan Omega 3 untuk memperkukuh daya tahanan namun saya sungguh menghargai usahanya untuk menguatkan saya.

Setiap anak Kristian memerlukan kekuatan daripada Tuhan setiap hari. Sebutkan kasih Tuhan dan kesetiaan-Nya setiap pagi agar anda memperoleh kekuatan luarbiasa untuk menempuh hari yang baru. Beritahulah diri sendiri dan orang-orang di sekeliling anda bahawa kita mempunyai seorang Bapa syurgawi yang begitu mengasihi kita. Kasih setia-Nya dapat menolong kita menempuh segala yang baik dan yang buruk. Pada waktu petang atau malam, renungi kesetiaan Tuhan dan hitungkan kebaikan-Nya buat dirimu.

Benarkah anda tidak pernah menikmati setia-Nya pada waktu pagi dan malam? Biarlah saya memberi anda suatu hal yang boleh menolong anda menyebut kasih setia-Nya. Bangun awal dan bersyukur atas keindahan terbitan matahari yang mewarnai langit, dan pada waktu petang sebutkan kasih setia-Nya ketika matahari terbenam. Sewaktu anda memercik air hening pada muka anda, bersyukurlah atas air yang diberi-Nya setiap hari. Ajarlah anakmu memuji Tuhan dengan memberi ucapan syukur atas berkat harian seperti air dan matahari serta perlindungan-Nya.

Thomas Chisom yang dilahirkan di Franklin, Kentucky selalu menyanyi akan kasih setia Tuhan dalam kehidupan hariannya. Beliau berkata, "Pendapatan saya tidak pernah besar kerana kesihatan saya terjejas sejak saya muda hingga kini tetapi saya tidak pernah gagal mencatatkan kasih setia-Nya yang mencukupi saya secara ajaib. Tuhan telah menunjukkan banyak keajaiban sewaktu mencukupi keperluanku dan telah memenuhi kalbuku dengan perasaan syukur."

Apakah yang dikatakan Chisom lagi?

Thomas Chisom berkata, "Besar setia-Mu, Allah Bapaku, tiada kekurangan dan tidak berubah, sempurna dan tetap selamanya. Besar setia-Mu, besar setia-Mu, tiap pagi Nampak rahmat baru, segala keperluan telah Engkau sediakan, besar setia-Mu kepadaku. Matahari serta bintang dan bulan, menyaksikan kesetiaan Tuhan, musim menuai menyaksikan kasih setia-Mu.

Pengampunan dosa yang memberi damai,
Kehadiran Tuhan yang menghibur,
Kekuatan dan pengharapan tiap hari,
Berkat yang berkelimpahan, kualami."

Doa: Aku mahu selalu menyebarkan kasih setia-Mu kepada keluargaku dan teman-temanku.

HARI 8

Marilah yang Berbeban Berat

Renungan-matius 11:25-30

Marilah kepada-Mu, semua yang menjadi letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu.

Matius 11:28

Anak-anak kecil Malaysia memikul beg yang bagai batu besar ke sekolah. "Cikgu saya berkata semua buku ini diperlukan dan harus dibawa ke sekolah. Jadi saya mesti membawa beg yang besar ini ke sekolah," kata seorang anak. "Aduh! Bagaimana kamu menaiki tangga dengan beg yang begini berat?" kata saya. "Entahlah tetapi saya Mr. Incredible," jawab anak-anak kecil. Bayangkan anak-anak ini memikul beg berat ini sewaktu menaiki tangga hingga ke tingkat tiga. Sewaktu saya bersekolah di Sekolah Convent, saya selalu membawa buku menurut jadual pelajaran yang disediakan oleh guru. Dengan beg yang ringan, saya mengayuh basikal dengan gembira ke sekolah. Sekalipun, saya berada di sekolah menengah, beg rotan saya ringan walaupun tersimpan sebotol air dan sekotak mee hitam.

Syukurlah Tuhan tidak memanggil kita memikul semua beban untuk setahun atau sebulan. Seandainya Tuhan menyuruh kita menanggung beban sebulan atau setahun, kita pasti tersungkur di berat keberatan-Nya dan tak tertahan rembesan airmata. Bayangkan, kita akan menjadi seperti kanak-kanak Malaysia yang begitu lelah dan terpaksa menghadapi cabaran harian serta memikul beban setahun! Beban hidup ini pelbagai jenis, kita perlukan belas kasihan Tuhan dan kekuatan-Nya untuk merempuh setiap hari.

Adakah anda kadangkala mengeluh sikap isteri atau suami yang tidak pernah berubah? Serahkan beban anda kepada Tuhan kerana Dia tidak mahu anda memikul beban yang berat. Seringkah anda menitis airmata kerana anak-anakmu degil dan tidak menurut nasihatmu. Jangan memikul beban itu kerana Tuhan bersabda, "Marilah yang berbeban berat...." Berdoalah agar Tuhan memberi anda kelegaan dan memberkati anak-anakmu. Bayangkan, bagaimana kita dapat berjalan dengan baik jika ada sebiji batu besar terikat pada bahu atau leher kita sewaktu berjalan. Beban berat ini boleh menjadi batu sandungan dan ikatan yang menghalangi pertumbuhan iman dalam kehidupan kita.

Saya masih teringat sewaktu Tuhan membimbing saya ke Indonesia untuk belajar. Pada waktu itu saya hanya mempunyai \$20 ringgit untuk menempah tiket pesawat dan membiayai yuran persekolahan. Saya melepaskan beban saya kepada Tuhan. Seminggu sebelum saya berangkat, Tuhan telah mencukupi lebih daripada saya perlukan bahkan pada waktu saya mahu pulang dari Indonesia, saya boleh dikatakan mahasiswa yang paling kaya! Saya memiliki buku-buku teologi, gitar dan buku-buku cerita Indonesia yang saya sukai!

Doa Joseph Bayly boleh dijadikan doa kita:

Tuhan Yesus
Hamba Engkau
Martin Luther
Berkata dia hanya ada dua hari
Di kalendarnya
"hari ini" dan
"hari itu" (Hari kedatangan Tuhan)
Saya juga ingin begitu
Hidup untuk hari ini
Dan hari itu sahaja

HARI 9

Di manakah Engkau Tuhan?

Renungan-Matius 27:32-50

Kira-kira jam tiga berserulah Yesus dengan suara yang nyaring:

"Eli, Eli, lama sabakhtani?" Ertinya: Allah-Ku, Allah-Ku,

mengapa Engkau meninggalkan Aku?"

Matius 27:46

"Tuhan, mengapa Engkau meninggalkan kami," ialah seruan umat manusia apabila 226,000 orang dipermukaan Asia terbunuh akibat terserang ombak tsunami yang bergulung-gulung tinggi bagai ribuan harimau ganas. Setiap kematian mangsa, tentu ada cerita yang menyayatkan hati: seorang anak

ditinggalkan tanpa ibubapa, seorang suami kehilangan isteri, seorang kakak melihat adiknya terbawa ombak dan seorang anak menemui ibunya di bawah timbunan kayu yang berlumpur. Kita dapat menyelami perasaan seorang suami yang mencari-cari isteri yang berada di kategori orang terhilang. Pengharapannya semakin menipis dengan edaran waktu dan yang pasti isteri sudah terbawa entah ke mana.

Siapakah yang tidak akan berseru, "Tuhan, mengapa Engkau meninggalkan kami." Siapakah yang tidak akan berseru dengan kepahitan ketika melihat anggota demi anggota yang berpautan pada pokok terlalu lemah lalu lemas dan tenggelam.

Saya tidak ingin berpura-pura bahawa saya mempunyai semua jawapan. Yang saya tahu ialah Tuhan Yesus pernah berseru, "Allah-Ku, Allah-Ku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?" Aku juga berseru dengan pedih sewaktu menerima berita tragedy ini. Tuhan Yesus dapat menyelami perasaan manusia yang menderita tragedy ini kerana Dia sendiri pernah menderita di kayu salib akibat dosa manusia. Pada saat kegelapan, sewaktu mati di kayu salib, dia berseru, "Allah-Ku, Allah-Ku, Allah-Ku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?"

Penderitaan, kematian, penyakit dan bencana tidak dapat dielakkan oleh manusia di permukaan bumi namun kita boleh mendekati takhta Tuhan dan menerima belas kasihan-Nya kerana Dia pernah menderita sehingga mencucuri darah-Nya. Biarlah kita mendapat penghiburan dan belas kasihan daripada-Nya yang pernah mengalami perasaan pahit.

Doa: Tuhan Penyayang, curahkan belas kasihan-Mu kepada umat-Mu yang menderita di permukaan bumi.

HARI 10

Visi Takhta Tuhan

Renungan-Yesaya 6:3-8, Ibrani 12:27, Wahyu 4:8

*Dan mereka berseru seorang kepada seorang,
katanya: "Kudus, kudus, kuduslah Tuhan semesta
alam, seluruh bumi penuh kemuliaan-Nya!"
Yesaya 6:3*

Yesaya nampak takhta Tuhan yang suci dan hidupnya tidak sama lagi, "Suci, suci, suci," malaikat berseru di takhta Tuhan yang dahsyat. Kesucian Tuhan bagai api yang membakar segala dosanya dan pertemuan Yesaya dengan Tuhan telah mengubah kehidupannya sebelum dia diutus sebagai seorang nabi. Mata rohani Yesaya sudah tercelik dan dengan segera dia menyedari akan keberadaannya yang kotor. Dia menyebut, "Celakalah aku! Aku binasa." Yesaya menyedari bibirnya kotor kerana dia tinggal di kalangan orang yang kotor bibir mereka. Dengan segera, malaikat Tuhan menyucikan mulutnya yang berdosa itu. Malaikat membawa tong api dan membakar mulutnya sehingga dia tahu bahawa dia telah disucikan dan tidak sama lagi.

Pertemuan kita dengan Tuhan setiap hari harus mengubah kehidupan kita. Kita akan berasa segala kekurangan kita di hadirat-Nya yang suci. Pertemuan peribadi dengan Tuhan menyebabkan kita berseru, "Celakalah aku! Aku binasa! Aku insan berdosa! Ampunilah aku!" Hanya hati yang hancur luluh kerana kekesalan akan dosa memperbolehkan Roh Kudus segera mengerjakan pembaharuan dalam kehidupan.

Kesucian Tuhan yang kita alami harus menyebabkan kita sangat peka akan dosa. Hidup yang disucikan oleh Tuhan bagai engin yang bersih dan siap diutus oleh Tuhan ke tengah-tengah orang yang berdosa. Yesaya yang disucikan siap diutus kepada orang yang kebal dalam dosa.

Pertemuan peribadi John Newton dengan Tuhan telah mengubah kehidupannya yang merosot akibat dosa menjadi seorang yang berkobar-kobar demi kerajaan Tuhan.

John Newton seorang kelasi yang jahat telah tersentuh anugerah dan kesucian Tuhan sehingga dia melihat keberadaannya yang berdosa. Dia telah meninggalkan bangku sekolah sejak sebelas tahun untuk merempuh kehidupan pelaut yang penuh dengan cabaran. Kejahatannya telah menyebabkan dia

menangkap orang Afrika dari Barat dan menjual mereka sebagai hamba. Pada suatu hari, badai liar telah menakutkan dia sehingga dia sedar akan kehadiran Tuhan. Tambahan juga, dia tersentuh oleh buku, "Imitation of Christ" sehingga dia bertaubat dan menjadi seorang pendeta Anglikan yang suci. Anugerah Tuhan telah mencelikkan matanya untuk melihat kekudusan Tuhan sehingga dia menjadi pastor.

Dua hal yang disebut-sebutnya sepanjang hayat hidupnya ialah, "Saya seorang pendosa besar" dan "Tuhan Yesus Juruselamat yang hebat!" Pada waktu dia berumur 90 tahun, dia hanya berkhutbah dua kalimat ini sebagai khutbahnya yang terakhir. Visi kesucian Tuhan telah menyedari dirinya akan anugerah Tuhan yang begitu besar.

Doa: Biarlah visi takhta-Mu dan kesucian-Mu ubahkan segenap hidupku sehingga aku memancarkan kesucian Engkau.

HARI 11

Pencubaan

Renungan-Matius 6:7-13

"dan janganlah membawa kami ke dalam pencubaan tetapi lepaskanlah kami daripada yang jahat."

Matius 6:13

Ketika murid-murid Tuhan Yesus meminta agar Dia mengajar mereka untuk berdoa, Yesus memberi contoh doa yang begitu mudah difahami:

Berikanlah kami pada hari ini makanan kami yang secukupnya
Ampunilah kami akan kesalahan kami seperti kami mengampuni orang lain
Janganlah membawa kami ke dalam pencubaan tetapi lepaskan kami daripada yang jahat.

Saya pernah membawa sebuah cerita yang dituliskan oleh Mark Twain tentang kota Hadleyburg yang berprinsip teguh iaitu, "Janganlah membawa kami ke dalam pencubaan." Kota ini terkenal dengan kesuciannya dan kononnya kejujurannya. Pada suatu hari, kota ini menerima surat daripada seorang asing yang ingin membalas hutang budi kepada salah seorang warga kota yang tinggal di sana. Demikianlah alunan suratnya:-

Kepada penduduk Kota Hadleyburg,

Saya seorang asing yang sedang dalam perjalanan pulang ke kampung saya. Hati nuraniku tidak tenang sekiranya aku tidak bersinggah untuk membalas hutang budi seorang penduduk ini. Dulu, saya seorang kaki judi yang tiba ke bandar anda dengan perut yang berkeroncongan dan dompet yang kering kontang kerana kalah berjudi. Saya mengemis tetapi semua penduduk sangat kedekut namun seorang yang baik hati telah memberi saya \$20. Dengan dua puluh ringgit ini, saya membeli semangkuk Curry Laksa Sarawak dan sisa wangnya telah menjadikan saya jutawan! Saya bertaruh sisa wang saya di meja judi Genting dan menang bertubi-tubi sepanjang malam itu. Sejak malam itu, saya sudah bersara.

Hati saya berasa berat kalau saya tidak menghadahi orang yang murah hati itu dengan seguni duit. Dia boleh menggunakan duit itu dengan apa jua caranya. Entahlah dia mahu memberi kepada orang lain, membakarnya atau membuang ke longkang, tak kisah! Pokoknya, dia mesti menerima hadiahnya. Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti; hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mata...

Tentu saudara tahu apa yang terjadi kepada kota ini. Semua orang mahu seguni duit ini sehingga terjadi pelbagai kejahatan seperti pembohongan, pergaduhan bahkan pembunuhan. Bak kata orang, "Di mana semut mati kalau tidak dalam gula." Akhirnya prinsip kota Hadleyburg berubah menjadi, "Bawalah kami ke dalam pencubaan."

Berhati-hati kalau anda berfikir bahawa anda boleh menentang pencubaan dengan mengandalkan kuasa sendiri. Hanya rahmat dan kekuatan Tuhan dapat mengalahkan kuasa pencubaan. "...marilah kita menyucikan diri kita daripada semua pencemaran jasmani dan rohani, dan dengan demikian menyempurnakan kekudusan kita dalam takut akan Allah." (2 Korintus 7:1)

Doa: Kuatkanlah aku selalu khususnya ketika akan terpaksa menghadapi pelbagai pencubaan, ya Tuhan.

HARI 12

Jangan Disebat Lagi

Renungan-Yesaya 53:3-12

*Tetapi Dia tertikam oleh kerana pemberontakan kita,
Dia diremukkan oleh kerana kejahatan kita; ganjaran yang
mendatangkan keselamatan bagi kita ditimpakan kepada-Nya,
dan oleh bilur-bilur-Nya kita menjadi sembuh.
Yesaya 53:5*

"Bukan main sakitnya... sebatan itu bukan dengan rotan biasa tetapi rotan yang dapat meninggalkan lubang yang mendalam sehingga sepuntung rokok boleh dimasuki," jelas Encik Sham. "Kalau seseorang banduan menerima 20 rotan, bagaimanakah dia boleh bertahan?" tanya saya sambil membayangkan kesakitan orang itu. "Orang itu tidak akan disebat sekaligus. Sebatan ini dibahagikan beberapa kali kerana orang itu tidak dapat bertahan," jawab Encik Sham. Encik Sham sedang bersembang dengan adik saya dan saya mengenai keadaan ngeri yang terjadi di Malaysia. Penjenayah merogol dan membunuh akan disebat atas dosanya.

Anak kecil yang berumur 11 tahun, Nurul Huda, pun dirogol and dibunuh. Betapa banyak wanita dan anak kecil sudah menjadi mangsa kerogolan dan pembunuhan di Malaysia! Setiap kali hal ini berlaku, kita panas baran dan cemas. "Apa? Apa sudah terjadi kepada masyarakat Malaysia? Mengapa kekejaman dosa yang berat semakin melambung tinggi? Bukankah masyarakat kita terkenal dengan kebudayaan yang mementingkan keakraban dan kesatuan seperti gotong royong. Bukankah kita terkenal seperti, "Aur dengan tebing" kenapa sekarang, "Harapkan pagar, pagar makan padi?" Sedih! Sakitnya melihat tubuh seorang anak kecil atau wanita muda yang terlantar tidak bermaya di tandas atau di paya dengan calar dan luka.

Tuhan Yesus telah disebat dan disalibkan kerana dosa manusia. Sebatan yang diterima-Nya telah merobek daging-Nya yang sepatutnya menjadi bahagian kita, manusia yang berdosa. Pada zaman dahulu, kematian di kayu salib sebenarnya untuk penjahat tetapi Tuhan Yesus yang tidak berdosa telah menanggung dosa kita di kayu salib. Kitab Suci bersabda bahawa Dia disebat dan ganjaran dosa kita dijatuhkan pada-Nya agar kita sembuh. Dia disebat agar kita tidak perlu disebat lagi. Darah-Nya menebus dosa dan menghapuskan nereka! Sebatan yang dikenakan pada-Nya memang merokek daging-Nya kerana dosa kita. Sebenarnya, kita memang layak menerima sebatan. "Dia dihina and dihindari orang, seorang yang penuh dan kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan. Ia sangat dihina, sehingga orang menutup muka terhadap Dia..." (Yesaya 53"3)

Hai, pendosa-pendosa, janganlah berdosa lagi terhadap sesama manusia. Tuhan telah disebat kerana ganjaran dosa kita dan kita perlu bertaubat. Jangan disebat lagi. Jangan lagi berdosa kerana upah dosa ialah maut. Setelah maut, datanglah pula neraka yang membinasa kita selama-lamanya. Kasih karunia dan anugerah Tuhan menyebabkan Dia disebat dan dipaku agar orang yang terkeji seperti kita dapat diselamatkan dan memperoleh kehidupan kekal.

"Berbahagialah orang yang diampuni pelanggaran-pelanggarannya dan yang ditutupi dosa-dosanya, berbahagialah manusia yang kesalahannya tidak diperhitungkan Tuhan kepadanya." (Roma 4:7-8)

Jangan disebat lagi! Dia sudah disebatkan kerana dosa kita.

Doa: Tuhan, Engkau telah menerima sebatan yang begitu sakit demi dosa kita, tolonglah kami bertaubat supaya kami tidak berdosa dan menerima sebatan dosa yang ngeri!

HARI 13

Tanggalkan Jubah Anda

Renungan-Lukas 18:9-14

*Jadi siapa yang ada di dalam Kristus,
ia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu,
sesungguhnya yang baru sudah datang.
2 Korintus 5:17*

"Ajaib! Apakah yang sedang bergerak in?" saya berseru ketika melihat binatang kecil yang sedang bergerak. Sungguh aneh, binatang itu terhias rerumput, kerang dan bebatu. Segera saya menangkap binatang itu dan memerhatikan rupanya dengan lebih dekat. "Oh, rupanya cik ketam yang berpakaian jubah indah!" Saya segera memahami ketam itu cuba memalsukan diri kerana takut akan serangan musuh. "Ya, di hutan Tropika juga banyak seranga pura-pura mengambil rupa bunga atau kayu kerana takut diserang musuh. "Nampaknya engkau seperti belalang jambu merah yang suka berpura-pura seperti bunga merah jambu ya," kata saya seraya ketawa kecil.

Manusia juga bersikap seperti ketam yang seringkali memalsukan diri dengan identiti yang palsu. Carl Jung seorang pakar psikologi berkata topeng yang dipakai oleh manusia itu dipanggil 'persona.' Topeng ini dipakai untuk menyembunyikan diri kita yang sebenar. Benarkah kita sering memalsukan identiti kita yang sebenar? Kita takut diri kita yang berdosa ini diketahui oleh orang lain. Amboi, kita boleh membayangkan bahan-bahan yang kita pakai untuk menghiasi jubah rohani kita. Bahasa rohani yang tercurah daripada mulut orang Kristian bukanlah bukti kerohanian orang itu. Doa yang panjang lebar atau Bahasa lidah yang tidak terputus-putus tidak semestinya mengalir daripada air kerohanian yang dalam. Seseorang orang sekedar menanam tebu di bibir sahaja tetapi hati mereka jauh daripada Tuhan.

Untuk memulakan kehidupan rohani yang baru, kita perlu tanggalkan segala jubah palsu dan identiti tersembunyi di hadirat Tuhan. Pernah dua orang pergi ke bait suci untuk berdoa, seorang pemugut cukai dan seorang Farisi. Orang Farisi itu begitu bangga dengan diri sendiri di hadirat Tuhan. Dia memuji diri kerana berdoa banyak kali serta menderma kepada orang yang miskin. Si pemugut cukai mengakui dirinya seorang yang berdosa dan memerlukan Tuhan. Orang Farisi yang memakai topeng itu tidak diterima oleh Tuhan tetapi pemugut cukai yang jujur diterima oleh Tuhan! Tanggalkan jubah palsu anda yang kotor itu dan berdiri jujur sahaja di hadirat Tuhan. Tuhan akan mengenakan yang baru dalam kehidupan anda sehingga anda menjadi ciptaan baru.

Jubah yang berdosa mesti ditanggalkan dan pertaubatan yang sungguh-sungguh akan mendatangkan sifat yang baru.

Doa: Aku tanggalkan jubahku yang kotor dan palsu untuk memeluk Engkau Yesus, Tuhanku.

HARI 14

Segala Terang Di Lembah Dosa

Renungan-Roma 13;13-14, 2 Timotius 3:14-17; 2 Timotius 2:22,23

*Sebab itu marilah kita menanggalkan perbuatan-perbuatan
kegelapan dan mengenakan perlengkapan senjata terang!
Rom 13:12*

"Marilah kita hidup dengan sopan, seperti pada siang hari, jangan dalam pesta pora dan kemabukan, jangan dalam percabulan dan hawa nafsu, jangan dalam perselisihan dan iri hati. Tetapi kenakanlah Tuhan Yesus Kristian sebagai perlengkapan senjata terang dan janganlah merawat tubuhmu untuk memuaskan keinginannya." (Rom 13:13-14)

Begitu banyak orang dalam masyarakat kita terjerumus dalam lembah dosa yang begitu jijik dan ngeri. Setiap hari dosa semakin berleluasa di Malaysia yang sebelum ini tidak pernah kita dengar. Kes-kes rogol, pembunuhan kejam, pembakaran tubuh, menakutkan masyarakat Malaysia. Ibu-ibu bimbang akan keselamatan anak perempuan mereka kerana keganasan social semakin memuncak dan dosa terhadap wanita semakin meningkat.

Semakin membaca pembunuhan Canny Ong yang menggemparkan seluruh negara, saya berasa sungguh sedih dengan keadaan dosa yang semakin tidak terkawal. Ketika hari pengembumiannya, saya berasa seakan-akan diselubung oleh awan dosa yang gelap dan tebal di lembah kejahatan. Seorang gadis muda yang baru mendirikan rumahtangga telah diperkosa, dibunuh lalu dibakar di sebuah lubang. Suaminya berkabung sewaktu menghadiri upacara pengembumiannya. Dia membawa sebiji jambu batu iaitu buah kesukaan isterinya sewaktu berpisah dengannya di pengebumian itu.

Sebagai orang Kristian, kita dinasihati untuk melepasi diri dengan perlengkapan senjata terang dan jangan merawat tubuh dengan segala hawa nafsu. Pemuda-pemudi yang berseru kepada Tuhan dengan hati yang murni mesti menjauhi diri dari hawa nafsu orang muda. Jalan nafsu sungguh licin kerana kalau kita tersilap selangkah, kita akan terluncur ke dalam lembah kegelapan. Kalau kita mulai merawat hawa nafsu tubuh kita maka kita susah menghentikan kejahatan. Kalau tabiat merawat hawa nafsu sudah dimulai, lama kelamaan memerangnya bagi berdayung melawan arus di air terjun Niagara yang deras. Kalau kita sudah memulakan tabiat menonton filem lucah maka dalam sekelip mata, kita mungkin akan menjadi pelakornya. Akhirnya, kita akan terkejut kerana meringkuk di penjara dengan penyesalan yang sudah terlambat kerana membuat nista. Apalagi, kalau dijatuhkan hukuman mati dan bayangkan betapa sedih dan malu keluarga kita.

Rasul Paulus menasihati Timotius agar menjauhi nafsu orang muda. Ramai pemuda-pemudi yang mengejar penghiburan yang mencabar mungkin akan terbawa arus kejahatan yang mengerikan kehidupan mereka.

Hanya pemuda-pemudi yang mencintai Tuhan dan berhati murni dapat mengalami kekudusan Tuhan. Marilah kita mengenakan senjata terang yang dapat membawa perubahan yang besar di Malaysia.

Doa: Tuhan, tolonglah kami melengkapi diri dengan senjata terang di tengah-tengah lembah kegelapan.

HARI 15

Pembunuhan

Renungan-Kejadian 4:1-16

...Ketika mereka ada di padang, tiba-tiba Kain memukul Habel, adiknya itu, lalu membunuh dia. Kejadian 4:8

Di Malaysia terdapat sejenis jenayah dosa ngeri iaitu membunuh lalu membakar mangsa sehingga wajahnya tidak dapat dicamkan. Pembunuhan dan masalah pembunuhan cukup membimbangkan masyarakat kita. "Seorang lagi dibunuh dengan begitu kejam," kata saya dengan hati yang berat. Pembunuhan terjadi kerana kedengkian, hawa nafsu, kecemburuan, kehampaan, pembalasan dendam, dan kemarahan.

Alkitab merekodkan pembunuhan pertama yang terjadi kerana kecemburuan.

Tuhan bersabda kepada Kain atas kemarahannya, "Mengapa hatimu panas dan mukamu muram? Apakah mukamu tidak berseri, jika engkau berbuat baik? Tetapi jika engkau tidak berbuat baik, dosa sudah mengintip di depan pintu; ia sangat menggoda engkau." (Kejadian 4:6) Kain telah berasa begitu cemburu kerana Habel telah membawa persembahan yang lebih baik dan berkenan kepada Tuhan. Hatinya tergoda

membunuh Habel kerana perasaan panas baran. Pembunuhan, dosa yang ngeri bukan hanya peristiwa sekejap sahaja sebaliknya si pembunuh akan dihantui perasaan bersalah seumur hidupnya.

Pembunuh akan selalu diselubungi perasaan ngeri dan bersalah kerana darah mangsanya selalu berteriak kepada Tuhan dari tanah. Tuhan berkata kepada Kain, "Apakah yang telah kauperbuat ini? Darah adikmu itu berteriak kepadaKu dari tanah." (Kejadian 4:10). Pembunuh selalu berasa takut, cemas dan waswas. Dia meremang ketika melihat bayangan sendiri. Bunyi jejak langkah orang lain selalu menyebabkan dia melangkah seribu. Dia menjadi orang pelarian sekalipun berada di Negara sendiri. Setitis air yang jatuh ke atas kepada si pembunuh boleh mengejutkan dia. Hembusan angin pun bagai suara mangsa yang menderu di angin. Suara mangsa yang berteriak selalu menghantui pembunuhnya.

Sewaktu tertangkap, si pembunuh terpaksa menghadapi cemuan ramai dan kamera wartawan yang datang bertubi-tubi. Nama keluarganya pun tercemar. Saat menghembus nafas terakhir, si pembunuh berasa lebih dekat dengan neraka daripada syurga. Bertaubatlah pada saat ini dan jangan biarkan sebarang dosa mengetuk di depan pintu kita. Jangan biarkan hawa nafsu mahupun kecemburuan menggoda hati sehingga pembunuhan terjadi!

Doa: Ya Tuhan, kasihanilah masyarakat kami yang semakin hari semakin terjatuh ke dalam dosa pembunuhan. Insafilah mereka yang mungkin terlibat dalam dosa yang keji ini agar bertaubat.

HARI 16

Aku Mengutus Malaikat Di Depanmu

Renungan-Keluaran 23:20-33

Sesungguhnya Aku mengutus seorang malaikat berjalan di depanmu, untuk melindungi engkau di jalan dan untuk membawa engkau ke tempat yang telah Kusediakan
Keluaran 23:20

Tuhan berjanji kepada umat-Nya bahawa Dia akan membimbing mereka ke tanah perjanjian mereka. Sesungguhnya Dia mengutus malaikat berjalan di depan mereka untuk melindungi mereka sepanjang jalan. Janji Tuhan memang setia. Dia hadir di tengah-tengah umat Tuhan melalui tiang api dan membka lautan merah ketika mereka diburu oleh askar-askar Firaun. Mereka tidak pernah dibiarkan kelaparan bahkan manna dan burung puyuh diberikan kepada mereka. Segala seluk beluk kehidupan harian pun dinyatakan oleh Tuhan melalui Musa kepada umat Tuhan. Ini jelas tertulis dalam sepuluh hukum.

Saudara menuju ke tempat baru? Mungkin anda melangkah ke masa depan yang tidak menentu. Percayalah Tuhan akan mengutus seorang malaikat berjalan di depanmu serta membawa engkau ke tempat yang baru. Anda telah ditugaskan untuk mengambil alih pekerjaan baru yang berat? Anda mungkin berasa takut dan ragu-ragu. Percayalah kebaikan pimpinan Tuhan. Anda tidak tahu cara mendalami kehidupan rohani? Tuhan akan menuntun anda melalui firman Tuhan dan hamba Tuhan yang ditugaskan memberitakan kehendak-Nya. Anda perlu mendengar dengan baik serta mengikuti jejak-Nya dengan rapat.

Seringkali apabila saya terpaksa pergi ke tempat yang baru, saya berasa sungguh takut. Perasaan memang celaru khususnya ke negara asing buat pertama kali. Saya masih teringat pertama kali saya terpaksa ke Sekolah Alkitab di Malang, Indonesia, saya pergi bersendirian. Perasaan ngeri meliputi kalbuku tetapi sewaktu di kapalterbang, saya bertemu dengan dua orang Kristian. Mereka anggota gereja yang akan saya pergi, saya pun dihantar sampai ke halaman pintu bahkan kaca mata hitam yang tertinggal di keretanya pun dikembalikan.

Sewaktu saya harus pergi ke United Kingdom untuk persidangan, perasaan ngeri menghantui saya. Walaupun saya sudah diberikan peta yang lengkap dengan penjelasan, saya masih berasa takut. Saya terpaksa berdikari dan mencari jalan mengikut peta itu. Sewaktu saya turun daripada 'bullet train' dua perempuan tua yang belum saya nampak mengambil beg saya dan menolong saya mencari tempat itu.

Sebelum mereka meninggalkan saya, mereka mengucup pipi saya dan membeli air untuk saya. Mereka bukan wakil persidangan itu tetapi orang asing yang saya tidak kenal. Tuhan telah mengutus malaikat yang manis itu.

Kini, saya tidak tahu apa yang akan terjadi kepada saya dan masa depan saya. Saya hanya melangkah dengan Tuhan dengan jaminan bahawa Dia berjalan di depan saya.

Doa: Tuhan Yesus terang hidup kita
Nahkoda yang setia
Kami menyerahkan setiap langkah baru kepada-Mu
Aku percaya Engkau berjalan di depanku dengan setia.

HARI 17

Tinggal Dalam Ketenangan-Nya

Renungan-Yesaya 30:15-17

*Sebab beginilah firman Tuhan Yang Mahakudus, Allah Israel:
Dengan bertaubat dan tinggal diam kamu akan diselamatkan,
dalam tinggal tenang dan percaya terletak kekuatanmu.
Yesaya 30:15*

Martin Luther, Bapa Protestan, berkata apabila pekerjaannya bertumpuk, justru dia memerlukan 3 jam doa. Tiga jam berdoa memberi dia ketenangan dan kekuatan luarbiasa untuk menghadapi kesibukan seharian. Dia mengalami ketegangan dan tidak dapat berakal kancil jika dia tidak berdoa sewaktu sibuk dan kerja bertumpuk-tumpuk.

Bagaimanakah anak Tuhan mencari ketenangan dalam jiwa? Perlukah kita menaiki ke puncak gunung? Adakah dengan berehat di hotel yang cantik membolehkan kita mengecapi ketenangan luarbiasa?

Anak Tuhan yang tahu berdiam diri di hadirat Tuhan akan mengalami ketenangan-Nya dan memperoleh kekuatan yang luarbiasa. Ketegangan ini datang daripada Tuhan Penghibur dan Penyayang, sumber damai kita. Damai yang diberikan oleh Tuhan tidak dapat diberikan oleh sumber yang lain.

Joseph Medcott Scriven yang telah dilahirkan di Utara Ireland pada tahun 1819, anak kedua seorang Nakhoda Angkatan Laut Marines, ingin mengikuti jejak langkah bapanya dalam kerjaya ketenteraan. Namun, dia terlalu lemah dan sering jatuh sakit. Kesedihan sering menimpa kehidupannya bagai dayung patah kolek hanyut. Ketika dia hamper menikah dengan seorang gadis sekampungnya, malangnya, gadis itu terjatuh ke sungai ketika menunggang kuda dan mati lemas. Pendidikannya di Kolej Trinity memberi kesempatan untuk mengajar tetapi hatinya selalu terpaut pada pelayanan Tuhan. Dia sering berkhotbah di sebuah gereja dan memberi perkhidmatannya kepada orang miskin. Kekasih barunya juga meninggal dunia pada tahun 1857. Ibunya berasa sedih atas kematian kekasihnya kerana dia juga akrab dengan kekasih Scriven. Sebelum Scriven meninggalkan dunia pada tahun 1886, temannya menemui secebis kertas yang tercurah isi hati Scriven. "Doa tanpa berhenti," itu judul karangannya yang kemudian dijadikan lagu "What a Friend we have in Jesus" iaitu "Yesus Sahabat yang setia."

Adakah awak lemah dan terbeban
Naikkan doa kepada-Nya
Adakah sahabat handai awak tidak setia
Naikkan doa kepada-Nya
Dalam pelukan-Nya
Dia akan melindungi awak
Naikkan doa kepada-Nya.

Doa: Yesus sahabatku yang setia, semua dosa dan beban ditanggung-Mu, damai yang sering kami kehilangan, kepedihan kami rasai kerana tidak tinggal diam dalam ketenangan-Nya, aku bawakan segala beban kepada-Mu.

HARI 18

Begitu Besar Kasih Allah

Renungan-Yohanes 3:16

Dari jauh Tuhan menampakkan diri kepadanya:

*"Aku mengasihi engkau dengan kasih yang kekal,
sebab itu Aku melanjutkan kasih setiaKu kepadamu."*

Yeremia 31:3

Bagaimanakah perasaan anda pada saat ini? Pernah saya terdengar seseorang bersungut-sungut bahawa dia beras seakan-akan dia seorang asing yang hidup sebatang kara di kota ini. Suasana di Kuala Lumpur dingin sekalipun cuacanya sungguh panas. Berapakah orang di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya mengenal jiran mereka? Seseorang rasa kurang berharga kerana tidak ada kekasih dan anggota keluarga yang terdekat di sisi mereka. Suasana di sini cukup berlainan daripada kampung halaman di mana kita bergaulan akrab.

Yeremia menyedari kasih Tuhan dan dia selalu terjamin dalam jiwanya. Katalah kepada dirimu sendiri, "Begitu besarnya kasih Tuhan terhadap aku walaupun aku merantau ke kota dan berjauhan daripada keluarga demi menggali periuk nasiku." Kasih Tuhan akan membawa makna yang baru dalam kehidupan anda sekalipun anda sebatang kara. Anda memerlukan kasih Tuhan yang dicurah tidak berhenti-henti dalam kehidupan anda jika anda mengalami kedinginan.

Satu pengkajian makmal telah dilakukan atas dua bayi untuk melihat akibat bayi yang tidak dikasihi. Seorang bayi didukung, dicium, dibelai, dan diberi susu dan seorang lagi diberi susu tanpa belaian kasih saying. Bayi yang tidak mengalami kasih saying itu meninggal dunia walaupun disusui secukupnya. Kehangatan kasih sangat diperlukan untuk kehidupan yang sihat.

Georga Matheson 1842-1902 yang menulis lagu yang terkenal, "O Love That Will Not Let Me Go" (Kasih yang tidak akan melepaskan saya) menciptakan lagu ini ketika terkenang rencana perkahwinan yang tidak terjadi. Sewaktu dia hendak menikah, doctor berkata dia akan menjadi buta tidak lama lagi. Kekasihnya memberitahu dia, "Saya tidak mahu menjadi kekasih seorang pengkhutbah buta" lalu angkat kakinya. Walaupun hampa, dia sungguh terhibur kerana hanya ada satu kasih yang tidak melepaskan dirinya iaitu kasih Ilahi yang kekal.

Dia mengarang, "Kasih yang tidak melepaskanku
Ku bersandar jiwa yang lelah pada-Mu
Aku memberi jiwaku pada-Mu
Agar akan dapat menikmati kekayaan lautan-Mu..."

Doa: Kasih-Mu yang tidak melepaskan aku menjadi satu-satunya penghiburan bagi hati kami yang lelah.

HARI 19

Keteguhan Jiwa

Renungan-Kolose 1:3-14

*Ketika hamper genap waktunya Yesus diangkat ke syurga,
ia mengarahkan pandangan-Nya untuk pergi ke Yerusalem.*

Lukas 9:51

Ketika menghadapi kenyataan maut-Nya di kayu salib, Yesus menghadapinya dengan penuh ketabahan dan keberanian. Dia tetap mengarah pandangan-Nya ke arah kehendak Tuhan dan perjalanan yang disediakan oleh Tuhan. Perjalanan ke Yerusalem penuh kepedihan kerana ia akan diakhiri dengan penyaliban-Nya di kayu salib. Tuhan Yesus menunaikan misi-Nya dengan penuh ketabahan kerana Dia sudah berpegangan teguh pada misi-Nya dan mengarahkan pandangan-Nya ke kayu salib.

Apabila anda mengunjungi rumah sakit jiwa, pesakit-pesakit mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Kebanyakan daripada mereka telah kehilangan ketabahan dan kesabaran dalam kehidupan mereka. Kepedihan dan kepahitan telah mematahkan niat mereka untuk menempuh kehidupan dan kehampaan menyelubungi seluruh kalbu mereka. Mereka tenggelam dalam depresi yang menyebabkan perahu mereka terhanyut.

Seorang pemuda yang saya kenali telah berangkat untuk belajar Sarjana Hukum di salah sebuah universiti terkenal di London. Dia berangkat dengan penuh harapan dan semangat yang berkorbar-kobar bahawa Sarjana Hukum sudah ada dalam tangannya. Dua tahun kemudian, sesuatu yang sungguh mengecewakan telah menimpa keluarganya. Bapanya telah meninggalkan dunia dan segala duit yang dipercayakan kepada abangnya telah dihamburkan oleh abangnya. Dia terpaksa menghentikan pelajarannya dan kembali ke Malaysia dengan tangan kosong. Perjalanan hidup yang pedih ini telah menyebabkan dia patah niat dan menderita sakit jiwa sehingga akal fikirannya terencat.

Saudara, jalan kita penuh dengan onak duri yang tak terduga. Dengan kekuatan Kristus yang sudah merempuh jalan yang penuh dengan kepedihan, kita akan menjadi pemenang luarbiasa. Tabah menghadapi segala yang tak terduga bersama dengan Tuhan. Jangan putus asa dan tergelincir dalam terowong depresi.

Doa: Tuhan, berikan aku kekuatan untuk menempuh jalan yang penuh dengan onak dan duri.

HARI 20

Ikutlah Aku

Renungan-Markus 2:13-17

Kemudian Dia berjalan lewat di situ, Dia melihat Lewi anak

Alfeus duduk di rumah cukai lalu Dia berkata kepadanya,

"Ikutlah Aku!" Maka berdirilah Lewi lalu mengikuti Dia.

Markus 2:14

Suatu hari Tuhan Yesus melewati rumah cukai dan terserempak dengan Matius lalu bersabda kepada Matius, "Ikutlah Aku." Ajaib! Di rumah cukai pun, Tuhan memanggil pengikut-Nya yang kemudian menjadi tiang gereja awal. Siapakah yang akan sangka pencukai yang dibenci orang itu telah menjadi bapa gereja? Matius segera bangun dan mengikuti Yesus. Dia tidak berlengah-lengah dan berdolak-dalih, dia tidak berkata, "Tunggulah, masih ada banyak duit yang perlu saya hitung!" Dia segera bangun lalu mengikut Tuhan Yesus menjadi penjala manusia.

Demikian juga panggilan menarik tentang empat pemuda Australia yang telah melangkah bersama Tuhan ke Borneo. Ketaatan mereka kepada panggilan Tuhan telah menghentikan kepupusan suku-suku tertentu di Borneo.

"Biarlah mereka terpupus dari permukaan bumi ini," teriak Raja Brooke ketika ditanya tentang masyarakat Lun Bawang yang suka berpesta-pesta dan bermabukan. Kehidupan orang dewasa dan kanak-kanak bagai nyawa-nyawa ikan kerana banyak minum dan berpenyakit. Tambahan pula, suasana rumah panjang yang kotor.

Menjelang pagi subuh, terlantar tubuh para pemabuk yang tidak bermaya di setiap sudut lantai rumah panjang. Yang lain asyik menelan tuak dari tajau yang besar. Perayaan ini akan berlanjutan beberapa

hari. Masyarakat Lun Bawang terkenal dengan pesta mabuk yang berpora-pora. Mereka orang Borneo yang lama kelamaan akan terpusus dari permukaan bumi ini.

Fajar baru menyinsing ke atas mereka pada tahun 1933 dan 1938 apabila empat pemuda mentaati firman Tuhan. Empat pemuda ini, Frank Davidson, Carey Tolley, Hudson Southwell dan George Aitkin yang mengasihi Tuhan rela melangkah bersama Tuhan ke suku-suku pengayau yang dibiarkan terpusus sahaja oleh Raja Brooke. Apakah akibatnya bertahun-tahun kemudian? Dengarlah kesaksian mereka, "Mataku bergelangan airmata apabila aku mendengar tua-muda, lelaki-wanita, dan kanak-kanak mengaku keinginan mereka untuk mempercayai dan mengikut Tuhan Yesus. Betapa merdu irama Bahasa mereka apabila mereka menyebut nama Tuhan yang termanis dari syurga dan di bumi. Kata-kata mereka terngiang-ngiang di telingaku, "kai sikal harap ka Tuhan Isa."

Mukizat juga terjadi antara orang Kenyah. Orang Kenyah merobohkan patung-patung tinggi dan tiang tinggi yang melambangkan roh jahat. Seekor buaya yang dibuat daripada batu berkecaian. Batu ini dipercayai melindungi mereka pada zaman Jepun. Melihat lelaki dan wanita terlepas belunggu dan menyanyi menakutkan jiwa Hudson.

Bangun dan segera ikut Yesus. Anda mungkin melangkah bersama Tuhan untuk mengubah sejarah suatu negara, suku atau bangsa. Gereja SIB dilahirkan kerana empat pemuda Australia mentaati panggilan Tuhan.

Doa: Tuhan, panggilan-Mu untuk diriku mungkin akan mengubah nasib satu bangsa. Tolonglah aku mengikuti Engkau dalam pelayanan di dunia ini.

HARI 21

Tuhan Yesus Berdoa Semalaman

Renungan-Lukas 6:12-16

Pada waktu itu pergilah Yesus ke bukit untuk berdoa dan semalam-malaman Dia berdoa kepada Tuhan Lukas 6:12

Saudara ingin berjalan seiring dengan Tuhan kita? Ikutlah contoh Tuhan Yesus yang berdoa selalu sekalipun Dia sangat sibuk. Di tengah-tengah kesibukan pelayanan dan keperluan yang mendesak dalam pelayanan. Dia berusaha menjauhkan diri daripada orang ramai untuk berdoa. Pelayanan yang sibuk mahupun urusan keluarga yang sibuk tidak boleh dijadikan alasan tidak berdoa. Orang Kristian yang tidak ada waktu berdoa seringkali tidak berjalan dekat bersama dengan Tuhan. Sewaktu Yesus memilih para murid-Nya. Dia berdoa bersungguh-sungguh dan hasilnya ialah keputusan yang terbaik. Sebelum Tuhan Yesus pergi ke kayu salib, Dia berdoa semalaman suntek agar Dia turut kehendak Tuhan sekalipun kematian-Nya dan cabaran-Nya sungguh pahit. Dia tahu pada saat itu, kekuatan syurgawi sangat diperlukan untuk mencapai misi yang diberikan kepada-Nya.

Kebanyakan orang di kota menjalani kehidupan yang sibuk ataupun berlagak terlalu sibuk. Sesetengah orang berfikir kesibukan menandakan betapa penting pekerjaan mereka. Hiruk pikuk kota memberi kesan bahawa kehidupan ini memang sibuk dan orang yang penting seperti kita tentu terlalu sibuk. Banyak orang Kristian tidak pernah mengalami titisan syurgawi dalam kehidupan mereka kerana sibuk menguruskan banyak hal dan lupa bahawa Tuhanlah yang terutama dalam kehidupan ini.

Walaupun Yesus mempunyai banyak pelayanan yang penting, Dia tidak tergesa-gesa sehingga dia lupa berdoa.

James Montgomery, 1771-1854, telah memberi pelbagai metafora yang indah bagi doa. Doa menurutnya adalah "api yang terpendam," "suatu tanda," "airmata yang bergelangan," "mata yang menengadah ke syurga," "nafas penting," "udara alam." Kenapakah orang Kristian sering tidak berupaya dan jatuh ke

dalam dosa? Kalau kita bernafaskan doa, tentu kita akan hidup dalam kemenangan. Biarlah kita menengadah dan melayang harapan kita kepada Tuhan setiap hari.

Sebelum tinggalkan bilik, jangan anda lupa berdoa. Doa menenangkan hati yang berbeban berat dan menukarkan malam menjadi siang. Ketika hati anda penuh dengan kemarahan, adakah engkau berdoa? Ketika anda berduka, adakah anda berdoa? Adakah anda meminta kesabaran Tuhan agar anda boleh mengampuni? Ketika membuat keputusan penting, adakah anda berdoa semalam-malaman?

Doa: Kami mahu bernafaskan doa dalam kehidupan kami. Mata kami menengadah kepada Engkau Tuhan setiap saat dalam kehidupan ini.

HARI 22

Dia Dari Perut Ikan

Renungan-Yunus 2

Berdoalah Yunus kepada Tuhan, Allahnya, dari dalam perut ikan itu, katanya: Dalam kesusahanku aku berseru kepada Tuhan, dan Dia menjawab aku, dari tengah-tengah dunia orang mati aku berteriak, dan kaudengarkan suaraku.

Yunus 2:1-2

Dalam terjemahan Alkitab Inggeris, Yunus berkata, "Ketika jiwaku pengsan di dalam diriku, aku berseru kepada Tuhan." Pernahkah anda menderita begitu gawat sehingga seolah-olah jiwa anda pengsan? Anda seakan-akan jatuh dari tangga kemudian tertimpa tangga lagi. Anda bagai tangkai bunga yang layu kerana terlalu lelah menghadapi penderitaan.

Apabila Yunus masuk ke dalam perut ikan, dia berkata perut ikan itu bagai neraka yang gelap. Bayangkan dia berada dalam perut it dengan rerumput laut yang meliliti kepalanya. Dia hampir pengsan tetapi Tuhan mendengar seruannya dan mengangkat dia dari kegelapan perut ikan lalu memuntahkan Yunus. Sekalipun Yunus sangat berdegil dengan kehendak sendiri sehingga terperangkap dalam dosa sendiri namun Tuhan tetap mendengar tangisannya.

Saya sering tertanya-tanya apakah yang akan terjadi kepada saya kalau saya kehilangan nenek yang paling saya kasihi sejak kecil. Mungkinkah saya akan terlalu remuk jiwa? Mungkinkah saya akan terlalu depresi sehingga cuaca muram akan selalu menghantui saya? Saya benci akan saat melihat mayat nenek saya terbaring kaku lalu dibakar sehingga menjadi dedebu.

Menyedari bahawa nenek saya semakin tua, saya berdoa agar Tuhan menyiapkan hati saya. Dalam kesusahan, aku berseru kepada Tuhan dan Dia menjawab aku. Ketika saya pulang ke rumah di Muar pada Tahun baru Cina, Tuhan secara khusus berbisik bahawa nenek saya akan kembali kepada Cina, Tuhan secara khusus berbisik bahawa nenek saya akan kembali kepada Tuhan selepas Tahun Baru Cina. "Usahlah kau pergi ke restoran untuk makan-makan bersama keluarga, tinggal di rumah dan menemani nenek yang uzur ini kerana Aku akan membawanya kembali," kata Tuhan. Saya pun meluangkan lebih waktu di sisi nenek saya seperti yang diperintahkan oleh Tuhan. Pada akhir bulan itu, nenek saya dipanggil oleh Tuhan. Ketika itu jiwa saya hampir pengsan tetapi Tuhan mendengar seruan saya dan mengangkat saya sehingga saya tidak terjatuh ke dalam perut ikan yang gelap.

Saya teringat Yunus yang berada di bahagian perut yang tergelap dan ngeri. Dalam kesusahannya, dia berseru kepada Tuhan. Keluarga kami juga berasa kekuatan daripada tangan ajaib Tuhan sehingga kami dapat makan beramai-ramai di restoran selepas nenek saya pergi ke syurga!

Doa: Tuhan, pada waktu jiwaku hampir pengsan, Engkau mendengar seruanku dan mengangkat aku. Aku tahu Engkau selalu menopang saya ketika saya menghadapi ancaman ganas.

HARI 23

Mengosongkan Diri

Renungan-Filipi 2:1-8

*Dan dalam keadaan sebagai manusia,
Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati,
bahkan sampai mati di kayu salib.
Filipi 2:8*

Sewaktu pesawat berangkat dari lapangan terbang, Cik Maria baru sedar ertinya mengosongkan diri dan meninggalkan tempat tinggal serta bangsa sendiri untuk memeluk yang lain. Dia memahami betapa baiknya Tuhan Yesus yang sudi meninggalkan kemuliaan syuraga dan dilahirkan di sebuah kandang menjadi manusia. Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan sampai mati di kayu salib!

Sudah beberapa bulan Maria membuat keputusan untuk melepaskan identitinya sebagai orang Cina, Teochew untuk memeluk kehidupan baru sebagai seorang Dayak. Namun dia sering tertanya-tanya kepada diri sendiri, "Benarkah ni? Tinggalkan akar saya sebagai orang Malaysia dan menjadi orang Indonesia? Benarkah ini?" Dia menyedari akar umbinya bertunjang di Malaysia dan hatinya tetap terpancang di Petaling Jaya!

Pertanyaan yang cukup merusingkan kalbunya terus melemahkan niatnya menjadi orang Indonesia.

Setakat ini, Maria tidak mampu mengosongkan diri dan menjadi orang Indonesia walaupun Bahasa Indonesianya sudah mulus-mulus dan sifat keibuan jati Indonesia pun sedikit muncul, bahkan dia suka akan penduduk Indonesia yang mesra. Batas waktu untuk menjadi orang Indonesia pun beredar dengan cepat, Cik Maria terpaksa membuat keputusan. Dia tidak boleh membiarkan seluruh kampung menunggu keputusan ini. Dia berasa bimbang ketika mendengar desas desus, "Adakah dia sedang mempermainkan perasaan orang? Patah balik!" itulah keputusannya akhirnya. Dia pun menempah tiket lalu meninggalkan kampung indah yang penuh bebunga indah dan pepohon, rebung, paku pakis yang menghijau lalu pulang ke tanahair yang tercinta buat selama-lamanya. Dia berasa begitu lega seraya mengaku dia tidak mampu melepaskan segalanya dan memeluk masyarakat yang berlainan serta berumahtangga selama-lamanya di sana.

Dalam perjalanannya pulang ke Malaysia. Maria berasa damai sejahtera yang melampaui batas daripada Tuhan. Kini, dia mengerti kasih Tuhan dan nilai pengorbanan-Nya dengan jauh lebih jelas. Perasaan intim bersama dengan Tuhan bersemai di jiwanya dalam keheningan pagi di pesawat. Dia berseru dalam doanya, "Ya Tuhan, mengosongkan diri untuk menjadi bangsa yang berlainan cukup sulit bagi saya walaupun saya suka akan kebudayaan Indonesia." Lagu "Morning has broken" yang didendangkan oleh MAS seolah-olah menyambut kedatangan hari baru setelah suatu kegagalan. Awan syurgawi dan kedamaian Ilahi memenuhi seluruh ruangan pesawat itu!

Semakin dia mendekati lapangan KLIA, terukir senyuman bagai bunga raya! Malaysia here I am!

Doa: Aku mengucapkan syukur kepada Engkau, Tuhan Mahakuasa yang rela mengosongkan diri dan memeluk manusia yang berdosa seperti saya.

HARI 24

Bapa Syurgawi

Renungan-2 Korintus 1:3-7

*Terpuji Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, Bapa yang penuh
belas kasihan dan Allah sumber segala penghiburan.
2 Korintus 1:3*

Beberapa mahasiswa saya tidak pernah mengalami kasih sayang bapa kerana mereka ditinggalkan sewaktu masih anak hingusan. Dengan suara yang menyayatkan hati, seorang mahasiswa berkata, "Sampai hati, bapa saya tinggalkan kami adik-beradik untuk menderita sewaktu kami masih kanak-kanak." Seorang lagi begitu sedih apabila dia teringat sewaktu bersembunyi di belakang tirai sambil melihat bapanya seorang penagih dadah mencari-cari ibunya. Ibunya telah melarikan diri daripada bapanya kerana dia tidak tahan penderitaan suaminya. Dia masih teringat suara kecilnya yang memanggil "Pa" pada waktu dia baru berumur empat tahun. "Bapa saya selalu memukul saya tetapi memanjakan adik saya. Saya sering terkilan apabila teringat perbuatan yang kurang adil," kata seorang mahasiswa lain.

Betapa sayu hati saya ketika saya mendengar yang lain berkata, "Bapa saya mengangkat kaki apabila ibu menghidap barah. Sejak itu, dia membiarkan ibu terlantar dalam kesakitan. Ayah saya lenyap begitu sahaja." Saya hampir tidak tahan titisan airmata ketika mendengar cerita mahasiswa saya yang bersifat ceria selalu.

Satu-satu hal yang menghibur hati saya ialah mereka semuanya anak Tuhan dan mereka berharap hanya kepada Kristus. Bahkan mereka dapat menjadi penghibur kepada mahasiswa lain yang berada dalam kesusahan. Mahasiswa yang ditinggalkan oleh bapa mereka ini sungguh peka terhadap penderitaan yang dialami oleh orang lain. Kepahitan tidak menelan mereka kerana Bapa Syurgawi jauh lebih sempurna! Mahasiswa ini sering mengunjungi rumah anak yatim untuk membagi-bagikan kasih mereka kepada anak-anak yang tidak pernah mengecapi kasih bapa duniawi supaya kasih Bapa Syurgawi dapat mengalir daripada diri mereka kepada orang lain!

Kepada Allah aku berharap
Di darat atau di laut yang gelap
Setiap saat waktu penat
Bapa Syurgawi memelihara aku

Walaupun jalanku jadi gelap
Juruselamatku tidak pernah lalap
Dipimpin-Nya aku pulang
Bapa Syurgawi memelihara aku.

Doa: Bapa syurgawi, terima kasih atas kasih Ilahi-Mu yang mengalir dengan berkelimpahan di dalam diriku.

HARI 25

Pertemuan Ajaib

Renuangan-Yehezkiel 1

Pada tahun ketiga puluh, dalam bulan yang keempat, pada tanggal lima bulan itu, ketika akan bersama-sama dengan para buangan berada di tepi sungai Kebar, terbukalah langit dan aku melihat penglihatan-penglihatan tentang Allah.

Yehezkiel 1:1

Pertemuan ajaib dengan Tuhan datang pada saat kita tawar hati. Yehezkiel dan teman-temannya sedang melewati satu lembaran yang gelap dalam kehidupan mereka. Lima tahun sudah berlalu namun mereka masih belum kembali ke tanahair mereka. Yehezkiel paling hancur hati kerana dia telah dipersiapkan untuk menjadi seorang imam tetapi kini dia tidak dapat melayani di bait suci. Dia hanya terpegun di tepi sungai Kebar dan berjauhan dari negara asal. Segala rencana Tuhan dalam kehidupannya sekan-akan terjejas. Yehezkiel pasti merenungi nasib bangsanya dan bertanya-tanya kepada Tuhan apakah maksud semua ini.

Di tengah-tengah kepedihan hidup ini. Tuhan bertemu dengan Yehezkiel dan menyatakan diri-Nya dengan begitu terperinci dan intim. Pertemuan yang peribadi ini begitu penting kerana Tuhan menyatakan kemuliaan-Nya di tengah-tengah kegelapan. Pertemuan ajaib ini meneguhkan hati Yehezkiel yang kemudian bernubuat kepada suatu bangsa yang berkepala batu dan bertegar hati. (Yehezkiel 3:7) Tuhan berkata Dia menguatkan semangat Yehezkiel untuk menghadapi kalajengking dan onak duri dalam pelayanannya.

Kenyataan kemuliaan Tuhan yang terperinci memampukan Yehezkiel berkhotbah dengan tepat mengenai kemuliaan Tuhan yang telah meninggalkan umat Tuhan. Pertemuan yang ajaib ini juga mengangkat Yehezkiel dari lembah kekecewaan menjadi seorang nabi yang berkorbar-kobar. Hanya pertemuan yang ajaib dengan Tuhan mengubah seluruh paradigm Yehezkiel. Dia akan menjadi nabi kepada bangsa sendiri di tanahair orang lain.

Saudara, adakah pertemuan anda dengan Tuhan membawa perubahan yang luarbiasa? Adakah perubahan itu telah mengubah cara kehidupan dan pelayanan anda?

Visi dan pertemuan John Sung dengan Tuhan telah membawa perubahan besar dalam kehidupannya. John Sung seorang anak pendeta yang berasal dari Hinghwa, kampung yang indah dan bebunga di negara China telah bertemu Tuhan secara peribadi dan arah seluruh hidupnya berubah. Pada musim luruh tahun 1926. Dr.Siong-che Sung, M.Sc., Ph.D., telah belajar di Union Theological Seminar setelah berkelulusan Ph.D dalam bidang kimia. Seminari yang berpegangan theology bebas itu telah menggelapkan jiwa dan kerohaniannya.

Pada suatu hari Krismas, John Sung menyerahkan dirinya untuk hidup di bawah kawalan Roh Kudus. Dia tidak menghadiri kuliah di Union Theological Seminar dan berdoa tekun setiap hari sehingga suatu hari Tuhan menyentuh jiwanya yang gelap. Visi kesucian Tuhan dan dosa dirinya sendiri terpapar di depan matanya. Dia membaca Lukas 23 dan visi Penyelamat sedang mati di kayu salib begitu jelas sehingga dia seakan-akan berdiri di bawah kayu salib Tuhan dan menyaksikan kesengsaraan-Nya. Visi ini mengubah kehidupan John Sung kerana dia sungguh-sungguh bertaubat.

John Sung teringat doanya sewaktu berdiri di air terjun Niagra ialah, "Tuhan, biarlah air sungai hidup terus mengalir deras dalam hatiku dengan tidak terhenti-henti." Tuhan mengabulkan visi ini dan dia kemudian membawa firman Tuhan kepada berjutaan orang. Beliau menjadi berkat bukan sahaja kepada orang di China tetapi khotbahnya masih nyaring di telinga umat Kristian yang tua di Malaysia.

Doa: Tuhan, aku mahu pertemuan dengan Engkau mengubah hidupku sehingga segala visi dan tingkah lakuku tidak sama lagi.

HARI 26

Bangunlah Jiwaku

Renungan-Kisah Para Rasul 16:13-24

Hatiku siap, ya Allah,

Aku mahu menyanyi, akum au bermazmur,

Bangunlah, hai jiwaku.

Mazmur 108:1-2

Sebagai orang Kristian, kita sering membayangkan syurga sebagai tempat yang penuh bebatu Kristal, lautan kaca, mahkota yang bermutiara serta malaikat manis yang sedang meniup sangkakala. Suasana indah dan alunan muzik syurgawi tentu membawa suatu kegembiraan yang luarbiasa bukan? Bagaimana pula bunyi di sekeliling syurga? Alkitab memberitahu kita bahawa syurga merupakan tempat yang penuh dengan muzik. (Wahyu 15:3) Dapatkah anda bayangkan berjuta-jutaan malaikat dan manusia sedang menyanyi kepada Tuhan yang mulia? Suasana syurga penuh dengan kegembiraan kerana mereka berada di hadirat Tuhan yang Maha Mulia dan Maha Penyayang.

Kita pun boleh mengalami suasana syurga di dalam hati kita apabila hati kita selalu bersiap menyanyi dan bermazmur bagi Tuhan. Ramai orang tidak pernah menikmati keindahan syurgawi dalam jiwa mereka kerana mereka tidak bersiap sedia untuk bermazmur dan menyanyi bagi Tuhan. Daud selalu membangkitkan kerohaniannya dengan menyanyi dan bermazmur bagi Tuhan. Sewaktu menjaga domba, dia memainkan kecapi dan menikmati keindahan Tuhan dalam jiwanya. Pernahkah anda menyanyi lagu pujian di bilik anda sendiri selain daripada puji-pujian anda di gereja?

Nyanyilah dan bangkitkan jiwa selalu bagi Tuhan. Anda tidak perlu menjadi penyanyi yang bersuara merdu untuk menyertai nyanyian bersama malaikat Raja Sulaiman berkata, "Hati yang gembira membrat muka berseri-seri, tetapi kepedihan hati mematahkan semangat." (Amsal 15:13) perjalanan hidup seorang Kristian bukan perjalanan yang membebaskan tetapi perjalanan yang riang. Anda boleh menyanyi dan membangkitkan jiwa kepada Tuhan.

Paulus dan Silas telah diseretkan dari pasar oleh tuan-tuan seorang budak perempuan yang menggunakannya untuk mengaut keuntungan melalui tenungan roh jahat. Paulus telah mengusir roh itu daripada budak perempuan. Tuan-tuan ini telah menyeret Paulus dan Silas dari pasar untuk menghadap penguasa. Mereka dilemparkan dalam penjara dan kaki mereka dibelenggu oleh pasungan yang kuat. Namun kebelengguan oleh rantai tidak bererti jiwa mereka sudah terbelenggu. Kira-kira tengah malam mereka berdoa dan menyanyi kepada Tuhan sehingga penjara bergoncang dan pintu terlempar luas. Cuaca muram dan kebelengguan rantai tidak memadamkan jiwa mereka daripada menyanyi kepada Tuhan.

Doa: Tuhan, biarlah keindahan syurgawi selalu memenuhi kalbuku sehingga perjalanan bersama-Mu menggembirakan hati aku.

HARI 27

Bongkarlah Kepalamu

Renungan-Roma 12

*Janglanlah kamu menjadi serupa engan dunia ini,
tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu,
sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah:
apa yang baik, yang berkenan kepada
Allah dan yang sempurna.
Roma 12:2*

Puan Kiasu (bahasa Hokkien bererti 'takut kalah') tinggal berdekatan tetangga yang mementingkan daya saingan. Setiap kali jirannya melebarkan ruangan rumah, Puan Kiasu pun membongkar tembok rumahnya dan bersaing untuk mengubahsuai corak yang terkini. Apabila jirannya menukarkan gerbang pintu, dia pun mengikut sedemikian bahkan lampu gerbangnya mesti diimport dari Itali. Maklumlah, dia tidak mahu ketinggalan sewaktu jirannya menggembar-gemburkan rumah mereka. Suaminya sungguh pusing kepala kerana sakunya sudah berlubang: dinding lama digantikan dinding baru, gerbang kuno ditukarkan gerbang cun, cat yang murahan digantikan cat mahal, apalagi kolam ikan dan rekaan bebatu dari Jepun. Tandas rumah mereka juga mesti mengikut corak tandas di hotel kerana tandas tetangganya baru diubah mengikut corak tandas hotel yang termoden.

Pada suatu pagi, sambil ibu ini melenggang tubuh yang dibalut fabrik mahal, dia berbisik kepada suaminya. "Apa? Memasang sauna di kamar mandi? Gilakah kamu? Ini kelab ke? Saya sudah menghamburkan begitu banyak wang demi otakmu yang kurang beres itu! Tolong bongkarkan otakmu itu dan gantikan yang baru!" "Abang ni tidak pandai menurut edaran zaman dan keindahan seni!"

Untuk memulakan perjalanan hidup yang baru, kita mesti terlebih dahulu membongkar fikiran kita agar Tuhan boleh memperbaharui budi kita dengan firman-Nya. Corak fikiran yang lama mesti dikikiskan dan yang baru digantikan oleh Tuhan. Hanya dengan yang baru, anda boleh menguji yang berkenan kepada Tuhan. Yang perlu dibongkarkan berasal dari dalam kerana dari dalam mengalir segala 'pati' kita.

Gaya hidup apakah yang kita ikuti? Sebagai anak Tuhan, kita tidak menurut cara dunia lagi, tetapi kita memperoleh pembaharuan daripada Tuhan. Kehidupan kita yang sederhana mungkin kelihatan aneh kepada orang lain tetapi yang kita pentingkan hidup berkenan kepada Tuhan. Janganlah turut corak fikiran dan gaya hidup dunia yang hanya mementingkan keangkuhan dan kemewahan hidup sahaja. Bongkarkah jalan fikiran dan kehidupan yang lama itu!

Doa: Tuhan, perbaharui fikiranku sehingga aku selalu menurut firman-Mu dan segala yang kulakukan itu berkenan kepada-Mu.

HARI 28

Kemuliaan Syurgawi Jauh Lebih Baik

Renungan-Lukas 9:30-36

*Sementara itu Petrus dan teman-temannya telah tertidur dan ketika mereka terbangun mereka melihat Yesus dalam kemuliaan-Nya; dan kedua orang itu berdiri di dekat-Nya.
Lukas 9:32*

Ketika membaca kitab Keluaran, saya mengeluh, "Kenapa Tuhan bersikap begitu tegas terhadap Musa? Dia sudah banyak berkorban melepaskan umat Tuhan daripada kuku besi Firaun Mesir dan tabah menerima segala cabaran. Hanya kerana dia memarahi umat Tuhan, dia tidak diperbolehkan memasuki tanah perjanjian. Dia hanya boleh melihat tanah perjanjian. Dia hanya boleh melihat tanah perjanjian dari gunung sahaja sebelum dia menarik nafas terakhirnya. Umat Tuhan lain yang pandai mengomel-gomel pun masuk ke tanah yang mengalir dengan susu dan madu. Kenapakah Tuhan begitu tegas terhadap Musa?"

Musa tidak dapat melihat kemuliaan tanah yang berkelimpahan madu tetapi dia tetapi diterima di syurga. Dalam Lukas 9, kita melihat dia menikmati kemuliaan syurgawi. Sewaktu Tuhan Yesus tampak dalam kemuliaan-Nya, salah seorang yang berdiri di sisi-Nya ialah Musa! Sewaktu di dunia, Musa menangis melihat umat Tuhan begitu seronok di tanah Perjanjian dan dia hanya dapat menjengok.

Sekalipun kita tidak dapat mencicipi madu dan susu dunia ini, janganlah berasa Tuhan kita kurang adil. Seorang kawan saya yang kaya raya dan berkelimpahan dengan madu dan susu pernah berkata kepada saya, "Carilah lebih banyak duit dan engkau dapat mengelilingi dunia serta tinggal di hotel terkemuka di dunia ini." Dunia ini memang penuh dengan segala hal menarik dan bangunan cantik yang belum semua saya lihat. Kalau saya meluangkan begitu waktu mencari duit, apakah saya dapat melihat kemuliaan Tuhan di Kerajaan-Nya yang akan datang? Sebagai anak Tuhan saya tidak menyesal tidak dapat memiliki kemewahan duniawi.

Manakah yang kita pilih? Kemuliaan sementara atau kemuliaan di masa depan atau mencicipi kemuliaan duniawi yang sementara saja?

Doa: Tuhan, ajari aku mementingkan kemuliaan kerajaan Engkau dan tidak mementingkan kemuliaan duniawi yang sementara.

HARI 29

Kiranya engkau Memberkai Aku

Renungan-1 Tawarikh 4:9-10

Yabes berseru kepada Allah, katanya,

"Kiranya Engkau memberkati aku berlimpah-limpah dan memperluas daerahku, dan kiranya tangan-Mu menyertai aku, dan melindungi aku daripada malapetaka, sehingga kesakitan tidak menimpa aku!" dan Tuhan mengabulkan permintaannya itu.

1 Tawarikh 4:10

Doa ini begitu terkenal sehingga ada penulis menjadi kaya raya setelah mentafsir beberapa ayat ini. Manusia pada umumnya suka diberkati dengan berkelimpahan dari segi kewangan, status, harta benda mahupun wilayah pengaruhnya. Buku-buku yang disanjung tinggi biasanya mengajar orang bagaimana menjadi jutawan. Dalam segala hal kita memang mahu menjadi ayam tambatan! Buku-buku untuk menterjemahkan doa ini telah dituliskan untuk orang dewasa bahkan para remaja yang ingin Berjaya dalam kehidupan mereka dengan berpedoman doa ini.

Kala kita mentafsir doa ini daripad sudut rohani, adakah akan mendapat sambutan hangat?

Bagaimana kalau kita meminta Tuhan melebarkan iman kita sehingga kita boleh menjangkau orang berkepada batu? Bagaiman pula kalau Tuhan memperluas simpati kita sehingga kita menjadi berkat kepada oranglain? Bagaimana kalau Tuhan memberkati kita dengan kerendahan hati yang berlimpah-limpah? Bagaimana pula kalau Tuhan menertai engkau dalam pelayananmu dan bukan hanya kejayaan perniagaan engkau? Bagaiman pula kalau kita berdoa sewaktu dilandai mala petaka, kita tetap akan memperluas pengaruh kita? Bagaiman pula kalau sewaktu kita sakit, kita tetap memancarkan kemuliaan dan kasih Tuhan?

Kalau Tuhan memberkati kita dengan buah roh yang berlimpah-limpah tentu kita akan memperluas daerah pengaruh kita yang tidak semestinya bersifat kekayaan.

Joni Warekson seorang ahli sukan terkena kecelakaan ketika berenang, tulang belakangnya tercedera parah sehingga dia cacat. Namun hal ini tidak menghalangi dirinya daripada memperluas pengaruh iman bagi Tuhan. Tambahan pula, beliau menjadi lebih rohani dan berbuah lebat untuk Tuhan. Dengan mulutnya, dia melukis dan menulis buku unruk memuliakan Tuhan dan memancarkan kasih Yesus.

Bagaimana pula kalau Tuhan memberkati anda dengan buah kerendahan hati setelah menempuh suatu kegagalan? Adakah anda menganggapnya sebagai suatu pemberkatan daripada Tuhan atau sebaliknya kekecewaan?

Doa: Tuhan, berkati aku dengan kerohanian yang berkelimpahan dan perluaskan daerah pengaruhku bagi kerajaan-Mu.

HARI 30

Serigala Ada Tempat Untuk Meletakkan Kepalanya

Renungan-Lukas 9:57-62

Yesus berkata kepadanya: Serigala mempunyai

liang dan burung mempunyai sarang,

tetapi Anak Manusia tidak mempunyai

tempat untuk meletakkan kepala-Nya.

Lukas 9:58

Kebanyakan orang di Malaysia hidup dalam keselesaan dan segala urusan sehari-harian sudah ditetapkan. Di mana akan kita tinggal, bantal manakah yang akan kita letakkan kepala, makanan siapa yang akan kita santap, hotel mana yang kita tinggal sewaktu bercuti, semua sudah diatur. Segala yang seronok dan selesa sudah kita rancang bagi menyeronokkan kehidupan kita. Sesetengah orang merancang berpindah akar ke Australia atau New Zealand bertahun-tahun kemudian.

Hati Tuhan Yesus terpancang melawan Tuhan dan Dia tidak mementingkan keperluan dan keseronokan sendiri. Bayangkan sewaktu di dunia ini, Tuhan Yesus berkata serigala mempunyai tempat untuk meletakkan kepalanya tetapi Anak Manusia tidak ada tempat tidur yang tetap. Yang penting bagi Tuhan Yesus ialah melaksanakan kehendak Bapa dan mencari manusia sekalipun ini berarti Dia tidak ada tempat meletakkan kepala-Nya.

Relakah kita menempuh kehidupan yang tidak menentukan demi mendirikan kerajaan Tuhan? Takutkah kita kalau kita terpaksa menelan kata-kata kecil yang mungkin menjadi sebahagian hidangan mi? Misionari pertama terpaksa mengarungi pelbagai cabaran untuk membawa Injil ke Malaysia.

Rumah yang terbiar sahaja sejak Januari, barangkali tidak dapat ditemui oleh Frank, seorang misionari ke Malaysia Timur. Di hutan rimba Borneo, tumbuh-tumbuhan menjalar dengan begitu cepat. Enid, calon isteri Frank, tiba pada bulan Februari dari Australia dan dia sudah bersiap sedia menyertai Frank dalam pelayanan. Dia belajar Bahasa Malaysia sebelum diutus melayani bersama Frank. Namun Frank terlebih dahulu masuk ke pedalaman tanpa calon isterinya. Setiba di sana, kawasan pondok itu sudah dikerumuni oleh lalang yang tajam. Frank terpaksa menendang pintu kulit pelapah untuk masuk ke dalam rumah itu. Alamak! Ada tetamu yang tidak diundang. Dua ular besar yang berbisa telah bertamu di rumah yang disediakan untuk pengantinnya. Frank terpaksa mengusir tetamu ini dan membersihkan pondoknya.

Frank kemudian membawa isterinya, yang masih pengantin baru, ke pedalaman. Mereka berdayung sampan, mengheret sampan serta terpaksa melawan arus yang deras untuk sampai ke sana. Enid menceritakan pengalamannya ketika tinggal di rumah panjang, "Saya tidak dapat tidur dengan nyenyak. Suasana amat bising, kucing mengiau, bayi menangis dan babi mendengkur serta ayam berkokok. Seorang wanita bangun pukul empat pagi untuk memasak, terang api di dapur membangunkan saya." Esok pagi, mereka melawan arus lagi untuk ke rumah yang akan didiami mereka.

Relakah kita mengarungi kesulitan dan tidak dapat tidur nyenyak demi Injil seperti misionari pertama ke Borneo? Tanpa mereka, manakah kita ada gereja Sidang Injil Borneo? Adakah kita berani seperti Tuhan Yesus berkata, "Serigala mempunyai tempat meletakkan kepala tetapi saya tidak mempunyai tempat?" Mungkin kita lebih suka bertanya, "Di hotel manakah harus saya makan petang ini?"

Pengorbanan misionari ini ibarat lilin yang membakar diri, tidak ada sesuatu yang tidak boleh diperbuat demi kerajaan Tuhan.

Doa: Tuhan, tolonglah saya untuk tidak hanya mementingkan keseronokan dan keselesaan hidup kerana Engkau tidak pernah mencari semuanya ini sekata Engkau berjalan di dunia.

HARI 31

Inilah Jalan

Renungan-Yesaya 30:15-21

.... Dan telingamu akan mendengar perkataan dari belakangmu:

*"Inilah jalan, berjalanlah mengikutinya,
entah kamu akan menganan atau mengiri".*

Yesaya 30:21

Ketika aku harus melangkah dan tidak tahu jalan mana yang patut akan ambil, aku akan mendiamkan diri di hadirat Tuhan. Keterangan di hadirat Tuhan adalah asas dan kekuatan semua orang Kristian.

Apabila umat Tuhan terpaksa menghadapi musuh, Alkitab berkata, "Sebab beginilah firman Tuhan Allah, Ya Mahakudus... dengan bertaubat dan tinggal diam, kamu akan diselamatkan, dalam tinggal tenang dan percaya terletak kekuatanmu." Umat Tuhan dinasihati agar jangan mencari pertolongan dari Mesir. Akan tetapi umat Tuhan berkata, "Kami mahu naik kuda dan lari cepat." Mereka juga berkata, "Kami mahu mengendarai kuda yang tangkas."

Setelah mencari ketangkasan kuda, apakah yang dipelajari oleh umat Tuhan? Hanya dalam ketenangan dan kepercayaan, baru mereka mencapai kemenangan. Pada waktu menghadapi krisis, sikap yang paling penting ialah bertenang di hadirat Tuhan. Hanya dalam ketenangan kita dapat mendengar dengan jelas, Inilah jalan, berjalanlah mengikutinya."

George Muller selalu berdoa dengan penuh ketenangan dan iman sewaktu menghadapi krisis. Tuhan selalu mendengar doanya dan mencukup segala keperluan pelayanannya. Pada suatu tengah hari, rumah anak yatimnya kekurangan makanan. Beliau mengumpulkan semua kanak-kanak dan mengucapkan syukur untuk makan tengah hari sekalipun di meja tidak ada hidangan. Setelah berdoa, mereka kedengaran deringan bel. Seorang wanita menghantar makanan ke rumah itu kerana dia tergerak oleh Tuhan untuk memberi makanan pada hari itu. Hanya dalam ketenangan di hadirat Tuhan, kita akan beriman.

Selain itu, hanya dalam ketenangan, kita akan peka terhadap dosa kita dan bertaubat. Dosa yang tersembunyi dalam dibawa ke alam kesedaran kita lalu kita akan diperbaharui oleh Tuhan pada saat teduh bersama Tuhan. Hanya dalam ketenangan kita dapat percaya bahawa Tuhan selalu mencukupi segala keperluan kita.

Doa: Bertenanglah jiwaku, kekuatanmu datang daripada Tuhan.

HARI 32

Pohon Yang Berbuah Lebat

Renungan-Mazmur 1:1-4

*Ia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air,
yang menghasiklan buahnya pada musimnya,
dan yang tidak layu daunnya, apa saja diperbuatnya berhasil.
Mazmur 1:3*

Pokok rambutan di kampung halaman saya semasa kecil terbayang di benakku apabila tiba musim rambutan. Tanpa sedar, aku mengukir senyuman apabila mengimbas bagaimana akan memanjat pokok untuk memetik buah rambutan yang sedap. Seronok betul waktu kecilku, terngiang-ngiang gelak tawa sewaktu kami memakan rambutan dari atas pokok dan melemparkan kulitnya. Pokok yang bertumbuh di tepi longkang begitu subur.

Orang Kristian yang rindu berbuah lebat bagi Tuhan mesti ditanam di sungai Tuhan yang mengalir selalu. Air dan firman Tuhan dapat melegakan segala kehausan dan kita akan berbuah lebat. Keberhasilan orang yang berdiri teguh di atas firman Tuhan dan minum dari air sungai Tuhan tidak bergantung pada musim. Apabila tiba musim dingin, buah dan daunnya masih lebat seperti biasa. Gelora ombak yang memukul perahu tidak mematikan senyuman dan imannya.

Biarpun Fanny Crosby dibutakan sejak kecil, dia tidak pernah kecewa atau hidup dalam kehampaan. Sebaliknya, dia menjadi pengarang lagu yang menghasilkan lagu-lagu hebat yang dinyanyikan oleh gereja berabad-abad. Dia tetap hidup dan minum dari air sungai dan sungguh berhasil dalam kehidupannya. Lagu-lagu pujian terus mengalir daripada jiwanya dan hubungannya akrab dengan Tuhan. Dengan kepekaan sungai Tuhan yang mengalir dalam dirinya, dia juga menolong orang lain mengungkapkan perasaan hati mereka. Pada suatu hari, dia menolong seorang banduan yang sudah bertaubat mencurahkan isi hatinya dalam satu lagu, "Yesus Juruselamatku, dengar doaku. Janganlah Tuhan lalu, berilah berkat-Mu. Yesus, Yesus, dengar. Janganlah Engkau lalui, berilah berkat-Mu."

Walaupun kehidupan kita mungkin dilandai oleh bencana tetapi kalau kita tetap tinggal dalam Tuhan, kita akan berbuah lebat. Penyakit barah tidak dapat menghentikan segala kebaikan yang dapat kita berikan kepada orang lain. Kehilangan orang yang kita kasihi juga tidak dapat menghentikan aliran sungai kasih kita untuk orang lain kerana kasih Tuhan tetap mengalir dengan perubahan musim.

Doa: Tuhan yang dikasihi, aku ingin minum daripada sungai-Mu dan berbuah lebat bagi kerajaan-Mu.

HARI 33

Tidak Ada Yang Akan Kembali Sia-Sia

Renungan-Yesaya 55:10-13

*.... demikianlah firman-Ku yang keluar dari mulut-Ku:
ia tidak akan kembali kepada-Ku dengan sia-sia,
tetapi ia akan melaksanakan apa yang Kukehendaki,
dan akan berhasil dalam apa yang Kusuruhkan kepadanya.
Yesaya 55:11*

Sebagai pendidik di kalangan anak-anak kecil, saya selalu menaburkan firman ke dalam kehidupan mereka. Walaupun saya tidak dapat melihat hasilnya dengan segera, saya percaya Tuhan akan melaksanakan apa yang dikehendaki-Nya dalam kehidupan mereka. Dalam Yesaya, Tuhan menggunakan proses alam untuk menjelaskan cara Tuhan bekerja. Hujan dan salju yang turun dan langit, mengairi bumi, menyuburkannya. Akhirnya, semua bunga berkembang dan buah lazat muncul. Benih pun memberi roti kepada orang yang mahu makan. Begitu juga dengan doa kita, ia akan berbunga suatu hari, segala sesuatu mengambil waktu untuk berbuah.

Saudara-saudari janganlah tawar hati mengairi bumi ini dengan firman Tuhan. Sewaktu makan bersama dengan seorang anak atau teman janganlah lelah memberitakan kemanisan firman Tuhan. Musim tuaian pasti menjelang kalau kita rajin menabur. Hasilnya akan dirayakan dengan sukacita. Tanpa iman bahawa Tuhan akan menyebabkan benih yang anda taburkan untuk berbuah segala usaha hanya sia-sia belaka!

Sebagai ibu atau pendidik kita menyedari betapa pentingnya membimbing sorang anak kepada Tuhan Yesus, dan membimbing mereka dalam firman Tuhan sewaktu mereka masih kecil. Pernahkah anda mendengar, "Untuk menyelamatkan seorang anak ialah untuk menyelamatkan satu jiwa," atau "Berilah saya seorang anak sehingga dia berumur tujuh tahun dan setelah itu saya tidak bimbang apa yang terjadi lagi..." Itulah seruan D.L. Moody tentang keperluan memberi kesan kukuh kepada anak sewaktu masih kecil. "Kalau saya dapat kembali ke edaran waktu dahulu, saya akan menggunakan seluruh waktu untuk pelayanan di kalangan kanak-kanak."

Sabarlah. Jika Tuhan boleh bersabar menunggu sekuntum bunga berkembang tentu kita boleh sabar menunggu buah pekerjaan kita.

Doa: Tuhan Penyayang, tolonglah aku setia mendidik dan sabar menanti musim bersemi.

HARI 34

Janganlah Terpesong Oleh Urusan Seharian

Renungan-2 Timotius 2:3-6

*ikutlah menderita sebagai seorang perajurit
yang baik daripada Yesus Kristus.
2 Timotius 2:3*

Seorang askar yang ingin berjuang bagi negaranya mesti meninggalkan segala urusan harian kerana dia bukan tengah main masak-masak. Perkhidmatan Negara tidak boleh diuruskan dengan alang-alang sahaja. Dia terpaksa tinggalkan isteri tersayang ataupun kekasihnya buat sementara kerana panggilan

menyertai misi mempertahankan negaranya cukup serius. Bagi pelajar Malaysia yang mengikuti Program Latihan Khidmat Negara, mereka terpaksa menanggung pelajaran mereka di Menara gading kerana menjalani latihan. Latihan ini memerlukan banyak kecekalan walaupun Cuma tiga bulan. Kalau anda tidak ada kegigihan dan mudah terpesong jangan menyertai diri dalam ketenteraan untuk melindungi negara.

Jika anda serius melayani Tuhan, jangan terperangkap dalam hal-hal yang kecil. Pelayanan memerlukan focus serius dan hal-hal duniawi mudah memesong visi dan panggilan kita. Waktu yang terikat dengan urusan lain akan memakan waktu kita sehingga kita hanya tertinggal ialah sisa waktu bagi Tuhan.

Cecil Frances Alexander telah diakui sebagai penulis lagu hymn yang terkenal di negara Inggeris. Beliau telah menulis 400 sajak dan teks lagu untuk kanak-kanak. Segala bakat ditumpukan untuk memenangi kanak-kanak bagi kerajaan Allah. Pada waktu 1850. Dia menikah dengan seorang tokoh gereja yang terkenal dan beliau telah mencurahkan segala kemampuannya untuk menolong suaminya dalam pelayanan. Pada suatu hari, Dr. Alexander memintanya menulis sajak untuk melengkapi khutahnya, dia menurut dengan segera. Demikianlah perkataan lagu, "Yesus Memanggil Kita (Jesus calls us?)"

*Yesus memanggil kita daripada segala badai liar kehidupan
Setiap hari suara manis-Nya memanggil, "Orang Kristian ikuti Aku"
Yesus memanggil kita daripada penyembahan duniawi yang sia-sia
Dia mengambil kita daripada setiap berhala
Dia berkata, "Orang Kristian mengasihi saya lebih."*

Marilah kita berjuang seperti seorang askar yang memberi seluruh tumpuan kita.

Doa: Tuhan, ajar aku tidak memusingkan diri dengan perkara-perkara yang tidak penting supaya aku selalu melayani Engkau dengan segenap hati.

HARI 35

Mencapai Garis Akhir

Renungan-2 Timotius 4:7-10

*Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik,
aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman.
2 Timotius 4:7*

Paulus dan Demas bersama-sama melayani Tuhan akan tetapi semangat perjuangan mereka berlainan. Paulus berjuang sehingga titik akhirnya serta mencurahkan titisan darahnya demi kerajaan Tuhan dan telah memelihara imannya hingga ke garis akhir. Demas pula tergiur oleh dunia dan segala yang berada di dalamnya sehingga dia patah balik kerana terlalu mengasihi dunia dan mengidam kebendaan dunia.

Banyak orang mula melayani Tuhan dengan hati yang berkobar-kobar tetapi akhirnya patah balik kerana terlalu mengasihi dunia ini dan hanya hidup suam-suam bersama Tuhan. Kasih akan dunia ini boleh menjadi batu sandungan kerana hati kita mudah berbelah bagi. Persembahan kepada Tuhan mengambil tempat kedua.

Wang, perempuan dan kuasa mudah memesong seseorang pelayan. Gila akan wang telah menyebabkan banyak orang tersandung; demikian juga cinta akan perempuan atau lelaki tidak sevisi menghanyutkan pelayanan. Gila akan status dalam masyarakat juga menyebabkan seseorang meninggalkan pelayanannya demi mencapai cita-cita sendiri.

Ibu Kum memberi saya kad comel yang bercorak rama-rama dan perkataan ilham daripada Alkitab. Walaupun saya seorang yang tidak dikenalnya, dia menepuk bahu saya dan berkata-kata sesuatu untuk menggalakkan iman saya.

Saya cukup tersentuh apabila saya mengetahui dia menulis banyak kad-kad sedemikian dan memberinya kepada orang yang datang ke gerejanya untuk mendorong mereka. Ibu ini berumur sekitar 70 tahun!

Seorang ibu lagi, ibu Jean yang berusia selalu menjinjing bakul kasih. Bakul yang berisi nasi lemak, roti, biskuit dan makanan-makanan lain dibawanya ke rumah orang tua. Dia bukan sahaja menghibur orang tua yang sepi dan kehilangan keluarga malah dia memberi mereka makanan. Dia sering memeluk mereka yang memerlukan kasih dan memikul beban mereka yang berat dan menjinjing yang ringan bersama mereka. Dia sering melayani sehingga pada suatu hari dia dipanggil oleh Tuhan ke hadirat-Nya.

Doa: Tuhan, aku mahu melayani Engkau hingga ke garis akhir. Lindungi aku sehingga kakiku tidak terpesong oleh sebarang batu sandungan di dunia ini.

HARI 36

Berikanlah Hatimu

Renungan-2 Korintus 5:15

Hai anakku, berikanlah hatimu kepada-Ku,

biarlah matamu senang dengan jalan-jalan-Ku

Amsal 23:26

Pencipta alam semesta bertanya kepada awak, "Anak-ku, berikanlah hatimu." Adakah awak terharu dan menyerahkannya tanpa ragu-ragu? Mengapa tidak? Pencipta alam sanggup merendahkan diri-Nya dan berkata kepada anda, "Anak-Ku berikanlah hatimu kepada-Ku." Tuhan tidak meminta puji-pujian wang, pelayanan atau bakat awak tetapi hatimu.

Adakah Tuhan mahu hatimu demi kepentingan-Nya sendiri? Tidak. Hati yang diberikan kepada Tuhan akan diperbaharui oleh Tuhan. Jika hati kita membara dengan kasih untuk Tuhan, kita dapat mengasihi orang lain dengan kasih Tuhan.

Hati yang diberikan kepada benda-benda lain akan menjadi tamak. Hati yang diberikan kepada wang hanya akan menjadi dingin dan keras. Hati yang diberikan kepada iblis akan menjadi lapangan permainan iblis. Pelbagai perbuatan dan dosa aneh akan muncul untuk mewarnai kehidupan orang itu.

Hati yang diberikan kepada Roh Kudus akan mendatangkan buah-buah Roh Kudus dan urapan yang luarbiasa. Buah kasih dan buah-buah Roh kudus akan mengalir daripada hati ini seperti persembahan yang harum.

Orang yang memberi separuh hatinya kepada Tuhan, dan separuh lagi kepada iblis akan menemui pelbagai masalah. Dia boleh diibaratkan ikan yang hidup separuhnya di darat dan separuh di udara. Kadangkala ikan itu melompat ke udara untuk menghidu udara dan pada waktu yang lain akan menelup dalam air. Sesetengah anak Tuhan hidup seperti ikan ini. Kadangkala mereka menyembah Tuhan dan pada waktu yang lain mereka bersekutu dengan iblis kerana hati mereka tidak diberikan kepada Tuhan dengan sungguh-sungguh.

Di sebuah museum di Dusseldorf, negara Jerman terpampang sebuah lukisan Kristus yang memakai mahkota duri. Di bawah lukisan itu, Stenberg menulis, "Ini telah Aku lakukan demi engkau, apakah yang engkau lakukan bagi Aku?" Seorang wanita Frances Harvegal menghayati lukisan itu dengan perasaan terhiba. Dia begitu terharu sehingga dia berusaha mengarang satu lagu bagi Tuhan. Setelah mengarang lagu itu, dia berasa usahanya tidak dapat mencurahkan apa yang seharusnya diberikan kepada Tuhan. Cebisan kertasnya dilemparkan ke dalam api namun cebisan kertas itu berterbangan secara ajaib dan tidak terbakar lalu melayang ke meja seorang pendeta. Pendeta itu kemudian menggalakkan Frances menulis lagunya, "Saya memberi nyawaKu bagimu" (I gave my life for thee). Satu rangkap lagu ini berbunyi demikian, "AKu memberi nyawa-Ku, Aku memberi nyawa-Ku bagimu-apakah yang kau berikan kepada-Ku?"

Tuhan Yesus sudah memberi nyawanya bagi anda, sudikah anda memberi hatimu kepada-Nya?

Doa: Tuhan Pengasih jiwaku, aku memberi segenap hati dan jiwa kepada Engkau. Penuhilah hatiku dengan kasih yang berkelimpahan.

HARI 37

Kefanaan Hidup ini

Renungan-Mazmur 39

Ya Tuhan, beritahukanlah kepadaku ajalku,

dan apa batas umurku,

supaya aku mengetahui betapa fananya aku!

Mazmur 39:5

Sewaktu kecil saya sering diingati betapa fana kehidupan ini. Rumah saya berdekatan rumah mayat hospital dan juga kuil yang mendoakan jiwa orang yang meninggal dunia. Kadangkala saya pergi ke rumah mayat untuk mendengar pelbagai cerita tentang kematian dan seringkali melihat mayat yang tidak bernafas di lantai dingin hospital! Sejak kecil, saya bertanya-banya tentang kefanaan hidup ini, "Kenapa hidup ini seperti bunga dan rumput yang akan layu sementara lagi?" Kini, sewaktu saya pulang ke kampung halaman banyak jiran yang akrab dengan saya sudah meninggal dunia. Saya terkilan melihat sederetan rumah yang terbiar kosong kerana penghuninya sudah meninggal dunia dan anak-anak mereka telah berpindah ke tempat lain. Saya sedar akan kefanaan dunia ini ketika pulang ke Jalan Lama, Muar, kampung halaman saya.

Betapa ramai orang tidak sedar akan kefanaan hidup ini. Adakah umat Kristian yang berkata, "Aku hanya menimbun, tetapi tidak tahu siapa yang meraupnya nanti?" sewaktu kita terpaksa meninggalkan dunia ini, apakah kita menyesal kerana kita telah mengabaikan Tuhan dan keluarga yang dikasihi? Adakah kita akan menyesal kerana tidak meluangkan belih banyak waktu bersama dengan anak-anak kita atau tidak memberi obor iman kepada generasi berikutnya? Adakah kita menyesal tidak melakukan sesuatu untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih cerah dengan memberitakan kasih-nya.

Seorang bapa terpaksa melihat perahu yang dinaiki oleh anaknya tenggelam di tengah-tengah sebuah danau. Pada waktu itu tidak ada orang yang dapat menolongnya kerana air sudah bergelincangan dalam perahu bocor itu. Kedua-dua anaknya mati lemas tetapi ada sesuatu yang menghibur hatinya. Dia sudah meluangkan banyak waktu bersama anak-anaknya dan sudah mendidik mereka dalam Tuhan. Bapa ini sedar akan kefanaan hidup ini dan kehidupan kekal bersama dengan Tuhan.

Seorang isteri terpaksa melihat suaminya mati dalam kesakitan ketika terlanggar oleh pemandu lori. Sekalipun isterinya, gerejanya dan anak-anaknya menangi kematian orang yang paling dikasihi oleh mereka, namun mereka tetap terhibur kerana sepanjang hidup Pastor Hwa Chien, Pengerusi Gereja Methodist telah melayani denominasi itu dengan tangisan dan kesungguhan yang luarbiasa. Dia telah menjadi sumber ilham kepada banyak pengikut gereja Methodist.

Seorang pastor gereja Presbyterian, Pastor Eugene Kwa yang baru kelulusan dari seminari, mati kerana menderita barah otak. Dia telah tinggalkan pesan yang mengharukan hati saya. Beliau mengingatkan kita bahawa kita hanya penziarah di dunia ini, oleh kerana demikian, kita tidak boleh berakar umbi di dunia ini. Ingat akan Kerajaan Tuhan yang mendekat dan pastikan segala yang dilakukan dalam hidup ini akan mendatangkan kemuliaan bagi Tuhan. Walaupun isterinya, Anna terpaksa menempuh pelayanan dan mendidik anak yang baru dilahirkan tanpa suaminya, suatu hal yang menghibur hatinya ialah suaminya tidak pernah hidup bagi diri sendiri. Setiap saatnya hanya bagi Tuhan sahaja.

Doa: Tuhan ajari kami agar kami menghitung hari-hari kami dan tidak mengabaikan kerajaan-Mu.

HARI 38

Ketaatan Dan Kasih Diuji

Renungan-Efesus 6:1-15

Hormatilah ayahmu dan ibumu adalah suatu perintah yang penting, seperti yang nyata dari janji ini.
Efesus 6:2

Tempat yang paling saya suka kunjungi ialah pusat beli-belah di Jaya. Sekalipun tempat ini tidak sehebat kompleks besar seperti Ikano, One Utama, atau Tesco, saya tetap lebih suka ke sana. Pada suatu hari, sewaktu saya sedang membeli barang, saya tersinggah untuk mendengar daripada kaunselor Dr. James Dobson. Beliau menceritakan pengalaman keluarganya suatu hari, sewaktu berada dalam perjalanan ke rumah, tiba-tiba kereta yang dinaiki keluarganya dibrek dengan segera sehingga kereta mereka tersentak. Ibunya yang terperanjat mulai berteriak dalam ketakutan. Beliau memegang tangannya dengan ketat seraya berbisik, "Jangan takut." Beliau menjelaskan bahawa sewaktu kecil, ibu kita yang memegang tangan kita dengan erat sewaktu kita takut. Sebaliknya, sewaktu ibu kita berusia, kitalah yang memegang tangan mereka!

Menghormati ibu bapa kita mungkin mudah ketika mereka masih sihat dan bermental cekal. Bagaimana pula kalau mereka sudah nyanyuk dan suka mengomel? Bukankah ketabahan dan kesetiaan kita teruji? Pada waktu itu, kita akan sedar apa ertinya kasih tanpa syarat dan panjang sabar.

Kawan saya mempunyai seorang nenek yang sudah nyanyuk. Dia akan mengomel-gomel dan memarahi orang sepanjang hari namun keluarganya panjang sabar terhadapnya. Kawan saya pernah mengajak saya untuk memberi kaunseling kepada neneknya. Saya mahu mengaku dengan jujur bahawa selepas berjam-jam bercakap dengannya, semua tidak berhasil kerana nenek ini sudah nyanyuk!

Pada suatu hari, mereka mengajak saya pergi bercuti selama dua hari. Minta ampun, saya hampir pengsan ketika nenek ini berleter sepanjang perjalanan. Walau bagaimanapun, saya mengajak nenek ini tidur sekamar dengan saya kerana bersimpati dengan anak perempuannya yang sudah kena peluru berpandu sepanjang hari. Sewaktu di kamar, dia meleteri banyak hal!

Pada malam itu, saya menjelaskan bahawa lampu tidak perlu dipadam sekiranya dia takut sebanyak sepuluh kali. Lalu saya mengajar dia bagaimana menggunakan selimut di hotel hampir tujuh kali. Nenek ini tidak tidur, dia duduk saja di katil. Tiba-tiba, dia mengibas-ngibaskan bajunya seakan-akan ada debu, kemudian dia melihat dinding. Sejurus, dia berkali-kali ke tandas untuk berludah dan apabila dia keluar dia ketakutan kerana menurutnya bilik sudah berubah sewaktu dia ke tandas. Seketika kemudian dia ternampak bayang-bayang di luar pintu. Minta ampun saya Cuma dapat tidur dua jam!

Keesokan pagi, saya menolong dia mengemas semua bajunya tetapi sepanjang perjalanan pulang ke Kuala Lumpur, dia berleter bahawa ada pakaian yang tertinggal di hotel padahal semua sudah dikemasnya.

Saudara-saudari, sewaktu ibu kita anyanyuk, kita harus memegang tangan mereka dan menjelaskan segala sesuatu seperti mengajar seorang anak dengan penuh kesabaran. Mintalah kasih dan kekuatan daripada Tuhan ketika menolong ibu anda yang nyanyuk.

Doa: Ya Tuhan, tolonglah saya ketika saya mesti menjaga ibu bapa yang sudah tua dan mungkin nyanyuk.

HARI 39

Permintaan Raja Sulaiman

Renungan-1 Raja-Raja 3:4-15

Maka berikanlah kepada hamba-Mu ini hati yang faham menimbang perkara untuk menghakimi umat-Mu...

1 Raja-Raja 3:9

Sewaktu Tuhan bertanya, "Apakah yang engkau ingini daripada Aku?" apakah jawapan anda? "Tuhan, berikan saya gaji yang lebih lumayan?" "Tuhan, naikkan pangkatku dalam syarikat ini?" "Tuhan, biarlah

perniagaanku mencecah kejayaan yang luarbiasa?" "Tuhan, tolong gerakkan pembeli saya dari luar negeri untuk menempah barang-barangku?" Bagaimana kalau Tuhan kita memberi kita banyak wang tetapi kita tidak mempunyai kebijaksanaan mengurusnya?

Mintalah kebijaksanaan daripada Tuhan.

Permintaan Raja Sulaiman sangat berkenan kepada hati Tuhan sehingga Tuhan memberkatinya dengan berkelimpahan. Kebijaksanaan merupakan permata berharga dalam kehidupan kita. Banyak di kalangan umat Kristian memerlukan kebijaksanaan Ilahi untuk menguruskan kehidupan peribadi mereka. Setiap hari kita menaikkan beribu permohonan kepada Tuhan. Adakah kita pernah berfikir, "Adakah permohonan saya berkenan kepada Tuhan?" Sulaiman meminta kebijaksanaan hati, suatu hal yang tidak boleh dibeli dengan berjutaan ringgit mahupun pengetahuan sahaja. Doa itu sangat berkenan kepada Tuhan lalu Tuhan memberi dia lebih daripada apa yang diminta olehnya.

Banyak situasi dalam kehidupan memerlukan kebijaksanaan dalam keputusan kita. Keinginan untuk mengetahui apa yang paling menyenangkan hati Tuhan akan mendatangkan hasil yang terbaik. Dunia kita memerlukan pemimpin seperti Sulaiman kerana situasi hidup kita semakin rumit.

Pada waktu dua perempuan merebut hak memiliki seorang bayi, Raja Sulaiman telah diberikan kebijaksanaan yang luar biasa untuk bersikap tenang. Salah seorang ibu berkata, "Pada waktu malam anak perempuan ini mati kerana dia menidurinya, lalu dia mengambil anakku dari sampingku dan gantikan dengan anaknya yang tidak bernyawa!" Perempuan yang lain berkata, "Bukan! Anakmu yang mati...."

Raja Sulaiman yang bijak bertitah, "Penggallah anak yang hidup ini menjadi dua dan membaginya kepada dua perempuan ini..." Raja Sulaiman dapat mengecam ibu yang benar melalui perkataannya, "Ya tuanku! Berikanlah kepadanya bayi yang hidup itu, jangan sekali-kali membunuh dia."

Doa: Tuhan Yang Bijaksana, saya memohon kebijaksanaan fikiran dan hati supaya segala keputusan dan urusan dapat diuruskan dengan cara terbaik.

HARI 40

Ketabahan Yang Luarbiasa

Renungan-Markus 15:16-32

*Mereka memukul kepala-Nya dengan buluh,
dan meludahi-Nya dan berlutut menyembah-Nya.*

Markus 15:19

Banyak pelukis cuba menggambarkan penderitaan Kristus pada wajah-Nya. Sewaktu saya masih kecil, saya membayangkan mata Kristus yang sangat sedih dan yang tahan menderita. Banyak gambar yang pernah saya lihat seakan-akan memberitahu saya bahawa Tuhan Yesus sedang merenungi sesuatu yang sangat mendalam iaitu penebusan dosa manusia. Sinaran mata-Nya terpancar ketabahan yang utuh.

Ketika anda melihat kayu salib, adakah anda melihat Dia tahan menderita. Pada saat kematian-Nya, adakah anda melihat Dia tahan menderita bukan sahaja di bawah tangan manusia tetapi juga amarah Bapa-Nya terhadap dosa manusia. Kepedihan jiwa-Nya begitu menyayatkan hatiku ketika Dia berteriak, "Eloi, Eloi, lama sabaktani?" iaitu "Allahku, Allahku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?"

Apabila saya merenungi ketabahan Yesus, saya yang mengkagumi bahawa ketihan jasmani tidak menyebabkan Dia kehilangan ketabahan-Nya. Dia mati pada hari Jumaat tetapi pada hari Khamis Dia berdoa sepanjang malam. Dia memerlukan kekuatan untuk menghadapi saat-saat yang paling ngeri iaitu kematian-Nya di kayu salib. Di taman Getsamani, ketabahan-Nya jelas terbukti oleh titisan darah-Nya yang mencucuri ke tanah. Ketabahan-Nya terbukti apabila Dia bersabda, "Ya Abba, ya Bapa, tidak ada yang mustahil bagi-Mu, ambillah cawan ini daripada-Ku tetapi janganlah apa yang Aku kehendaki, melainkan apa yang Engkau kehendaki." (Markus 14:36)

Ketabahan-Nya jelas terbukti apabila Dia ditolak dari satu mahkamah ke satu mahkamah lain. Banyak pertanyaan diajukan oleh Pilatus kepada Tuhan Yesus tetapi Dia tidak menjawab. Ketabahan-Nya jelas terbukti ketika diejek oleh imam-imam besar dan askar. Dia tidak membalas setimpal perbuatan musuh-Nya pada saat itu. Siapakah yang membunuh Yesus tidak perlu dijadikan persoalan. Yang penting ialah ketabahan Yesus sehingga Dia rela berkorban.

Adakah ketabahan Yesus juga tergambar pada kehidupan kita. Ketabahan Tuhan Yesus ternyata dalam kehidupan saudara Andrew, mubaligh ke Negara Russia.

Saudara Andrew terpaksa menghadapi pelbagai penderitaan untuk membuka pintu injil untuk penduduk komunis. Saudara Andrew yang dikenali sebagai "Brother Andrew of the Iron Curtain" hanya seorang budak kecil sewaktu Perang Dunia Kedua. Kehidupan yang sulit mendesak Andrew dan rakan-rakannya ke Jerman untuk bekerja di medan peperangan. Apabila perang berakhir, dia ke Indonesia dan menyertai Pasukan Belanda di Indonesia. Di sana, dia terharu oleh iman orang Kristian Indonesia yang berapi-api. Sewaktu dia sudah kembali ke Negara Belanda, dia tergerak membaca Alkitab dan menyerahkan nyawanya kepada Tuhan.

Dia kemudian belajar di Glasgow dan di sana dia membaca tentang keperluan injil Negara komunis di Eropah Timur. Dia mengembara ke Warsaw, ibukota Negara komunis Poland. Ketabahan saudara Andrew telah memampukan dia menyebarkan Alkitab ke Negara Czechoslovakia, Yugoslavia, Bulgaria, Rumania, Negara Jerman, Hungary, Albania dan Rusia. Pelayanan saudara Andrew itu selalu diawasi oleh polis. Hanya ketabahan dan kasih kepada Tuhan yang memampukan saudara Andrew memberkai banyak Negara yang mempunyai pemerintahan yang bersifat kuku besi.

Doa: Tuhan, aku mahu hidup tabah seperti Engkau ketika menghadapi rintangan dan kesulitan dalam kehidupan dan pelayanan saya.

HARI 41

Kata-Kata Intim

Renungan-Yohanes 19:17-27

Dan dekat salib Yesus berdiri ibu-Nya

dan saudara ibu-Nya Maria,

isteri Klopas dan Maria Magdalena

Yohanes 19:25

Saya mengerti perasaan mereka sewaktu mereka memandang Tuhan Yesus yang sedang menunggu ajal-Nya. Tuhan Yesus tentu berasa sungguh sedih ketika melihat wanita-wanita yang menangis di bawah salib-Nya. Pada saat yang paling sakit pun, Yesus mengambil kesempatan menunjukkan kasih-Nya kepada ibu-Nya. Walaupun Dia terpaksa meninggalkan ibu-Nya. Dia ingin memastikan segala urusan dalam kehidupan ibu-Nya terurus baik. Inilah saat yang sedih namun indah bagi Yesus, ibu-Nya, dan Yahya.

Saya masih teringat melihat beberapa orang yang saya kasihi meninggal dunia. Saat itu sangat penting kerana banyak pesanan terakhir diutarakan. Itulah saat untuk meyakinkan orang itu bahawa kita akan menuruti segala yang dipesannya dan kita tetapi mengasihi mereka. Saat perpisahan ini juga merupakan saat yang paling susah dilewati kerana hati kita juga hancur. Tuhan Yesus mengerti perasaan itu kerana Dia sendiri pernah mengalami perpisahan dengan orang yang dikasihi-Nya. Tentu Tuhan Yesus menangiis ibunya yang akan diingalkan-Nya dan pengikut-pengikut yang begitu takut.

Orang Kristian pun tidak terelak daripada kematian, kemalangan dan perpisahan dengan orang yang kita kasihi. Ingat, kita memiliki Juruselamat yang pernah mengucapkan selamat tinggal kepada ibu-Nya pada waktu Dia mati di kayu salib. Dia memahami perasaan kita pada saat-saat gelap seperti ini.

Alice yang berasal dari Indonesia cukup terharu kerana sempat berseketu dan mengucapkan selamat jalan kepada bapanya. Bapanya yang terlantar di katil sempat beromong-omong dengan Alice selama satu minggu. Pada hari yang terakhir, tiba-tiba bapa yang selama ini tidak dapat berjalan, berdiri lantas

berjalan ke kamar mandi. Dia bermandi serta berpakaian kemas. Alice terkejut ketika melihat bapanya keluar dari kamar mandi, kemas serti bertali leher, Bapanya memeluk Alice lalu berkata "Saya pergi ke syurga" lalu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Hati Alice terhibur kerana menerima keyakinan daripada bapanya bahawa segala sesuatu teratur baik.

Doa: Juruselamatku, sewaktu saya terpaksa mengucapkan selamat tinggal kepada orang yang saya kasihi, hiburkan hati saya yang hancur.

HARI 42

Menjamu Selera Berwsma Yesus

Renungan-Lukas 7:36-50

Seorang Farisi mengundang Yesus untuk datang makan di rumahnya

Yesus datang ke rumah orang Farisi itu, lalu duduk makan.

Lukas 7:36

Ini surat dariapda seorang Farisi kepada Cik Evelyn Tan yang menceritakan suasana rumahnya sewaktu Yesu mengunjungi ke rumahnya.

Kepada Cik Tan yang dikasihi,

Salam sejahtera kepada saudari dan keluarga.

Saudari, saya dah berjanji menulis mengenai apa yang terjadi sewaktu saya mengundang Yesus untuk makan malam di rumah saya, Sewaktu saya mengundang Yesus, saya ragu-ragu kerana saya tidak tahu sudikah Dia menjejak kaki ke rumah seorang Farisi. Jemputan saya diterima lalu Yesus pun datang. Dia bersembang dengan kami dan gelak terbahak-bahak ketika mendengar cerita lucu. Perkataan-Nya cukup memberi kesan yang mendalam dalam benakku. Walaupun Dia hanya ke sini sekali sahaja, Dia sudah mengubah kehidupan saya. Saya mulai berfikir tentang nilai-nilai yang kami pegang selama ini sebagai orang Farisi.

Mula-mulanya saya menduga Yesus hanya akan berkhutabh tetapi dugaan saya salah. Dia bersembang tentang perkara yang terjadi dalam kehidupan harian kami. Dia juga menerima kami walaupun sesetengah kawan saya tidak pandai bercakap. Oh ya! Saya begitu takut sewaktu Si Tolol (kawan saya yang agak bodoh itu) membuka mulutnya untuk menunjukkan kekebalannya. Hairannya. Yesus mendengarnya seraya ketawa berdekah-dekah. Saya menduga Yesus akan berdebat dengan saya tetapi Dia bermesra dengan saya sahaja. Saya tidak beradu kepintaran teologi saya atau berusaha memalukan sesama.

Hatiku berdebar-debar ketika perempuan terkeji masuk ke rumah saya. Sebenarnya, saya ingin mengusir ayam itu dengan segera tetapi saya tidak ingin suasana mesra dihancurkan. Saya hanya berdiri tercengang melihat segala gerak gerinya. Perempuan ini tidak memberi kerlingan genit seperti yang lazim diberikan kepada lelaki lain. Matanya kelihatan bergelincangan airmata. Dia membawa sebuah buli-buli pualam minyak wangi. Dia membasahi kaki Tuhan Yesus dengan airmatanya lalu menyekanya dengan minyak wangi, Kemudian dia meminyaki kaki Yesus dan menciumnya. Pada waktu itu, saya mencaci Yesus dalam hatiku.

Cik Tan, saya hanya mencaci dalam hatiku tetapi Tuhan Yesus sudah mengetahui bisikan hatiku. Saya berbisik di hati, "Jika Dia ni nabi, tentu Dia tahu bahawa perempuan ini adalah seorang yang berdosa!" Segera Yesus menceritakan perihal dua orang yang berdosa. Orang yang berasa dosanya banyak dihapuskan mengasihi Tuhan lebih daripada yang lain. Dia berkata orang yang lebih berhutang akan berasa berhutang budi. Yesus sebenarnya berkata perempuan berdosa yang rasa dirinya diampuni lebih akan mengasihi Dia lebih.

Saya masih sedang berfikir-fikir tentang ucapan-Nya berbunyi demikian, "Sebab itu Aku berkata kepadamu: Dosanya yang banyak itu telah diampuni, sebab Dia telah banyak berbuat kasih (meminyaki kepala Yesus dengan minyak wangi). Tetapi orang yang sedikit diampuni, sedikit juga ia berbuat kasih."" (Lukas :47)

Saya akan mengundang saudara lain kali kalau Yesus datang makan malam. You mesti datang, Dia bukan nabi sahaja. Sesungguhnya saya telah bertemu dengan Tuhan Penyayang yang memahami batin manusia!

Salam buat papa dan mamamu.

*Yang Ikhlas,
Simon*

Doa: Tuhan Yesus, tolonglah kami untuk menolong orang yang berdosa mengenal Tuhan dan tidak menyingkir mereka.

HARI 43

Sudah Selesai

Renungan-Yohanes 19:28-30

*Sesudah Yesus meminum anggur asam itu,
berkatalah Ia: "Sudah Selesai."*

Lalu Ia menundukkan kepala-Nya dan menyerahkan nyawa-Nya.

Yohanes 19:30

Apakah yang dimaksudkan oleh Yesus ketika Dia berseru, "Tetelesai." Meskipun misi-Nya untuk menebus dosa manusia dengan pencurahan darah-Nya sendiri cukup sulit, Dia telah menyelesaikannya. Saya mentafsir seruan itu sebagai pencapaian yang terhebat dalam sejarah manusia iaitu penyelamatan umat manusia daripada dosa. Tetelesai itu seruan kemenangan yang luarbiasa atas kuasa maut dan dosa. Dosa yang seperti kerikil-kerikil tajam yang mencengkam manusia dan menyebabkan manusia menuju ke nereka telah dihapuskan Yesus atas kayu salib.

Apabila saya merenungi kehidupan yang luarbiasa ini, saya sering menanyakan diri, "Dapatkah saya mengucapkan "Tetelesai" apabila menghembuskan nafas yang terakhir?" "Ya, ya, saya sering terdengar orang berkata sebaik-baiknya pelayanan kita, sebenarnya kita hanya setitis air di lautan keperluan yang begitu luas!" Namun apakah saya boleh ucapkan "Tetelesai" walau saya cuma setitis air.

Jangan memandang rendah terhadap setitis air.

Beberapa misionari dari Borneo Evangelical Mission, Australia dipanggil untuk menjadi perangka pembangunan bagi Gereja SIB, dan Tuhan sahajalah yang akan menjadi Pembangunnya! Hudson Southwell, misionari yang diutus oleh Tuhan kepada Lun Bawang mengagumi akan pekerjaan Tuhan dikalangan orang Lau Bawang. Pada tahun 1933, mereka masih kemasukan tetapi kini setelah mendengar injil mereka telah berubah menjadi bersih dan sihat. Apabila Hudson Southwell mengunjungi mereka lagi, beliau mendapati rumah panjang sudah bersih dan sihat, tidak ada babi yang berkeliaran. Anda boleh berjalan di rumah panjang tanpa menahan nafas anda kerana bersih. Dia Long Semadoh, misionari itu telah menyelesaikan tugas penginjilannya dan Tuhan menyempurnakan pekerjaan mereka dengan perubahan yang ajaib.

Seorang kurator daripada Muzium Sarawak bertanya kepada Southwell, "Apakah yang telah anda lakukan dengan orang ini, Southwell?" Misionari ini sudi menyelesaikan pelayanannya di pedalaman Borneo. Tuhan menjadikan seluruh suku ini sebagai milk-Nya. Kemabukan, percabulan dan perzinaan yang telah merosakkan mereka telah terhapus dan kini suku ini memiliki kerohanian yang baru.

Tuhan dapat melakukan mukjizat dalam kehidupan kita seandainya kita rela menyelesaikan tugas kita. Misionari pertama rela mengharungi bahaya hutan, merempuh jalan, dan meranduk sungai, bagaimana kita pula?

Doa: Tuhan, aku mahu berseru "Tetelesai" ketika aku menghembuskan nafasku yang terakhir.

HARI 44

Perjalanan Ke Emmaus

Renungan-Lukas 24:13-35

Lalu Ia berkata kepada mereka:

"Hai kamu orang bodoh,

betapa lambannya hatimu,

sehingga kamu tidak percaya segala sesuatu,

yang telah dikatakan para nabi."

Lukas 24:25

Bukankah kita sering mengharapkan perjalanan hidup kita indah dan bebunga bertumbuh di sepanjang jalan yang cerah. Ketika anda sedang berjalan di perjalanan yang menghantui perasaan, adakah anda berharap satu mukjizat terjadi? Mukjizat sering terjadi pada waktu anda tidak menduganya?

Marilah kita mendengar jejak langkah dua murid Tuhan Yesus yang sedang menuju ke Emmaus. Ya, langkah mereka memang berat dan perasaan kecewa menyelubungi jiwa mereka. Mata mereka kabur dan telinga mereka hanya terdengar bunyi paku tajam yang menusuk tangan Tuhan Yesus. Perasaan sedih melandai jiwa mereka kerana Tuhan Yesus yang disayangi oleh mereka sudah meninggalkan dunia dengan ngeri. Mereka terluka dan harapan dalam kehidupan mereka pudar.

Tuhan Yesus mendekati mereka pada saat mereka sedih tetapi mereka masih bertanya-tanya tentang kematian-Nya dengan penuh keraguan, Walaupun Tuhan Yesus bersabda, "Bukankah Mesias harus menderita semuanya itu untuk masuk dalam kemuliaan-Nya?" Lalu Dia menjelaskan segala yang diceritakan dalam kitab-kitab Musa dan segala kitab nabi-nabi namun mereka masih tidak memahami apa yang difirmankan Tuhan yang hidup.

Tuhan Yesus sudah bangkit! Adakah kita masih bersedih seperti murid-murid Tuhan Yesus? Martin Luther pernah dilandai perasaan yang gelap sehingga dia kelihatan begitu muram. Isterinya yang melihat dia begitu sedih dan muram berbaju hitam kerana ingin memberitahu suaminya sesuatu. "Kenapa awak berpakaian begitu hitam, sayang?" tanya Martin Luther kepada isterinya. "Suami yang kucinta, tahukah Tuhan sudah mati?" "Tidak, Tuhan Yesus sudah bangkit!" jawab Martin Luther. "Kenapa pula kau bermuram sahaja?" tanya isterinya. Martin Luther menyedari bahawa sikapnya yang begitu muram hanya memberitakan yang palsu iaitu, "Tuhan sudah meninggal dunia!"

Janganlah bermuram! Mukjizat boleh terjadi sewaktu kita berada di perjalanan yang gelap dan mengecewakan! Dia hidup!

Doa: Tuhan, Aku tahu Engkau sudah hidup! Biarlah akan mengharapkan mukjizatMu di perjalanan yang gelap kerana Engkau berjalan bersamaku.

HARI 45

Bukan Sebagai Hamba

Renungan-Filemon

Bukan lagi sebagai hamba,

melainkan lebih daripada hamba,

iaitu sebagai saudara yang kekasih,

bagiku demikian, apa lagi bagimu,

baik secara manusia mahupun di dalam Tuhan.

Filemon 1:16

Maria tinggalkan anak tunggalnya di bawah penjagaan ibunya di Semarang. Dia bergelintangan airmata ketika terpaksa melihat anaknya melambai dan memanggil "Mak!" di lapangan kapal terbang. Setibanya di Malaysia, dia menolong menjaga urusan rumahtangga serta menjaga seorang nenek yang lumpuh dan terlantar di katil. Susuk tubuh nenek itu terlalu kurus dan tidak bermaya. Bagaimanapun Maria dengan sabar menolong nenek ini makan dan menjaga kebersihannya.

Sewaktu, dia meninggalkan nenek dan keluarga ini untuk bercuti, pipinya dibasahi airmata kerana dia akan merindui mereka. Dia telah menjadi sebageian daripada keluarga ini. Swaktu dia bercuti dua bulan di Semarang, dia akan berjalan jauh untuk menelefon keluarga dan nenek ini untuk menanyakan keadaan nenek kerana dia berasa bimbang. Sepulang ke Malaysia, dia membawa banyak kantung keropok dan kerepek bahkan barang perhiasan daripada Indonesia!

Pembantu kita janganlah dianggap sebagai hamba melainkan lebih daripada hamba, iaitu saudara yang kekasih. Saudara-saudari, inilah ajaran dariapda Bible. Jangan menyimbah mereka dengan air panas, mengetuk kepala mereka, ataupun mencucuk mereka dengan benda yang tajam. Tentu badan pembantu tidak boleh ditepak dengan seterika panas sehingga melencur. Tentu tidak. Jangan memberi mereka makanan sisa yang sudah busuk. Pembantu kita juga mempunyai kekuatan yang terbatas. Berilah mereka waktu berehat agar mereka boleh mencapai mutu pekerjaan yang baik atau menghidangkan masakan yang sedap.

Pembantu juga harus menganggap majikan mereka sebagi saudara yang dikasihinya. Dalam segala hal biarlah kita bersikap taat keapda mereka dan jangan membantah terus. Jangan kita berlaku curang seperti mencari boyfriend rahsia sewaktu menjaga anak tetapi hendaklah kita selalu tulus dan setia sehingga nama Tuhan dapat dimuliakan. Sewaktu majikan berada di rumah atau tidak, marilah kita melayan bersungguh-sungguh sehingga nama Tuhan diperharumkan. Jangan pula mengadakan jamuan peribadi atau berpesta pora di rumah majikan sewaktu dia tidak ada di rumah. Jangan menelefon sehingga bilnya melambung!

Saya berasa terharu dengan beberapa majikan yang membeli kek untuk merayakan hari jadi pembantunya di gereja Bahasa DUMC. Saya juga terharu dengan pembantu yang membeli baju-baju cantik untuk anak-anak majikan mereka ketika mereka pulang bercuti walaupun dompet tidak terlalu berlemak!

Doa: Tuhan, tolonglah kami menghargai dan mengasihi pembantu kami yang banyak berkorban untuk melayani kami.

HARI 46

Janganlah Katakan "Aku Ini Masih Muda!"

Renungan-Yeremia 1:1-19

Lalu Tuhan mengulurkan tangan-Nya dan menjamah mulutku,

Tuhan berfirman kepadaku: Sesungguhnya,

Aku menaruh perkataan-perkataanku ke dalam mulutmu.

Yeremia 1:9

Yeremia yang muda bergemetaran ketika diutus Tuhan kepada bangsa yang degil. Dia berasa dirinya tidak mampu tambahan pula dia tidak pandai berbicara. Apabila Tuhan memanggil kita, alasan apapun yang kita berikan tetap kehendak-Nya. Panggilan-Nya tidak berubah. "Tetapi Tuhan berfirman kepadaku: Janganlah katakan: Aku ini masih muda, tetapi kepada siapapun engkau Kuutus, haruslah engkau pergi, dan apapun yang Kuperintahkan kepadamu, haruslah kau sampaikan." (Yeremia 1:7) Tuhan tidak suka tawar menawar dengan orang yang dipanggil-Nya. Kebolehan tidak penting melainkan ketaatan kepada Tuhan dengan kerendahan hati.

Rencana Tuhan tidak dapat ditukar kerana Tuhan telah menetapkan Yeremia menjadi nabi sejak dia masih berada di dalam rahim ibunya. Tambahan pula, Tuhan memiliki rencana yang begitu besar bagi Yeremia.

Dia akan mengangkat Yeremia atas bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan untuk mencabut, merobohkan, membinasakan dan meruntuhkan, serta membangun dan menanam melalui firman-Nya!

Hannington seperti nabi Yeremia telah menurut panggilan Tuhan bagi kehidupannya.

Panggilan Tuhan seseorang sesungguhnya bermula pada waktu dia masih berada di kandungan ibunya. Tidak ada orang pun dapat menduga seorang anak nakal yang bernama James Hannington akan dipanggil oleh Tuhan apalagi melayani Tuhan dengan kegigihan luarbiasa. Sejak masih kecil, dia nakal sekali. Dia membuka paip air sehingga rumahnya dibanjiri air. Dia selalu mengetuk pintu orang lain lalu bersembunyi. Di kampungnya tinggal seorang pembuat boneka yang tua, James suka membuat dia naik darah. Suatu hari, orang tua itu melemparkannya keluar dari kedai bonekanya. Ajaibnya, Tuhan bekerja dalam kehidupannya sehingga James mulai berubah. Dia menjadi seorang pendeta di Exeter dan pada umur 35 tahun, dia dipanggil ke Uganda. Dia kemudian diutuskan sebagai uskup ke Afrika. Akhirnya, beliau mati syahid sewaktu menginjili orang Afrika.

Tidak ada orang menyangka James akan dipanggil oleh Tuhan dan menjadi berkat kepada orang Afrika sehingga nyawanya terkorban. Apakah Tuhan memanggil engkau? Berdoa dan menurut panggilan Tuhan dalam kehidupanmu. Seandainya Tuhan memanggil anda ke suatu pelayanan, jangan memberi sebarang alasan.

Doa: Oh Tuhan, terima kasih atas panggilan dan rancangan-Mu dalam kehidupan saya. Saya mahu selalu menurut Engkau setiap jejak langkah kehidupan saya.

HARI 47

Pertanyaan Tuhan

Renungan-Yeremia 2:1-19

*Bukankah engkau sendiri yang menimpakan ini ke atas dirimu,
oleh kerana engkau meninggalkan Tuhan, Allahmu,
ketika Dia menuntun engkau di jalan?
Yeremia 2:17*

Apabila kita ditimpa malapetaka, kita sering tertanya-tanya, "Tuhan mengapa engkau membiarkan ini tertimpa pada saya?" Benarkah ini kesalahan Tuhan atau sebaliknya perbuatan kita sendiri? Sewaktu umat Tuhan berdosa, Tuhan mengajukan beberapa pertanyaan untuk menyedari mereka yang tinggal dalam kenajisan dosa.

Pertanyaan Tuhan:-

"Apakah kecurangan yang didapati nenek moyangmu pada-Ku, sehingga mereka menjauh daripada-Ku, mengikuti dewa-dewa kesia-siaan, sampai mereka menjadi sia-sia?" (Yeremia 2:5)

"Pernahkah suatu bangsa menukarkan allahnya meskipun itu sebenarnya bukan allah? Tetapi umat-Ku menukarkan kemuliaan-Nya dengan apa yang tidak berguna." (Yeremia 2:11)

"Bukankah engkau sendiri yang menimpakan ini ke atas dirimu, oleh kerana engkau meninggalkan Tuhan Allahmu, ketika Dia menuntun engkau di jalan?" (Yeremia 2:17)

"Dan sekarang, apakah untungmu untuk pergi ke Mesir, hendak meminum air sungai Nil? Dan apakah untungmu untuk pergi ke Asyur, hendak meminum air sungai Efrat?" (Yeremia 2:18)

Pernahkah Tuhan menanyakan anda pertanyaan begitu? Dalam Bab 2. Tuhan penuh dengan pertanyaan yang bertujuan membuat umat Tuhan menyelidiki diri dan menyedari dosa mereka. Kebanyakan orang Kristian hanya melihat dosa sebagai satu senari yang mencatat apa yang boleh dibuat dan yang tidak boleh dibuat. Tuhan menanyakan anda kenapa anda rela meninggalkan Dia? Bukankah Dia yang menuntun anda banyak kali? Tangisan Tuhan bagai seorang ibu ayng ditinggalkan oleh anaknya setelah

mencurahkan kasih sayang dan bertitik peluh mendidik dia. Apakah kesalahan saya sehingga anakku tidak pernah kembali ke kampung pada Hari Raya ini?

Benarkah dosa dapat memuaskan engkau? Tidak. Hanya kasih Tuhan yang boleh memuaskan kita. Enakkah minum daripada air sungai lain yang sudah tercemar? Tuhan dapat memberi berkat yang jauh lebih baik daripada kenajisan dosa?

Yang terakhir, Tuhan menyuruh anda menyelidiki hati sendiri. Ingat amaran Tuhan. Sewaktu dosa mendatangkan padahnya, janganlah mempersalahkan Tuhan.

Doa: Tuhanku. Aku rela merenungi pertanyaan yang diajukan oleh Gembala jiwa kami dan mengubah cara kehidupanku.

HARI 48

Mencari Kekasih Lain

Renungan-Yeremia 3:1-5

*... Aku teringat kepada kasih-Mu pada masa mudamu,
kepada cinta-Mu pada waktu engkau menjadi pengantin,
bagaimana engkau mengikuti Aku di padang gurun...
Yeremia 2:2*

Seorang teman akrab saya berkata dia memutuskan hubungannya dengan kekasihnya yang cantik kerana dia telah 'curi makan.' "Yakah, dia suka curi makanan kau?" "Maksud saya, dia suka mencari kekasih lain," jawab teman itu. Beberapa saat kemudian, pelupuk matanya bergelindangan airmata lalu dia mengesatnya dengan lengan. "Saya tidak sanggup menerima kecurangan seperti ini," katanya. "Syukurlah, saya percaya awak akan mendapat seorang kekasih yang lebih ikhlas," sahut aku.

Yeremia menggambarkan dosa umat Tuhan sebagai perzinaan rohani. Umat Tuhan mencari kekasih lain dan melampiaskan hawa nafsu mereka sendiri. Mereka disamakan dengan perempuan yang melakukan kecurangan terhadap suami mereka. Tuhan ialah kekasih jiwa kita dan sebagai seorang kekasih, dia cemburu jika kita berzina secara rohani.

Kekasih yang baik memupuk kesetiaan dalam perhubungan mereka dan pandai menjaga hati kekasihnya. Kecurangan meretakkan perhubungan keluarga. Suami yang curang seringkali mematahkan hati isteri dan menyebabkan rumahtangga berporak peranda. Kasih dan keikhlasan kepada orang yang kita kasihi perlu diutamakan kalau kita ingin perkahwinan diperkukuhkan. Cinta yang wujud harus dipupuk sehingga kekasih lain tidak muncul dalam kehidupan kita.

Kekasih jiwa kita juga tidak suka jika kita bercurang dalam perhubungan kita dengan-Nya. Jangan biarkan berhala mengambil tempat pertama dalam kehidupan anda.

Doa: Tuhan. Engkaulah satu-satu kekasih jiwaku. Aku tidak mahu melukai hati-Mu dengan mencari kekasih lain.

HARI 49

Tangan Liat Di Tangan Tukang Periuk

Renungan-Yeremia 18:1-23

*Sungguh seperti tanah liat di tangan tukang periuk,
demikianlah kamu di tangan-Ku...
Yeremia 18:6*

Tanah liat pada resminya tidak ada gunanya dan tidak menarik. Seandainya kita mahu menggunakan tanah liat, kita mesti sabar menyiapkannya melalui pelbagai proses. Pertama, tanah liat ini mesti dilunakkan

terlebih dahulu supaya mudah digunakan. Anda mahu tanah liat menjadi pasu? Tukang membuat pasu itu harus berkali-kali membentuknya sehingga menjadi bentuk yang diinginkan. Kalau ada kerosakan atau bercacat cela, dia akan memulai proses pembentukan lagi. Nabi Yeremia memperhatikan kesulitan membentuk tanah liat menjadi periuk, "Apabila bejana yang sedang dibuatnya diripad tanah liat di tangannya itu rosak, maka tukang periuk itu mengerjakannya kembali menjadi bejana lain menurut apa yang baik pada pemandangannya." (Yeremia 18:4)

Sebelum tukang periuk membawanya ke dapur api, periuk tersebut mesti dikeringkan di bawah matahari terlebih dahulu, dan sesudah kering, ia tidak boleh dipakai langsung. Jika kita ingin periuk itu tahan lasak, kita mesti membakarnya dalam api. Pasu yang indah mesti menjalani proses lebih lanjut lagi. Pasu itu akan dicat dengan cat yang mahal dan diukirkan dengan teliti sehingga dapat menawan pembelinya.

Adakah kehidupan anda seperti periuk yang retak di tangan pembentuk tukang periuk? Hancur melulu? Jangan! Tuhan akan membentuk kehidupan anda lagi supaya sesuai dengan rancangan-Nya yang terindah. Seringkali pembentukan kita bermula pada waktu kita berasa terhimpit dan menderita, Kalau kita ingin digunakan Tuhan, kita mesti dilunakkan, dikeringkan, diukirkan dan dicat melalui pelbagai tahap pengalaman dalam kehidupan kita.

Seorang ibu mungkin pada saat ini hancur hati ketika melihat anak remaja berjalan ke arah yang bertentangan walaupun dia sudah mengoyakan palungannya dengan penuh tanggungjawab dan perhatian. Percayakan kehidupannya kepada Pembentuk jiwa yang dapat mencantumkan semua keretakan itu dan mengubah kehidupan seseorang.

Anda sering mengeluh sikap suami yang hanya mementingkan diri? Jangan menguruskan hal ini dengan kekuatan dan kesabaran sendiri. Doakan agar Tuhan, Pembentuk jiwa akan bercampur tangan dan membentuk perwatakannya. Jangan angkat bendera putih kerana Tuhan bekerjasama dengan kita dalam urusan pembentukan jiwa.

Doa: Kehendak Tuhan jadikanlah, aku tanah liat, Engkau Pembentuk jiwaku, bentuklah aku sesuka-Mu, aku menunggu di kaki-Mu.

HARI 50

Kata-Kata Manis Memang Sedap

Renungan-Yeremia 23:9-32

*... mereka menguatkan hati orang-orang berbuat jahat
sehingga tidak ada seorangpun yang bertaubat dari kejahatannya;
semuanya mereka telah menjadi seperti Sodom bagi-Ku
dan penduduknya seperti Gomora.
Yeremia 23:14*

Banyak orang suka mendengar tentang berkat Tuhan dan janji-janji manis bukan teguran yang jujur. Nabi-nabi palsu pada waktu Yeremia pandai membuai jiwa pendengarnya dengan alunan kata-kata manis sehingga tidak ada orang bertaubat. Sebaliknya, perubahan watak dan pertaubatan umat manusia menjadi cabaran pengkhotbah sejati. Nabi-nabi palsu mengambil jalan singkat untuk mengambil hati umat Tuhan sehingga mata mereka tidak pernah dicelik dan tidak bakal dicelik oleh serangkaian khutbah yang palsu. Nabi palsu akan bersabda, "Tuhan sangat berkenan pada dirimu, dan tahun depan Dia akan memberkati kamu dengan kereta besar." Padahal yang perlu diterima ialah, "Bertaubat, Hari Tuhan sudah menjelang!"

Kita hanya membohongi diri sendiri kalau kita tidak menyelidiki hati kita dengan jujur sewaktu ditegur oleh firman Tuhan. Alangkah teruknya kalau kita hanya mengetahui kehidupan kita tidak berkenan kepada Tuhan pada hari-hari terakhir. Dengarlah firman Tuhan dengan serius, "Murka Tuhan tidak akan surut sampai Ia telah melaksanakan dan mewujudkan apa yang dirancang-Nya dalam hati-Nya; pada hari-hari terakhir kamu akan benar-benar mengerti hal ini." (Yeremia 23:20)

Janganlah hanya mahu menerima penyembuhan dan kekayaan berkat Tuhan. Jangan menerima pengkhutbah-pengkhutbah seperti nabi-nabi yang penuh dengan mimpi-mimpi kosong, "...aku telah bermimpi, aku telah bermimpi!" (Yeremia 23:25) Aku bermimpi engkau menjadi jutawan yang terkenal di Malaysia dan Tuhan memberkati cucu-cucu engkau dengan lemak yang berleleleh. Nabi-nabi yang memberitakan kebenaran pula akan dianiayai, dilontari batu, diejek, dan dibunuh kerana memberitakan kenyataan dan kebenaran.

Adakah anda sedang minum air daripada sumber yang sejati? Nabi-nabi dan pengkhutbah yang palsu mengizinkan anda melakukan sesuka hatimu. Di Amerika Syarikat dan Negara Inggeris, golongan kepimpinan gereja yang tertentu memberkati perkahwinan homoseks, pengguguran anak, dan seks sebelum pernikahan. Yang lebih dahsyat lagi, homoseks dapat diangkat menjadi pastor gereja. Pengkhutbah golongan ini telah memalsukan firman Tuhan dan menyampaikan berita yang palsu untuk menggelapkan fikiran umat Tuhan. Nabi-nabi ini telah mengambil alih hak untuk menentukan yang salah dan betul dan tidak menjunjung firman Tuhan. Tambahan pula, mereka menjanjikan berkat manis dan berjutaan umat telah mengikut jejak yang salah.

Doa: Tuhan, saya tidak mahu hanya mendengar mimpi-mimpi yang mulus tetapi saya mahu mendengar daripada suara-Mu sendiri.

HARI 51

Bangunlah Dan Berdiri

Renungan-Yehezkiel 2

*Hai anak manusia, bangunlah dan berdiri
kerana Aku hendak berbicara dengan Engkau.
Yehezkiel 2:1*

Yehezkiel dibawa sebagai tawanan ke Tel Abib di Negara Babel; masa depannya seakan-akan sudah termusnah kerana dia tidak dapat melayani sebagai imam di Bait Suci Tuhan. Pada waktu muda, Yehezkiel pernah melihat pembaharuan rohani yang dijalankan oleh raja Yosia. Pengharapannya untuk menjadi nabi berkobar-kobar kerana pembaharuan ini memberinya pengharapan bagi masa depan bangsanya. Kini nabi ini berasa sedih di Sungai Kebar kerana umat Tuhan telah dibawa ke pembuangan sebagai tawanan. Benarkah rancangan Tuhan tidak dapat dimusnahkan? Ya. Tuhan telah menyatakan kemuliaan-Nya secara terperinci sebelum memanggil Yehezkiel. Usahlah Yehezkiel menangisi nasibnya di sungai Kebar kerana Tuhan sudah sediakan pelayanan untuknya.

Tuhan bersabda kepada Yehezkiel, "Hai anak manusia, bangunlah dan berdiri, kerana Aku hendak berbicara dengan engkau..." (Yehezkiel 2:1) Yehezkiel tidak boleh mengikut jejak umat Tuhan. Walaupun Yehezkiel juga penuh dengan kelemahan, dia tidak boleh mengikut kaum pemberontak. Dia harus menguatkan semangatnya dan berdiri tegap meskipun suasana di sekelilingnya jahat. Di tengah-tengah kegelapan suasana dan politik, Yehezkiel harus menyampaikan firman Tuhan sekalipun mereka tidak mahu mendengar. Tuhan berkata, "Dan baik mereka mendengarkan atau tidak, sebab mereka adalah kaum pemberontak, mereka akan mengetahui bahawa seorang nabi ada di tengah-tengah mereka." (Yehezkiel 2:5)

Demikian juga dengan kehidupan Beethoven. Tragedi kehidupannya tidak menghancurkan rancangan Tuhan dalam kehidupannya malahan bakatnya menggoncangkan dunia muzik.

Rancangan peribadi anda telah gagal? Jangan tangisi nasi yang sudah menjadi bubur. Bangun dan berdiri di hadirat Tuhan kerana Dia sudah menyediakan tugas yang jauh lebih istimewa bagi anda. Lihatlah kemuliaan Tuhan dalam kehidupan anda dan jadilah berkat kepada orang ramai. Tanyalah kepada Tuhan, apakah rancangan yang tersedia untuk anda.

Beethoven yang menjadi tuli tidak kecewa namun dengan kegigihan luarbiasa, dia menggoncang dunia muzik dengan bakatnya yang luarbiasa. Sewaktu anak temannya meninggal dunia, Beethoven tidak dapat menghibur kawannya namun dia memainkan piano satu setengah jam untuk menghibur temannya. Temannya terhibur lebih daripada kata-kata semua manusia.

Doa: Tuhan, ajari kami untuk bangun dan menjadi berkat di tengah-tengah kegelapan.

HARI 52

Madu Ilahi

Renungan-Yehezkiel 2:8-3:3

...Lalu aku memakannya dan rasanya manis

seperti madu dalam mulutku

Yehezkiel 3:3

Kerelaan Yehezkiel memakan gulungan kitab itu menunjukkan ketaatan dan perbezaaanya daripada kaum pemberontak yang tidak mahu menerima amaran daripada Tuhan. Gulungan kitab pada waktu itu dibuat daripada papyrus dan digulungkan pada gelendung yang kadangkala berukuran 24 kaki panjang! Biasanya kitab hanya ditulis pada sebelah sahaja tetapi gulungan kitab yang terbentang itu ditulis timbal balik.

Unutk menjadi jurubicara yang baik bagi Tuhan, Yehezkiel terlebih daripada mesti dikuatkan oleh firman Tuhan. Dengan memakan gulungan kitab itu, Yehezkiel membuktikan bahawa dia meresapi firman Tuhan. Dia tidak membawa gulungan kitab dan membacanya kepada kaum pemberontak tetapi dicernakannya terlebih dahulu. Firman Tuhan menjadi sebahagianan urat dagingnya!

Firman Tuhan yang disampaikanNya memang berat. Gulung itu terdiri daripada nyanyian-nyanyian ratapan, tangisan, rintihan-rintihan, suara mengerang, keluh kesah dan kabungan. Berita itu mengenai pembinaan dan penghukuman Tuhan yang menjelang. Gulung kitab yang terasa pahit kepada umat Tuhan menjadi madu di mulut Yehezkiel. Teguran Tuhan yang pahit akan menjadi madu kalau kita rela bertaubat.

Pengkhotbah yang dapat menyakinkan pendengarnya biasanya menjadikan firman Tuhan sebahagiannya kehidupannya.

H.A. Ironside, pendeta gereja Moody yang berkhutbah kepad 4,000 orang, minggu lepas minggu, tahu rahsia mencernakan firman Tuhan. Sewaktu muda, H.A Ironside telah mendengar D.L. Moody berkhutbah kepada beribu-ribuan orang. Dia pun berdoa agar suatu hari dia diberikan kesempatan berkhutbah. Tuhan mendengar doanya. Pada waktu 14 tahun. Dia pun menerima Kristus setelah membaca Alkitab 14 kali! Sepanjang kehidupannya, dia telah membaca seluruh Alkitab sekali setiap tahun dan selalu menghafazkannya. Dia menjadi pengkhotbah yang terkenal di kalangan gereja 'Brethren Assemblies' dan penceramah terkenal di persidangan Alkitab.

Doa: Tuhan, aku ingin firman-Mu menjadi darah dagingku sehingga aku dapat berkhutbah seperti Yehezkiel.

HARI 53

Pohon Anggur Yang Tidak Berguna

Renungan-Yehezkiel 15:1-8, Yohanes 15

Akulah pokok anggur yang benar dan Bapa-Ku pengusahanya.

Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah,

dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah,

dibersihkan-Nya, supaya ia lebih banyak berbuah.

Yohanes 15:1-2

Yehezkiel membandingkan umat Tuhan dengan dahan pepohon di hutan. Mereka tidak setara pun dengan dahan pohon liar di hutan. Yehezkiel berusaha mencabar pandangan bahawa mereka kaum istimewa. Benarkan umat Tuhan lebih istimewa atau mereka sedang menipu diri sendiri dengan khayalan kosong? Sebenarnya, mereka tidak merintiskan keahlian dalam bidang ilmu hisab seperti negara Babel, atau menunjukkan keahlian dalam pembangunan seperti orang Mesir. Mengapakah Tuhan memilih mereka?

Tuhan telah memilih mereka menjadi saksi kepada dunia tentang kasih Tuhan. Jikalau mereka gagal memainkan peranan ini, mereka akan dicantas dan dilempar ke dalam api.

Sebagai pohon anggur mereka mesti berbuah kerana selain daripada buahnya tidak ada bahagian yang berguna. Dahan pohon anggur tidak berguna kerana terlalu kecil dan rapuh, lembut serta meriap. Dahan seperti ini tidak boleh digunakan untuk membangun rumah atau membuat alat perkakas mahupun gantungan baju. Seharusnya sebagai umat Tuhan mereka mesti berbuah kudus kerana mereka dipilih sebagai saksi kekudusan dan kebenaran-Nya.

Tuhan akan memotong ranting yang tidak berbuah. Tuhan bersabda, "Tinggallah di dalam Aku dan Aku di dalam kamu. Sama seperti ranting tidak dapat berbuah daripada dirinya sendiri, kalau ia tidak tinggal pada pokok anggur, demikian juga kamu tidak berbuah, jikalau kamu tidak tinggal di dalam Aku." (Yohanes 15:4).

Timothy Dwight (1752-1817) menghasilkan buah rohani dalam kehidupannya kerana dahannya berpaut erat pada juruselamat. Beliau selalu berdoa, menangis bagi mahasiswa Universiti Yale selaku Presiden Mahasiswa Universiti Yale. Di bawah pimpinannya, university ini mengalami kebangunan rohani. Kebangunan rohani ini merebak ke university yang lain. Mahasiswa yang selama ini memeluk "fikiran bebas" kini diperbaharui kerohanian mereka. Dia berkelulusan dari university pada umur 17 tahun kemudian berjabat sebagai pendeta, petani, ahli hokum di Connecticut, pensyarah Yale dan kemudian Presiden University Yale. Beliau mengarang 33 buku nyanyian rohani dan mengubahsuai buku nyanyian Gereja Presbyterian.

Tujuan terutama kehidupannya ialah menjadi dahan anggur Kristus yang berbuah lebat dan memuliakan nama-Nya.

Doa: Tuhan, aku berpaut pada Kristus dan berbuah lebat kerana di luar Engkau, aku tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak berguna sama sekali.

HARI 54

Kuali Yang Berkarat

Renungan-Yehezkiel 24:1-14

*Aku bersusah payah dengan sia-sia,
sebab karatnya yang tebal tidak mau
hilang daripadanya, biar dalam api.
Yehezkiel 24:12*

Perumpamaan ini mungkin diambil daripada satu lagu kanak-kanak, "Polly Put The Kettle On" Perbezaannya? Lagu ini menegaskan kuali bukan cerek. Lagu ini menceritakan pengukuman Tuhan. Dosa umat Tuhan ibarat karat yang tidak dapat dihilangkan dalam sebuah kuali. Api yang menyala-nyala melambangkan keadaan di Yerusalem yang akan dikepung dan diserang oleh musuh. Daging di dalam kuali berkarat akan dikeluarkan dan dibuang. Daging yang dibuang melambangkan setiap orang yang dibawa ke dalam penderitaan akibat kekaratan dosa mereka.

Mengapakah umat Tuhan boleh berkarat sehingga tidak berpengharapan lagi? Tuhan sudah berkali-kali merayu agar mereka bertaubat dan ditahirkan. Mereka tetap berdegil dan tidak mahu berpaling daripada hal-hal yang tidak berkenan kepada Tuhan. Dosa yang dilakukan oleh mereka mencemari kehidupan mereka sehingga tidak dapat berfungsi lagi.

Pekakkah kita terhadap rayuan Tuhan? Relakah kita tinggalkan dosa kita atau anda lebih suka menjadi kuali yang berkarat akhirnya? Kuali yang berkarat tentunya tidak dapat digunakan untuk memasak ayam rendang.

Saya menginjili Encik Beh sepuluh tahun yang lalu di Pulau Pinang dan dengan ajaib, dia bertaubat lalu menjadi manusia yang baru. Dia sudah menjadi penagih dadah selama sebelas tahun dan hanya tinggal

tulang-tulang sahaja, matanya cengkung, dan giginya hitam. Sewaktu saya menginjilinya, abangnya berteriak bahawa semua khutbah tidak berguna kerana jiwanya sudah berkarat dan tulangnya sudah rapuh! Dengan sayu, dia menerima Kristus dan segera diutus ke pusat pemulihan dadah di Klang. Setelah pemulihannya, dia menolong pusat tersebut. Dia mempelajari langkah-langkah menolong orang melepaskan diri daripada maksiat dadah.

Tamannya yang juga seorang penagih dadah lain tidak mahu bertaubat dan terus mengikut iblis di lembah gelap walaupun saya berusaha memujuknya. Pada suatu hari, dia mati di sebuah pondok yang terbiar kerana keracunan dadah.

Tinggalkan kualiti anda yang berkarat dan biarlah Tuhan memperbaharui kehidupan anda.

Doa: Tuhan, tolong aku tinggalkan kualiti yang berkarat agar hidupku dapat memuliakan Tuhan dan tidak menuju ke api.

HARI 55

Tulang-Tulang Kering

Renungan-Yehezkiel 37:1-14

*Hai anak manusia,
dapatkah tulang-tulang ini
dihidupkan kembali?
Yehezkiel 37:3 ...*

Adakah kehidupan kerohanian kita bagai tulang-tulang kering? Kalau tulang kita sudah kering, ini bererti sumsum kita sudah mengering dan semangat beribadah sudah berlayu. Kita bagai bahagian dahan yang terkerat daripada pokok dan mulai mati secara rohani atau hidup kita bagai terputus dari benang hidup kita, Tuhan.

Kita sudah lupa berkomunikasi dengan Tuhan sekian lama dan kerohanian kita bagai tulang-tulang yang berderak-derak ketika ditiup oleh angin kering! Yehezkiel berdiri di suatu lembah dan melihat tulang-tulang bertaburan di permukaan lembah itu dan keadaan tulang itu sangat kering. Tangan Tuhan membawa dia ke lembah ini lalu bertanya, "Hai anak manusia, dapatkah tulang-tulang ini hidup kembali?" Aku menjawab, "Ya Tuhan, Engkau yang mengetahui." (Yehezkiel 37:3)

Tuhan sudah melihat keadaan jiwa anda yang kering dan menanyakan adakah anda sudi untuk hidup kembali. Tuhan adalah Pengarang hidup dan segala sesuatu mungkin bagi-Nya. Di sini, Tuhan berjanji memberi pemulihan dalam tiga tahap: pertama: Dia akan membuka kubur-kubur; kedua, Tuhan akan memberikan urat dan daging dan kemudian Dia akan memberi nafas baru-Nya. Demikian juga, Tuhan akan menyingkapkan segala dosa yang mungkin menjadi penghalang antara kamu dan Tuhan. Kemudian, Dia akan menyembuhkan segala depresi dan fikiran yang kusut masai. Akhirnya, Dia akan menghembus Roh-Nya.

Yehezkiel bernubuat firman Tuhan kepada tulang-tulang kering dan semuanya mulai hidup dan berurat. Adakah anda berada di lembah yang gersang? Anda berasa diri anda bagai tulang-tulang kering yang mulai berdebu. Berdoa dan menyirami jiwa anda dengan firman Tuhan, tentu Tuhan akan menghembus nafas dan meyegarkan taman kerohanian anda. Tuhan akan membuka kubur-kubur anda dan menghembuskan pemulihan dalam kehidupan anda.

Doa: Ya Tuhan, siramilah tanah gersangku sehingga aku yang kurus kering dalam kerohanian ini akan berurat.

HARI 56

Pengucapan Syukur

Renungan-Filipi 4:4-9

Janganlah hendaknya kamu kawatir tentang apapun juga, tetapi nyatakanlah dalam segala keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan ucapan syukur.

Filipi 4:6

Saya masih teringat waktu saya kesulitan kewangan. Saya telah meminjam sejumlah wang dari bank untuk perniagaan dan kini perniagaan tidak berhasil. Hutang mengelilingi pinggang dan saya terpaksa menjelaskan hutang itu setiap bulan tepat pada waktunya. Hati saya berasa perik. Wajah saya muram sekali kerana bahu saya seakan-akan memikul beban sedunia. Senyuman saya semakin hari semakin menipis.

Saya teringat rasul Paulus berkata, "Janganlah hendaknya kamu kawatir tentang apapun juga tetapi nyatakanlah dalam segala keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan ucapan syukur." Saya segera mengubah sikap saya dan belajar mengucap syukur. Walaupun cuaca mendung tubuh saya tidak longlai kerana saya belajar bersyukur kepada Tuhan. Saya belajar mencurahkan segala kehampaan saya kepada Tuhan dan tidak lagi memikul seguni kebimbangan.

Apakah kesannya pengucapan syukur? Adakah hutang saya bersayap dan berterbangan? Tidak. Saya tetap bertanggungjawab menjelaskan hutang saya tepat pada waktunya. Apa yang berubah? Sikap yang berubah, saya tidak lagi bersungut-sungut tentang beban saya. Saya tidak lagi berfikir tentang reputasi saya yang terjejas akibat kegagalan perniagaan.

Dengan perubahan sikap ini, saya bersedia menghadapi cabaran ini. Saya mengambil tindakan praktis untuk menjelaskan segala hutang. Saya beriman kepada Tuhan untuk menolong saya mencari jalan keluar dan tidak berasa takut berniaga lagi. Atas kemurahan Tuhan, saya diberkati sejumlah wang untuk menjelaskan hutang saya. Pekerjaan itu datang mencari saya dan akibat berkat Tuhan semua sudah diselesaikan dengan manis.

Ucapan syukur orang Kristian tidak tergantung pada perubahan cuaca hidup. Rasul Paulus belajar mengucapkan syukur ketika dia meringkuk dalam penjara, menantikan saat-saat terakhirnya. Orang yang mengunjunginya terhibur oleh sukacitanya. Bersyukurlah sekalipun matahari seakan-akan masih tersembunyi di sebalik awam, "Bersukacitalah sentiasa dalam Tuhan! Sekali lagi kukatakan: Bersukacitalah!" (Filipi 4:4)

Doa: Tuhan, ajari saya mengucapkan syukur untuk setiap duri ataupun mawar kehidupan.

HARI 57

Ujian

Renungan-1 Korintus 3:10-23

Jika pekerjaan yang dibangun seseorang tahan uji, dia akan mendapat upah.

1 Korintus 3:14

Ujian! Anda suka akan ujian? Sebagai pensyarah, waktu ujian merupakan waktu mempersiapkan mahasiswa agar membuktikan yang dipelajari selama ini difahami oleh mereka. Saya mengimbas seorang mahasiswa arkitek saya yang begitu tegang sewaktu ujian. Dia terpaksa membina satu jambatan yang diperbuat daripada tiub plastik. Sewaktu ujian, sebuah batu akan diletakkan di atas jambatan itu, kalau jambatan itu tidak roboh, dia gagal walaupun dia sudah semalam suntuk membangun jambatan. Jambatan itu harus tepat diperhitungkan sehingga dia tahu bila jambatan itu roboh! Sewaktu jawabannya tidak roboh, dia menangis teresak-esak. Banyak teman mengerumuninya untuk menghibur dia.

Sebaliknya, Alkitab memberitahu bahan yang tahan uji itu mesti berdiri teguh. Alkitab memberitahu kita pelbagai jenis bahan digunakan untuk membangun landasan seperti jerami, kayu, permata, perak, dan

emas. Tahukan anda suatu hari pelayanan kita akan diuji oleh Tuhan? Bangunan yang tahan uji dapat berdiri teguh tetapi yang lemah akan terbakar api.

Kuala Lumpur pada zaman dahulu merupakan kawasan yang penuh dengan lumpur terbik, rawa-rawa dan paya. Banyak nyamuk berterbangan pada waktu itu, dan tentu anda tidak suka menginap di sana. Timbunan batu diperlukan untuk mendirikan suatu asas yang kukuh supaya bangunannya tidak roboh.

Demikian juga orang Kristian harus membangun asasnya atas firman Tuhan yang dapat memberi landasan baik. Rasul Paulus juga sangat memerhatikan keikhlasan dalam pelayanannya. Keikhlasan adalah syarat terutama kalau sesuatu pekerjaan tahan uji. Selain itu, kehidupan peribadi membuktikan kebenaran landasan kita. Pelayanan dan kehidupan rohani harus tahan uji segala pencobaan hidup. Landasan yang dibangun bagi kehidupan kita mesti kukuh.

Pegang pada prinsip teguh yang berdasarkan Alkitab untuk membangun landasan kehidupan anda.

Doa: Tuhan, saya mahu hidup berkenan kepada Engkau sehingga pelayanan saya tahan diuji pada ujian terakhir apabila Engkau kembali ke dunia ini.

HARI 58

Mawar Tetap Mawar

Renungan-Yohanes 14:15-31

*Aku akan minta kepada Bapa,
dan Ia akan memberikan kepadamu
seorang Penolong yang lain,
supaya Ia menyertai kamu selama-lamanya.
Yohanes 14:16*

Siapakah Roh Kudus? Bagaimanakah kita mewarnai dan menjelaskan fungsi Roh Kudus? Saya banyak membaca uraian yang rumit mengenai Roh Kudus pada waktu mudaku sewaktu saya berusaha memahami 'Baptisan Roh Kudus' istilah yang pernah menjadi perang mulut anggota gereja dan menceraikan anggota gereja.

Istilah apapun yang kita gunakan tidak dapat mengubah sifat dan peranan Roh Kudus. Ya, bunga mawar tetap mengeluarkan keharuman yang sama sekalipun kita ingin memberikannya nama yang berlainan. Roh Kudus dipanggil untuk menyertai dan menolong anak-anak Tuhan. Tambahan pula Roh Kudus sering menghibur, membimbing, dan menguasai kita dalam kehidupan dan pelayanan. Tuhan Yesus berkata kita tidak akan ditinggalkan sebagai 'Anak Yatim.' Menempuh kehidupan di dunia ini tidak mudah, maklumlah, kadangkala kaki kita tersepak bebatu yang keras! Badai menerpa dan burung merpati seperti kita ini pun tidak tahu nak terbang ke mana tanpa bisikan, dorongan, penghiburan dan damai sejahtera daripada Roh Kudus. Tanpa Roh Kudus kita hanya dapat melihat segala kejadian dan penderitaan hidup daripada sudut pandangan sendiri dan bukan maksud Ilahi di sebaliknya awan mendung.

Adakah saya peka kepada Roh Kudus? Ya, kadangkala saya tidak peka kepada bisikan Roh dalam hal-hal yang kecil sehingga beg saya sudah diragut empat kali. Saya pernah terjatuh tertiarap dan bibir saya bengkak-bengkak. Hanya buat kali kelima saya peka kepada bisikan Roh, "Cepat pindahkan dompet anda ke tempat lain, ada orang yang jahat akan datang!" Setelah itu saya melemparkan beg kosong kepada peragut beg itu.

Perjanjian Lama menjelaskan Roh Kudus sebagai 'Ruach' iaitu pernafasan. Roh Kudus tidak dapat dilihat namun Roh Kudus tinggal di dalam kita seperti hembusan nafas dan membimbing kita bagai layar yang mengerakkan perahu namun tidak kelihatan. Roh Kudus bukan saja tetamu yang muncul sesekali untuk mengurapi anda dalam pelayanan sehingga terjadi banyak penyembuhan dan pembebasan tetapi Roh Kudus ialah teman setia kita. Dia memberi nasihat, menghibur, dan memberi kekuatan dalam mengarungi kehidupan ini,

Doa: Roh Kudus yang manis, saya berdoa kiranya Engkau menolong saya hidup dalam Roh Kudus setiap hari.

HARI 59

Keluh Kesah

Renungan-Roma 8:18-27

*Sebab kita tahu, bahwa sampai sekarang
segala makhluk sama-sama mengeluh
dan sama-sama merasa sakit bersalin.
Roma 8:22*

Keluh kesah yang kita alami akan membawa gelap gelita dalam kehidupan kita kalau kita tidak membanding kesengsaraan sementara dengan kemuliaan yang akan kita terima. Kalau kita mengeluh tanpa menantikan saat-saat kedatangan Tuhan, kita akan berasa kecewa. Orang tidak beriman bertanya adakah Tuhan telah mengambil cuti panjang di cakrawala lain kerana dunia ini semakin kacau dan seakan-akan di luar kawalan Tuhan. Rasul Paulus berkata segala makhluk sama-sama mengeluh dan merasa sakit bersalin.

Saya masih teringat berapa kejadian peristiwa yang menyebabkan saya mengeluh dengan berat hati! Banyak tahun yang lalu saya sungguh mengeluh dan berdoa bagi mahasiswa negara Cina setelah membaca tentang beribu-ribuan mahasiswa yang terbunuh di Tinnamen Square sewaktu memberontak kemerosotan ekonomi dunia, dan terjadi banyak peristiwa buruk di Indonesia. Nampaknya selama kita hidup di dunia ini keluh kesah merupakan sesuatu yang lazim. Peristiwa Menara Kembar di New York yang roboh menjadi keluh kesah banyak orang. Kita berdoa dalam keluh kesah apabila Afghanistan dan Iraq menghadapi perang. Kita mengeluh kesah dan menangisi mangsa tsunami yang melanda Asia.

Pernahkah anda mengeluh kerana tidak ada orang mengerti engkau? Lebih-lebih lagi, anda mungkin mengeluh kerana tidak dapat memahami diri sendiri? Pernahkah anda bersama dengan Roh Kudus mengeluh maksud yang tersirat di benak hati dan fikiran anda? Pernahkah anda mengeluh kerana suami anda tidak setia? Pernahkah anda mengeluh kerana anak remaja anda tidak lagi menurut percakapan anda? Pernahkah anda mengeluh kesah kerana anggota keluarga yang belum selamat sekalipun didoakan bertahun-tahun? Sesungguhnya hanya teman yang akrab seperti Roh Kudus akan mengeluh bersama anda dan menolong anda berdoa supaya jangan hanya maksud yang tersurat dilihat tetapi juga yang tersirat.

Doa: Roh Kudus, terima kasih kerana sudi mengeluh bersamaku dan menolong saya mengatasi kepahitan hidup dengan damai sejahtera.

HARI 60

Bukan Sekadar Mengeluh

Renungan-1 Korintus 2:6-16

*Kerana kepada kita Allah telah menyatakannya oleh Roh,
sebab Roh menyelidiki segala sesuatu,
bahkan hal-hal yang tersembunyi dalam diri Allah.
1 Korintus 2:10*

Manusia semakin banyak melayari laman web dan otak kita terjaring dengan internet. Benarkah otak manusia yang sering terjaring dengan internet itu paling cerdas? Tidak.

Seorang mahasiswa yang pintar telah gagal mencapai cita-citanya kerana dia telah ketagihan permainan computer dan sudah terperangkap dalam jaringan web bagai lalat terperangkap laman lelabah. Seorang lagi salah terbuka fail porno dan terserempak foto-foto lucah and kini berada di lubang singa.

Otak orang yang mencintai Tuhan dan yang selalu berjaring pada Tuhan adalah otak yang paling cerdas kerana Roh Kudus menyatakan maksud Tuhan yang tersembunyi. Rahsia Ilahi yang terdalam akan diceritakan oleh Roh Kudus.

Roh Kudus bukan hanya sekadar mengeluh tetapi Dia juga menyelidiki dan memahami perasaan yang tersirat di lubuk hati dan fikiran kita yang paling mendalam. Kemudian Roh Kudus menyatakan kehendak Tuhan sewaktu kita menghadapi cabaran hidup kerana Roh tahu hal-hal yang tersembunyi. Roh Kudus menolong kita memahami maksud Tuhan lalu berkomunikasi firman Tuhan kepada kita. Hikmat Tuhan hanya dapat diketahui kalau kita sudah menyelidik masalah itu bersama Roh Kudus.

Tanpa pencerahan daripada Roh Kudus, kita seperti katak yang terjatuh dalam perigi dan tidak dapat keluar daripada masalah yang licin. Kita seakan-akan merangkak dalam terowong kecil dan hanya mengalami kegelapan tanpa bisikan Ilahi daripada Roh Kudus. Hal-hal yang tersembunyi dalam diri Allah hanya dapat dinyatakan oleh Roh Kudus supaya kita memahami keadaan kita lebih baik.

Biarlah otak kita selalu terjaring dengan laman web Ilahi!

Doa: Tanpa bisikan-Mu, Oh Roh Kudus, aku akan tetap menjadi seperti katak yang selalu tergelincir ke dalam perigi.

HARI 61

Siapa Pemberinya?

Renungan-1 Korintus 12:1-11

*Tetapi semuanya ini dikerjakan oleh Roh yang satu dan yang sama,
yang memberikan karunia kepada tiap-tiap orang secara khusus, seperti yang dikehendaki-Nya.
1 Korintus 12:11*

Menjelang Hari Natal, pohon Natal yang indah dipasangkan di rumah dan hadiah-hadiah cantik dibungkuskan dengan kertas bebunga lalu diletakkan di bawah pohon. Anak-anak yang menunggu dengan kegembiraan selalu bertanya-tanya, "Apakah isi bungkusan istimewa ini ya?" Saya pernah mendengar seorang anak kecil menangis tersedu-sedu kerana hadiah yang diterimanya dianggap tidak berguna dan murahan! Sebenar hadiah itu sebuah beg sekolah yang cantik dan satu kotak pensel boneka Barbie. Saya mengeluh "Jika pada waktu kecil, saya menerima hadiah seperti itu, tentu saya akan melonjak-lonjak dalam kegembiraan." Kanak-kanak yang selalu menerima hadiah mahal tidak dapat menghargai pemberinya tetapi hanya kemahalan hadiah itu!

Saya juga pernah mendengar anak Tuhan menangis kerana dia berasa kurang diurapi oleh Tuhan dan karunia yang diterimanya tidak sehebat orang lain. Sewaktu berdoa untuk orang itu, saya tidak meminta agar Roh Kudus memberinya karunia-karunia yang hebat. Selepas berdoa dengan orang itu, saya mengajaukan dua pertanyaan kepada orang itu:

Adakah saudara menghargai karunia lebih daripada Pemberinya?

Sudahkah saudara bertanggungjawab menggunakan karunia yang sudah diberikan oleh Tuhan?

Adakah dia menyedari bahawa Roh memberi karunia kepada tiap-taip orang secara khusus seperti yang dikehendak-Nya?

Karunia-karunia Roh sangat penting untuk pelayanan namun kita tidak boleh mengahargai karunia lebih daripada Pemberinya. Kadangkala gereja condong melihat karunia yang membawa mukjizat seperti penyembuhan dan pelepasan lebih penting daripada karunia yang lain. Sebenarnya Tuhan memberi

banyak lagi karunia-karunia untuk melengkapi tubuh Kristus supaya kita tidak cacat sewaktu menghadapi cabaran pelayanan di dunia.

Janganlah membanding karunia anda dengan karunia orang lain. Roh Kudus memberkati karunia Roh menurut kehendak-Nya sendiri. Yang penting ialah kita harus menghargai Pemberinya dan bertanggungjawab memberkati orang lain dengan karunia itu.

Doa: Tuhan saya bersyukur atas setiap karunia yang diberikan kepada saya. Tolonglah saya menghargai Engkau lebih daripada karunia-karunia yang Engkau berikan.

HARI 62

Buah Roh

Renungan-Galatia 5:16-26

Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan.

Galatia 5:22

Sewaktu anda diminta mewarnai kesucian, warna apakah yang akan anda berikan? Banyak orang berfikir "putih" kerana putih melambangkan sesuatu yang belum tercemar. Kita sering terdengar metafora seperti "seputih salju" iaitu sesuatu yang tidak bercacat cela. Bolehkah kita mewarnai kekudusan dengan warna putih?

Bagaimana pula dengan buah-buah Roh Kudus? Dapatkah kita bayangkan satu dahan yang berbuah ciku, manga, pisang, durian, epal, manggis dan nangka? Sewaktu kita dipenuhi oleh Roh Kudus, kita akan mencerminkan pelbagai buah Roh. Alkitab secara khusus menyebutkan kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan dan kesetiaan sebagai buah Roh. Siapakah yang pernah menghasilkan buah-buah Roh ini?

Jelas Tuhan Yesus memancarkan buah-buah Roh ini dalam pelayanan dan kehidupan-Nya. Kasih Kristus jelas terbukti sewaktu Dia mati di kayu salib untuk menyelamatkan manusia. Kesabaran-Nya jelas terbukti sewaktu Dia menghadap pendosa. Kesetiaan-Nya dan kemurahan hati-Nya kepada manusia dan Bapa-Nya tidak dapat dipersoalkan apabila berjudi dengan jubah-Nya di bawah kayu salib. Kasih-Nya dinyatakan dalam perhubungan-Nya dengan murid-murid yang lemah lembut.

Seorang pengikut Yesus, Francis Xavier jelas berbuah Roh Kudus dalam kehidupan dan pelayanan-Nya.

Francis Xavier biasanya menyebarkan kasih di suatu tempat, mendirikan gereja, dan kemudian berpindah ke ladang baru. Suatu hari dia bertemu dengan seorang Jepun yang bernama Anjiro yang begitu terbeban untuk orang Jepun. Anjiro berkata, "Tuan Francis, saya mahu anda ke Jepun untuk memberitakan kasih Tuhan." Francis bertanya, "Apakah anda pasti mereka akan menerima kasih Tuhan?" "Tuan mesti berusaha kerana orang Jepun suka memakai akal budi dan jikalau tuan memberi uraian yang bagus mereka akan menerima Tuhan!" Beberapa bulan kemudian Francis berangkat ke Jepun.

Dia menemui pelbagai rintangan dan pertanyaan. "Kenapakah Tuhan tidak mahu munculkan diri seandainya Dia ingin kita percaya kepada Dia?" "Mungkinkah seorang saja dapat menebus dosa sedunia?" kata seorang Jepun dengan sinis. Sewaktu seorang Jepun meludahi Francis, banyak orang mengerumuni melihat Bapa Francis. Dia hanya mengesat-gesat air liur itu dan tidak memberi buku limanya. Banyak orang Jepun terharu dengan kesabarannya dan kasih Ilahi yang jelas terpancar dariapda buah-buah Roh Kudus. Itulah permulaan pekerjaan yang hebat di Jepun.

Sesiapa yang memancar buah-buah Roh tentu akan memenangi hati orang lain. Kita menarik orang kepada Kristus bukan dengan pakaian atau kefasihan lidah kita tetapi dengan pancaran buah Roh Kudus.

Doa: Tuhan, aku ingin menghasilkan buah-buah Roh dalam hidupku agar dapat memancarkan Kristus.

HARI 63

Teko Ajaib

Renungan-Matius 26:36-46

Maka Dia maju sedikit, lalu sujud dan berdoa, kata-Nya:

*"Ya Bapa-Ku, jikalau sekiranya mungkin,
biarlah cawan ini lalu daripada-Ku,
tetapi janganlah seperti yang Kuhendaki,
melainkan seperti yang Engkau kehendaki."
Matius 26:39*

Ketika saya menceritakan Aladdin dan teko ajaibnya, saya melihat ketamakan manusia. Sifat resmi manusia yang tamak jelas terlihat dalam cerita ini. Apabila kita berdoa, kita selalu meminta lebih daripada yang kita perlukan. Adakah kita menganggap Tuhan seperti gergasi dalam teko ajaib? Adakah segala yang kita mohon mesti dikabulkan? Benarkah Tuhan seperti gergasi yang bertanya, "Apakah yang engkau mahu? Saya akan segera mengabulkan keinginan hatimu." "Adakah anda mahu putera yang kacak?" "Bagaimana kalau saya mencurahkan berjutaan ringgit supaya engkau boleh segera bersara dan menikmati segala kesenangan hidup?" Bahkah ada orang Kristian yang meminta agar pertandingan SMSnya boleh memenangi sebuah Kereta Mercedes!

Bagaimana pula kalau kita berdoa, "Tuhan, janganlah seperti Kuhendaki melainkan seperti yang Engkau kehendaki." Tuhan Yesus menunjukkan kemantapan-Nya dalam doa. Dia tidak selalu meminta apa yang diinginkan-Nya bahkan Dia tidak mendoakan keselamatan nyawa-Nya. Ya, kalau boleh Dia meminta kesengsaraan kayu salib dielakkan daripada-Nya namun kalau cawan pahit ini memang kehendak Tuhan, Dia akan menerima cawan pahit ini demi dosa manusia. Dia tidak memperlakukan Bapa-Nya seperti gergasi di teko ajaib! "Berilah...."

Kita dapat memungut mutiara-mutiara yang indah daripada George Muller tentang doa:

Berusaha memastikan hati anda tidak dikawal oleh kehendak sendiri.

Jangan bersandar pada persaraan ataupun fikiran sendiri.

Berusaha mencari kehendak Roh Kudus.

Tentukan kehendak-Nya sesuai dengan firman Tuhan.

Pertimbangkan aturan Tuhan dalam kejadian ini.

Berseru agar Dia dengan jelas menyatakan kehendak-Nya.

John Paton melayani di kalangan cannibal (yang memakan orang) di kepulauan selatan, New Hebrides. Pada mula-mulanya, dia melayani di Keriton dengan nyaman dan beliau bercita-cita menyelesaikan kursus kedoktorannya. Namun pada tahun ketiga dia mengambil keputusan untuk menyertai John Iglis untuk melayani di New Hebrides apabila gereja Presbyterian mencari-cari teman untuknya. Dia terdengar bisikan Tuhan dalam hatinya, "Mengapakah kamu tidak pergi kalau tidak ada orang yang berminat untuk pergi ke sana?" Dengan segera kehendak Tuhan diturutinya dan bukan kehendaknya untuk menyelesaikan kedoktorannya.

Doa: Ya Tuhan, aku tidak mahu memperlakukan Engkau seperti gergasi dalam teko ajaib ataupun hamba yang perlu menurut segala yang aku ingini melainkan apa yang Engkau kehendaki.

HARI 64

Doa Krisis

Renungan-Daniel 6:10-23

Demi didengar Daniel,

bahawa surat perintah itu telah dibuat,

pergilah dia ke rumahnya.

Dalam kamar atasnya ada tingkap-tingkap

*yang terbuka ke arah Yerusalem,
tiga kali sehari Dia berlutut berdoa serta
memuji Tuhannya, seperti yang biasa dilakukannya.
Daniel 6:11*

Kita tidak boleh menafikan bahawa banyak orang berdoa sewaktu mereka berada dalam krisis. Masalah yang datang bertubi-tubi mendorong kita berlutut dan berdoa. Doa sepatutnya seharis sesegar nafas kehidupan kita. Perhubungan intim bersama dengan Tuhan hanya dapat dipupuk kalau kita sering berdoa.

Daniel begitu teguh dalam pendiriannya sewaktu didesak berkompromi kerana beliau mempunyai kehidupan rohani yang kuat dan berasaskan doa. Raja Darius sudah berkeputusan selama tiga puluh hari, kalau sesiapa berani berdoa kepada Tuhan mereka selain daripada dirinya, akan dilemparkan dalam lubang singa. Daniel mengetahui hal ini tetapi dia tetap berlutut dan berdoa tiga kali sehari. Akhirnya, singa menjadi temannya.

Seharusnya kita tetapkan waktu-waktu tertentu dan berdoa setiap hari kepada Tuhan. Gereja DUMC merupakan sebuah gereja yang tekun berdoa sehingga orang yang bukan Kristian pun mengetahui akan hal ini. Sewaktu saya bersarapan di sebuah kedai yang berdekatan gereja ini dan bersembang dengan penjual mee, saya diberitahu bahawa anggota gereja berdoa pagi-pagi.

Orang itu terharu dengan kerajinan anggota gereja berdoa sekalipun dia bukan orang Kristian.

Dalam hal ini, saya mahu mengaku kalah kerana burung hantu seperti saya masih tertiarap pada bantal dan mendengkur sewaktu fajar menyingsing! Namun begitu, saya suka berdoa semalaman tetapi untuk bangun pada pukul lima memang agak berat kerana roh sudi tetapi tubuh tidak menurut! Tetapkan waktu doa anda setiap hari agar perigi kerohanian anda tidak selalu cetek atau kering kontang.

Doa: Ya Tuhan, akum ahu hidup seperti Daniel yang tekun berlutut dan berdoa.

HARI 65

Dosa Apakah Yang mengetuk Di Pintu Anda?

Renungan-Kejadian 4:1-16

Firman Tuhan kepada Kain:

Mengapa hatimu panas dan muka kamu muram?

Kejadian 4:6

Satu dosa kecil dapat mencetus serangkaian dosa lain sehingga akhirnya pendosa menuju ke arah lembah pembinasan. Apakah kecemburuan itu dosa? Banyak orang berfikir kecemburuan itu perkara kecil atau lazim tanpa menyedari dosa sedemikian boleh mencetuskan kemarahan. Kemudian kemarahan dapat menghasilkan sesuatu yang parah. Kain tersinggung apabila persembahannya tidak diterima oleh Tuhan. Dia tidak menyelidiki kehidupan kerohaniannya dan mengetahui sebabnya Tuhan menolak persembahannya sebaliknya, dia berasa cemburu terhadap adiknya dan membunuhnya.

Apabila kecemburuan mengetuk di pintu ia boleh menjadi punca pembunuhan dan kekejaman. Pernah anda mendengar orang membunuh kekasihnya kerana terlalu cemburu apabila kekasihnya menjalin persahabatan baru?

Beberapa tahun sewaktu saya membaca kisah hiba dalam suratkhobar, saya berdoa agar saya dapat bertemu dengan gadis yang diceritakan dalam suratkhobar. Dia telah menderita berat kerana mukanya telah dicincang lalu disirami air panas oleh kekasihnya yang cemburu. Hidung, telinga dan pelupuk matanya telah hancur luluh. Suatu hari Tuhan menjawab doa saya, dia datang ke pejabat saya dan kami berdoa bersama. Sewaktu dia menceritakan bagaimana kekasihnya membalas dendam, saya melihat bagaimana satu dosa kecil seperti kecemburuan boleh mendatangkan tragedi.

Dosa kecil apakah yang mengetuk di pintu anda? Sediakah anda mencabut lalang itu supaya tidak menjalar dalam kehidupan anda? Suatu hari sebiji benih yang tertiuip angin terjatuh pada pokok besar dan meminta agar dilindungi pohon itu. Pohon itu bersetuju dan kemudian benih itu menjalar dan mencekik pohon itu. Dosa kecil menjadi benih yang kemudian mencekik kita. Bertaubatlah sungguh-sungguh sehingga akar-akar dosa boleh dicabut.

Doa: Tuhan, tolonglah aku sehingga aku peka terhadap dosa kecil dan tidak membiarkan tabiat berbahaya menjalar.

HARI 66

Siapakah Nenek Moyang Saya?

Renungan-Kejadian 5

Inilah daftar keturunan Adam.

Pada waktu manusia itu diciptakan oleh Allah,

dibuat-Nyalah dia menurut rupa Allah.

Kejadian 5:1

Pernah saya mendengar seorang pemuda bersungut-sungut, "Janganlah bicara tentang bapa saya atau nenek moyang saya. Mereka berasal daripada keluarga yang keji. Says malu berbincang tentang mereka."

Satu-satu hal yang saya ketahui tentang nenek moyang saya ialah mereka berangkat ke Malaysia untuk berniaga tetapi sungguh malangnya pada Perang Dunia Kedua semua kedai mereka dibom. Namun saya tidak menyesak kerana nenek moyang saya tidak dapat mewasiatkan kekayaan mereka kepada saya.

Alkitab mempunyai banyak perenggan yang memberitahu kita tentang silsilah sesuatu bangsa. Kebanyakan orang Kristian tidak suka membacanya. Daripada silsilah tersebut, kita dapat melihat nenek moyang sesuatu bangsa dan teladan yang diwarisi mereka. "Kerana iman Habel telah mempersembahkan kepada Allah korban yang lebih baik daripada korban Kain. Dengan jalan itu ia telah memperoleh kesaksian kepadanya, bahawa dia benar, kerana Allah berkenan akan persembahannya itu dan kerana iman dia masih berbicara, sesudah dia mati." (Ibrani 11:4)

"Kerana iman Henokh terangkat, supaya dia tidak mengalami kematian, dan dia tidak ditemukan kerana Allah telah mengangkatnya. Sebab sebelum dia terangkat, dia memperoleh kesaksian, bahawa dia berkenan kepada Allah." (Ibrani 11:5) Pengaulan Henokh bersama Tuhan masih berbicara sehingga generasi kita. "Kerana iman Abraham taat, ketika dia dipanggil untuk berangkat ke negeri yang diterimanya menjadi milik pusakanya, lalu dia berangkat dengan tidak mengetahui tempat yang ditujuinya." (Ibrani 11:8) Iman Abraham menceritakan ketaatan kepada generasi berikutnya.

Satu hari nanti, kita akan menjadi nenek moyang orang lain. Apakah yang mungkin dikatakan oleh cucu-cicit kita mengenai kita. Adakah kita menjadi saksi yang baik kepada mereka tentang kemuliaan Tuhan? Dapatkah mereka berkata, "Nenek moyang saya sangat mencintai Tuhan. Mereka melayani dan mentaat Tuhan dengan sungguh-sungguh dan mereka hidup berkenan kepada Tuhan?"

Pernah seorang bapa bertanya anaknya yang sudah berumahtangga, "Anakku, sudah sekian lama aku berumahtangga dengan ibumu tetapi tidak pernah saya mengkhianatinya. Mengapa? Ya, aku sangat mencintai ibumu. Selain itu juga aku tidak mahu menjadi batu sandungan kepada generasi yang berikutnya. Biarlah mereka mengikuti teladan aku yang takut akan Tuhan dan taat kepada isteri. Anakku beritulah perkara yang sama kepada anakmu dan yang teladan yang sama."

Doa: Ya Tuhan, aku mahu jadi saksi yang baik kepada cucu-cicit saya. Biarlah mereka berkata Allah berkenan dengan kehidupan saya dan walaupun saya sudah mati, iman saya tetap berbicara ke generasi berikut.

HARI 67

Ketenangan Dalam Krisis

Renungan-Wahyu 4:1-11

*Segera aku dikuasai oleh Roh dan lihatlah,
sebuah takhta terdiri di syurga,
dan di takhta itu duduk Seorang.
Wahyu 4:2*

Lagu yang dinyanyikan penumpang Titanic ketika kapal itu tenggelam bukanlah lagi romantic "My heart will go on and on," tetapi lagu rohani, "Nearer My God to Thee" yang bermaksud lebih dekat kepadaMu Tuhanku.

Sewaktu membaca kisah kapal Titanic yang tenggelam pada 11hb April 1912 setelah bergeseran dengan tungkul air batu lautan, saya cukup terharu. Sekalipun kejadian itu sudah terjadi berabad-abad yang lalu, saya dapat membayangkan emosi orang pada waktu itu. Betapa sedihnya perasaan seorang isteri yang terpaksa melihat kapal besar itu tenggelam di depan mata mereka. Bot kecemasan yang dipersiapkan hanya cukup untuk memuat para wanita dan kanak-kanak.

Pada mula-mulanya, cuaca yang begitu baik tiba-tiba berubah menjadi begitu dingin. Sejurus setelah seseorang memberi amaran tentang tungkul air batu itu, kapal itu sudah bergeseran dengan setungkul air batu. Saya sungguh terharu dengan dua golongan orang yang berada di kapal itu sewaktu kapal itu tenggelam. Kapten kapal and anak-anak kapal mengutamakan nyawa perempuan dan kanak-kanak. "Itulah lelaki sejati," berbisik hatiku. Yang kedua, orang yang menyentuh hatiku ialah para pemuzik. Para pemuzik menyanyi lagu, "Nearer My God to Thee" dengan penuh beriman.

Di dunia ini kita terpaksa menghadapi pelbagai bahaya dan tragedi yang tidak kita terduga. Cuaca kelihatan cerah ketika kita menaiki helikopter boleh berubah tiba-tiba sehingga tragedi yang tidak diingini boleh menimpa. Ketika Kalip Besar menaiki helikopter dan menuju ke kemp untuk merasmikan kemp itu, tidak ada orang yang menyangka helikopternya boleh nahas. Banyak orang tertanya-tanya, "Kenapakah Tuhan membiarkan hal ini terjadi?" Kalau kita melihat peristiwa ini dari sudut kerajaan Tuhan maka kita akan meyedari bahawa ketika Kalip Besar menaiki helikopter, dia sangat dekat kepada Tuhan. Tuhan yang Maha Pengasih menyertai dirinya sehingga ke saat dia pergi ke Kerajaan-Nya.

Sewaktu saya menulis halaman ini, penduduk di Sarawak masih mencari Dr Judson Tagal dan penumpang-penumpang helikopter yang hilang. helikopter yang dinaiki mereka sedang menuju ke Bakelan dari Bario telah hilang. Keluarganya berdoa semalam suntuk untuk Dr. Judson. Saya juga sedang berdoa di bilik saya untuk teman-teman saya, Dina dan Sandara agar Tuhan menguatkan hati mereka walau apapun terjadi.

Tuhan kita menyertai Dr. Judson dan berjalan dekat dengannya walau apapun yang terjadi kerana syurga selalu dekat dengan orang yang mengasihi Tuhan. Syurga dikatakan Alkitab sebagai tempat yang indah. "Dan Dia yang duduk di takhta itu nampaknya bagai permata yaspis dan permata sardis; dan suatu pelangi melingkungi takhta itu gilang gemilang bagaikan zamrud rupanya." (Wahyu 4:3)

Sebaik-baik sahaja satu bab di dunia ini berakhir, kita memulai bab yang indah di syurga!

Doa: Tuhan, aku menyedari akan hanya berada di satu kemah sewaktu berada di dunia. Syurga dan kebangkitan itu kenyataan yang kekal.

HARI 68

Kasih Dan Rasa Hormat

Renungan-Rut 2:1-18, Rut 3:1-6

*Lalu Boaz mengambil Rut dan
perempuan itu mejadi isterinya
dan dihapirnyalah dia...*

Rut tidak sengaja mencari seorang suami ketika dia sibuk berkerja di ladang Boaz tetapi akhirnya mereka berdua pun bertemu dan berkahwin. Apakah Rut mempunyai daya tarik yang luarbiasa? Rut bersifat mulia dan terhormat sehingga Boaz tertarik dengan keunggulan sifatnya. Rut pula tertarik dengan kebaikan peribadi Boaz yang tidak memandang rendah saudara yang akrab yang dilandai musibah hidup. Keluarga Naomi yang tertimpa tragedi mencari sumber pertolongan daripada Boaz yang baik. Kedua-dua anak lelaki Naomi sudah meninggal dunia. Kini dia dan menantunya terpaksa mencari makan.

Cinta mereka bukan jenis menggebu-gebu seperti tersambar kilat tetapi berputik perlahan-lahan. Perasaan cinta timbul setelah mereka saling mengenal dan menghormati sewaktu bekerja di lading sama. Sikap yang rela menolong orang yang dikasihi merupakan sifat termulia yang dimiliki Boaz. Sifat yang setia kepada manusia dan kerajinannya menarik Boaz.

Adakah anda sedang dilandai perasaan cinta? Apakah yang anda lihat? Apakah anda hanya teratak kerana matanya berbinar bagai pualam dan bukan keperibadian mulia orang itu? Dapatkah anda sebutkan keunggulan peribadinya dan watak yang boleh menjamin kerukunan sesuatu pernikahan? Adakah si kakak itu cinta akan Tuhan dan menjunjung firman-Nya atau semata-mata Si kakak saja?

Catherine Booth dilahirkan di Ashbourne, Derbyshire, 1829. Sejak kecil, dia sungguh peka kepada perasaan orang lain. Ibu bapanya mempunyai iman yang kuat dan sejak kecil lagi dia sudah belajar membaca Alkitab. Pada umur enam belas tahun, dia memberi kehidupannya kepada Tuhan. Kemudian dia begitu mengambil berat akan orang yang sering memabukan diri kerana pada waktu itu orang miskin sering minum untuk melupakan kekhuatiran. Pada suatu hari, dia menghadiri sebuah persidangan dan dia mendengar ceramah daripada seorang pemuda tentang masalah kemabukan. Setelah itu, dia bertemu pemuda itu di rumah seorang kawan dan sempat memujuk suatu perhubungan dengan pemuda itu. Pada tahun 1885, mereka berkahwin dan memberi jiwa mereka untuk melayani orang yang sering memabukkan diri.

Doa: Tuhan, bimbing saya kepada orang Engkau tetapkan dalam kehidupan saya supaya aku tetap dapat memuliakan nama-Mu.

HARI 69

Jatuh Cinta Seribu Indahkah?

Renungan-Hakim-Hakim 14

*Kemolekan adalah bohong dan kecantikan adalah sia-sia,
tetapi isteri yang takut akan Tuhan dipuji-puji.*

Amsal 31:30

Cinta akan seseorang yang tidak mengasihi Tuhan boleh memudaratkan kehidupan dan menjejaskan rancangan Tuhan yang indah bagi seseorang. Samson seorang pemuda yang tampan dan kakak dipilih oleh Tuhan untuk melayani-Nya. Dia begitu istimewa dari segi rupa dan mempunyai panggilan yang istimewa. Tuhan telah menetapkan disiplin tertentu bagi Samson. Dia tidak boleh menyentuh minuman keras dan tidak boleh menggunting rambut namun di depan kehidupan Samson, satu ujian yang besar menantikan dia. Pencobaan itu datang dari segi cinta dan siapa yang menduga Samson mudah terjatuh kerana cinta. Kehidupan cinta Samson tidak memuliakan Tuhan kerana dia salah memilih gadis yang tidak mengasihi Tuhan.

Samson tidak mengendahkan kenyataan bahawa kekasihnya tidak seiman dengannya kerana yang terpenting baginya ialah cinta dan kejelitaan. Apakah padanya? (Hakim-Hakim 16:4). Dia kehilangan semua kekuatan yang diberikan oleh Tuhan kepadanya sehingga dia menjadi tawanan musuhnya. Akhirnya, dia dipenjarakan dan sekalipun dia bertaubat, masa depannya tidak secerah lagi. Dia terpaksa mati tertimbun oleh tiang-tiang besar untuk menyelamatkan dirinya dan umat Tuhan.

Kasih dan kehangatan kita untuk melayani Tuhan akan menjadi pudar apabila kekasih kita tidak mementingkan kerajaan Allah. Emosi yang terganggu boleh menjejaskan pelayanan dan perhubungan seseorang dengan Tuhan.

Seorang gadis yang saya kenali begitu menggebu-gebu dalam pelayanan dan dia mempunyai suara yang begitu merdu tetapi rancangan Tuhan dalam kehidupannya terjejas. Malangnya, pada suatu hari dia terpikat dengan pemuda yang sama sekali tidak mengenal Tuhan. Gadis ini mula-mulanya menolak ajakan pemuda tersebut tetapi setelah dilontari serba rayuan pujukan, dia pun menerima lamaran. Akhirnya, dia sama sekali tidak lagi melayani mahupun mengenal Tuhan lagi.

Doa: Tuhan, kawal hatiku agar aku tidak jatuh hati dengan orang yang tidak sama sekali mengasihi Tuhan.

HARI 70

Kekhuatiran

Renungan-Pengkhotbah 2:20-25, Filipi 4:4-9

Kerana itu Aku berkata kepadamu:

*Janganlah khuatir akan hidupmu,
akan apa yang hendak kamu makan atau minum,
dan janganlah khuatir pula akan tubuhmu,
atau apa yang hendak kamu pakai.*

*Bukankah hidup ini lebih penting daripada
makanan dan tubuh itu lebih penting daripada pakaian.*

Matius 6:25

Ibu saya sering dilandai oleh kekhuatiran. Sewaktu saya masih remaja, dia khuatir akan pergaulan saya dengan teman-teman saya yang sebenarnya rajin belajar. Bila saya pergi berkelah, dia takut saya akan tenggelam dan terbawa ombak deras. Ketika saya berangkat ke negara Indonesia untuk belajar, ibu saya sungguh khuatir dan tidak dapat tidur semalaman kerana terdengar bom meletup di kolej saya. Hatiku pun berasa khuatir sewaktu memikirkan kekhuatiran ibu saya. Satu-satu hal yang khuatirkan sewaktu berada di Indonesia ilalah kekhuatiran ibu saya!

Kekhuatiran tidak dapat mengubah arah kehidupan kita mahupun mengelakkan kita dari sesuatu yang tidak terduga. Kekhuatiran tidak dapat memperbaiki situasi kita tetapi merunsingkan perasaan dan mengancam ketenangan hidup kita.

Kekhuatiran boleh berpunca daripada kehidupan rohani yang kurang berdisiplin.

- Belajarlah berdoa dan beriman kepada Tuhan.
- Serahkan segala beban daripada bahu anda kepada Tuhan.
- Tukarkan senarai kekhuatiran anda menjadi pokok doa.
- Doa merupakan jalan terbaik untuk mengatasi masalah daripada mengkhawatirinya
- Selalu ingat akan kata-kata Yesus, "Jadi, jika rumput di lading, yang hari ini ada dan besok dibuang ke dalam api demikian didandani Allah, terlebih lagi kamu, hai orang yang kurang siuman."

Kekhuatiran boleh dibaratkan dengan orang yang berusaha berjalan dengan mengikat batu. Keberatan batu itu hanya menyebabkan perjalanannya semakin berat dan sulit. Tanggalkan segala beban anda sehingga anda dapat berjalan dengan kaki yang ringan. Berjalanlah dengan lebih beriman sewaktu melalui liku-liku jalan kerana Tuhan kita Gembala yang baik.

Doa: Tuhan, tolong displinkan saya sehingga saya dapat menukarkan senarai kekhuatiran saya menjadi pokok doa dan berkat.

HARI 71

Pertunjukan Cara Merotan

Renungan-Efesus 6:1-4

*Siapa yang tidak menggunakan rotan,
benci akan anaknya;
tetapi siapa yang mengasihi anaknya,
menghajar dia pada waktunya.*

Amsal 13:24

Benarkah pertunjukan cara merotan penjenayah yang melanggar undang-undang dapat mengajar anak-anak kita mengelakkan kejahatan? Kalau pegawai-pegawai penjara sering menunjukkan bagaimana seorang penjahat dirotan, adakah anak-anak kita akan bertumbuh dengan hati nurai yang bernas? Dengan menggetarkan emosi dan mental anak-anak kita sehingga mereka bermimpi buruk cara berkesankah?

Mungkinkah dengan melihat rotan yang tebal dan gambar yang negeri, anak-anak kita dapat mengubah hati mereka?

Ibu bapa mungkin menerapkan pelbagai cara mendisplin anak-anak. Cara yang paling merosakkan seorang anak ialah demokrasi sepenuhnya. Membiarkan anak-anak melakukan sesuka hatinya tentu merosakkan masa depannya. Ada pula ibu bapa yang menggunakan cara autoritatif dan segala sesuatu yang dilakukan oleh seorang anak akan dipersoalkan dengan begitu ketat sehingga anak-anak tidak dapat berfikir. Kedua-dua cara ini tidak akan mendatangkan kesan yang baik. Tetapi ibubapa yang mengambil berat dan merotan pada waktu yang sesuai dapat membentuk anak mereka.

Ugutan yang kosong hanya membuat seorang anak mempersendakan ibu bapa mereka dan tidak lagi menghormati mereka. Alkitab berkata, "Siapa yang tidak menggunakan rotan, benci akan anaknya..." (Amsal 13:24). Manakah rotan di rumah anda? Gunakan rotan dengan penuh kebijaksanaan daripada Tuhan.

Saya terkesan oleh cerita sepasang pensyarah. Kedua-dua ibu bapa ini memikul tanggungjawab mendisplin anak-anak mereka bersama. Kalau bapa merotan anaknya, ibu menjelaskan sebabnya anaknya dirotan. Displin rotan, penjelasan, dan pengertian anak-anak mereka ditanggung bersama. Seorang jiran saya memberitahu saya bahawa sewaktu mendisplin anak-anak, suaminya tidak akan memihak anaknya tetapi dia akan bersetuju dengan disiplin yang wajar supaya anaknya tidak melihat bahawa ibu bapanya bercanggah pendapat.

Sewaktu kecil saya pernah memonton filem opera yang menceritakan bagaimana kekurangan disiplin daripada seorang raja telah menyebabkan puteranya menjadi kejam. Apabila putera itu mendewasa, dia mendatangkan pelbagai kesedihan kepada masyarakat. Akhirnya, raja dengan sedih terpaksa menjatuhkan hukuman mati atas anaknya yang melakukan dosa besar. Raja itu menyesal kerana terlambat menggunakan rotan!

Doa: Tuhan, ajari aku menggunakan rotan dengan bijaksana sewaktu aku perlu mendisplin anakku.

HARI 72

Mendekatlah Tuhan

Renungan-Mazmur 139

*Engkau mengetahui, kalau aku duduk atau berdiri,
Engkau mengerti fikiranku dari jauh.*

Mazmur 139:2

Mendekatlah kepada Tuhan, dan Dia akan mendekat kepadamu.

Saya suka lagu, "Form a distance, God is watching us," iaitu Tuhan sedang mengawasi kita dari jarak jauh namun saya kurang puas dengan liriknya. Puaskah anda kalau anda mempunyai Tuhan yang hanya

mengawasi anda dari jarak jauh dan kurang mengenal anda? Itukah Tuhan kita? Adakah Tuhan begitu angkuh sehingga Dia tinggal berjauhan daripada umat ciptaan-Nya dan mengawasi dari sana. Mungkinkah Dia bercuti di cakrawala yang lain dan memakai pengesan jarak jauh dari sana untuk mengawal kita?

Puji Tuhan. Kalau Tuhan bersikap begitu sombong, hatiku akan berasa seperti salju sewaktu berjalan di dunia ini.

Alkitab memberitahu kita bahawa Tuhan bergaulan intim dengan insan-insan dunia sehingga sering suara-Nya begitu lantang! Mazmur 139:1-6 bersabda, "Tuhan, Engkau menyelidiki dan mengenal aku; Engkau mengetahui, kalau aku duduk atau berdiri, Engkau mengerti fikiranku dari jauh. Engkau memeriksa aku, kalau aku berjalan dan berbaring, segala jalanku kaumaklumi, sebab sebelum lidahku mengeluarkan perkataan, sesungguhnya, semuanya telah kauketahui, ya Tuhan. Dari belakang dan dari depan Engkau mengurung aku, dan Engkau menaruh tangan-Mu ke atasku. Terlalu ajaib bagiKu pengetahuan itu, terlalu tinggi, tidak sanggup aku mencapainya."

Kita dapat melihat Tuhan bergaulan begitu intim dengan umat-Nya sejak zaman Musa bahkan Musa tawar menawar dengan Tuhan. Sewaktu Musa diutus oleh Tuhan, dia berkata kepada Tuhan bahawa dia tidak pandai berbicara sebab dia berat mulut dan berat lidah. Tuhan bersabda bahawa Dia yang membuat lidah... oleh sebab itu Musa harus pergi kerana Tuhan akan menyertai lidahnya dan mengajar dia apa yang harus dikatakan. Musa tawar menawar dan berkata, "Ah Tuhan, utuslah kiranya siapa saja yang patut kauutus." (Keluaran 4:13) Musa dan Tuhan dapat bercakap dari hati ke hati dan Tuhan begitu dekat dengannya. Tuhan bukan Tuhan yang "watching us from a distance" (Tuhan yang mengawal dari jarak yang jauh).

Rasul Paulus berkomunikasi dengan Tuhan secara akrab sehingga dia boleh mendengar suara Tuhan sewaktu dia menderita. Paulus berkata dia telah tiga kali berseru kepada Tuhan, supaya utusan iblis itu mundur daripada dirinya. Tuhan menjawab, "Cukuplah kasih karunia-Ku bagimu, sebab justru dalam kelemahanlah kuasa-Ku menjadi sempurna." (2 Korintus 12:9)

Puaskah anda kalau Tuhan mengawasi kita dari jarak jauh? Anda mahu Tuhan berbisik dengan anda dan berjalan intim dengan anda?

Doa: Tuhan, aku mahu mendekat kepada-Mu dan berkomunikasi intim dengan Engkau.

HARI 73

Jangan Memandang Rendah

Orang Yang Melayani Kita

Renungan-Markus 10:43-45

Barangsiapa ingin menjadi besar di antara kamu, hendaklah dia menjadi hamba untuk semuanya.

Markus 10:44

Siapakah yang lebih hebat? Orang yang dilayani atau orang yang melayani?

Seringkali kita terkeliru. Orang yang hebat mesti dilayani dengan penuh keistimewaan dan orang yang melayani dipandang rendah pula. Orang yang membuang sampah lebih hebat atau orang yang memugut sampah? Orang yang mengotori tandas atau orang yang mencuci tandas? Orang yang minum kopi atau orang yang membuat kopi dan mencuci teko? Orang yang menyumbat longkang atau orang yang berjamban-mencedok sampah sarap sehingga air boleh mengalir?

Siapakah yang berkata barangsiapa ingin menjadi besar di antara kamu, hendaklah dia menjadi hamba untuk semuanya? Tuhan Yesus. Tuhan Yesus yang disanjung sejagat pernah menjabat sebagai hamba. Dia mencuci kaki murid-murid yang berpeluh dan hidup sederhana di kalangan manusia. Pada waktu para murid-Nya berfikir anak-anak kecil hanya tahu buat kacau, Tuhan Yesus menyambut anak kecil malah bercerita kepada mereka dan menghormati mereka.

Janganlah memandang rendah orang yang menghidangkan lauk pauk di rumah kita, memungut sampah anda, atau mencuci tanda di tempat kerja anda, sekalipun pendidikannya mungkin tidak setinggi anda. Bersyukurlah kepada Tuhan kerana mereka telah memudahkan kehidupan kita.

Doa: Tuhan, aku mahu menghargai orang yang melayani saya sebagai insan yang Engkau utuskan di tengah-tengah masyarakatku.

HARI 74

Tuhan Bapa Penyayang

Renungan-Markus 7:1-22

Semua hal-hal jahat itu timbul dari dalam dan menajiskan orang.

Markus 7:23

Orang Farisi begitu mementingkan hukum-hukum sehigga mereka seringkali bergolek-golek membuat peraturan-peraturan, dan tatacara agar mereka tidak melanggar hukum Tuhan. Seorang penjahit tidak boleh membawa jarum menjelang Sabat kerana mereka takut dia akan terlupa dan menyimpannya di saku pada hari Sabat. Membawa jarum pun dianggap sebagai berkerja! Seseorang hanya boleh berjalan dua pertiga batu sahaja pada hari Sabat.

Tuhan Yesus juga menegur mereka kerana mereka terlalu mementingkan adat istiadat bahkan mereka dikedam sebagai orang munafik. Seornag Fairis tidak akan makan kalau mereka tidak terlebih dahulu membersihkan diri. Mereka juga mempunyai adat istiadat rumit seperti hal mencuci cawan, kendai dan perkakas-perkakas tembaga. Mereka marah akan Tuhan Yesus kerana Dia dan para murid-Nya tidak mengikut adat istiadat mencuci tangan dan perkakas ketika makan.

Sebaliknya, Tuhan Yesus menegur mereka kerana mereka tidak membekal untuk ibu bapa mereka tetapi berkata, "Apa yang ada padaku, yang dapat digunakan untuk pemeliharaanmu, sudah digunakan untuk korban-iaitu persembahan kepada Tuhan." (Markus 7:11) Tuhan Yesus berkata buat apa kamu bersusah payan berkorban kalau ibu bapa sendiri pun anda tidak kasihi.

Mereka juga pernah menegur Tuhan Yesus sewaktu Yesus menyembah seorang wanita bongkok pada hari Sabat. Tuhan Yesus menanyakan mereka bagaimana kalau keldai mereka jatuh ke longkang pada hari Sabat. Adakah mereka akan menyelamatkan keldai itu? Adakah mereka akan membiarkan keldai mereka menelan air longkang sehingga mati?

Orang Farisi tidak pernah mengalami Tuhan sebagai Bapa Penyayang. Agama mereka sungguh ketat namun Tuhan Yesus menyatakan mereka mengabaikan perintah Tuhan kerana tidak tahu kasih Ilahi yang sejati. Tuhan bukat Penyayang jiwa mereka dan mereka tidak akan mengasihi Dia dengan bersungguh-sungguh kerana kasih Tuhan tidak dibalas. Yang mereka tahu hanya sekadar memenuhi hukum-hukum dan mengodek-godek istiadat yang tidak penting.

Hanya perubahan hati dapat membawa pembaharuan yang sesungguhnya. Tidak ada sesiapa boleh hidup berkenana kepada Tuhan tanpa pengampunan-Nya dan tebusan-Nya. Semua hal-hal jahat timbul daripada dalam, demikian juga semua perubahan mulai daripada hati seseorang. Percabulan, perzinaan, keserakahan, hawa nafsu, kelicikan, dan kesombongan tidak akan diubat selagi akar dosa belum dicabut.

Adakah Tuhan Penyayang jiwa anda?

Doa: Tuhan, aku menyedari semua najis timbul dari dalam, ubahlah aku sehingga aku dapat hidup berkenan kepada Tuhan.

HARI 75

Hukum Pertama

Renungan-Markus 12:28-34
Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan
dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu
dan dengan segenap kekuatanmu.
Markus 12:30

Selain daripada orang Farisi, orang Saduki juga disebut dalam Alkitab. Fikiran dan kepercayaan orang Farisi selalu bercanggah dengan orang Saduki. Golongan saduki lebih kecil tetapi mereka agak berpengaruh dan mereka terdiri daripada yang lebih kaya. Mereka hanya percaya taurat dan tidak ada waktu untuk mendengar cerita Perjanjian Lama atau rancangan Tuhan di sebalik sejarah, dan perkara seperti kebangkitan atau penghukuman yang terakhir itu tidak wujud bagi mereka. Mereka tidak suka orang Faris yang telah menetapkan begitu banyak adat istiadat dan peraturan-peraturan yang Taurat (Torah).

Mereka suka menguji Tuhan Yesus dengan menanyakan pelbagai soalan yang memusingkan. Mereka ingin tahu hukum manakah yang terpenting dan yang terutama. Tuhan Yesus menyuruh mendengar baik-baik, "Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu." (Markus 12.30) Tuhan Yesus menegaskan bahawa tidak ada hukum lain yang lebih utama daripada hukum ini. Seorang pendengar yang bijak berkata Tuhan Yesus memang benar kerana Tuhan yang Esa patut dikasihi, dan mengasihi jiran lebih penting daripada segala korban sembelih untuk Tuhan.

Kita mungkin terlibat dalam pelbagai pelayanan atau menetapkan peraturan-peraturan yang kita fikir berkenan kepada Tuhan. Segala pengorbanan yang diberikan untuk Tuhan tidak bermaksud apa-apa kalau kita tidak ada hukum yang pertama dalam hati kita iaitu kasih bagi Tuhan. Segala sesuatu yang kita berikan kepada Tuhan harus terlebih dahulu mengalir daripada kasih kita akan Tuhan.

Hukum terutama yang harus kita ajarkan kepada anak-anak kita ialah kasih akan Tuhan dengan segenap hati, fikiran, dan tenaga mereka. Janganlah menakutkan anak-anak Tuhan bahawa Tuhan akan menghukum mereka kalau mereka membuat sesuatu yang tidak berkenan kepada-Nya. Ajarilah mereka agar mereka tidak melukai hati Tuhan yang mengasihi mereka. Biarlah seorang anak tahu bahawa Tuhan kita adalah Bapa Penyayang dan kasih adalah hal utama yang dituntut daripada mereka.

Doa: Tuhan, aku mahu mengasihi Engkau dengan segenap hati, tenaga, dan kekuatanku. Aku juga ingin mengajar anak-anak aku mengasihi Engkau dengan segenap jiwa.

HARI 76

Jangan Marah

Renungan-Efesus 4:26-32
Apabila kamu menjadi marah,
janganlah kamu berbuat dosa:
janganlah matahari terbenam,
sebelum padam amarahmu.
Efesus 4:26

Menatap mata atau tersilap perkataan boleh menyebabkan remaja bertengkar, bergasak, bertumbukan dan berpukulan. Sekumpulan pemuda baru bergasak dan berpukulan dengan seorang mahasiswa sehingga dia meninggal dunia. Alangkah sedihnya, punca semua masalah yang sering dihadapi remaja itu apa? Tatapan mata? Perkataan yang mencabar? Cara berjalan yang tidak senonoh? Senyuman yang menjengkel? Benarkah anda sebal dengan senyuman itu? Amarahlah hantunya. Ya, seringkali perasaan marah yang panas baran menimbulkan perbuatan yang bebal.

Amarah sering boleh menjejaskan kehidupan seperti api menjilat rumahtangga. Pernahkah anda mendengar cerita seorang suami yang marahkan isteri, membakar rumahnya dan anak-anaknya?

Pernahkah anda mendengar cerita pemuda yang marah akan kecurangan kekasihnya telah membunuhnya. Amarah yang meluap-luap seringkali mendorong seseorang melakukan sesuatu yang ngeri dan bodoh. Amarahlah yang menyebabkan banyak orang meringkuk di penjara seumur hidup mereka, atau dijatuhkan hukuman mati.

Amarah dapat memisahkan sepasang suami isteri yang pada mula-mula sepasang kekasih yang bagai pinang dibelah dua. Seorang anak remaja telah melarikan dirinya dari rumah dan ibunya terpaksa melaporkan hal ini kepada Michael Chen. Puncanya apa? Amarah yang berapi-api terhadap ibunya sering menyebabkan perang mulut dan kekeliruan. Biarlah amarahmu reda sewaktu matahari terbenam dan hutang lama jangan tersimpan di hati. Amarah lama yang terbenam di lubuk hati akan menjadi letupan gunung berapi.

Doa: Tuhan, ajarilah aku agar tidak menyimpan amarah di hatiku buat selama-lamanya.

HARI 77

Didiklah Seorang Anak

Renungan-Amsal 23:13-15

Didiklah seorang anak

*menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun ia tidak
akan menyimpang daripada jalan itu.*

Amsal 22:6

Pagi-pagi lagi, sebelum matahari terbit, Michelangelo menguling sebiji batu yang sangat besar. Beberapa orang yang melalui sana berasa harian dengan Michelangelo lalu bertanya, "Mengapakah awak membanting tulang menggerakkan batu ini?" "Ha, ha, awak tidak tahu seorang malaikat akan menjelma daripada batu ini!" Bagi Michelangelo, batu ini bukanlah batu yang mentah dan tak berguna tetapi beliau melihat patung berharga yang dapat diukir daripada batu yang kotor itu. Memang Michelangelo menjadi tokoh pelukis dan pengukir yang terkenal di sepanjang zaman. Dia telah mengukir patung Daud yang begitu hidup.

Guru-guru yang mendidik anak-anak, apakah yang anda lihat di depan matamu? Apabila anda masuk ke dalam kelas, adakah anda sedang masuk ke sarang singa? Anda melihat sekumpulan monyet yang sedang mengayut dari satu dahan ke satu dahan lainkah? Anda mengeluh segunung buku yang perlu diperiksa lagi? Sebaliknya, adakah anda sedang melihat seorang anak yang berpotensi dan bernilai besar bagi kerajaan Tuhan. Adakah anda bersemangat mendidik kerana kesempatan mempengaruhi jiwa seorang anak berada di depan matamu?

Guru-guru murid sekolah rendah kurang pentingkah? Anda salah. Peribahasa Melayu berkata, "Masa lagi rebunglah hendak dilentur, jangan dinantikan sampai menjadi aur." Bukankah kalau kita mahu mengukir peribadi seorang anak, kita harus memulakannya sejak anak itu masih kecil. Jangan ditunggukan sehingga dia besar. Saya masih teringat seorang anak yang selalu dipanggil bodoh oleh gurunya. Namun pada suatu hari kehadiran seorang guru telah mengubah kehidupannya. Guru itu memegang tangannya sambil berkata, "Saya yakin ini tangan seorang bakal pakar pembedah yang mahir dan terkenal." Anak yang "bodoh" ini menjelma menjadi pakar pembedah yang mahir dan telah menyelamatkan banyak orang kerana inspirasi seorang guru.

Doa: Tuhan Penyayang, berilah aku pandangan rohani terhadap anak-anak yang saya ajari, dan menghargai setiap anak di bawah tanggungjawabku.

HARI 78

Tidak Takut Kalau Kehilangan Jejari?

Renungan-Efesus 5:1-23

*Sebab itu jadilah penurut-penurut Allah,
seperti anak-anak yang kekasih.
Efesus 5:1*

Menjelang Hari Raya banyak ibu sibuk menganyam ketupat dan membuat kuih muih yang sedap-sedap. Pada Hari Raya ini juga ada anak-anak yang sibuk membuat mercun yang dapat mengeluarkan bunyi berdentang dentung. Bagaimanakah anak-anak ini mendapat mercun-mercun ini? Entahlah telinga mereka bagai telinga anjing, cepat menangkap gelombang. Setelah meletakkan mercun dalam tin atau buluh, tiba-tiba mercun ini meletup dengan tidak disangka-sangka. Malangnya, ada anak yang kehilangan mata dan ada pula yang kehilangan jejari mereka. Hanya ketaatan kepada ibubapa untuk menjauhkan diri daripada meracun dapat menyelamatkan jejari mata atau tangan mereka!

Saudara, dosa juga menarik bagai daya tarik mercun kepada kanak-kanak. Dosa yang mempunyai daya tarik yang begitu kuat mempunyai padah yang ngeri iaitu maut. Apabila kita serahkan tubuh kita kepada dosa akibatnya ialah mati. Upah dosa ialah kecacatan hidup dan maut. Hanya dengan menyerahkan diri dan anggota-anggota tubuh kita kepada Tuhan baru kita boleh diselamatkan.

Contoh kuasa dosa yang mempunyai daya tarik yang kuat, seks, seringkali membawa maut. Seseorang tidak mungkin bermain dengan arang panas tanpa membakar dirinya. Dengan hanya pertemuan curang untuk semalam saja seseorang mungkin dijangkiti AIDS atau penyakit kelamin yang meragut nyawa. Penularan AIDS melalui seks rambang tetap menjadi punca maut yang terutama. Mangsa AIDS lebih banyak daripada mangsa perang dunia dan angka wanita yang menjadi korban menjulang tinggi.

Jadilah penurut Allah yang menasihati kita, "Tetapi percabulan dan rupa-rupa kecemaran atau keserakahan disebut sajapun jangan di antara kamu, sebagaimana sepatutnya bagi orang-orang kudus." (Efesus 5:3)

"Memang dahulu kamu adalah kegelapan, tetapi sekarang kamu adalah terang di dalam Tuhan, sebab itu hiduplah sebagai anak-anak terang." (Efesus 5:8)

Doa: Tuhan, tolonglah aku menyerahkan diriku kepada-Mu untuk dijadikan senjata-senjata kebenaran dan anak-anak terang.

HARI 79

Kasih

*Renungan-1 Yohanes 4:7-16
Barangsiapa tidak mengasihi,
ia tidak mengenal Allah
sebab Allah adalah kasih.
1 Yohanes 4:8*

Semasa remaja, saya terbaca sebuah kisah percintaan yang sungguh mengharukan hati saya. Seorang isteri berasa begitu frustrasi kerana suaminya tidak dapat mengungkapkan perasaan cinta kepada dia. Suatu hari, dia berkeputusan untuk bercerai dengan suaminya. Suaminya merayu agar mereka berbulan madu buat kali yang terakhir agar perasaan cinta mereka dapat dipulihkan. Sewaktu mereka berada dalam perjalanan pulang, nasib mereka kelihatan seakan-akan tidak cerah. Perasaan isterinya tidak dapat dipulihkan. "Sayang, mari kita singgah di rumah using ini. Saya mahu tunjukkan rumah yang pernah saya tinggal sewaktu kecil," kata suaminya. Isterinya kelihatan agak tidak berminat tetapi dia berfikir, "Hanya buat kali yang terakhir!"

"Inilah gantungan semau sepupu saya. Semua sepupu saya ada gantungan yang mempunyai nama mereka kecuali saya. Saya tidak ada kerana saya tidak pernah dianggap sebagai salah satu anggota keluarga. Ibu saya meninggal pada waktu saya kecil dan saya dijaga oleh saudara ibu saya. Sewaktu saya terjatuh dan melukai lutut saya, tidak ada orang mencium saya dan menghibur saya," kata suaminya. Isterinya mula memahami bahawa suaminya tidak pernah mencurahkan perasaannya kerana

sesungguhnya tidak ada orang pernah mencurahkan kasih kepadanya. Alangkah sedihnya kalau suami kita tidak dapat mengasihi kita kerana dia tidak pernah dikasihi dan tidak ada orang pernah berkata "I love you" kepadanya.

Sesetengah orang pernah dianiayai sewaktu kecil dan tidak dapat lagi mempercayai kasih orang lain. Hanya setelah hati mereka tersentuh oleh kasih Tuhan yang tidak pernah pudar, baru mereka dapat mencurahkan kasih mereka kepada orang lain. Sebagai orang Kristian kita harus meluangkan waktu berdoa, menyanyi dan mengundang kasih Tuhan dalam hati kita supaya kasih-Nya dapat mengalir terus melalui kita kepada orang lain.

Manusia yang penuh dengan kelemahan memang tidak mudah dikasihi. Kita mungkin berasa tawar hati apabila melihat kelemahan seseorang dan tidak mampu mengasihinya.

Doa: Sentuhlah hatiku dengan kasih-Mu agar aku dapat mengasihi orang lain.

HARI 80

Mencari

Renungan-Hosea 11:1-11

*Engkau ini harus berbalik kepada Allahmu,
peliharalah kasih setia dan hukum,
dan nantikanlah Tuhanmu senantiasa.*

Hosea 12:7

Peristiwa lucu pernah terjadi kepada sepasang kekasih yang saling merindui kerana terpaksa berpisah demi pekerjaan. Suatu hari, perempuan itu berbisik kepada diri sendiri, "Saya akan terbang ke Australia untuk mencari kekasihku. Biarlah dia terharu dengan kedatangan saya yang mendadak!" Pada waktu yang sama, kekasihnya juga berfikir, "Biarlah dia terkejut dengan kehadiran saya. Keesokan hari saya akan pulang ke Malaysia. Kedua-duanya pun tergesa-gesa menempah tiket. Alangkah, terkejut kedua-duanya, "Apa! You berada di Australia sekarang!" "You! Di Malaysia! Alamak kenapa anda tidak SMS kepada saya?"

Cerita sedemikian tidak dapat menggambarkan perhubungan Tuhan dengan umat-Nya, tidak sama sekali.

Tuhan di dalam Alkitab mencari kita seperti seorang kekasih yang tidak pernah lelah mencari kekasih-Nya. Dalam kitab Hosea, Tuhan diibaratkan seperti seorang suami yang mencari isterinya yang serong. Hosea diminta khawini seorang pelacur yang tidak mengenang kasih setianya dan selalu bersikap seorang. Perhubungan Hosea seperti perhubungan Tuhan dengan umat-Nya. Tuhan memang tidak pernah mengenal lelah.

Sepanjang sejarah umat Tuhan, mereka tidak pernah bersikap setia kepada Tuhan sekalipun Tuhan membuktikan kehadiran-Nya berulang kali sewaktu menghadapi krisis. Mereka telah melupakan kasih Tuhan sepanjang sejarah kehidupan mereka. Kasih mereka terhadap Tuhan seperti awan yang lenyap dalam sekelip mata. Tuhanlah yang selalu memburu agar mereka kembali kepada kasih-Nya. Mereka tidak pernah berfikir untuk kembali kepada Tuhan.

Mencari kekasih yang tidak lagi setia kepada kita memang sungguh menyakiti hati. Bagaimana kalau telefon bimbitnya dimatikan atau nombornya ditukarkan? Kasih Tuhan akan umat-Nya yang tidak setia tidak pernah pudar.

Kasih Tuhan tetap terulur terhadap mereka yang sudah tidak setia kepada Tuhan. Tuhan bagai seorang suami yang mencari isterinya yang serong dan yang tidak lagi ingat akan kasih setia-Nya.

Doa: Tuhan, aku ingin selalu membalas kebaikan kasih-Mu.

HARI 81

Kasih Yang Kurang Hangat

Renungan-Wahyu 2:1-7

*Namun demikian Aku mencela engkau,
kerana engkau telah meninggalkan kasihmu yang semula.
Wahyu 2:4*

"Hangat-hangat tahi ayam" ialah peribahasa Melayu yang menggambarkan kehangatan seseorang yang sekejap sahaja. Apakah anda sedemikian? Kehangatan anda terhadap segala sesuatu hanya buat sementara sahaja? Alangkah malangnya kalau ada jejak yang jatuh cinta dengan anda! Cinta anda akan pudar dalam sekelip mata. Engkau berkata, "Bagai bunga layu di hatiku!"

Bagaimanakah kalau anda sudah berkahwin dengan orang itu dan dia berkata kepadamu, "Bunga sudah layu di hatiku! Aku tidak dapat menyelami nikmat kehangatan memegang tanganmu lagi!" itulah cerita sedih yang pernah saya dengar daripada seorang teman saya mengenai suaminya. "Tidak bergunalah saya bersemak bunga layu di hatiku! Kami akan bercerai setelah 20 tahun mendirikan rumahtangga bersama." Saya pun menghadap suami temanku lalu menunding jari saya seperti nenek tua, "Sampai hati kamu berkata bungamu sudah layu kepada isterimu! Walaupun bunga sudah layu, bukankah anda juga berperanan menyiraminya dan memupuk perhubungan anda?" Nampaknya bukan bunga yang layu, tetapi suaminya ada menanam bunga pada hati orang lain.

Perasaan Tuhan terluka apabila kehangatan cinta kita mulai pudar. Bukanlah Tuhan yang berubah tetapi kita yang berubah dan tidak lagi berakrab dengan Tuhan. Kehancuran hati Tuhan boleh diibaratkan perasaan isteri yang suaminya berkata, "Bunga di hatiku sudah layu." Sekalipun jemaat Efesus tidak mengenal lelah sewaktu melayani Tuhan, mereka lagi mengasihi Tuhan seperti dahulu.

Apa guna melayani Tuhan dengan pelbagai seminar, khutbah, strategi penginjilan, drama mahupun nyanyian yang merdu sementara bunga kasihmu sudah layu? Tuhan rindu akan kasihmu yang ikhlas. Hanya orang yang mengasihi Tuhan dengan menggebu-gebu dapat membawa perubahan dalam kehidupan orang lain.

Doa: Tuhan, aku tahu segala jerih payahku dan ketekunanku tidak bererti apa-apa tanpa kasih-Mu!

HARI 82

Bejana Syurgawi

Renungan-2 Korintus 4:7-12

*Tetapi harta ini kami punyai dalam bejana liat,
supaya nyata, bahawa kekuatan yang melimpah-limpah itu
berasal daripada Tuhan, bukan daripada diri kami.
2 Korintus 4:7*

Cubalah anda letakkan tiga benda ini ke dalam air yang mendidih dan lihat apa yang akan terjadi. Taruh sebiji telur maka telur itu menjadi keras dan namanya telur rebus. Kalau kita masukkan kentang ke dalam air dan memasaknya terlalu lama dalam kari, sewaktu kita nak makan sudah lenyap. "Siapakah yang curi kentang saya" anda bertanya-tanya. Kalau saya ingin membuat kopi Muar, saya akan memastikan air saya sungguh mendidih supaya keharuman terasa. Ketika penderitaan melandai kehidupan, orang akan memberi reaksi yang berlainan. Segolongan orang hancur seperti kentang dan menyangkal kehadiran dan belas kasihan Tuhan. Yang lain akan menjadi keras dan diingin seperti telur rebus. Dengan ajaib, sesetengah orang akan mengeluarkan keharuman yang luarbiasa kerana bejana syurgawi mengeluarkan keharumannya!

Orang Kristian mempunyai harta dalam bejana liat mereka dan kekuatan yang melimpah-limpah daripada Tuhan. Semakin mereka menderita, semakin bau keharuman daripada bejana ini jelas terpancar daripada

kehidupan mereka. Kita tetap tabah sekalipun perjalanan kita berliku-liku. Kesabaran memberi keutuhan kepada keperibadian kita dan menyatakan kuasa Tuhan.

Rasul Paulus bukanlah penganjur yang berkhotbah tentang berkat yang berkelimpahan dari segi kewangan mahupun penyembuhan sahaja. Jelas hidupnya seringkali dilanda pelbagai ujian namun bejana surgawi yang berada dalam dirinya memancarkan sinaran Ilahi. Dia berkata, "Dalam segala hal kami ditindas, namun tidak terjepit, kami habis akal, namun tidak putus asa; kami dianiaya, namun tidak ditinggalkan sendirian, kami dihempaskan, namun tidak binasa." (2 Korintus 4:9) Rasul Paulus selalu menyerahkan tubuhnya kepada Tuhan agar Yesus nyata dalam tubuhnya yang fana.

Doa: Tuhan, jangan biarkan kepahitan membuat saya dingin terhadap Engkau tetapi sebaliknya biarlah aku lebih mengasihi Engkau.

HARI 83

Sibuk

Renungan-Lukas 10:38-42

Tetapi hanya satu aja yang perlu:

*Maria telah memilih bagian yang terbaik,
yang tidak akan diambil daripadanya.*

Lukas 10:42

Di tengah-tengah hiruk pikuk kota, saya telah terbawa sensasi palsu, "kesibukan itu bererti kita penting dan menguruskan yang penting." Seseorang kira mereka sangat penting kalau mereka selalu mundur mandir. Maria dan Marta sering dianggap sebagai cerita yang sederhana dalam Alkitab namun pelajaran yang terpenting termuat dalam cerita ini. Duduklah di bawah kaki Yesus dan bahagian yang terbaik akan dicurahkan kepada kita. Kata-kata mutiara tidak dapat diperoleh daripada orang lain kecuali Yesus. Mutiara tidak menjadi milik Marta kerana dia tidak duduk di bawah kaki Yesus.

Antara hadiah yang saya terima daripada gereja Presbyterian Pulau Pinang bertahun-tahun yang lalu ketika melayani di sana ialah sebuah cermin dan sebuah buku renungan yang berjudul, "Streams in the Desert" yang ditulis oleh L.B. Cowman. Kata-kata mutiara yang diperoleh oleh wanita ini daripada Tuhan sungguh menguatkan batinku. Tambahan pula, semua tulisannya diungkapkan dalam kata-kata yang indah. Penulis buku ini menderita kesakitan yang menyebabkan dia terlantar di katil. Saat-Saat itulah dia duduk di bawah kaki Yesus dan diilhami oleh kata-kata yang begitu istimewa. Ketenangan, kedamaian, keyakinan, kasih dan kehidupan berkelimpahan terpancar daripada insan yang terlantar di katilnya. Renungannya memberkati berjutaan insan di dunia.

Disiplin kerohanian yang terutama dan yang terpenting sesungguhnya ialah bertenang dan mendengar daripada suara Tuhan. Tanpa bahagian ini semua yang kita curahkan hanya semata-mata aktiviti yang kering kontang sahaja. Tanpa inspirasi daripada Tuhan semua aktiviti rohani lenyap bagai awam dan tidak tahan lasak.

Doa: Oh Tuhan, aku merindui Engkau dengan segenap hati, aku mencari mutiara-mutiara hidup daripada Engkau.

HARI 84

Penuh Hikmat Dan Kasih Karunia Allah

Renungan-Lukas 2:41-52

*Anak itu bertambah besar dan menjadi kuat,
penuh hikmat, dan kasih karunia Allah ada pada-Nya*

Lukas 2:40

Kehidupan seorang anak pada zaman ini tidak mudah memandang persaingan pendidikan dan perubahan cuaca moral dunia yang semakin gawat. Apakah menjadi harapan seorang ibu sewaktu mengasuh seorang

anak? Apakah harapan kita sebagai seorang ibu sewaktu mengasuh seorang anak? Apakah harapan kita sebagai seorang ibu untuk anak kita? Adakah harapan kita hanya semata-mata anak kita melulus SPM dengan cemerlang dan dapat ke Menara gading? Mengejar kecemerlangan pendidikan itu baik tetapi yang termulia ialah kerinduan seorang ibu agar anak mereka bertambah besar, menjadi kuat, penuh hikmat, dan bertumbuh dalam kasih karunia Allah. Wahai ibu-ibu, jangan lupa panggilan yang mulia ini.

Kita telah meluangkan begitu banyak waktu membimbing anak-anak kita dalam pelajaran sekolah dan menghantar mereka ke tuisyen. Kaedah apakah yang boleh kita pakai bagi pembentukan watak dan keperibadian seorang anak agar beriman teguh? Perubahan cuaca moral dunia memerlukan sifat tahan lasak di tengah-tengah krisis sejagat. Kalau ibu bapa hanya mementingkan pendidikan sahaja, generasi baru mungkin tidak bersiap sedia menghadapi krisis dunia dan perubahan cuaca yang serius. Mereka harus dipersiapkan dalam kerohanian dan kasih akan Tuhan.

Berapakah ibu Kristian mementingkan cara mengajar anak untuk berdoa? Berapakah ibu Kristian mementingkan cara mengadakan renungan firman Tuhan bersama anak? Bilakah anda menceritakan pengalaman anda bersama Tuhan dengan anak secara serius? Adakah anak anda tahu menyembah Tuhan dan membaca firman Tuhan? Tahukah anak anda mengakui dosa dan kelemahan di depan Tuhan? Sungguhkah anak anda tahu Tuhan kita Penyayang?

Pemazmur dalam Mazmur 84 merindui tempat ibadah bagi anak-anak mereka kerana mereka berada di negara asing. Bahkan mereka berasa cemburu akan burung pipit yang telah menaruh anak-anaknya di tempat mezbah Tuhan semesta alam. "Bahkan burung pipit telah mendapat sebuah rumah dan burung-burung sebuah sarang, tempat menaruh anak-anaknya pada mezbah-mezbah-Mu, ya Tuhan semesta alam, ya Rajaku dan Allahku!" (Mazmur 84:4)

Alangkah sedihnya kalau seorang anak berfikir mereka hanya perlu bertemu dengan Tuhan seminggu sekali dan guru tuisyennya setiap hari, sedihnya kalau ibu bapa hanya memberi kesan kepada anak anda bahawa rumah hanyalah tempat makan dan tidur sahaja? Di manakah kehadiran Tuhan di tengah-tengah kehidupan keluarga anda?

Doa: Tuhan, tolonglah saya mengasuh anak-anak saya bertumbuh dalam iman mereka sehingga mereka dipenuhi dengan hikmat dan kasih karunia Tuhan.

HARI 85

Siapakah Yang Terbesar Di Syurga?

Renungan-Matius 19:13-15

Dan barangsiapa menyambut seorang anak seperti ini dalam nama-Ku, ia menyambut Aku.

Matius 18:5

Bagaimanakah seorang dewasa harus memperlakukan seorang anak kecil? Adakah anda menganggap mereka sebagai makhluk kecil? Mungkin anda menganggap mereka sebagai manusia yang belum 'masak'? Sesetengah orang Indonesia memanggil bocah kecil ini 'anak hingusan' yang berarti anak yang mashi berlendir! Tuhan Yesus selalu menganggap anak kecil sebagai orang penting bahkan mereka boleh dijadikan contoh bagi orang dewasa.

Dengarlah gelak ketawa seorang anak atau cerita lucu mereka maka banyak hal yang data kita pelajari daripada mereka. Anak kecil mudah menghayati keindahan alam dan lebih berminat terhadap binatang dan serangga. Anak saudara saya memperhatikan siput dan meulis tentang gerakannya! Anak kecil selalu akan memegeng pada perjanjian sementara kita sering melupakannya. Jadi kalau anda berjanji hendak membeli gula atau hadiah bagi mereka, janganlah lupa.

Anak kecil mudah mempercayai sesuatu tanpa mengemukakan persoalan rumit. Tuhan Yesus berkata kepada orang umum, "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika kamu tidak bertaubat dan menjadi seperti anak kecil ini, kamu tidak akan masuk ke dalam kerajaan syurga." (Matius 18:3)

Pada satu hari, seorang anak kecil meminta ayahnya menemani dia berjalan-jalan tetapi ayahnya menjawab, "Maaf sayang, aku bukan tidak mahu menemani engkau tetapi aku tidak mempunyai waktu." Bagaimanakah seorang bapa dapat mengasuh anaknya demi kerajaan Tuhan kalau dia tidak ada waktu berjalan-jalan dan makan angin dengan seorang anak? Tanggungjawab mengasuh seorang anak tidak terletak pada tangan ibu sahaja tetapi bapa juga. Salah satu sepapan iklan yang paling saya sukai ialah gambar seorang anak yang sedang memancing bersama-sama ayahnya dalam perahu. Mereka kelihatan begitu mesra dan tenang. Berapa bapakah yang rela memancing dan bersekutu bersama anak mereka?

Robert Raikes, tokoh yang mempelopori pendirian Sekolah Minggu, tahu akan nilai seorang anak maka dia menyambut anak-anak demi Tuhan Yesus. Pada mula-mulanya, Sekolah Minggu Robert Raikes bertujuan mendidik anak-anak miskin yang bekerja sebagai penyapu lantai di lorong Sooty Alley tetapi akhirnya, mereka dididik dalam firman Tuhan. Mereka dikumpulkan di dapur Puan Meredith dan sekolah minggunya yang pertama dimulakan. Sekolah Minggu Raikes bertumbuh sehingga hampir setengah juta kanak-kanak berkumpul di sana. Gerakan sekolah minggu bertambah sehingga setengah juta kanak-kanak.

Doa: Ya Tuhan, ajari kami menyambut kanak-kanak dan mencurahkan kasih Kristus serta memberi mereka bimbingan yang benar.

HARI 86

Jangan Jadi Batu Sandungan

Renungan-Matius 18:5-6

*Dan kamu, bapa-bapa, janganlah bangkitkan
amarah di dalam hati anak-anakmu,
tetapi didiklah mereka di dalam ajaran dan nasihat Tuhan.
Efesus 6:4*

Peribahasa Melayu berkata, "Muka bapanya borek, anaknya tentu rintik" sama dengan, "Bagaimana acuan begitulah kuihnya." Makna peribahasa ini ialah seorang anak akan menurut bapanya seperti kuih yang dibentuk menurut acuannya, atau kalau muka bapa berbintik-bintik, anaknya juga. Kalau kita membangkitkan amarah di hati anak-anak kita, mereka akan mengikut contoh kita dan mencetuskan kemarahan terhadap kita. Anak-anak kita mudah mempelajari cara kita berteriak dan marah.

Keperibadian seorang anak seringkali mengikut ibu bapa mereka. Ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan mereka maka segala tingkah laku bahkan kata-kata juga akan diikuti oleh seorang anak. Cara kita memperlakukan orang tua, teman kita, pembantu kita, dan jiran kita akan ditiru oleh seorang anak. Kita bagai cermin seorang anak kecil!

Cara ibu bapa hidup boleh menjadi teladan atau batu sandungan bagi seorang anak. Jika hidup kita menjadi batu sandungan maka lebih baik kita mengikat diri pada batu dan melemparkan diri ke dalam lautan. Perkataan dan tingkah laku ibu bapa boleh menjadi batu sandungan tanpa disedari oleh mereka. Mencaci bosmu, berbohong kepada tetamu, mencuri pen dari pejabat, mengomel terus, memarahi temanmu, sikap tamak dan ingin selalu menimbun mudah dipelajari oleh seorang anak. Awas!

Anda mungkin pernah mendengar cerita yang ngeri juga. Seorang anak sering mencuri dan berhohong namun ibunya tidak pernah mendidiknya bahkan dia menyetujui perbuatan anaknya. Apabila anak itu dewasa, dia menjadi perompak dan terlibat dalam pembunuhan. Dia dijatuhkan hukuman mati. Sebelum dia dibawa oleh polis ke dalam penjara, dia minta berbisk dan mencium ibunya. Ketika ibunya menyendeng telinganya, anak itu menggigit telinga ibunya sehingga robek dan berdarah. Anak itu memarahi ibu yang menjadi batu sandungan.

Doa: Tuhan, tolonglah aku mendidik anakku dengan baik supaya kelak dia dapat memuliakan nama Tuhan.

HARI 87

Lihat

Renungan-Lukas 4:1-15

Kemudian ia membawa Yesus

Ke suatu tempat yang tinggi

dan dalam sekejap mata ia memperlihatkan

kepada-Nya semua kerajaan dunia.

Lukas 4:5

Iblis berusaha memperdaya Hawa untuk meragukan kebaikan Tuhan dengan hanya perkataan, "melihat". Setelah iblis bersembang-sembang dengan Hawa, Alkitab berkata, "Perempuan itu melihat, bahawa buah pohon itu baik dimakan dan sedap kelihatannya, lagipula pohon itu menarik hatinya kerana memberi pengertian..." (Kejadian 3:6)

Setelah Tuhan Yesus berpuasa, iblis melancarkan tiga peluru berpandu untuk menggotai-Nya dan menggoyangkan langkah-Nya. Pertama, dia mengarahkan perhatian Yesus kepada roti yang dapat memuaskan kelaparan-Nya: "Jika Engkau Anak Allha, suruhlah batu ini mejadi roti." (Lukas 4:3) Jika iman Tuhan Yesus lemah tentu Dia akan beralasan roti itu hanya alas perut untuk membuka puasa! Kedua, iblis mengarahkan perhatian Yesus kepada kemuliaan dunia ini: "Segala kuasa itu serta kemuliaannya akan kuberikan kepada-Mu, sebab semuanya itu telah diserahkan kepadaku dan aku memberikannya kepada siapa saja yang kuhendaki." (Lukas 4:6) Yesus dirayu agar menerima tawaran untuk membebaskan umat Tuhan daripada kuku besi kerajaan Rom. Ketiga, iblis mengarahkan perhatian Yesus untuk menguji kebaikan Tuhan; "Jika Engkau Anak Allah, jatuhkanlah diri-Mu dari sini ke bawah, sebab ada tertulis: Mengenai Engkau, ia akan memeritahkan para malaikat-Nya untuk melindungi Engkau." (Lukas 4:9-10)

Strategi "lihatlah" telah dipakai iblis sejak berabad-abad kerana dengan 'melihat' timbullah keinginan untuk berdosa. Dosa sering bermula daripada mata. "Lihatlah betapa cantik wanita itu!" "Lihat rumah yang terpampang dengan megah di atas bukit!" "Sembahlah kepada wang terlebih dahulu" adalah mata kail iblis.

Tuhan Yesus mengatasi semua cabaran ini kerana rencana penebusan manusia menjadi keutamaan misi-Nya. Selain itu, Dia tahu firman Tuhan dan berpegang teguh padanya serta mencabar iblis dengannya. Tuhan menentang cabaran iblis dengan "Lihatlah," daripada Perjanjian Lama. Tuhan Yesus mengutip Ulangan 8:3 dan bersabda, "Ada tertulis Manusia bukan dari roti saja." Dia bersabda daripada Ulangan 6:13, "Ada tertulis: Engkau harus menyembah Tuhan, Allahmu, dan hanya kepada Dia sajalah engkau berbakti!" Yesus menentang iblis dengan Ulangan 6:16, "Ada firman: Jangan engkau mencobai Tuhan, Allahmu!"

Doa: Ya Tuhan, ketika iblis melontari serangan, aku mahu seperti Engkau yang berdiri teguh di atas firman-Mu.

HARI 88

Dihalau

Renungan-Lukas 4:16-30

Mereka bangun, lalu menghalau Yesus ke luar kota

dan membawa Dia ke tebing gunung, tempat kota itu terletak,

untuk melemparkan Dia dari tebing itu.

Lukas 4:29

Tuhan Yesus pernah berkata, "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya tidak ada nabi yang dihargai di tempat asalnya." (Lukas 4:24)

Bagaimanakah perasaan anda jika hadiah yang anda berikan dilempar dan diludahinya? Itulah perasaan yang pernah dialami oleh Tuhan Yesus. Ketika Dia berkhutbah pendengar-Nya terharu dengan keindahan perkataan-Nya lalu berseru, "Amboi, bukankah ini anak Yusuf?" Tetapi mereka menjadi panas baran

apabila Tuhan Yesus berkhotbah tentang kebenaran. Dia menjelaskan bahawa ada dua peristiwa yang membuktikan bahawa berkata Tuhan juga dicurahkan kepada orang yang bukan Yahudi yakni seorang janda di Sarfat dan Namaan. Perasaan benci pendengar-Nya terhadap bangsa lain begitu serius sehingga mereka menghalau Yesus ke luar kota.

Jika Tuhan Yesus dianiayai dan ditolak ke tebing apalagi kita pengikut-Nya. Kita tentu akan mengalami penganiayaan kalau kita menyampaikan kebenaran? Tuhan Yesus mengalami kepedihan ini setelah Dia menjelaskan kebenaran dengan berterus terang. Dia usir dan dilempar ke tebing.

Banyak umat Tuhan juga mengalami penganiayaan yang dahsyat demi nama Tuhan.

Biasanya, Malagasy memberi kebebasan untuk memberitakan kasih Tuhan. Misionari mendirikan sekolah, menciptakan Bahasa untuk rakyatnya, serta mengajarkan kasih dan pengampunan Tuhan Yesus tanpa masalah. Tetapi keadaan di negara ini berubah apabila Ranavola naik takhta dan menganiayai orang Kristian. Puji Tuhan, firman Tuhan sudah ditanam di lubuk hati penduduk sini jauh-jauh hari sebelum dia memerintah. Walaupun kebebasan mereka terbatas, orang Krsitian tetap bertemu secara tersembunyi untuk berdoa dan mengaji firman Tuhan.

Orang yang mula-mulanya mati syahid di negara itu ialah seorang perempuan muda yang bernama Rasalama. Walaupun dia dilemparkan ke dalam penjara dan mengalami siksaan ngeri, dia berpegang pada imannya dan berdiri teguh. Ramai orang Kristian di sana mengalami nasib yang sama, mereka digulung dan digempar ke jurang curam.

Ditolak dan dianiayai ketika memberita kasih Tuhan memang sungguh menyakit hati tetapi kalau kita melakukannya demi Tuhan, kita tidak akan tawar hati. Tuhan Yesus tidak berhenti memberitakan tentang hal kerajaan Tuhan setelah peristiwa pahit itu. Hati kita harus bergembira kerana terang kebenaran Tuhan lebih penting daripada penolakan manusia!

Doa: Tuhan, Engkau memahami kesakitan hatiku apabila aku dianiayai ketika menyampaikan firman-Mu, berilah aku ketabahan.

HARI 89

Perkataan-Nya Penuh Kuasa

Renungan-Lukas 4:31-37

Mereka takjub mendengar pengajaran-Nya, sebab perkataan-Nya penuh kuasa.

Lukas 4:32

Ajaran Tuhan Yesus bukan saja istimewa dari segi isinya tetapi selalu disertai dengan kuasa Tuhan yang luarbiasa. Apabila Yesus berkata, "Diam" iblis bersujud serta merta kemudian keluar daripada orang yang dirasuk iblis. Kewibawaan Yesus dalam pengajaran-Nya disaksikan kuasa yang luarbiasa, bukan saja satu roh yang keluar tetapi pelbagai roh keluar daripada orang yang dirasuk itu.

Hai, pengkhotbah masa kini. Adakah pengajaran kita disetai oleh kuasa Tuhan yang mampu mengeluarkan roh-roh? Banyak orang terbelenggu oleh pelbagai macam roh yang menakutkan. Apabila, saya diundang untuk memolong sebuah sekolah menengah di Kuching melepaskan murid-murid yang mengamuk saya hampir pengsan. Murid-murid itu bertempieran dan menghentak kepada pada tiang. Saat itu saya menyedari bahawa pelayanan tidak boleh disetai dengan kuasa sendiri tanpa kuasa syurgawi. Semalam suntuk teman-teman saya dan saya mempelajari cara mengeluarkan roh-roh dengan kuasa Tuhan Yesus.

Kuasa syurgawi sangat saya perlukan pada waktu saya berkhotbah. Apabila saya melirik mata ke arah setumpuk buku-buku khutbah yang pernah saya siapkan sewaktu berkhotbah, saya menyedari pada saat saya sungguh-sungguh berdoa, khutbah saya disertai dengan kuasa Ilahi. Saya selalu berasa khutbahku kering dan tidak mencapai sasaran kalau tidak disertai dengan doa yang bersungguh-sungguh. Saya

menyedari tanpa doa, pendengar tidak akan berasa takjub sekalipun pengajaran itu dihiasi dengan keindahan bahasa dan metafora.

Ketika teman saya mengajak saya menonton sebuah video seorang pengkhotbah yang selalu disertai kuasa Tuhan dalam khutbahnya, saya perhatikan dia berkata, "Bukan saya, bukan bagi kemuliaan peribadi tetapi kuasa Tuhan demi kemuliaan Tuhan!" Apabila Dia menyuruh iblis keluar, segera kuasa gelap menyatakan diri lalu keluar dariapda orang terbelenggu.

Doa: Tuhan, tolonglah aku berdoa dan mengajar dalam kuasa-Mu.

HARI 90

Tempat Yang Sunyi

Renungan-Lukas 4:42-44, Lukas 9:28-29,32

Ketika hari siang, Yesus berangkat dan pergi ke suatu tempat yang sunyi.

Tetapi orang banyak mencari Dia lalu menemukan-Nya

dan berusaha menahan Dia

supaya jangan meninggalkan mereka.

Lukas 4:42

Kadangkala di tengah-tengah kesibukan, saya membayangkan diri saya terbaring di bawah pohon rendang dan tertiuip angin-angin sepoi tanpa kekangan waktu. Ya, biarlah alam menyatakan kebesaran Tuhan dan biarlah bisikan Tuhan terdengar jelas melalui angin. Ketakjuban akan kehebatan Tuhan dan kemanisan syurgawi akan bertambah nyata kalau kita tahu pergi ke tempat yang sunyi dan bersekutu indah dengan Tuhan. Tempat itu mungkin tidak berada di bawah pokok rendang atau puncak gunung tetapi satu sudut di rumah anda.

Banyak pelayanan menunggu Tuhan Yesus kerana orang yang sakit jasmani dan rohani berbondong-bondong mencari-Nya tetapi Tuhan Yesus memerlukan waktu sunyi bersma dengan Allah Bapa. Setelah Tuhan Yesus menyembuhkan ibu mertua Simon dan membebaskan banyak orang daripada syaitan, dia memerlukan saat teduh. Di kota itu, penduduknya banyak keperluan tetapi Tuhan Yesus berangkat ke tempat yang sunyi dan berdoa. Tempat sunyi penting bagi Tuhan Yesus kerana Dia perlu berdoa dan bersekutu dengan Allah Bapa supaya persis senafas dan sehaluan dengan Bapa-Nya. Kerja yang bertubi-tubi tidak dapat mengeruhkan bisikan Tuhan dan panggilan-Nya kerana Tuhan Yesus tidak pernah gagal mengadakan saat renungan-Nya.

Banyak orang mahu menahan Dia untuk melayani di kota tetapi Tuhan Yesus mempunyai fokus yang tidak bergoyah. Dia berkata, "Juga di kota-kota lain, Aku harus memberitakan Injil Kerajaan Allah sebab untuk itulah Aku diutus." (Lukas 4:43) Saat renungan telah memberi Tuhan Yesus keteguhan dalam batin-Nya.

Tuhan Yesus sering membawa tiga murid-Nya ke Gunung Olives dan Gunung Hermon untuk bersekutu dan berdoa. Pada saat persekutuan indah ini, mereka sering melihat wajah dan kemuliaan Tuhan Yesus, "Ketiak Dia sedang berdoa, rupa wajah-Nya berubah dan pakaian-Nya menjadi putih berkilauan." (Lukas 9:29)

Jangan beralasan anda tidak mempunyai tempat sunyi seperti Gunung Olives atau Gunung Hermon untuk bersekutu dengan Tuhan. Di tengah-tengah keketatan politik di Babel, Daniel masih berdoa dibiliknya. Petrus juga mencari bilik Yoppa, di loteng atas untuk bersekutu dan berdoa. Martin Luther, bapa gereja, bersekutu dengan Tuhan di biliknya di Wittenberg. Di tempat sunyi masing-masing mereka menampak kemuliaan Tuhan.

Manakah Gunung Olives anda?

Doa: Aku mahu mencari wajah-Mu dan kehendak-Mu di tempat yang sunyi. Nyatakan Diri-Mu yang ajaib, ya Tuhanku, dan biarlah aku melihat kemuliaan-Mu.

HARI 91

Jangan Takut Engkau Akan Menjadi Penjala Manusia

Renungan-Lukas 5:1-11

*Jangan takut, mulai dari sekarang
engkau akan menjala manusia.*

Lukas 5:10

Pada suatu petang, Dr. Frank Laubach seorang misionari kepada orang Moro di pulau Midanao sedang berjalan-jalan. Angin nyaman yang dingin dan ciptaan yang begitu indah ketika disinari oleh cahaya sang suria membawa Frank lebih dekat dengan Tuhan. Frank telah menetapkan satu disiplin dalam kehidupannya yaitu memikirkan Tuhan setiap saat. Pada petang ini hatinya begitu terbebani lalu dia berlutut dan berdoa, "Ya, Tuhan, orang Moro begitu keras hati mereka." Jiwa Frank mengeluh lalu berseru kepada Tuhan yang penuh rahmat untuk memperoleh satu jawaban. Sejenak Tuhan berbisik kepada telinganya, "Anakku, orang Moro tidak terharu dengan kasih-Ku kerana engkau tidak mengasihi mereka. Engkau berasa dirimu lebih pandai daripada mereka," bisik Tuhan.

"Ya sungguh benar, sejauh manakah saya mengasihi dan memahami agama mereka? Relakah saya mempelajari iman mereka? Tuhan, saya berjanji mempelajari agama mereka dengan lebih mendalam lagi." Frank bersiul kepada Tip, anjing setianya lalu berlompat-lompat bersama anjingnya dengan gembira. Hari berikutnya, Frank berjumpa dengan imam besar Moro dan meneliti agama mereka. Imam besar itu sungguh gembira lalu menceritakan imannya dalam Bahasa Spanyol. Frank tidak pandai berbahasa Spanyol dan dihalangi lagi oleh keterbatasan bahasanya namun Frank menekun Bahasa Moro daripada Maranaw. Dr. Lauach terpaksa menulis setiap kata dalam kad kerana Bahasa itu belum tercetak.

Memancing atau menangkap ikan tidak mudah apalagi menjala manusia. Langkah yang pertama tentulah pertaubatan diri sendiri dan memastikan minda serta jiwa anda sudah diperbaharui oleh Roh Tuhan. Petrus yang sudah terharu ketika melihat jala berkelimpahan dengan ikan segera bertaubat. Hanya dengan pembaharuan watak dan jiwanya, dia mampu menyerahkan dirinya kepada Kristus dan mengikut Dia untuk menjala manusia. Petrus akan mengikut Tuhan dan mempelajari cara menjala dengan sabar. Segala yang dilakukannya haruslah berdasarkan kemampuan Tuhan dan bukan kemampuan dirinya.

Doa: Tuhan yang mengasihi manusia, berilah saya kasih untuk orang lain sehingga aku rela menjala mereka demi kerjaan Tuhan.

HARI 92

Pernah Jatuh Dalam Dosa?

Renungan-Matius 26:30-35

*Maka teringatlah Petrus akan apa
yang dikatakan Yesus kepadanya:*

*"Sebelum ayam berkokok,
engkau telah menyangkal Aku tiga kali."*

*Lalu ia pergi ke luar dan
menangis dengan sedihnya.*

Matius 26:75

Pernah anda terjatuh dalam dosa? Memang benar saat itu sungguh memalukan.

Dosa jenis apakah yang pernah anda lakukan tidak menjadi persoalan yang penting. Yang terpenting bagaimana anda hidup setelah itu? Adakah anda terus berjalan dalam lembah gelap? Adakah anda menangis dan membanjiri ranjangmu dengan airmata serta bertaubat? Petrus begitu yakin bahawa dia tidak akan menyangkal Kristus pada saat-saat yang menakutkan. Petrus yakin bahawa biarpun orang lain tergoncang dalam iman mereka, dia sahaja yang akan berdiri teguh dan setia kepada Tuhan.

Sewaktu Tuhan Yesus berada dalam cengkaman musuhnya, Petrus menghadapi cabaran dan ujian yang luarbiasa. Beranikah dia mengakui Tuhan-Nya? Petrus baru menyedari akan kelemahannya sendiri; pada resminya, dia hanya seorang penakut. Dia tidak percaya bahawa musuhnya cukup licik dan dapat mengoncong imannya walaupun Tuhan Yesus sendiri yang memberi amaran.

Bagaimanapun setelah ayam berkokok tiga kali, dia menyesari dosanya dan segera bertaubat. Kesanggupan Petrus untuk bertaubat segera telah mendatangkan pekerjaan ajaib Tuhan dalam kehidupannya. Pada hari Pentakosta, Roh Kudus telah memenuhi dia sehingga dia dapat menjelaskan fenomena kedatangan Roh Kudus dengan baik. Pada hari itu juga, tiga ribu orang telah dimenangi untuk Tuhan walaupun dia pernah menjadi penakut. (Kisah Para Rasul 2)

Bagaimana pula dengan Yudas? Tuhan Yesus telah memberitahu Yudas bahawa dia akan mengkhianati dan menjualkan-Nya. Yudas yang penuh dengan kepuraan bertanya, "Bukan aku, ya Rabi?" Apakah yang dikatakan oleh Yesus? "Engkau telah mengatakannya." Yudas tidak menangis dengan pedih dan bertaubat serta menghentikan niatnya. Dia berbatu hati dan mengibaskan amaran itu dari telinganya, pertaubatan tetap jauh dari hatinya.

Akibatnya? Pada hari Pentakosta, dia lenyap dari dunia ini dan tidak dapat melihat fenomena kedatangan Roh Kudus yang hebat. Para rasul harus mencari pengantinya, lagipula riwayat ceritanya sangat memalukan, "Yudas telah membeli sebidang tanah dengan upah kejahatannya, lalu ia jatuh tertelungkup, dan perutnya terbelah sehingga semua isi perutnya tertumpah ke luar. Hal itu diketahui oleh semua penduduk Yerusalem, sehingga tanah itu mereka sebut dalam Bahasa mereka sendiri "Hakal-Dama" ertinya Tanah Darah." (Kisah Paru Rasul 1:18-19) Bayangkan cerita akhir dalam kehidupannnya ialah perutnya terbelah da nisi perutnya tertumpah!

Betapa berbezanya cerita orang yang bertaubat dibandingkan dengan riwayat orang yang tidak bertaubat.

Doa: Tuhan, tolong aku bertaubat seperti Petrus dan rindu akan Roh-Mu supaya akan boleh dipakai dengan ajaib!

HARI 93

Mengawal Mulutmu

Yakobus 3:5-12

*Semua jenis binatang liar burung-burung,
Serta binatang-binatang menjalar,
dan binatang-binatang laut
dapat dijanikkan dan
telah dijinakkan oleh manusia
Tetapi tidak ada seorangpun yang
berusaha menjinakkan lidah...*

Yakobus 3:7,8

Pada zaman dahulu seorang raja mengidam bukan kerana baginda hamil tetapi baginda telah tercium bau luarbiasa. "Bau apakah itu? Beta ingin bersantap makanan itu...", titah baginda kepada hambanya. Setelah mundar mandir mencari sumber baunya, pegawai istana mendapati bau itu sebenarnya berasal daripada kulit padi yang terbakar. "Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, bau harum itu sebenarnya berasal daripada kulit padi yang terbakar!" "beta ingin makan kulit padi itu tetapi beta mahu hamba merahsiakan hal ini daripada rakyat Singgahsana!" titah raja itu.

Pegawai itu sering ketawakan raja apabila teringat gelagat raja yang pelik sewaktu menelan kulit padi, "Alangkah seronoknya kalau aku dapat menikmati rahsia ini dengan orang lain. Dia tidak dapat menahan rahsia ini lalu dia berteriak ke dalam satu lubang pokok yang besar. Pada suatu hari pembuat meja menebang pokok itu lalu membuat satu gong besar bagi raja. Pada hari lahir raja itu, apabila gong digemakan, suara yang tersembunyi itu terlepas ke seluruh pelusuk istana, "Raja sukan makan kulit padi yang terbakar! Ha! Ha!" Raja itu begitu marah lalu menitah, "Tangkap hamba itu dan pancung kepalanya!"

Yakobus memberi kita perbandingan yang sungguh bagus. Manusia boleh menjinakkan pelbagai binatang tetapi lidahnya sendiri tidak dapat dikawalkan. Kapal yang begitu besar dapat dikawalkan oleh kemudi yang begitu kecil tetapi lidah manusia liar. Seringkali, apabila teman kita memberitahu kita rahsia, dapatkah kita merahsiakan hal itu dan mendoakannya? Awas! Jangan sebarkan yang tidak benar. Tuhan tidak suka orang yang bermulut celupar! Jangan bermulut tempayan.

Doa: Tuhan Mah Kudus, sucikan mulutku dan ajari aku mengawal lidah yang kecil ini demi kemuliaan-Mu.

HARI 94

Kononnya Mengasihi Tuhan

Yakobus 2:1-13

*Dengarkanlah, hai saudara-saudara yang kukasihi!
Bukankah Allah memilih orang-orang yang dianggap
miskin oleh dunia ini untuk menjadi kaya dalam iman
dan menjadi ahli waris Kerajaan yang telah dijanjikan-Nya
kepada barangsiapa yang mengasihi Dia?
(Yakobus 2:5)*

Puan Zaiton kononnya sangat mengasihi Tuahn tetapi cara dia melayani orang lain cukup meragukan kita. Tetamu yang datang dari kampung disuruh mencuci kaki, sebelum menaiki tangga, kononnya setiap tetamu mesti membersihkan kakinya sebelum menginjak lantainya. Dia berbisik kepada anaknya, "Sepupumu itu kampung, jarang mencuci kaki mereka." Sewaktu makan malam, dia mencaci dan berbisik-bisik tentang sifat rakus mereka kepada anak-anaknya. "Maklumlah, di kampung mereka makan daun ubi sahaja. Pada waktu tidur, dia berkata kepada pembantunya, "Mereka itu orang kampung dan anak hingusan, ushlah diberikan sarung bantual yang cantic, ada sarung bantal sudah bernasib baik! Di kampung mereka tidur di atas kayu ajalah!"

Beberapa minggu kemudian, dia menyambut saudara mara daripada orang berada, bangsawan kononnya! "Datuk dan Datin Belalang" dan anaknya dilayani secara luarbiasa. "Usahlah tanggalkan kasut, rumah ini kotor!" Apabila anak Datuk Belalang meminta ditambah nasi, Puan Zaiton cukup gembira, "Anak ini cepat membesar ya, bagus, bagus. Nafsu makanan yang begitu bagus jarang ada pada anak-anak kecil lain. Syukurlah! Makanlah! Makanlah!" Pemergian mereka diiringi dengan doa, hadiah dan bunyian kompang.

Adakah orang yang mengenal Tuhan Yesu juga memperlakukan orang lain seperti Puan Zaiton? Ketika anggota gereja yang kaya datang, mereka dihargai dan disanjung. Bagaimana pula dengan anggota gereja yang miskin dan terpaksa meminjam duit untuk makan malam? Orang yang berpakaian jaket dan tali leher diundang duduk di depan tetapi orang yang berpakaian company camping diminta duduk terbelakang? Nenek yang tidak beberapa kaya diminta berdiri sahaja?

Doa: Ya Tuhan, ajari aku tidak menghina orang mistkin dan mengasihi mereka seperti permata.

HARI 95

Teko Hodoh Tetapi Menarik

Renungan-2 Timotius 2:20-21

*Jika seorang menyucikan dirinya dari hal-hal yang jahat,
ia akan menjadi perabot rumah untuk maksud mulia,*

*ia akan dikuduskan, dipandang layak untuk dipakai tuannya
dan disediakan untuk setiap pekerjaan yang mulia.
2 Timotius 2:21*

Saya berada di restoran Genji menikmati makanan Jepun, sushi, tempayaki, udon dan teh hijau. Enaknya! Namun hari saya tidak hanya menikmati makanannya tetapi saya menghayati corak pelbagai cawan, mangkuk, kotak yang disediakan untuk makanan tengah hari. Oh, kotak comel ini begitu cantik serta berpetak-petak. Bukan hanya corak kotak itu bagus tetap fungsinya pun canggih. Anda boleh mengagihkan pelbagai lauk pauk. Begitu praktis! Sewaktu mencorak produk itu tentu pencoraknya juga berfikir tentang kegunaan, setiap petak untuk sayur berlainan dan yang terkecil untuk wasabe.

Saya juga teringat teman saya yang mempunyai teko-teko yang begitu istimewa dan unik.

Menurutnya salah satu tekonya tidak pernah digunakan kerana pegangan dan mulut teko pada bahagian yang sama. Menurut teman saya, teko ini diciptakan oleh pelukis Perancis Jacques Carelman untuk kopi bukan teh. Sebuah tekonya dinamai Nana begitu hodoh sehingga mempunyai daya tarikan yang luarbiasa! Menurutya, teko ini dicorakkan oleh Michael Graves.

Walaupun teko ini tidak mempunyai corak bunga atau burung, ia sering digunakan untuk melayani tetamu dengan bangga. Teman ini mempunyai sebuah teko lain yang sangat praktis penggunaannya, daun-daun teh yang dibancuh boleh diagihkan di suatu sudut kecil supaya airnya tidak menjadi terlalu pahit.

Kita semua perkakas di rumah Tuhan, dan ada perabot tertentu digunakan untuk perkara yang mulia. Bukan saja orang yang kacak, cantik, dan berbakat boleh dipakai oleh Tuhan. Perabot yang digunakan untuk pelayanan mulia adalah perabot yang sudah disucikan. Hanya perabot yang bersih layak dipakai oleh Tuhan. Jika kita masih disaluti dosa, kuasa Tuhan tidak dapat mengalir daripada kita. Kita masing-masing mempunyai pelayanan dan panggilan yang berbeza-beza.

Rasul Paulus menasihati Timotius yang ingin digunakan bahawa, "Sebab itu jauhilah nafsu orang muda, kejarlah keadilan, kesetiaan, kasih dan damai bersama-sama dengan mereka yang berseru kepada Tuhan dengan hati yang murni." (2 Timotius 2:22)

Doa: Tuhan Yang Maha Kudus, sucikan aku dan biarlah aku menjadi perkakas yang mulia di rumah Tuhan.

HARI 96

Iman Yang ikhlas

Renungan-Yakobus 2:14-26

Demikian juga halnya dengan iman:

*Jika iman itu tidak disertai perbuatan,
maka iman itu pada hakikatnya adalah mati.*

Yakobus 2:17

Pernahkah anda membaca buku yang berjudul In His Steps? Penulis buku ini berpura-pura menyamakan diri sebagai petualang miskin agar dia dapat menguji iman orang Kristian yang mengaku diri mereka beriman. Dia ingin mengetahui setakat manakah kasih mereka terhadap orang yang berada dalam keperluan. Pada suatu hari, dia datang ke gereja berpakaian berlubang-lubang dan bercomot. Jemaah ayng melihat orang yang aneh ini, tidak mahu duduk dekatnya mahupun bersapa. Lalu dia berpura-pura meminta pertolongan dan mengutarakan keinginannya untuk bekerja bagi anggota Jemaah kerana kekeringan wang. Mereka bukan sahaja bersikap tangkai kering bahkan mereka tidak percaya dia dapat bekerja. Dia mendaapati orang Kristian yang ditemui oleh dirinya cuma pandai mengutip firman Tuhan tetapi tidak melakukannya dengan perbuatan sejati.

Mereka seprti orang yang diceritakan oleh Yakobus, "Jika seorang saudara atau saudari tidak mempunyai pakaian atau kekurangan makanan sehari-hari dan seorang daripada antara kamu berkata: selamat jalan, kenakanlah kain panas dan makanalah sampai kenyang! Tetapi dia tidak memberikan kepadanya apa

perlu bagi tubuhnya, apakah gunanya itu?" (Yakobus 2:15,16) Perkataan mereka tidak dinyatakan dengan tindakan tangan mereka.

Iman orang Kristian bukan sekadar perkataan sahaja tetapi harus disertai oleh perbuatan. Jika iman kita tidak disertai perbuatan maka iman kita pada hakikatnya mati. Adakah kita berkhotbah tentang kasih tetapi padalannya kita tidak pernah tuntutkannya kepada orang miskin? Mungkinkah kita menasihati banyak orang mengasihi musuh mereka tetapi kita mempunyai banyak musuh? Pernahkah kita berikan secangkir kasih kepada kanak-kanak yang menderita HIV? Adakah kita mengelakkan diri daripada mereka?

Sewaktu teman kita kehilangan pekerjaan, adakah kita bukan sahaja tidak menolong mereka bahkan kita mencaci mereka setengah mati. Mereka dianggap sebagai sampah masyarakat dan beban sahaja?

Doa: Tuhan, tolonglah saya membuktikan iman saya dengan perbuatan.

HARI 97

Siapakah Yang Paling Berkuasa

Renungan-Mazmur 2

*Beribadlah kepada Tuhan dengan takut
dan ciumlah kaki-Nya dengan gemetar.*

Mazmur 2:11

Raja dan pemimpin dunia yang paling hebat pun tidak dapat hidup selama-lamanya. Siapakah Shih Huang Ti? Raja Cina yang hebat ini telah menyatukan pelbagai suku dengan satu Bahasa dan satu matawang. Beliau juga membina tembok China untuk menghalangi negara China daripada diserangi musuh, Augustus Kaisar telah menakluk banyak tempat dan menyatukan Rom dengan kekuatan tenteranya. Mereka terkenal sebagai raja yang berkuasa dan berkebolehan.

Siapakah yang paling berkuasa pada zaman ini? Sebagai rakyat dunia, kita kadangkala berasa begitu frustrasi terhadap serangan dan keganasan yang sering terjadi di permukaan bumi ini. Sewaktu saya berasa frustrasi dengan kejadian sejarah dan kekejaman di permukaan bumi, saya masih terhibur dengan kenyataan bahawa Tuhan Yesus adalah Raja yang hidup selama-lamanya.

Kecanggihan senjata nuclear manusia tidak bererti apa-apa bagi Tuhan malahan Tuhan memberi amaran bahawa Dia akan meremukkan mereka dengan gada besi dan memecahkan mereka seperti tembikar tukang periuk. "Mengapa rusuh bangsa-bangsa, mengapa suku-suku bangsa mereka-reka perkara yang sia-sia?" (Mazmur 2:1) Umat dunia harus lebih takut akan Tuhan yang Maha Kuasa dan bukan merancang belanjawan nuclear yang lebih besar.

Sebagai umat Tuhan, kita mengeluh dan menantikan hari kedatangan Tuhan dan pemerintahan-Nya di dunia ini. Sementara mengalami pelbagai berita peperangan mahupun menghadapi peperangan kita tetap beriman bahawa di kaki Tuhan, semua bangsa akan sujud menyembah Pencipta Alam dengan gementar.

Jangalah berita peperangan di dunia ini membuat anda tawar hari. Tuhan tetap Pencipta dan Pengawal dunia ini. Hanya sembah Dia dengan bergementaran kerana rencana Tuhan bagi dunia kita tidak akan luput selama-lamanya.

Doa: Ya Tuhan yang Kudus, semua bangsa akan datang menyembah dan mencium di kaki-Mu.

HARI 98

Menyertai Ketenteraan

Renungan-Efesus 6:10-20

Sebab itulah ambillah seluruh perlengkapan senjata Tuhan,

*supaya kamu dapat mengadakan perlawanan
pada hari yang jahat itu dan tetap berdiri,
sesudah kamu menyelesaikan segala sesuatu.
Efesus 6:13*

Di Malaysia, para remaja yang berumur lapan belas mungkin terpilih menyertai Program latihan Khidmat Negara. Sesetengah remaja menantikan cabaran ini dengan penuh harapan. Sudah tentu, ada pula yang terpegun dan menangis ketika menerima surat tawaran. Mereka akan melintasi hutan dan menjalani pelbagai latihan untuk menambahkan kecekalan mereka.

Sesetengah orang Kristian selalu bersikap sedia berperang rohani dan yang lain pula hanya mengharapkan keseronokan berkata Tuhan. Mereka berlayar dalam lautan tenang dan berharap agar Tuhan memberkati mereka. Setaip orang Kristian sebenarnya merupakan tembok untuk menentang serang iblis terhadap keluarga mahupun tempat pengaruh mereka. Kita dipanggil untuk berperang rohani. Seringkali, orang Kristian menjadi sasaran serangan iblis yang ganas sehingga kesaksian mereka terjejas. Pernahkah kita berperang rohani bagi keluarga kita, bagi kehidupan peribadi kita, atau demi orang lain yang terbelenggu dosa supaya mereka mencapai kejayaan?

Mengapa kita tidak pernah berperang rohani? Salah satu sebab yang besar ialah kita tidak pernah berkasutkan kerelaan memberitahu injil. Kita berat tulang menyertai ketenteraan syurgawi dan apabila injil tidak pernah diberitakan, peperangan antara kerajaan gelap dan kerajaan terang tidak pernah terjadi.

Untuk berperang secara berkesan, kita mesti memakai seluruh perlengkapan senjata Tuhan. Pertama, "Jadi berdirilah tegap, berikatpinggangan kebenaran dan berbaju zirahkan keadilan." (Efesus 6:14) Kebenaran dan keadilan merupakan ciri-ciri khas kesaksian kita. Keperibadian utuh memberi kita kekuatan berperang. Kasut melambangkan bahawa kita selalu bersiap sedia untuk berperang. Perisai yang dipakainya ialah iman pada kekuatan dan kemenangan Kristus. Ketopong keselamatan dan pedang yang digunakan oleh seorang askar Kristus untuk melawan iblis ialah firman Tuhan.

Orang Kristian rohani yang bersandar pada kekuatan sendiri akan kecewa dan tidak berperang lagi. Bagi kita yang berperang rohani, kita mengetahui, "Senjata kami dalam perjuangan bukanlah senjata duniawi, melainkan senjata yang diperlengkapi dengan kuasa Tuhan, yang sanggup meruntuhkan benteng-benteng." (2 Korintus 10:4)

Doa: Tuhan, aku ingin diperlengkapi dengan kuasa Roh-Mu dan semua perlengkapan Tuhan untuk berperang rohani.

HARI 99

Lawanlah Iblis

Renungan-Lukas 10:17-21

*Kerana itu tunduklah kepada Tuhan,
dan lawanlah iblis, maka ia akan lari daripadamu!
Yakobus 4:7*

Saya masih teringat sewaktu diminta mengusir iblis-iblis daripada seorang gadis Kristian. Tangan dan kaki saya berasa bergementaran. Kebetulan saja, pada malam itu, saya sedang menyanyi sebuah lagu tentang kemenangan Kristus atas kuasa kegelapan. Tiba-tiba saya menerima panggilan telefon yang mengundang saya mengusir iblis di tengah-tengah malam. Saya mengigil sewaktu berdoa dan melangkah kaki ke rumahnya. Setelah beberapa jam mengusir iblis-iblis, cabarannya bertambah berat kerana banyak roh berdegil dan tidak mahu melepaskan dia.

"Bagaimana Cik Tan kalau gadis ini bermalam di tempat kamu?" tanya ibu gadis itu. Gadis ini tinggal bersama dengan saya dan teman-teman saya selama beberapa malam sewaktu kami berusaha

membebaskan dia. Pada waktu itu saya tinggal di Malaysia Bible Seminary dengan teman-teman lain di sebuah rumah.

Anda ingin mengetahui cerita selanjutnya? Teman saya takut tidur di sisi gadis ini oleh kerana itu saya terpaksa tidur di sisinya. Walaupun tangan saya dingin sewaktu menarik selimut untuk menutupi muka saya, sejenak kemudian, saya sudah mendengkur. Dapatkah teman saya tidur nyenyak? Tidak! Pada pertengahan malam, dia ternampak lembaga yang mengancam membunuh dia seandai gadis itu tidak segera dipulangkan ke rumahnya. Iblis itu memakai bahasa isyarat. Sejurus kemudian gadis itu mencuit bahu saya lalu berkata, "Sudah datang!" Di tengah-tengah keheningan malam, kami menyanyi dan mengusir iblis-iblis ganas itu.

Pelajaran apakah yang saya pelajari? Untuk meraih kemenangan atas iblis, kita mesti terlebih dahulu menunduk diri di bawah kuasa Tuhan Yesus. Jangan pandai mencari perpatah-perpatah apapun tidak akan menolong kita jika kita tidak mengakui atau mempunyai kuasa Tuhan. Murid-murid Tuhan Yesus pernah memberitahu Tuhan Yesus bahawa iblis-iblis tertunduk kepada mereka. Tuhan Yesus menjawab bahawa Dia menampak iblis seperti kilat jatuh daripada langit. (Lukas 10:18) Tuhan Yesus bersetuju dengan mereka bahawa iblis tunduk kepada mereka kerana mereka terlebih dahulu tunduk kepada kuasa Tuhan.

Janganlah sembunyikan diri di bawah katil sewaktu iblis mengganggu anda. Tundukkan iblis di bawah kuasa Tuhan, lawannya, dan dia akan berambus!

Bagaimanapun jangan bangga kerana iblis tunduk di bawah telunjuk jarimu, bergembiralah kerana namamu tercatat di syurga.

Doa: Tuhan Maha Kuasa, aku mahu tunduk di bawah kuasa-Mu sewaktu melawan iblis.

HARI 100

Syaitan Mencegah Mereka

Renungan-1 Tesalonika 2:17-20

Tetapi syaitan menghalangi kami...

1 Tesalonika 2:18

Paulus, Silas dan Timotius ingin mengunjungi gereja Tesalonika tetapi syaitan berusaha menghalangi mereka. Mereka tidak sengaja mengingkari jani kerana saudara-saudara di sana dekat pada hati mereka dan kerinduan melihat wajah mereka tidak pernah terpadam, tetapi iblis tidak suka mereka bermesra intim.

Perjalanan dan pelayanan Paulus selalu diarahkan oleh Tuhan secara terperinci. Kadangkala Paulus ingin ke suatu tempat tetapi Roh Tuhan mencegahnya atas sebab-sebab yang tertentu. Mereka ingin ke Bithynia tetapi Roh mencegah mereka dan Roh Kudus secara khusus menghalangi mereka berkhotbah di Asia tetapi mengarahkan mereka ke Troas dan Eropa atas sebab-sebab yang tertentu.

Bagaimanakah syaitan menghalangi Paulus dan teman-temannya sewaktu mereka mahu ke Tesalonika? Sesetengah pentafsir berkata penganiayaan mungkin telah menghentikan langkah Paulus. Taksiran ini mungkin tidak dapat diterima kerana Paulus tidak takut menghadapi penganiayaan. Boleh jadi, syaitan telah menggunakan ahli filsuf untuk merunsingkan umat Kristian sehingga mereka membantah kedatangan Paulus? Mungkinkah Paulus ingin ke gereja sana untuk mencabut mereka yang berbulu palsu, oleh kerana itu syaitan kuat menentang dia? Mungkinkah syaitan telah membuat kekacauan di gereja lain sehingga Paulus terpaksa menyelesaikan masalah perpecahan di gereja sehingga lawatannya tertangguh?

Jadi bagaimana syaitan menghalangi mereka? Satu hal yang pasti ialah syaitan tidak mahu gereja yang muda itu dikuatkan oleh khutbah Paulus. Syaitan mengawasi setiap langkah ketiga-tiga penginjil ini kerana mereka dapat berkhotbah sehingga neraka bergoncang dan syaitan terpaksa tunduk di bawah kaki Yesus. Syaitan juga tidak suka kehadiran Paulus yang sering merapatkan perhubungan anggota Jemaah dan menguatkan iman mereka.

Saudara giat melayani Tuhan? Syaitan mengawasi langkah anda dan berusaha menghalangi rancangan tertentu. Jangan kecewa, lawannya dan tundukkan kuasanya di bawah kuasa Tuhan Yesus. Kita tidak kecewa kerana langkah orang yang membawa berita baik selalu ada halangan akan tetapi kuasa kebangkitan Kristus memberi kita kemenangan.

Doa: Tuhan, ketika aku menghadapi halangan-halangan tertentu, berilah aku kuasa melawannya.

HARI 101

Kebudayaan

Renungan-Kisah Para Rasul 17:22-29

*Sebab ketika aku berjalan-jalan di kotamu
dan melihat barang-barang pujaanmu,
aku menjumpai juga sebuah mezbah dengan tulis:
Kepada Allah yang tidak dikenal.
Apa yang kamu sembah tanpa mengenalnya,
itulah yang kuberitakan kepada kamu.
Kisah Para Rasul 17:23*

Rasul Paulus peka terhadap kebudayaan penduduk di Athena dan melihat bahawa mereka teguh beragama biarpun mereka tidak mengenal Allah itu. Dia perhatikan apa yang tertulis pada batu yang didirikan oleh mereka untuk beribadah, "Kepada Tuhan Yang Tidak Dikenali." Dengan penuh keyakinan, Rasul Paulus memberitahu mereka bahawa Tuhan yang tidak dikenali oleh mereka sebenarnya tinggal di dalam mereka dan mereka adalah anak-anak Tuhan.

Sewaktu kita memberita kasih Tuhan, kita mesti peka terhadap kebudayaan dan agama orang lain. Berusahalah mendengar dan mengerti kebudayaan mereka sebelum membuka mulut kita.

Orang Sawi di Netherlands, Irian Jaya, merupakan kaum yang makan daing manusia dan menggunakan tengkorak sebagai bantal. Kekejaman memang sebahagian daripada kebudayaan mereka. Seandainya dua suku yang berperang ingin berdamai, mereka mesti mengorbankan seorang bayi. Anak yang dikorbankan ini dipanggil "anak perdamaian." Siapakah yang berani pergi ke suku bangsa ini? Don dan Karol Richardson dipanggil kepada suku ini untuk menceritakan Anak Perdamaian mereka. Pasangan ini memerhatikan kebudayaan penduduk di sana dan menggunakan jalan fikiran mereka sebagai kunci menjangkau minda mereka dan membuka hati mereka.

Pada suatu hari, Don dan Karol Richardson memerhatikan upacara perdamaian mereka dengan sedih. Kedua-dua bayi itu dihiasi dengan cantik sekali, tangan dan kaki mereka juga diikat dengan pita. Kaiyo dan Mahean memberi anak mereka sebagai 'taron tim' (sembelihan) dan mereka tersenyum sambil memegang anak-anak perdamaian mereka sekalipun hati mereka begitu sedih. Anggota masyarakat kedua-dua suku ini saling bertukaran pemberian dan menari tarian perdamaian. Puncak daripada upacara ini ialah perletakkan tangan pada kepala bayi-bayi ini serta penyembelihan mereka.

Don Richardson bersembang-sembang dengan mereka pada suatu hari, "Nenek moyang kamu bukanlah orang yang mula-mula tahu bahawa perdamaian tidak mungkin terjadi tanpa pengorbanan seorang bayi. Alkitab memberitahu kita bahawa perdamaian antara Tuhan dan manusia dapat dilaksanakan melalui anak-Nya yang berharga. Hanya orang yang kudus dapat membawa perdamaian itu, dan Tuhan Yesus yang tidak bercacat cela telah menjadi korban dosa manusia. Tuhan tidak dapat mencari seorang yang tidak bercacat cela di kalangan manusia maka anak-Nya yang kudus datang menebus dosa.

"Siapakah yang dicari oleh Dia?" tanya Don. "Siapakah yang dicari oleh Dia?" tanya Mahaen sambil membakar satay kumbang. "Mahaen, ketika awak menyelesaikan permusuhan dengan musuh awak, adakah awak menggunakan anak orang lain?" "Anakku," jawab Mahaen dengan suara yang sesal. "Demikian juga Tuhan memberi anak-Nya Tuhan Yesus!"

Adakah kita mengenal kebudayaan teman-teman kita sehingga kita tahu kunci menjangkau fikiran mereka?

Doa: Tuhan, ajari aku membuka telingaku untuk mendengar dan memahami kebudayaan orang lain supaya kunci injil dapat saya gunakan.

HARI 102

Ambil Langkah Pertama

Renungan-Yohanes 4:1-26

Maka datanglah seorang perempuan Samaria hendak menimba air. Kata Yesus kepadanya: Berilah Aku minum. Yohanes 4:7

Tuhan Yesus mengambil langkah pertama untuk menjalin hubungan dengan bangsa lain sewaktu meminta minuman daripada seorang perempuan Samaria. "berilah Aku minum," kata Tuhan Yesus. Tuhan Yesus rela mengatasi batas-batas kebudayaan yang ditetapkan oleh orang Yahudi tanpa memandang kedudukan suku atau ras. Para murid-Nya berasa sungguh hairan terhadap tindakan Tuhan Yesus kerana wanita itu berasal daripada ras dan kebudayaan lain. Tambahan pula, orang Samaria dan orang Yahudi saling bermusuhan. Selain itu, perempuan ini sudah lima kali bersuami dan kini, dia tinggal dengan orang yang bukan suaminya. Perempuan itu mengambil air pada jam dua belas di tengah-tengah kepanasan hari kerana stigma yang diterimanya daripada masyarakat menyebabkan dia keluar pada waktu tidak ada orang di situ.

Demikian juga, orang yang didapati HIV-positif bukan sahaja menghadapi ketidakpastian masa depan tetapi mereka sering menderita stigma daripada orang lain. Relakah kita seperti Tuhan Yesus mengambil langkah yang pertama untuk melintasi bangsa dan menjangkau orang yang disingkirkan masyarakat? Para pesakit AIDS berasa sungguh sedih kerana kehilangan kerja bahkan orang yang dikasihi. Banyak pesakit AIDS berasa begitu tertekan dan takut sehingga mereka terpaksa berhenti bekerja. Kadangkala mereka menyisihkan diri daripada masyarakat dan hidup dalam kegagalan dan kesepian. Seorang pesakit AIDS berasa patah hati apabila ibunya berteriak, "Keluar dari rumahku, aku tidak mahu melihat muka lagi, kamu boleh tinggal di mana-mana yang kamu suka asal jangan mencemarkan nam keluargaku."

Adakah kita juga pandai-pandai mendiskriminasi ras, suku atau orang yang menderita penyakit tertentu? Tuhan Yesus rela mengambil langkah pertama untuk meminta secangkir air demi mengatasi segala halangan diskriminasi dan kecurigaan. Sikap apakah yang anda tunjukkan kepada orang yang disingkirkan oleh masyarakat?

Mintalah secangkir air!

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin seperti Engkau yang rela bergaul dan mengasihi bangsa lain tanpa diskriminasi.

HARI 103

Amanat Agung

Renungan-Matius 28:16-20

*Kerana itu pergilah,
jadikanlah semua bangsa murid-Ku
dan baptislah mereka dalam nama Bapa
dan Anak dan Roh Kudus.
Matius 28:19*

Injil Matius memberitahu kita bahawa Tuhan Yesus bangkit dan menampilkan diri-Nya kepada para murid-Nya. Mereka berharap Tuhan dapat mendirikan kerajaan-Nya di dunia dengan segera. (Kisah Para

Rasul 1:6) Tuhan Yesus mementingkan tanggungjawab pemberitaan injil dan tidak mementingkan bila kerajaan Tuhan akan didirikan di dunia ini (Kisah Rasul 1:8). Amanat Agung bukan sahaja diberikan kepada para murid Tuhan Yesus tetapi kepada setiap orang Kristian.

Kita patut meneruskan obor yang dinyalakan oleh orang yang mentaati Amanat Agung dan membanting tulang di Malaysia. Pada tahun 1872, gereja Presbyterian di negara Inggeris telah mengutus mubaligh ke Singapura kerana banyak orang Cina telah berhijrah ke sana. Rev. J.A.B. Cook belajar Bahasa Mandarin serta bahasa suku Cina sebelum beliau melayani orang Cina di Singapura. Dia memulakan pelayanannya di Bukit Timah dan perkerjaannya tersebar ke Johor. Beliau mendirikan enam belas pusat pelayanan diampingi oleh isterinya yang setia.

Tahun 1934 merupakan tahun yang penting bagi gereja AOG di Malaysia. Cik Carrie Anderson datang ke Malaysia kerana mentaati Amanat Agung untuk menanam benih di sini. Di rumahnya di Jalan Ampang Kuala Lumpur, dua pemuda telah menerima Kristus, kemudian mereka dibaptiskan. Cik Carrie Anderson bersama dengan Cik Leung dari Hong Kong memulakan persekutuan AOG di Jalan Brunei, Kuala Lumpur dan kemudian gereja AOG mendirikan bangunan rasminya di Jalan Sayor. Perpetah gereja AOG menjadi kenyataan, "Dari perkara yang kecil dan rendah hati bermula segalanya... "Ya, tanamkan sebenih injil dan mukzizat akan terjadi.

Charles Philip terbeban menunaikan Amanat Agung. Ketika dia bekerja sebagai nakoda dan pensyarah di sebuah institusi Singapura, dia berkobar-kobar untuk orang Cina yang datang bekerja di sana. Apabila beliau menyedari dia tidak mampu memenuhi Amanat Agung sendiri, beliau menulis surat ke "Southern India Conference" untuk meminta pertolongan Rev Jame Thoburn dan Rev William. Dengan penuh kegigihan, mereka mendirikan gereja Methodist di Singapura yang tersebar ke bandar-bandar besar seperti Penang, Kuala Lumpur dan Ipoh. Charles Philip juga dikenali sebagai bapa gereja Methodist.

Jika mereka tidak mentaati Amanat Agung, mungkinkah gereja di Malaysia dilahirkan? Taatilah amanat Agung dan hangatkan obor yang pernah dinyalakan oleh tokoh-tokoh negara jauh.

Doa: Tuhan, aku menyerahkan diriku demi meneruskan obor yang pernah dinyalakan oleh bapa-bapa gerejawi.

HARI 104

Khabar Terbaik

Renungan-Roma 1:16-17

*Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil,
kerana Injil adalah kekuatan Tuhan yang
menyelamatkan setiap orang yang percaya...*

Roma 1:16

Bankrap merupakan perkara yang sedih kerana seseorang itu terpaksa menanggung pelbagai cabaran dalam kehidupannya. Alangkah sedihnya, kalau seseorang mempertaruhkan berjutaan ringgit di meja perjudian dan menjadi bankrap kerana hutang mengelilingi pinggang. Dia tidak dapat keluar dari negara, tidak boleh meminjam wang dari bank, dan tidak dipercayai oleh perniaga-perniaga lain.

Namun bankrap secara rohani lebih menyedihkan hati Tuhan kerana manusia yang berdosa tetap tinggal dalam dosa dan mati secara rohani. Mereka tidak berasa haus akna persekutuan Tuhan Pencipta. Cahaya Ilahi tidak terpancar daripada kehidupan mereka. Mereka tidak dapat diselamatkan kecuali ada kelahiran yang baru.

Percayakah anda dengan semuanya ini? Yakinkah anda bahawa manusia bankrap tanpa kehidupan rohani bersama dengan Tuhan? Setiap orang Kristian patut berasa bangga kerana mereka memiliki berita yang terpenting dan mereka telah dipercayakan mutiara yang dapat menyalurkan kekayaan rohani dalam akaun rohani manusia. Kita memiliki ubat penawar satu-satunya untuk penyakit dosa. Satu-satunya perkara,

tujuan, dan matlamat Rasul Paulus ialah pemberitaan injil, dia sanggup mengorbankan nyawanya demi membawa injil.

Percayakah anda injil satu-satunya ubat penawar? Percayakan anda tidak ada ahli politik dapat memberi jawapan bagi dosa manusia kecuali injil? Pertubuhan United Nations tidak ada jalan keluar untuk dosa dan kekejaman manusia yang semakin memucak. Hanya injil satu-satunya berita dan ubah penawar untuk membenteras kejahatan semasa. Kita mesti memberitakan injil dengan penuh keyakinan, "Sebab yang sangat penting telah kusampaikan kepadamu, iaitu apa yang kuterima sendiri, ialah bahawa Kristius telah mati kerana dosa-dosa kita sesuai dengan Kitab Suci." (1 Korintus 15:3)

Doa: Tuhan Penyelamat, tujuan, matlamat, dan cita-cita saya yang terpenting ialah pemberitaan injil.

HARI 105

Bahasa Ibundanya

Renungan-Mazmur 119

Dasar firman-Mu adalah kebenaran dan

segala hukum-hukum-Mu adil untuk selama-lamanya.

Mazmur 119:160

Pakcik Cameron Townsend bukan seorang petani atau perternak walaupun gelagatnya bagai petani yang tersipu-sipu. Di luar dugaan kita, dia gergasi rohani yang mempunyai cita-cita murni. Apakah cita-citanya? Penterjemahan Perjanjian Baru ke dalam setiap bahasa di dunia ini! Misi mustahil! Bagaimana dia mengenapi misi yang mustahil dan agung ini?

Dia terpaksa mengupah beratusan orang untuk mempelajari pelbagai bahasa lalu menterjemahkan Alkitab ke dalam bahasa tersebut. Kalau anda bersembang dengan dia, percakapannya bukan berkisah pada makanan hotel yang sedap mahupun tempat yang pernah dilawatnya. "Hanya bahasa ibunda seseorang dapat berbisik kepada hati mereka dengan sempurna," itulah yang disebarkan beliau. Secar jujur, dia percaya penterjemahan Alkitab merupakan panggilan yang termulia.

Townsend dilahirkan di sebuah lading dekat Downey, Kalifornia. Keluarganya miskin, sewaktu kecil beliau tidur di lantai keras, makan bubur setiap pagi, dan juga membawa Alkitab sambil bersarapan. Pendidikannya di Kolej Occidental tidak dapat dilanjutkan kerana masalah kewangan. Dia mengambil cabaran menjual Alkitab di kalangan penduduk yang tinggal di hutan rimba Amerika.

Beliau sedih akan kehidupan orang India yang melarat dan sering kemabukan. Mereka sentiasa memikul barang-barang yang berat dengan mengikat 100 ton barang pada dahi mereka. Townsend tahu kebudayaan Mayan kaya dengan Ilmu Hisab, Astronomi, dan Seni Bina. Beliau menyesal bahawa Alkitab Spanyol yang dijualnya hanya boleh dibaca oleh 40% orang dan sebahagian besar penduduk berbahasa Cakchiquel yang belum ada Bahasa tertulis.

Beliau bertungkus lumus mempelajari dan menulis bahasa mereka. Kemudian beliau menterjemahkan Perjanjian Baru ke dalam bahasa Cakchiquel. Tuhan mengutus seorang mubaligh Prestbyterian yang bernama Elvira Malmstorm untuk berumahtangga dengan Townsend. Pasang ini mengatur dan mencetuskan ilham penterjemahan Alkitab ke dalam pelbagai suku bahasa di kalangan orang Kristian.

Kita mungkin tidak berkarunia menterjemahkan Alkitab kepada suku bahasa lain namun kita bertanggungjawab membaca atau mengajar firman kepada orang lain. Apakah kita tekun membaca Alkitab, menyebarkan berita Alkitab, mengajar, dan membangun iman orang lain dengan firman-Nya?

Adakha kita beritakan ajaran daripada Alkitab dengan setia kepada semua orang yang kita kenali? (1 Timotius 4:11) Percayakah anda, 'Segala tulisan yang diilhamkan Tuhan memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran.' (II Timotius 3:16)

Doa: Tuhan, ajarilah aku tekun mengaji Alkitab sehingga aku dapat mengajarnya dengan baik.

HARI 106

Panggilan Seorang Ibu

Renungan-2 Timotius 1:1-16

*Sebab aku teringat akan imanmu yang tulus ikhlas,
iaitu iman yang pertama-tama hidup di alam
nenekmu Lois dan di dalam ibu Eunike
dan yang aku yakin hidup di dalam dirimu.
2 Timotius 1:5*

Hari Ibu sudah menjelang, walaupun saya bukan seorang ibu, saya diundang berkhutbah tentang panggilan seorang ibu. "Bagaimanakah awak dapat berkhutbah? Awak bukan seorang ibu," tanya seorang kawan. "Jangan lupa saya banyak mengajar kanak-kanak, ya."

"Ibu jangan memandang rendah terhadap panggilanmu! Anda mempunyai panggilan yang termulia kerana engkau yang pertama-tama membawa iman kepada anakmu. Tangan yang mengoncong buaian dapat mengoncong dunia apalagi tangan seorang ibu yang rohani dan saleh," saya meniup trompet pagi-pagi di gereja Methodis Shat Alam pada Hari Ibu.

Timotius, seorang askar rohani muda, beriman berkorbar-korbar kerana hasil iman neneknya Lois dan juga ibunya, Eunike. Saya sedih mendengar keluhan, "Saya hanya seorang ibu," atau "Saya hanya menteri rumahtangga sahaja." Perkataan dahsyat yang pernah saya dengar ialah, "Saya sudah tidak berguna lagi. Sebagai seorang ibu, saya hanya menjaga anak, memasak, dan mengemudi anak-anak saya ke sekolah."

Ibu! Anda orang yang paling intim dengan anak! Kalau bukan anda yang berbincang tentang kasih Tuhan sewaktu mengemudi anak-anak ke sekolah, siapa lagi yang menanam nilai-nilai ikhlas ke dalam kehidupan mereka? Wahai ibu! Janganlah memandang rendah panggilan seorang ibu. Ingat, ibadah sejati tidak terbatas pada aktiviti gereja sahaja. Airmata yang mengalir dalam doa untuk seorang anak itu berharga di hadirat Tuhan. Siapa lagi yang dapat berbisik sesuatu ke dalam telinga anakmu di dapur atau bilik tidur jika bukan anda sendiri?

Susana Wesley memiliki ketabahan jiwa luarbiasa sekalipun dia melahirkan beribadah selama dua jam sehari. Tepat pada waktu yang ditetapkannya, dia berdoa dan memperoleh kekuatan daripada Tuhan untuk menunaikan panggilan seorang ibu. Semangat berkhutbahnya telah mempengaruhi anaknya, John Wesley, pendiri gerakan Methodis, John Wesley terharu oleh ibunya yang berkhutbah di dapur mereka! Kehidupan Susana tidak mudah kerana gejalanya rumahtangga namun ini tidak menjejaskan panggilannya. Hanya 9 daripada 19 anaknya hidup dan suaminya pula dipenjarakan kerana hutang mengelilingi pinggang. Susana menekun berdoa, "Ya Tuhan, tolonglah aku menjaga anak saya dengan baik. Berikan aku kebijaksanaan untuk mengajar anak-anak saya untuk mencintai-Mu." Dia terpaksa membela ayam dan babi sebagai nafkah kehidupan mereka selain mendidik anak-anaknya.

Dua puluh tahun kemudian Susana duduk dengan bangga di gereja sewaktu anaknya berkhutbah kepada 20,000 orang! Anaknya yang lain, Charles Wesley, terkenal untuk lagu-lagu yang diciptakannya. Lagu-lagu yang masih dinyanyikan di banyak gereja ialah "Love Divine, Love Excelling" dan: Jesus, lover of my soul."

Doa: Tuhan, seperti Susana aku mahu memberi imanku yang berkorbar-korbar di dapur, bilik tidur, atau sewaktu mengemudi anak-anak ke sekolah.

HARI 107

Tuhan Ingat Kepadanya

Renungan-1 Samuel 1:1-20

*... Ketika Elkana bersetubuh dengan Hana, isterinya,
Tuhan ingat kepadanya.
1 Samuel 1:19*

Tuhan selalu ingat kepada umat-Nya. Buktinya?

"Maka Tuhan mengingat Nuh dan segala binatang liar dan segala ternak, yang bersama-sama dengan dia di dalam bahtera itu.... " (Kejadian 8:1)

"Maka Tuhan ingat kepada Abraham, lalu dikeluarkan-Nyalah Lot dari tengah-tengah tempat yang ditunggangbalikkan itu." (Kejadian 19:29)

"Lalu ingatlah Tuhan akan Rahel: Allah mendengarkan permohonannya serta membuka kandungannya." (Kejadian 30:22) Banyak lagi ayat-ayat dalam Alkitab yang menceritakan bagaimana Tuhan ingat kepada umat-Nya.

Hana menangis kepedihan kerana rahimnya tertutup sehingga dia tidak mampu beranak. Entahlah berapa kali dia sudah menangis, mengeluh, dan berdoa kepada Tuhan tentang kemandulannya. Walaupun suaminya sering menghiburnya dan meyakinkan dia akan kasihnya, "Bukankah aku lebih berharga bagimu daripada sepuluh anak lelaki?" Hana tidak percaya Tuhan ingat akan dia lalu menyuruhkan Abraham mengambil Hagar untuk beranak. Masalah rumahtangga bermula apabila dua wanita tinggal di bawah satu bumbung.

Pada suatu hari, ketika Han mendekati pintu bait suci dan dengan hati yang pedih dia berdoa dengan sedu-sedan yang menyayatkan hati Tuhan. Setelah itu ketika Elkana bersetubuh dengan Hana, isterinya, Tuhan ingat akan dia.

Adakah anda masih menunggu doa yang belum terjawab? Mungkinkah di hati anda tersirat perasaan pedih dan kecewa? Jangan. Setiap doa yang dinaikkan kepada Tuhan bagai bunga yang begitu harum dan telah naik ke takhta Tuhan. Tuhan mengingat setiap saat kita berdoa, mengeluh, dan menangis. Tuhan menyimpan titisan airmatamu ke dalam botol-Nya dan Dia menjawab-Nya menurut cara-Nya dan waktu-Nya. "Sengsaraku Engkaulah yang menghitung-hitung, air mataku Kautaruh ke dalam kirba-Mu, bukanlah semuanya telah kaudaftarkan?" (Mazmur 56:9)

Doa: Ya Tuhan, aku percaya Engkau tidak pernah mengabaikan doaku dan selalu ingat titisan airmataku.

HARI 108

Serahkannya Kepada Tuhan

Renungan-1 Samuel 1:21-28

*Maka aku pun menyerahkannya kepada Tuhan;
seumur hidup terserahlah dia kiranya kepada Tuhan...
1 Samuel 1:28*

Anak-anak yang diberikan oleh Tuhan bukan untuk dimiliki selama-lamanya. Selama anak-anak kita masih di bawah jagaan kita, kita bertanggungjawab mempengaruhinya untuk Tuhan. Apabila anak kita dewasa, dia akan mengikuti iman yang dididiknya. Bagaimanapun kita mesti menyerahkan kehidupan anak kita kepada Tuhan agar rancangan-Nya yang indah digenapi dalam kehidupannya.

Saya pernah bertemu dengan anggota gereja yang berkeberatan menyerahkan anaknya kepada Tuhan. Dia bertanya saya, "Bagaimana kalau Tuhan memanggil anak saya menjadi pastor? Habislah!" Dia berdoa, "Tuhan, di dunia ini masih banyak anak lelaki yang pandai. Tolong pilih mereka asal jangan pilih anakku! Saya tidak mahu dia hidup melarat!" Beranikah kita menyerahkan anak kita kepada Tuhan demi kehendak-Nya yang terindah? Setelah Tuhan memberkati Hana dengan cahaya mata, dia tidak memegang erat pada

anaknya kerana anaknya milik Tuhan. Samuel kemudian menjadi nabi dan pemimpin yang sangat penting bahkan dia mengurapi dan memilih dua raja, Saulus dan Daud.

Hana menyerahkan anak-Nya kepada Tuhan kerana dia tahu bahawa anaknya itu pemberian daripada Tuhan. Tuhanlah yang memberi kehidupan kepada anaknya dan Dia yang berhak menentukan segala perjalanan dan kerjayanya. Seandainya, Tuhan mahu memanggil Samuel menjadi nabi, Hana tidak keberatan.

Jangan lupa mendoakan anak anda dan menyerahkan seumur hidupnya kepada Tuhan. Sekali lagi, jangan menggenggam anakmu kerana Tuhan sahaja yang dapat melakukan mukjizat yang besar dalam kehidupannya dan menggenapi rencana-Nya yang terindah. Jangan kecewa kalau panggilan Tuhan untuk anakmu tidak sama dengan kehendakmu.

Doa: Tuhan, aku ingin menyerahkan anakku bagi pelayanan-Mu dan tidak akan menahan dia daripada kehendak Tuhan yang terindah dalam kehidupannya.

HARI 109

Inilah Orang...

Renungan-1 Samuel 9:15-10:7

Ketika Samuel melihat Saul,

Maka berfirmanlah Tuhan kepadanya:

"Inilah orang yang kusebutkan kepadamu itu;

orang ini akan memegang tampuk

pemerintahan atas umatKu."

1 Samuel 9:17

Pernahkah Tuhan memilih Saul menjadi raja? Seringkali apabila kita mengingat Saul dalam Alkitab, kita menduga dia tidak pernah dipilih oleh Tuhan. Ironisnya, Tuhan pernah bersabda kepada Samuel dengan terperinci, "Inilah orangnya." Saul sendiri tidak terlalu pasti bahawa dia layak menjadi raja, "Bukankah aku seorang suku Benyamin, suku yang terkecil di Israel? Dan bukanlah kaumku yang paling hina daripada segala kaum suku Benyamin?" (1 Samuel 9:21) Tuhan dalam belas kasihan-Nya meyakinkan Saul dan memberi dia tiga tanda. Pertama, dia akan bertemu dengan dua orang yang akan memastikan penemuan keldainya. Kedua, dia akan bertemu dengan orang lelaki yang akan ke Betel dan mereka akan memberi Saul dua keping roti. Terakhir, dia akan menyertai serombongan nabi dan dia akan dipenuhi oleh Roh yang berkuasa.

Tuhan pernah secara istimewa memilih Saul. Mengapakah akhirnya Saul gagal menjadi seorang raja yang baik sehingga jiwanya boleh menjadi runsing dan dibelenggu roh jahat? Memang, Saul tidak mampu menurut perintah Tuhan atau menantikan kehendak-Nya dengan sabar. Mempersembahkan korban bakaran bukanlah perkara yang dapat dipermainkan dan Saul telah menganggap hal ini dengan remeh (1 Samuel 13:9). Memang benar, sikap dan hati Saul yang tidak menghormati Tuhan menyebabkan dia tidak berkenan kepada Tuhan.

Jadi, Tuhan hanya mahu memilih seseorang yang berkenan di hati-Nya dan taat kepada firman-Nya. Hati Saul tidak terpaut pada Tuhan maka dia mudah gagal dan tersandung oleh keinginan sendiri.

Banyak pemuda-pemudi menggebu-gebu, melompat-lompat, dan begitu hangat memuji Tuhan. Adakah semuanya akan menjadi pemimpin yang berkenan kepada hati Tuhan kelak? Segelintir pemuda-pemudi akan menjadi pemimpin yang memegang tampuk kepemimpinan gereja dan hidup berkenan kepada Tuhan. Yang lain pula akan tinggalkan gereja dengan pelbagai alasan. Segelintir lagi akan menurut corak dan daya tarikan dunia sehingga Tuhan tidak lagi penting dalam kehidupannya.

Pendeknya, betapa sangat kebangunan rohani dalam jiwa kita pun tidak berguna kalau sikap dan hati tidak betul di hadirat Tuhan. Ketaatan kepada Tuhan haruslah merupakan yang terutama dalam kehidupan kita.

Doa: Tuhan, aku ingin selalu menurut perintah-Mu dan hidup berkenan kepada-Mu.

HARI 110

Hati Yang Penting

Renungan-1 Samuel 16:1-13

*...Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Tuhan;
manusia melihat apa yang di depan mata,
tetapi Tuhan melihat hati.*

1 Samuel 16:7

Sewaktu saya meneliti cerita kejayaan beberapa jutawan dan sifat-sifat yang dimiliki mereka, saya mendapati mereka memiliki keunikan jatidiri. Mereka pandai meletakkan struktur yang kukuh bagi perniagaan mereka serta berani menanggung risiko. Tambahan pula, mereka pandai merancang jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Encik Robert Kuok dikatakan seorang yang sangat rajin, tajam fikiran, dan mempunyai keperibadian yang manis. Dia bercakap dengan sopan dan walau anda tidak bersetuju dengannya, anda dapat menghormati pandangannya.

Ya, di sebalik tampuk kejayaan setiap lelaki ada hutang budi seorang wanita. Tan Sri Mustapha Kamal berkata cinta pertamanya hanya isterinya baru perniagaannya. Dia berkata tanpa dorongan isterinya, Puan Sri Wan Nong Wan Ibrahim, segala sesuatu tidak mungkin terwujud.

Bagaimana pula dengan pemimpin-pemimpin yang ingin melayani Tuhan? Apakah yang menjadi sifat yang berkenan kepada Tuhan? Apakah kunci-kunci keberhasilan dalam pelayanan mereka? Mengapakah seringkali seseorang tidak terlalu pintar atau berpendidikan dapat digunakan oleh Tuhan dengan ajaib?

Daud seorang gembala kecil telah diurapi menjadi raja. Banyak orang ingin mengetahui bagaimana ini mungkin terjadi? Rahsia apakah yang dapat kita temui dalam kehidupan Daud? Sebenarnya pada waktu Samuel diminta memilih raja yang berikutnya, Daud masih muda. Tuhan tidak melihat manusia seperti cara kita melihat dan menilai ciri-ciri keperibadian mereka. Kalau manusia melihat paras, kekayaan, dan pendidikan, Tuhan melihat hati yang berkenan kepada-Nya sahaja. Yang pasti, 'hatinya hanya untuk Tuhan saja, itulah syarat utama cerita kejayaannya. Bakat, pendidikan, keberanian, dan kerelaan berkorban tidak bermaksud apa-apa di pandangan Tuhan kalau hati kita terlebih diserahkan kepada-Nya.

Doa: Tuhan, aku ingin menyerahkan segenap hatiku kepada Engkau, penuhilah aku dengan kasih Ilahi.

HARI 111

Memerangi Raksaksa

Renungan-1 Samuel 17

*... Engkau mendatangi kau dengan pedang
dan tombak dan lembing tetapi
aku datang kepada engkau
dengan nama Tuhan semesta alam.*

1 Samuel 17:45

Sewaktu kecil, saya menggeletar besar dan ternganga kehairanan ketika menonton Ultraman dan raksaksanya. Biar pun jalan cerita dan rupa raksaksa yang hampir sama tampil, saya tidak berasa bosan. Sepertimana filem lain, Ultraman yang berpakaian besi dan dilengkapi dengan pelbagai peluru pasti mengalahkan raksaksa.

Dalam Alkitab, kanak-kanak tidak bosan membaca bagaimana Daud memerangi Goliath, raksaksa orang Filistin, bukan dengan kecanggihan pakaian dan peluru berpandu tetapi hanya dengan menghumban batu tepat ke kepala Goliath yang disertai oleh kuasa Tuhan. Kejayaannya bukan disebabkan kemahirannya melontari batu melainkan penyertaan Tuhan.

Bagaimanakah seorang Kristian berjaya memerangi musuh dan kuasa kegelapannya? Pertama, untuk memenangi perang rohani kita mesti berjiwa berkorbar-korbar sewaktu berjuang bagi kerajaan Tuhan. Selain itu, kita tidak ingin nama Tuhan dicemari oleh kerana kegagalan tertentu. Hati Daud panas baran ketika mendengar orang Filistin dan dia berkata, "Siapakah orang Filistin yang tak bersunat ini, sampai dia berani mencemuhkan barisan daripada Tuhan yang hidup?" (1 Samuel 17:26) Tentu saja, Daud tidak rela kalau nama Tuhan yang hidup dicemuh dan dijatuhkan oleh musuhnya.

Kedua, Daud datang dengan penyertaan Tuhan semesta alam. Keindahan muzik, alunan suara yang merdu, perkataan-perkataan manis tidak dapat memengangi hati orang kalau bukan dengan penyertaan kuasa Tuhan. Tentu sekali, kuasa kegelapan dan perang rohani tidak dapat dilakukan dengan pedang manusiawi sahaja. Setiap manusia yang pernah dipakai oleh Tuhan menyedari penyertaan kuasa Tuhan dan urapan Roh-Nya. Mereka tidak puasa sahaja dengan pendidikan dan latihan tetapi yang dirindui oleh mereka ialah kehadiran Tuhan.

Ketiga, Daud menggunakan apa yang ada pada dirinya untuk melayani Tuhan iaitu bebatu dan penghumban batu. Lihat, karunia apakah yang sudah diberikan oleh Tuhan kepada diri anda? Gunakannya dan jangan berkata, "Aku tidak ada bakat sama sekali!" dan mengeluh, "Kenapa saya tidak berbakat?" kesetiaan menggunakan bakat kecil mendatangkan berkat yang berkelimpahan kalau kita bertanggungjawab dengan yang kecil.

Doa: Tuhan, aku ingin selalu sedar akan nama dan kuasa Tuhan dalam setiap peperangan rohani.

HARI 112

Teman Karib Begitu Penting

Renungan-1 Samuel 20:1-17

Dan Yonatan menyuruh

Daud sekali lagi bersumpah

demi kasihnya kepadanya,

sebab dia mengasihi Daud

seperti dirinya sendiri.

1 Samuel 20:17

Saya bertuah mempunyai teman-teman karib yang dapat saya curahkan isi hati saya tanpa keraguan. Kami dapat berdoa dengan intim tanpa takut dicaci kami saling memberitahu masalah yang kami alami. Sewaktu remaja, sepupu saya akrab dengan saya. Kami sering mengayuh basikal ke sekolah, belajar bersama, bermain bersama namun kadangkala kami juga bergaduh tetapi berdamai dengan cepat. Sewaktu saya mengenal Tuhan, dia pun mengenal Tuhan setelah saya ceritakan kasih Tuhan.

Kami sering berdoa bersama untuk keluarga kami dan mencurahkan isi hati kami kepada Tuhan. Kini dia sudah berumahtangga di Johore Baru dan mempunyai tiga anak. Kami jarang memiliki kesempatan berdoa bersama. Saya mempunyai dua teman karib lain yang sering berdoa bersama saya. Tali persahabatan saya dengan orang ini menjalar balik ke zaman kanak-kanak di Muar. Seorang lagi? Rakan sekerja dalam pelayanan di kalangan mahasiswa juga menjadi teman doa yang akrab.

Teman-teman ini memberi kekuatan jiwa kepada saya sewaktu saya terpaksa memikul beban berat seperti kata peribahasa Bahasa Melayu, "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing." Kami saling berdoa semasa menghadapi krisis dan berasa tangan Tuhan dalam kehidupan kami.

Yonatan menjalin persahabatan yang akrab dengan Daud sekalipun bapanya bermusuhan dengan Daud. Yonatan melindungi Daud dari segala ancaman yang bahaya dan bersikap setia kepada temannya. Dia tidak iri hati walaupun Daud mengambil takhtanya sebagai seorang raja. Tuhan telah melakukan keajaiban, Dia telah memberi anak musuh kepada Daud sebagai sahabat yang telah banyak menghibur dan mendorongnya.

Adakah anda mempunyai teman yang anda kasihi dan doakan? Doakan agar Tuhan memberi teman-teman sedemikian supaya anda boleh bersama-sama teman ini berdoa dan mengalami kebaikan Tuhan sepertimana yang dialami oleh Yonatan dan Daud.

Doa: Tuhan, aku ingin memiliki teman seperti Jonatan dan Daud agar nama-Mu dapat dimuliakan.

HARI 113

Makin Lam Makin Besar Kuasa Tuhan

Renungan-2 Samuel 5:5-10

*Lalu makin lama makin besar kuasa Daud,
sebab Tuhan semesta alam menyertainya.
2 Samuel 5:10*

Daud merupakan pemimpin dan raja yang mempunyai sifat-sifat kepemimpinan luarbiasa, bakat pengurusan yang canggih, dan perhubungan peribadi yang baik. Daud mempunyai perhubungan yang baik dengan pemimpin-pemimpin yang lain dan dapat bekerjasama dengan mereka. (Ulangan 17:15) Dia juga membuktikan kemampuannya sewaktu mengaturkan kecanggihan ketenteraannya. (1 Samuel 18:30) Ini semuanya kemampuan alamiah yang di karuniakan kepada Daud. Lebih-lebih lagi, kehidupannya memaparkan kuasa Tuhan.

Dia berkenan kepada hati Tuhan dan menjadi biji mata Tuhan. "Lalu makin lama makin besar kuasa Daud sebab Tuhan semesta alam menyertainya." (2 Samuel 5:10). Sebaliknya, semakin Saul memerintah sebagai raja semakin baginda didatangi pelbagai masalah. Dia tidak lagi menurut Tuhan dan memerintah mengikut suara hati sendiri. Akibatnya, Roh jahat menghinggapinya sehingga jiwanya menjadi runsing. Akhirnya, Tuhan menolaknya biarpun dia pernah dipilih khusus oleh Tuhan. Raja Daud pula menyedari bahawa Tuhan telah menegakkannya menjadi raja. Baginya, hidup dalam ketaatan kepada Tuhan mewarnai segala sesuatu, akhirnya, semakin lama semakin kuasa pengaruhnya tampak kukuh dan bertunjangkan kehendak Tuhan dalam segala urusannya.

Banyak orang melayani Tuhan dengan memegang pelbagai pucuk kepimpinan yang penting. Seseengah orang akan mengalami kuasa seperti Daud, semakin lama semakin besar kuasa mereka kerana Tuhan semesta alam menyertai mereka. Walau mereka dilandai pelbagai masalah, mereka tetap mendengar suara-Nya. Akhirnya, mereka berjaya dalam bidang pelayanan mereka kerana kerendahan hati mereka kepada Tuhan.

Yang lain pula? Mula-mulanya, pelayanan mereka sungguh gemilang tetapi diakhiri dengan kekalahan dan yang lain pula terjerumus dalam lembah dosa lalu lenyap dari pelayanan selama-lamanya.

Ajukan beberapa pertanyaan kepada diri anda sendiri. Adakah kuasa Tuhan dalam kehidupan dan pelayanan anda semakin membesar atau semakin mengurangi? Adakah anda menyedari bahawa Tuhan yang menegakkan pelayanan anda? Adakah anda merindui penyertaan Tuhan dalam segala sudut pelayanan anda?

Doa: Ya Tuhan, tegakkan pelayananku supaya semakin lama aku melayani semakin besar kuasa dan pengaruh-Mu dinyatakan dalam hidupku.

HARI 114

Menari-nari Sekuat Tenaga

Renungan-2 Samuel 6

*Dan Daud menari-nari di hadapan
Tuhan dengan sekuat tenaga,*

*ia berbaju efod dari kain lenan.
2 Samuel 6:14*

Saya pernah menanyakan seorang ahli perniaga tentang rahsia kejayaannya dalam bidang perniagaan. Dia berkata, "Kalau saya bekerja, saya bekerja setengah mati dan kalau bermain, saya pun bermain setengah mati! Yang pasti, segala sesuatu haruslah disertai dengan sekuat tenaga. Itulah rahsia saya."

Bagaimanakah raja Daud menjadi begitu terpengaruh dalam kerohaniannya? Dia beribadah dengan sepenuh tenaga dan menari-nari di hadapan Tuhan dengan sekuat tenaga tanpa perasaan malu. Memang benar, ibadahnya yang berkorbar-korbar menjadi kunci rahsia kerohaniannya.

Bagaimana pula kita beribadah? Sesetengah umat Kristian pergi ke gereja seakan-akan baru dimasukkan ke dalam penjara, dan apabila mereka keluar dari gereja, mereka melonjak-lonjak seakan-akan baru keluar dari penjara...

Raja Daud tidak malu akan nama Tuhan. Pada waktu beribadah, dia akan menanggalkan jubah raja dan menggantikannya dengan juban lenan. Ibadah raja Daud penuh dengan sorak-sorai dan bunyi sangkakala disertai dengan tarian yang meloncat-loncat di hadirat Tuhan. Ibadahnya yang panas baran memperbaharui jiwanya dan memberinya semangat pelayanan.

Dengan alat-alat muziknya, dia meninggikan nama Tuhan dan dengan penanya, dia mencurahkan ilham kepada kita berabad-abad kemudian dalam kitab Mazmur. Hati Daud selalu haus akan Tuhan, "Ya Tuhan, Engkaulah Allahku, aku mencari Engkau, jiwaku haus kepada-Mu, tubuhku rindu kepada-Mu, seperti tanah yang kering dan tandus, tiada berair. Demikianlah aku memandang kepada-Mu di tempat kudus, sambil melihat kekuatan-Mu dari kemuliaan-Mu. Sebab kasih setia-Mu lebih baik daripada hidup; bibirku memegahkan Engkau. Demikianlah aku mahu memuji Engkau seumur hidupku, dan menaikkan tanganku demi nama-Mu. Seperti dengan lemak dan sumsum jiwaku dikenyangkan dan dengan bibir yang bersorak-sorai mulutku memuji-muji," sorak baginda. (Mazmur 63:1-6)

Jiwa pemimpin rohani selalu dikenyangi lemak Tuhan sehingga mereka berkelimpahan berkat Tuhan untuk memberkati orang lain.

Doa: Ya Tuhan, aku ingin beribadah seperti Daud yang menari-nari dengan penuh bertenaga sewaktu mengadap Tuhan dan Raja semesta alam.

HARI 115

Kebaikan

Renungan-2 Samuel 9:1-13

Berkatalah Daud:

*"Masih adakah orang yang
tinggal daripada keluarga Saul?
Maka aku akan menunjukkan kasihku
kepadanya oleh kerana Yonatan.
2 Samuel 9:1*

Beberapa tahun yang lalu, apabila askar komunis mengepung sebuah bangunan di Korea Selatan, dua anak seorang pastor terperangkap dalam bangunan itu. Kedua-dua anak pastor itu kemudian dibunuh oleh seorang askar komunis. Kemudian salah seorang askar komunis itu ditangkap oleh anggota polis Korea Selatan, diseret ke mahkamah Korea dan dijatuhkan hukuman mati. Dalam buku, "The Seed Must Die" pastor itu memohon agar mahkamah memberi peluang kepada pembunuh itu dan beliau telah mengangkat pembunuh itu menjadi anak angkatnya. Kemudian pembunuh itu bertaubat dan menjadi seorang pastor! Itulah kebaikan luarbiasa yang ditunjukkan oleh seorang pastor terhadap pembunuh anaknya!

Seringkah anda mengajukan pertanyaan, "Bagaimanakah saya menunjukkan kebaikan kepada orang lain?" Sebaliknya, kita bertanya-tanya, "Siapakah yang dapat memberi sokongan dan pertolongan kepada saya?" Bagaimana kalau kita bertanya, "Siapakah yang memerlukan sokonganku?" "Siapakah yang memerlukan kasihku?" bukan, "Siapa yang akan mengasihiku?" "Siapakah yang belum aku bantu?" bukan "Siapa lagi yang boleh membantu saya?"

Daud tidak terkenang kejahatan Saul sebaliknya dia teringat akan kebaikan anaknya, Yonatan. Dia bertanya, "Masih adakah orang yang tinggal daripada keluarga Saul? Maka aku akan menunjukkan kasihku kepadanya oleh kerana Yonatan. (2 Samuel 9:1) Akhirnya, dia melakukan Mefiboset dengan baik. Segala ladang dikembalikan kepadanya dan diajaknya makan sehidangan dengan baginda. Mefiboset dianggap sebagai seorang anak sekalipun dia cacat kakinya. Mefiboset terlalu hairan, "Apakah hambamu ini, sehingga engkau menghiraukan anjing mati seperti aku?"

Mungkinkah kebaikan kita terulur kepada orang yang tidak layak menerima kebaikan kita. Bagaimana kalau mereka membenci kita atau pernah bersalah terhadap kita!

Doa: Ya Tuhan, aku ingin belajar bertanya. "Siapakah yang belum saya kasihi dan perlukan bantuan saya."

HARI 116

Engkaulah Orang Itu

Renungan-2 Samuel 12:1-14

Kemudian berkatalah Natan kepada Daud:

"Engkaulah orang itu... 2 Samuel 12:7

Hari ini kita membaca suratkhbar dengan perasaan yang ngeri. Begitu banyak kekejaman yang dilakukan terhadap kanak-kanak sehingga mereka bukan sahaja dirogol bahkan dibunuh secara kejam. Banyak orang mencaci orang yang melakukan kekejian ini. "Perogol seperti ini harus menerima sebatan yang berat," seru banyak orang. "Seorang anak kecil lagi dirogol dan dibiarkan terlantar!" kita berseru dengan perasaan hampa. Kita sering berkata takkan harimau memakan anaknya, yang bererti takkanlah marah seorang bapa sampai membunuh anaknya. Tetapi pada zaman moden ini sudah terjadi dosa ngeri, bapa yang merogol anaknya sendiri kerana nafsu.

Inilah dosa-dosa yang kita lihat dengan jelas namun ada juga banyak dosa yang dilakukan tanpa pengetahuan orang lain. Selagi dosa itu tidak disingkapkan, pendosa tetap hidup dalam dosa tanpa kesedaran diri. Kita mungkin melihat seorang pemuda terjerumus ke lembah gelap tetapi kita tidak berani menghadap dan menegurnya. Akhirnya, dosa ini berkembang sehingga menjadi parah seperti barah dalam kehidupan orang itu dan menggelapkan lembah dosa Malaysia.

Nabi Natan menghadap raja Daud dengan cerita yang memilukan hati sehingga raja Daul begitu marah. Beliau mengisahkan cerita seorang kaya yang mencuri dan memasak domba si miskin sewaktu tetamu datang ke rumahnya kerana dia sayang akan domba-domba sendiri. Nabi ini tidak takut mengajukan kesamaan cerita ini dengan dosa Daud. Tanpa menyedarinya, Daud bertitah, "Demi Tuhan yang hidup: orang yang melakukan itu harus dihukum mati. Dan anak domba betina itu harus dibayar gantinya empat kali lipat, kerana dia telah melakukan hal itu dan tidak berbelas kasihan." (2 Samuel 12:5) Lalu Natan menegur raja Daud: "Engkaulah orang itu!... Mengapa engkau menghina Tuhan dengan melakukan apa yang jahat di mata-Nya? Uria, orang Hwet itu, kaubiarkan ditewaskan dengan pedang; isterinya kauambil menjadi isterimu, dan dia sendiri telah kaubiarkan dibunuh oleh pedang bani Amon." (2 Samuel 12:9)

Beranikah anda menghadap dosa seseorang? Kalau lalang tidak dicabut di sawah padi awal-awal lagi tentu pada waktu penuaian hanya mendapat lalang kelak.

Doa: Ya Tuhan, berilah kami keberanian untuk menegur insan lain yang terjerumus ke dalam lembah dosa agar dosa tidak berleluasa dan membawa kengerian kepada masyarakat kami.

HARI 117

Terang Dalam Kegelapan

Renungan-2 Samuel 22:1-30

Kerana Engkaulah pelitaku, ya Tuhan,

dan Tuhan menyinari kegelapanku.

*Kerana dengan Engkau aku berani menghadapi gerombolan,
dengan Allahku aku berani melompati tembok.*

2 Samuel 22:29-30

Di tengah-tengah masalah rumit, Daud masih sanggup mengarang sebuah layu nyanyian syukur kepada Tuhan. Dalam nyanyian tersebut, Daud telah mengarang begitu banyak istilah-istilah terpesona bagi Tuhan, "Tanduk Kekuatanku," "Bukit Batuku," "Gunung Batuku," "Kota Bentengku," "Tempat Pelarianku," dan "Pelitaku." Kini, tiba lagi waktu, Daud dan orang-orangnya terpaksa lagi menghadapi raksaksa yang berjari enam. Jelas, Daud menghadapi cabaran ngeri, "Sesungguhnya gelora-gelora maut telah mengelilingi aku, banjir-banjir jahanam telah menimpa aku, tali-tali dunia orang mati telah membelit kau, perangkap-perangkap maut terpasang di depanku." (2 Samuel 22:5-6)

Memang benar, kita juga terpaksa menghadapi raksaksa-raksaksa dalam kehidupan kita. Sejurus setelah kita mengalahkan Goliath dalam kehidupan kita, raksaksa berkepala tiga mengancam kehidupan kita. Anak bayi kita menderita penyakit kawasaki, suami terpaksa mencari pekerjaan lain, seorang anak kita tidak dapat belajar dengan baik, tabungan wang kita kering kontang, kita tanam padi tumbuh lalang, seorang anggota keluarga ktia dibawa oleh tsunami entah ke mana... raksaksa-raksaksa seperti ini hanya boleh dikalahkan dengan iman dan ketabahan yang kuat.

Orang percaya yang selalu mencurahkan isi hati dan kesengaraan mereka kepada Tuhan akan berkata, "Engkaulah pelitaku, ya Tuhan dan Tuhan menyinari kegelapanku." Dengan Tuhan, kita berani menghadapi raksaksa-raksaksa yang berenam jari dalam kehidupan kita. Jelas, pimpinan Tuhan sangat penting pada saat seperti ini kerana Tuhanlah pelita kita dalam kegelapan. Setelah kita mengalami pertolongan Tuhan untuk mengalahkan raksaksa, seperti Daud, kita akan berseru, "Gunung Batu," "Kota Benteng," "Tanduk Keselamatan," dan nama-nama indah yang lain bagi Tuhan. Suatu hal yang pasti ialah, Tuhan kita akan mengihur hati kita yang terluka.

Jangan lupa memanggil Tuhan sewaktu kesesakan, minta belas kasihan-Nya. Setelah anda telah diselamatkan daripada raksaksa kehidupan, jangan lupa menaikkan syukur seperti Daud.

Doa: Ya Tuhan, Engkaulah "Kota Bentengku" dan "Pelitaku" di tengah-tengah kesulitan yang luarbiasa.

HARI 118

Seruan Dan Tangisan

Renungan-Mazmur 6

Lesu aku kerana mengeluh;

setiap malam aku mengenangi tempat tidurku,

dengan air mataku aku membanjiri ranjangku.

Mazmur 6:7

Sejak kecil lagi, saya jarang melihat ayahku menangis walaupun dia mengalami kesusahan atau menghadapi krisis. Sungguhpun dia takut akan suntukan jarum, saya tidak pernah melihat dia menitis airmata ketika parum mendekatinya dia hanya pengsan saja! Saya pun jarang melihat kawan-kawan lelaki menangis, oleh itu saya berfikir bahawa lelaki sejati jarang menitis airmata. Ketika ayah berteriak-teriak dengan tangisan yang bukan sedih kepalang ketika ibunya meninggal dunia mengubah pandanganku. Ayah juga berteriak dalam tangisan ketika kakaknya sedang menghembuskan saat-saat terakhirnya. Manusia sejati bairpun lelaki atau perempuan kerap kali mengalami saat-saat yang menyayat hati. Bersama dia, saya menangis tersedu-sedu seperti seorang bayi.

Daul seorang raja dan pahlawan namun dia tidak menganggap menitis airmata itu tanda kelemahan bagi seorang lelaki. Dia membanjiri ranjangnya dengan airmata dan mengeluh ketika bertaubat dari dosa-dosanya. Pertaubatannya disertai dengan airmata.

Menitis airmata bukan anda kelemahan iman atau kerohanian tetapi curahan isi hati secara jujur di hadirat Tuhan itu kekuatan. Saya selalu mendengar doa yang terlalu licin dan penuh dengan kata-kata rohani dan kurang pergelutan batin! Mengapa kita jarang menitis airmata kita di depan saudara-saudari seiman kita?

Beranikah anggota gereja menyelami isi hati anggota lain dengan sejujur-jujurnya atau mencacinya pula? Sanggupkah kita meluangkan waktu untuk menghibur anggota gereja yang sedang berkabung? Adakah kita menganggap titisan airmata sebagai tanda kelemahan? Saya teringat Yesus mencucur airmata bersama dengan Maria ketika Lazarus mati dan saya percaya saat-saat penderitaan-Nya juga dibanjiri dengan airmata.

Doa: Ya Tuhan, ketika aku mencucuri airmataku, Engkau bersama dengan saya dalam tangisan.

HARI 119

Teman Hidup Yang Kekal

Renungan-Yohanes 3:15-21

*Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini,
sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal,
sepaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa,
melainkan beroleh hidup kekal.*

Yohannes 3:16

Duduk di depan saya seorang gadis Indonesia ayu yang dipanggil Tuhan untuk melayani sebagai seorang pembantu di Malaysia. Panggilan yang cukup berat namun termulia. Airmata mengalir di pipinya, di tengah-tengah sedu-sedannya, dia menceritakan bagaimana suaminya meninggalkannya. Oleh kerana dia ditinggalkan tanpa wang, dia terpaksa mengangkat "koper" (beg) ke Malaysia untuk menyara keluarganya. Anak kecilnya ditinggalkan bersama orang tuanya. Setiba di Malaysia, masalah datang bertubi-tubi dan penyesuaian dengan kebudayaan lain agak sulit sehingga dia ingin melarikan diri.

Setelah menangis dan berdoa bersama dia, saya mulai menceritakan betapa besar kasihnya Tuhan sehingga Tuhan rela mengorbankan nyawa-Nya demi menebus dosanya. "Tuhan mahu menjadi teman hidup ibu sekalipun ibu telah kehilangan suaminya kepada perempuan lain yang genit itu," kata saya. "Yang saya bererti sebagai teman hidup bukanlah suami baru ya!" saya jelaskan. Tiba-tiba dia tercetus gelak ketawa di tengah-tengah sedu-sedannya ketika saya menjelaskan teman hidup Ilahi. "Ngerti, ngerti, saya bias ngeri." kata gadis ini untuk menyakinkan saya. "Meskipun suamimu mengkhianati kau tetapi Yesus mengasihi kau dan sanggup memberi kehidupan kekal kepada kamu. Tuhan Yesus teman hidup kekal ya!" kata mereka seperti delima.

Gadis Indonesia ini menerima Tuhan Yesus sebagai Penyelesaian dan begitu senang hati kerana dia akan belajar menyerahkan setiap langkah hidupnya kepada Tuhan. Sekalipun dia akan mencuci banyak baju, memasak setiap hari, menyapu dan mengurus segala urusan rumah tangga, dia akan melayani dengan sepenuh jiwa dan tidak melarikan diri daripada majikannya.

Teman hidupnya sejati akan memberi dia kekuatan ketabahan, dan keikhlasan ketika menunaikan panggilannya yang termula.

Doa: Ya Tuhan, Engkaulah Penyelamat dan Teman hidup kami yang kekal sekalipun kami terpaksa menempuh kehidupan di dunia sebatang kara.

HARI 120

Pipi Anda Tidak Merah Lagikah

Renungan-Mazmur 84

*Mereka berjalan makin lama makin kuat,
hendak menghadap Allah di Sion.*

Mazmur 84:8

Mula-mulanya, saya asyik bersembang dengan beberapa kenalan tetapi tiba-tiba saya berasa kurang selesa lalu meminta diri. Orang ini sedang bergurauan tentang kelemahan orang tua. Pada pandangan orang ini, urat nadi aliran utama hanya orang muda, dan orang tua pula menjurs ke maut! "Minda apakah yang dimiliki oleh orang seperti ini?" tanya saya sambil melangkah keluar dari restoran itu. Mereka yang sedang bergurauan ini bukan anak muda tetapi orang yang dewasa!

Waktu muda bukan hanya hak orang muda sahaja tetapi juga hak milik orang yang berambut putih. Persaen muda tidak hanya terukir pada senyuman yang tidak berkeriput, pipi yang merah, ataupun kulit yang mulus-mulus. Keriput boleh timbul pada muka dan tangan kita tetapi tidak semestinya timbul dalam jiwa kita. Hanya kalau kita bersikap seakan-akan pengharapan kita hanya tergantung pada kecantikan, rambut hitam legam, kita akan menjadi kecewa sewaktu garis halus timbul pada muka kita apabila kita bersenyum. Orang yang mengenal Tuhan tidak semakin lemah dan uzur sebalik mereka berjalan makin lama, makin kuat, hendak menghadap Allah di Sion! (Mazmur 84:8)

Lagipun, kita mempunyai Tuhan, mutiara ajaib yang selalu memberi kita kemudahan dalam jiwa kita. Waktu muda sungguh indah.... Seharusnya tidak sahaja dinyanyikan oleh orang muda tetapi semua orang yang memiliki Tuhan. "Tetapi harta ini kami punyai dalam bejana tanah liat, supaya nyata, bahawa kekuatan yang melimpah-limpah itu berasal daripada Allah, bukan daripada diri kami." (2Kor. 4:7)

Waktu muda bukanlah pipi yang merah, bibir merah atau betis yang berotot melainkan hidup yang bermakna, emosi yang segar bugar, dan pembaharuan yang selalu mengalir daripada sungai Ilahi. Siapa kata kita tidak boleh berjiwa kreatif atau menempuh segala cabaran kehidupan? Siapa kata kita tidak boleh mencuba sesuatu yang baru? Lagipun, pengetahuan dan pengalaman kita boleh menjadi lampu suluh dan tiang bagi yang lebih muda.

Sebaliknya, jika sungai Ilahi itu berhenti mengalir, maka keriput jiwa akan melandai kehidupan kita. Kita mudah mengeluh keletihan dan kepenatan hidup walaupun kita hanya berumur 19 tahun. Bagi orang yang berasa lelah, Tuhan berjanji mereka akan berterbangan seperti rajawali jika mereka bersandar pada kekuatan-Nya untuk berterbangan lebih tinggi lagi.

Doa: Ya Tuhan, Engkaulah harta yang selalu memudahkan jiwaku, biarlah sungai Ilahi-Mu menyegarkan aku selalu.

HARI 121

Hasil Yang Baik

Renungan-Kejadian 37

*Jadi bukanlah kamu yang menyuruh aku ke sini,
tetapi Allah; Dialah yang menempatkan aku sebagai
bapa bagi Firaun dan tuan atas seluruh istananya
dan sebagai kuasa atas seluruh tanah Mesir.*

Kejadian 45:8

Sewaktu menghadapi kerumitan, adakah kita berani percaya segala sesuatu mendatangkan kebaikan dalam kehidupan kita. Sewaktu saya masih baru dalam iman saya, teman-temanku mengutip ayat ini, "Kita tahu sekarang bahawa Allah turut bekerja dalam segala sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia, iaitu mereka yang terpanggil sesuai dengan rencana-Nya." (Roma 8:28) Kita tetap beriman dan berkeyakinan bahawa Dia mengawal dan menentukan segala sesuatu dalam perjalanan kehidupan kita walau apapun yang terjadi.

Sewaktu anda mengimbas kembali kehidupan anda, anda mungkin menyedari bahawa anda banyak terserempak dengan bebatu dan duri-duri. Anda mungkin menyesal anda pernah membuat keputusan yang salah dan titisan airmata pernah membasahi pipimu. Fikiran pun pernah menerawang dengan tidak menentu dan keluhan yang berat pernah terluah. Jika anda rela menyerahkan diri anda kepada pimpinan Tuhan, dan menyelami pelajaran-Nya, anda pasti tidak akan bersikap seperti orang yang tidak berpengharapan.

Yusuf yang berada di tengah-tengah kegelapan lubang dan kesuraman penjara mungkin tidak dapat melihat sinaran Tuhan melalui palang besi penjaranya. Penganiayaan jatuh pada dirinya dan pengodaan yang tidak terduga datang bertubi-tubi. Peristiwa pahit ini seakan-akan tidak adil bagi dirinya. Pengodaan isteri majikannya menguji kesucian dan kesetiaannya kepada Tuhan. Tuhan sedang mengarang satu rancangan yang indah bagi Yusuf. Dia sebalik semau sialan yang menimpa dirinya, Tuhan sedang menyiapkan dia untuk membekalkan makanan pada waktu kebuluran di Mesir. Sewaktu Yusuf memeluk abang-abangnya, dia tahu sekalipun mereka telah merancang yang jahat, Tuhan telah merancang keindahan sahaja. Dia mampu mengampuni mereka dengan segera.

Anda tidak dapat melihat maksud Tuhan? Walau bagaimanapun beratnya masalah itu, penderitaannya menghasilkan ketekunan dalam jiwamu. Pelajaran terbesar yang dipelajari oleh Yusuf ialah pengampunan tanpa syarat-syarat.

Doa: Tuhan, tolonglah aku menyelami maksud-Mu dalam segala kejadian dalam kehidupanku.

HARI 122

Berhenti Mencurilah

Renungan-Efesus 4:17-32

Orang yang mencuri, janganlah mencuri lagi, tetapi baiklah ia bekerja keras dan melakukan pekerjaan yang baik dengan tangannya sendiri, supaya ia dapat membagikan sesuatu kepada orang yang bekekurangan.

Efesus 4:28

Beberapa pensyarah sedang berbincang tentang kejadian keragutan beg di SS2 Petaling Jaya yang kerap berlaku. "Aku berasa kita lebih baik tidak mengambil beg tangan tetapi plastik beg agar tidak menarik perhatian!" kata seorang pensyarah. "Ya, ya, kalau kita datang mengajar, kita harus berpakaian cobak cabik. Adakah Cik Ros dan saya kelihatan kaya? Adakah wajah saya kelihatan sungguh kaya sehingga beg saya diragut sehingga lima kali. Teman saya berkata saya ini 'the most wanted lady in SS2' tetapi benarkah itu!

Gejala meragut beg tangan semakin gawat akhir-akhir ini. Beberapa jiwa diragut apabila mereka terjatuh dan kepala mereka terhantuk jalan keras. Bayangkan seorang bayi dilahirkan tanpa ibu kerana ibunya sudah mati akibat cedera parah di bahagian otak sewaktu begnya diragut. Kehidupan dan arah kehidupan seorang gadis yang jelita berubah apabila begnya diragut dan kepalanya terhantuk. Dia telah cacat seumur kehidupannya tetapi bersyukur keluarga dan suaminya mengasihi dia.

Pekerjaan apapun patut dihormati kecuali pekerjaan mencuri dan merasuah kerana ini suatu pemerasan dan penipuan. Sesetengah orang tidak meragut beg orang tetapi menggelapkan duit masyarakat dan mengarahkan keuntungan ke dalam akuan sendiri. "Ya, kami boleh mempercepat proses ini asal tuan memberi kami cek berjumlah \$50,000." "Boleh saja tuan, asal anda sediakan cek \$100,000!" Langkah mereka licin macam belut! Bukanlah mereka meragut dompet juga? Banyak kecurangan telah dilakukan dengan pertukaran sekeping cek!

Seringkali kita melihat orang cacat yang berjualan di pasar malam untuk mencari wang secara jujur. Sebaliknya orang yang tidak cacat pula meragut beg. Orang yang sudah kaya dan pandai pula

menggelapkan wang dan makan suap. Siapakah yang harus anda hormati? Orang kaya yang pandai menggelapkan wang ataupun orang cacat yang mencari nafkah secara jujur?

Doa: Ya Tuhan, ajari kami untuk bersikap jujur, bekerja keras, dan tidak menggunakan cara yang mudah untuk mendapat wang.

HARI 123

Belajar Mencukupkan Diri

Renungan-Filipi 4:11-13

*Kukatakan ini bukan kerana kekurangan,
sebab aku telah belajar mencukupkan
diri dalam segala keadaan.*

Filipi 4:11

Pada zaman dahulu tinggal seorang raja yang mempunyai kerajaan sederhana dan beberapa guni emas sahaja. Kerajaan baginda boleh dikatakan kecil berbanding raja-raja lain di bawah kolong langit bumi ini. Raja-raja lain mempunyai banyak kuda dan emas. Raja itu selalu mengeluh di istananya. "Aduhai nasibku. Bilakah beta dapat memiliki lebih banyak emas seperti raja-raja lain? Raja-raja lain bukan sahaja bertakhta emas bahkan tandas mereka juga beremas. Nasib.... Nasib," titah baginda sambil menggelang-geleng kepala.

Pada suatu hari baginda berjalan-jalan di taman bunga sambil menikmati angin sepoi-sepoi. Tiba-tiba emosinya diserangi perasaan yang kurang puas kerana kekayaannya terlalu sederhana. Baginda berbisik kepada sekuntum bunga dengan saya. Tak disangkanya, satu bidadari kecil terdengar esakan beta. Bidadari itu melaporkannya kepada ibu bidadari yang kemudian menawarkan kekayaan yang berkelimpahan kepada baginda. "Hamba ingin menyampaikan berita baik. Ibu bidadari telah merestui suatu kuasa luarbiasa kepada baginda. Segala sesuatu yang disentuh oleh abginda akan menjadi emas!" Raja itu melonjak-lonjak gembira lalu mengucapkan ribuan terima kasih kepada bidadari itu.

Segera, baginda menyentuh semua bunga di taman baginda. Dengan ajaib, semua bunga itu berseri-seri keemasan. Apabila baginda pulang, segera takhta dan tandas baginda pun berseri-seri dengan keemasan! Namum, baginda berasa sangat sedih kerana baginda tidak dapat menyentuh permaisuri dan permata hati baginda. Baginda hanya boleh bermesra dengan perkataan tetapi sentuhan kasih terpaksa dijauhinya. Setelah sebulan, raja itu memohon agar sentuhan emas dikembalikan kepada ibu bidadari kerana kehidupan baginda tiada bererti tanpa sentuhan kasih. Baginda menyedari kasih tidak dapat dibelikan dengan emas.

Berpuaslah dengan berkat Tuhan dalam kehidupan anda. Dengan kedatangan kekayaan dan status yang tinggi, pengorbanan tertentu dituntut. Kehilangan waktu yang berharga bersama dengan isteri atau anak-anak yang dikasihi merupakan antara pengorbanan yang anda akan alami. Bersyukurlah dan hidup dalam kecukupan seperti yang diberikan Tuhan tetapi jangan malas bergarit perut perit pula.

Doa: Tuhan, ajarlah aku bersyukur atas segala berkat-Mu, biarlah aku hidup puas dengannya.

HARI 124

Membagi hidup anda

Renungan-1 Tesalonika 2:5-8

*Dengan demikianlah kami,
dalam kasih sayang yang besar akan kamu,
bukan saja rela membagi injil Allah dengan kamu,
tetapi juga hidup kami sendiri dengan kamu,*

*kerana kamu telah kami kasihi.
1 Tesalonika 2:8*

Angin salju menghembus kencang. Burung hantu mengeriut dalam kedinginan, anjing semua masuk ke rumah dan burung-urung merpati berpelukan di teratak using. Banyak burung sudah mati kedinginan apalagi burung kecil seperti burung pipit. "Tolonglah kami! Bolehkah kami bersembunyi di bawah sayapmu? Tanya burung-burung pipit kepada burung-burung merpati. Semua merpati rela memeluk burung pipit di bawah sayap mereka tetapi seekor merpati sombong berkata, "Ngak boleh! Badanmu yang berlumuran dengan ais akan membawa maut."

Pada keesokan pagi, matahari pun bersinar terang, semua anak-anak kecil bermain dengan riang dan Kuching melompat keluar bersama-sama. Burung-burung semua berterbangan dan berkicauan gembira. Seekor burung merpati jatuh tertiarap mati kedinginan. Itulah burung yang tidak mahu menerima kehangatan daripada sekepal tubuh burung pipit. Burung-burung merpati yang lain semua hidup kerana menerima kehangatan daripada tubuh pipit.

Di dunia yang dingin ini, orang yang kedekut dengan kasih akan mati bersama suasana yang dingin. Orang yang membagi kasih akan mengalami kehangatan kasih dalam kehidupan mereka.

Rasul Paulus tidak saja memberitakan injil tetapi dia juga membahagi hidupnya sendiri kepada orang yang dilayaninya. Motivasi dan matlamat pelayanannya sungguh tulus, beliau tidak pernah mencari pujian daripada manusia. Dia mengasihi mereka dengan sungguh-sungguh umpama ibu menatang minyak yang penuh.

Banyak orang tidak sudi memberi pertolongan kepada yang melarat, Tuhan Yesus banyak menunjukkan cara membagi kehidupan kepada orang lain. Beliau rela pergi bercakap dengan perempuan Samaria di tepi perigi di tengah-tengah keterikan matahari. Tambahan juga, Dia rela bersinggah dan menyembuh orang kusta yang dianggap jijik oleh masyarakat walaupun Dia tahu tidak semua orang kusta akan berterima kash.

Pernahkah anda meluangkan waktu bercakap-cakap dan menggalakkan seorang remaja nakal yang dihina orang lain? Pernahkah anda menghibur seorang tua yang sepi dan tidak banyak berteman? Sudikah anda memasak untuk sekumpulan anak dan menceritakan kasih Tuhan kepada mereka jika diberikan kesempatan? Pernahkah mendengar tangisan seseorang yang sedang berada depresi dan mencari akal menolong dia?

Doa: Ya Tuhan, tolong kami agar tidak kedekut membagi kasih bumi kepada dunia yang dingin.

HARI 125

Siapakah Yang Perlukan Pertolongan

Renungan-Yakobus 2:15-18

Demikian juga halnya dengan iman:

*Jika iman itu tidak disertai dengan perbuatan,
maka iman itu pada hakikatnya adalah mati.*

Yakobus 2:17

Banyak orang mempunyai pelbagai alasan apabila mereka keberatan menolong orang yang perlukan pertolongan. Orang Melayu selalu berkata, "Kalau nak seribu daya, dan kalau tidak seribu dalih." Kita sering mendengar alasan seperti, "Jika anda menolong orang itu nanti dia akan mengambil kesempatan dan minta-minta terus..." "Ajarlah dia memancing ... tak kan kita menolongnya sepanjang hidupnya?" "Tuhan memberi kita berkata tetapi semuanya perlu dibelikan dengan harga mahal... kerja jangan mengemis!" "Usah tolong dia yang tidak mengenang budi. Nanti madu yang diberi, racun yang dibalas."

Ibu Theresa berkata. "Kalau anda baik hati, orang akan menuduh anda mempunyai ada udang di sebalik batu, tetap berbuat baik juga. Kalau anda berjaya, anda akan memenangi teman-teman palsu dan musuh-

musuh, tetaplah meraih kejayaan juga. Apa yang anda bangunkan bertahun-tahun mungkin akan dihancurkan oleh seseorang dalam satu hari sahaja, tetap bangunkannya juga. Kebaikan yang anda lakukan pada hari ini akan dilupakan orang esok, tetap berbuat baik juga. Jika anda berikan dunia ini yang terbaik, mereka akan menuntut lebih banyak, tetap berikan yang terbaik juga. Pada hakikatnya, segala sesuatu yang anda lakukan hanya urusan penting antara anda dan Tuhan.

Satu golongan masyarakat yang sangat memerlukan pertolongan David Livingstone ialah pesakit kusta yang menghidap penyakit teruk. Penyakit ini mencacatkan seluruh tubuh mereka dan orang lain akan mengelakkan diri daripada mereka. Mereka terpaksa membunyikan loceng untuk memberitahu orang lain bahawa mereka sudah mendekat dan orang lain perlu menjauhkan diri mereka. David merawat dan menyayangi mereka seperti orang sihat dan memandikan mereka apabila mereka sakit.

Pertimbangkan ayat-ayat ini:-

1 Yohanes 3:17-18

Yahkobus 2:15-18

Doa: Tuhan Maha Kasih, biarpun kebaikan yang saya tunjukkan pada hari akan dilupakan orang hari esok, ajarilah aku tetap baik.

HARI 126

Siapakah Jiranku?

Renungan-Lukas 10:25-37

Jawab orang itu: "Orang yang telah menunjukkan belas kasihan kepadanya." Kata Yesus kepadanya: "Pergilah dan perbuatlah demikian."

Lukas 10:37

Siapakah jiran saudara? Di kota Kuala Lumpur yang besar ini, kadangkala jiran kita pun bersikap dingin dan jarang membalas senyuman kita! Puji Tuhan, sesetengah jiran kita banyak menolong kita dan sering bergotong royong menghantar anak-anak kita ke sekolah bahkan kadangkala mereka membawa makanan yang enak untuk kita! Jika mereka bercuti ke New Zealand, mereka akan memberi kita coklat mint serta boneka domba kecil sewaktu pulang dari cuti mereka.

Jelas, kita masing-masing sibuk dengan urusan peribadi dan peluang menjalin persahabatan disia-siakan sahaja. Kita berjalan di Kuala Lumpur seperti makhluk asing dari cakrawala lain, seakan-akan yang terpenting hanya pekerjaan kita sahaja. Apakah yang terjadi kalau menghadapi krisis di rumah? Adakah jiran kita akan datang menolong kita? Mungkinkah mereka akan menjenguk dengan perasaan yang aneh sahaja walaupun kita berteriak seperti orang gila?

Sewaktu saya bersembang-sembang dengan ibu bapa dan adik-adik saya, kami berbincang pelbagai peristiwa yang pernah kami alami dalam kehidupan ini. Adik saya masih mengimbas sewaktu dia makan angin di Hong Kong bersama keluarganya.

Pada waktu kaki anak perempuannya terjepit dalam escalator elektrik, penduduk Hong Kong bersikap dingin dan tidak mahu mengambil tahu! Dia menangis serta berteriak-teriak meminta pertolongan daripada orang yang lalu-lalang. Mereka hanya melihat sahaja tanpa terlintas pada fikiran mereka untuk menolong. Pembantunya menarik kaki anaknya sambil menangis dan terteriak-teriak. Setelah kakinya ditarik dari escalator itu, darah kaki Eunise berlumuran darah dan mereka meminta-minta pertolongan. Penduduk Hong Kong hanya melemparkan pandangan yang dingin dan kaku. Saya menggeleng-geleng kepada seraya melepaskan keluh kesah sewaktu mendengar cerita tersebut. Siapakah jiran orang Hong Kong?

Tuhan Yesus menyampaikan sebuah cerita yang banyak menceritakan sikap dingin yang sering terjadi kepada masyarakat kita. Seorang pengembara dari Yerusalem sedang menuju ke Yerikho telah dirompak dan dipukul sehingga dia setengah mati. Seorang imam dan Lewi melihat dia terlantar dalam keadaan

terluka parah tetapi mereka hanya melewati tanpa menghulur sebarang pertolongan. Lalu akhirnya, seorang Samaria yang tergerak hatinya oleh belas kasihan membalut luka-luka orang itu. Sesudah itu, dia menyiraminya dengan minyak dan anggur. Kemudian dia menaikkan orang itu ke keldai tunggangannya lalu membawa dia ke tempat penginapan dan meminta orang merawatnya serta membiayai kosnya.

Doa: Tuhan, ampunilah saya kerana terlalu mementingkan diri sendiri dan tidak mengambil berat akan orang yang perlukan pertolongan.

HARI 127

Ketika Aku Lapar...

Renungan-Matius 25:31-46

*Sebab ketika Aku lapar,
kamu tidak memberi Aku makan;
ketika Aku haus,
kamu tidak memberi Aku minum;
ketika Aku seorang asing,
kamu tidak memberi Aku tumpangan;
ketika Aku telanjang,
kamu tidak memberi Aku pakaian;
ketika Aku sakit dalam penjara,
kamu tidak melawat Aku.*

Matius 25:42-43

Tiba-tiba kedengaran tangisan bayi yang baru dilahirkan di Skope, Makedonai pada keheningan malam. Siapakah yang mengetahui dunia ini telah melahirkan seorang mubaligh yang berbelas kasihan. Cahaya kasih Tuhan tidak muncul dengan terang di India seandainya Ibu Theresa tidak peka terhadap panggilan Tuhan. Sewaktu menaiki kereta api ke Darjeeling, Ibu Theresa terdengar panggilan Tuhan untuk mengorbankan segalanya dan mengikut Tuhan. Ibu Theresa berkeputusan untuk melayani di kalangan rakyat India yang miskin papa dan bukan orang yang kaya raya. Yang difikirkan oleh Ibu Theresa bukanlah keselamatan sendiri tetapi kemiskinan mereka dan kasih Tuhan.

Bayangkan, Ibu Theresa hanya membekalkan dirinya dengan dua helai baju, sepasang sandal dan Alkitab untuk menjangkau penduduk yang miskin.

Theresa telah menyebabkan dia mendirikan 'Rumah Nirmal Hariday' ketika dia tersandung seorang wanita yang hampir mati. Beliau sering mendukung orang yang sedang menantikan saat-saat terakhir ke tempat yang selesa sebelum mereka menghembuskan nafas terakhir.

Aku takut akan anak hingusan yang berkutu dan berkudis? Ibu Theresa memeluk mereka dan mendirikan 'Rumah Shishu Bhavan' bagi mereka. Akibatnya? Banyak anak diberikan masa depan yang lebih cerah.

Anda mengomel makanan di kapal terbang tidak seenak yang kamu harapkan? Ibu Theresa meminta semua penumpang memberi sisanya kepada orang miskin di India.

Anda menangis kekurangan duit dalam bank anda? Apakah yang dilakukan Mother Theresa ketika menerima \$400,000 bagi hagi Hadiah Keamanan Nebo? Adakah dia berpensiu dengan duit tersebut? Tidak. Duit ini digunakan untuk menyelesaikan kehidupan orang miskin.

Doa: Tuhan, aku mahu mengasihi mereka yang memerlukan bantuan serta menghulurkan tangan untuk mengubah nasib mereka.

HARI 128

Beritahukan Kepada Anakmu

Renungan-Keluaran 13:8-10, Ulangan 6:1, 2,5-7

Pada hari itu harus kau beritahukan kepada anakmu laki-laki;

ibadah ini adalah kerana mengingat apa yang dibuat

Tuhan kepadaku pada waktu aku keluar dari Mesir.

Keluaran 13:8

Rakamkan perbualan kita dengan anak-anak kita di rumah dan menyemak setiap kalimat yang kita ucapkan. Kita akan menyedari bahawa kebanyakan ayat yang kita pesankan terdiri daripada ayat perintah dan ayat larangan.

- a. Jangan bermain computer lagi, buat tugas rumah.
- b. Ujian sekolah sudah menjelang namun anda masih bermain sahaja.
- c. Cepat siapkan baju sekolahmu dan makan sarapan pagi.
- d. Jadilah abang yang berteladan dan jangan memukul adikmu.
- e. Mandi!
- f. Jangan merengkek-rengkek! Nak kena rotan ni!
- g. Diam, adikmu sedang tidur!
- h. Jangan nakal, nanti saya panggil polis!

Berapakah ibu bapa akan meluangkan waktu bercakap-cakap dengan anak mereka sebagai seorang teman? Berapakah ibu bapa pernah berbicara intim dengan anak kecil mereka? Pengajaran dan nasihat yang mengalir daripada hati dapat menyentuh jiwa seorang anak. Jikalau ibu bapa mengasihi Tuhan dengan segenap hati, mereka boleh mengalirkan kasih Tuhan kepada anak mereka.

Apabila tugas mendidik seorang anak menjadi beban, timbullah kepenatan dan kemarahan yang sering membuat anak kita lebih nakal lagi. Mendidik anak sama ada dalam firman Tuhan mahupun perkara lain harus dilaksanakan dengan sikap yang penuh kesabaran Illah. Sikap yang dingin dan kaku hanya akan menghasilkan ketaatan kepada hukum Tuhan tanpa kasih yang sejati.

Sewaktu kecil saya pernah menonton sebuah filem tentang seorang ayah yang kesuntukan waktu bersama anaknya yang tersayang kerana menderita barah. Ayah ini menyedari dia mesti berbincang banyak perkara daripada hati ke hati dengan anaknya supaya kelak anak ini dapat hidup sempurna di dunia.

Fikirkan cara yang terbaik untuk menyentuh perasaan dan akal anakmu. Lakukannya dengan penuh kasih sayang dan bukan sebagai beban yang terpaksa dipikul. Fikirlah, bagaimanakah anak kita akan bersikap dan hidup sewaktu kita sudah tidak ada di dunia ini lagi. Adakah kita hanya meninggalkan ayat perintah dan ayat larangan? Adakah anak dapat berasa kasihmu dan kasih Tuhan sewaktu kita tidak ada di dunia ini?

....Mendidik cahaya mataku

Penuh cabaran

Darahku

Hatiku

Biji mataku

Biarlah aku

Bicara pancaran kasih Ilahi

Agar kelak buah hatiku

Dapat berjalan bersama Dia.

Doa: Tuhan, tolonglah aku mengajar anak aku dengan penuh kasih sayang dan bukan sebagai satu beban.

HARI 129

Makanan Mereka Menjadi Dedebu Arang

Renungan-1 Yohanes 5:10-13

Barangsiapa memiliki Anak, ia memiliki hidup;

barangsiapa tidak memiliki Anak, ia tidak memiliki hidup.

1 Yohanes 5:12

Saya sedang bersembang dengan seorang pemuda yang sangat lelah kerana dia telah memberi makanan kepada hantu semalaman hingga pukul 2.30am pada perayaan hantu lapar, bulan Ogos. Dia berkata bahawa sepanjang malam dia membungkus makanan di Kpong untuk hantu-hantu ini. Setiap setengah jam, dia mesti menukarkan colok. "Alangkah sedihnya, sewaktu kita hidup. Kita makan setiap hari dan setelah meninggal dunia kita hanya berkesempatan makan setahun sekali sahaja. Tentu kita rindu akan 'Sunrise Duck,' 'Sarawak Laksa,' 'penang Laksa,' 'Liana's Rojak' dan sebagainya," kata saya kepada dia. Dia tersenyum dan memberitahu saya, "Apalagi 'Dim Sum' ya? Ha, ha, sebenarnya hantu ini tidak dapat makan makanan ini kerana setiap kali apabila mereka menelan makanan ini, ia akan berubah menjadi arang dedebu! Juga kerongkong hantu-hantu ini pun terlalu sempit dan tidak dapat menelan makanan ini!" "Apa macam ni? Sedihnya," jawab saya.

Alangkah sedihnya, kalau sesusah mati kita menjadi hantu yang berkeliaran untuk meminta makanan yang hanya akan menukar menjadi dedebu arang. Sekalipun hantu-hantu ini tidak dapat makan, orang Cina yang mengasihi anggota keluarga mereka yang meninggal dunia tetap akan menyediakan makanan yang sedah buat mereka bahkan kadangkala kereta, pembantu, dan wang juga dikirimkan ke alam baka.

Dunia akhirat merupakan sesuatu kenyataan yang sering disebutkan dalam Alkitab tetapi dunia akhirat yang digambarkan ini indah dan tidak ada kekurangan. Syurga digambarkan sebagai tempat indah dan airnya begitu jernih. Buah-buah dari pohon-pohon kehidupan membuat setiap bulan. Suasana di sana terang benderang kerana kita akan tinggal bersama dengan Raja sampai selama-lamanya. "Lalu ia menunjukkan kepadaku sungai air kehidupan, yang jernih dari takhta Allah dan takhta Anak Domba itu. Dia tengah-tengah jalan kota itu, iaitu di seberang sungai itu, ada pepohon kehidupan yang berbuah dua belas kali, tiap-tiap bulan; dan daunnya dipakai untuk menyembuhkan bangsa-bangsa." (Wahyu 22:1-3)

Syurga dan neraka memang disebutkan dalam Alkitab. Nereka itu berlawanan dengan syurga. Di sana terdapat tangisan dan gertakan gigi orang yang dilemparkan ke dalam obor api yang menyala-nyala sepanjang waktu. Alkitab menyampaikan cerita sedih. Ada seorang kaya yang selalu berpakaian jubah ungu dan kain halus, dan setiap hari ia bersukaria dalam kemewahan. Dan ada seorang pengemis bernama Lazarus, badannya penuh dengan borok, berbaring dekat pintu rumah orang kaya itu dan ingin menghilangkan laparnya dengan apa yang jatuh dari meja orang kaya itu. Malahan anjing-anjing datang menjilat boroknya. Kemudian matilah orang miskin itu, lalu dibawa oleh malaikat-malaikat ke pangkuan Abraham.

Orang yang kaya itu juga mati, lalu dikubur. Dan sementara ia menderita sengsara di alam maut ia memandang ke atas, dan dari jauh dilihatnya Abraham, dan Lazarus duduk di pangkuannya. Lalu dia berseru, katanya: Bapa Abraham, kasihanilah aku. Suruhlah Lazarus supaya ia mencelupkan ujung jarinya ke dalam air dan menyejukkan lidahku, sebab aku sangat kesakitan dalam nyala api ini." (Lukas 16:19-26)

"Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal." (Yohanes 3:16) Usahlah jadi hantu yang merayau-rayau setahun sekali untuk makanan!

Doa: Ya Tuhan, terima kasih kerana Engkau telah membukakan jalan ke syurga melalui pengorbanan anak Domba di Kayu Salib.

HARI 130

Paradoks Dalam Alkitab

Renungan-Matius 16:21-28

Kerana barangsiapa mahu menyelamatkan nyawanya,

*dia kana kehilangan nyawanya;
tetapi barangsiapa keilangan nyawanya kerana Aku,
ia kaan memperolehnya.
Matius 16:25*

Alkitab memuat banyak paradox. Contohnya, "Kerana itu aku senang dan rela di dalam kelemahan, di dalam siksaan, di dalam kesukaran, di dalam penganiayaan dan kesesakan oleh kerana Kristus. Sebab jika aku lemah, maka aku kuat," (2 Korintus 12:10) "... Dan berkata kepada mereka: barangsiapa menyambut anak ini dalam namaKu, ia menyambut Aku, ia menyambut Dia yang mengutus Aku. Kerana yang terkecil di antara kamu sekalian, dialah yang terbesar." (Lukas 9:48) "Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya jikalau biji gandum tidak jatuh ke dalam tanah dan mati, ia tetap satu biji saja; tetapi jika ia mati, ia akan menghasilkan buah." (Yohanes 12:24) Alkitab juga mengatakan jika kita mahu menjadi hebat, kita mesti terlebih dahulu menjadi hamba.

Untuk memahami paradox Alkitab, kita mesti terlebih dahulu menanggalkan jalan pemikiran sendiri dan menganut sudut pandangan Ilah yang bercanggah dengan fikiran manusiawi. Hanya dengan perubahan paradigma baru kita melihat dengan jelas.

Rasul Paulus seorang rasul yang hebat menghadapi banyak cabaran, masalah dan kesulitan dalam pelayanannya. Ini tidak melambangkan kelemahan tetapi sebaliknya menunjukkan iman kekuatan yang mengalir di dalam dirinya." Lima kali aku disesah orang Yahudi, setiap kali empat puluh kurang satu pukulan, tiga kali aku didera, satu kali aku dilempari dengan batu, tiga kali mengalami karam kapal, sehari semalam aku terkatung-katung di tengah laut. Dalam perjalananku aku sering diancam bahaya banjir dan bahaya penyamun, bahaya daripada pihak orang Yahudi dan pihak orang-orang bukan Yahudi; bahaya di kota, bahaya di padang gurun, bahaya di tengah laut, dan bahaya daripada pihak saudara-saudara palsu. Aku banyak berjerih lelah dan bekerja berat; kerap kali aku tidak tidur; aku lapar dan dahaga; kerap kali aku berpuasa, kedinginan dan tanpa pakaian, dan, dengan tidak menyebut banyak hal yang lain lagi..." (Korintus 11:24-28)

Apakah yang dikatakan oleh rasul Paulus mengenai semua ini? "Jika aku harus bermegah, maka aku akan bermegah atas kelemahanku." (2 Korintus 11:30) Rasul Paulus, sebagai pelayan Tuhan tidak bermegah atas kehebatannya, agar dalam kelemahannya, kekuatan Kristus dapat dinyatakan.

Pandang Rasul Paulus penuh dengan paradox, beliau berkata, "Sebagai orang yang tidak kenal, namun terkenal sebagai orang yang nyaris mati, dan sungguh kami hidup; sebagai orang yang dihajar, namun tidak mati, sebagai orang berdukacita, namun sentiasa bersukacita; sebagai orang miskin, namun memperkaya banyak orang; sebagai orang tak bermilik, sekalipun kami memiliki segala sesuatu." (2 Korintus 6:9-10)

Tuhan Yesus juga menyampaikan banyak paradox. Nah, kalau sebiji benih tidak jatuh dan hancur, tumbuhan yang baru tidak akan timbul. Kalau benih padi tidak jatuh dan mati, mana kita dapat tuaian padi? Tuhan Yesus sedang menggambarkan kehidupan dan kematian-Nya di kayu salib. Kalau Dia tidak mati di kayu salib, bagaimanakah kita akan memperoleh kehidupan kekal dan penebusan dosa? Kalau Tuhan Yesus tidak terlebih dahulu datang melayani sebagai Hamba yang rendah hati dan penuh dengan penderitaan, bolehkah Dia menjadi Raja di atas segala raja.

Doa: Tuhan, ajari aku memahami paradoks Ilahi dan menurut paradigma pandangan-Mu yang ajaib untuk kehidupan yang berjaya!

HARI 131

Dia Tersungkur Dan Berlumuran Darah

Renungan-1 Petrus 2:23-25

*Ia sendiri telah memikul dosa kita
di dalam tubuh-Nya di kayu salib,
supaya kita yang mati terhadap dosa,*

*hidup untuk kebenaran.
Oleh bilur-bilur-Nya kamu telah sembuh.
1 Petrus 2:24*

Hari ini saya deman selesema dan terpaksa membatalkan rancangan menonton "Passion" di Panggung Wayang di Bandar Utama dengan Lai mee dan kawan-kawan lain. Setelah mendengar bahawa sepupu saya menangis dengan begitu lantang ketika menonton kesengsaraan Kristus, saya pernah menonton file mini di rumah. Pada waktu saya mengimbas kembali kesengsaraan Kristus yang telah saya tonton dalam file mini, saya terharu. Kristus telah disebat begitu kuat sekali sehingga Dia jatuh tersungkur dan berlumuran darah. Tangan-Nya mengeletar dan seluruh tubuh-Nya menggigil. "Bolehkah saya menonton penderitaan seperti ini lagi tanpa menangis lagi? Saya takut saya mungkin tak sanggup menahan emosi saya."

Kesengsaraan yang dialami oleh Kristus setimpal dengan kengerian dosa kita. Kayu salib tidak datang kepada Kristus kerana jenayah dosa-Nya tetapi Dia telah memilih salib demi penebusan dosa manusia. Kayu salib Kristus berlainan dengan salib-salib lain yang dipaksakan atas kesalahan yang dibuat pendosaanya. Kayu salib Kristus tidak datang secara kebetulan, atau dipaksakan kerana dosa, sebaliknya rancangan Ilahi. Kayu salib ini mendatangkan kemuliaan kepada Tuhan kerana rancangan penyelamatan manusia digenapi. Salib-salib yang lain mendatangkan perasaan malu kepada penjenayah dan keluarga mereka. Tambahan juga, salib-salib lain merupakan pekerjaan iblis dalam kehidupan seseorang sehingga dia terjerumus dalam lembas dosa yang mendalam.

Salib-salib yang lain menggambarkan sedikit tentang neraka yang akan dikecapi tetapi salib Kristus melambangkan satu-satunya pembukaan dan jambatan ke syurga.

Salib-salib lain mendatangkan kesengsaraan dan maut tetapi kayu salib telah menyembuhkan kita dari dosa dan memberi kehidupan kekal. Tanpa penumpahan darah di atas kayu salib tidak ada penyelamatan dan penebusan dosa. "...demikian pula Kristus hanya satu kali saja mengorbankan diri-Nya untuk menanggung dosa banyak orang. Sesudah itu Dia kaan menyatakan diri-Nya sekali lagi tanpa menanggung dosa untuk menganugerahkan keselamatan kepada mereka, yang menantikan Dia. (Ibrani 9:28)

Doa: Ya Tuhan, kesengsaraan-Mu di kayu salib telah mendatangkan kemuliaan dan penyembuhan bagi saya dan umat manusia.

HARI 132

Panggilan Tuhan

Renungan-1 Samuel 3

*Lalu datanglah Tuhan,
berdiri di sana dan memanggil*

seperti yang sudha-sudah:

"Samuel! Samuel!"

*Dan Samuel menjawab: "Bicaralah,
sebab hamba-Mu mendengar.*

1 Samuel 3:10

Samuel telah mendengar panggilan Tuhan di bait Tuhan tetapi dia menyangka Eli telah memanggil dia. Kemudian Eli emngajar Samuel untuk mendengar dan menjawab "Ya" apabila Tuhan memanggil. Dengan jawapan "Ya hamba-Mumendengar," Samuel memulakan rancangan Tuhan yang terindah dalam kehidupannya. Dia akan memilih dua raja bagi umat Tuhan dan yang juga berfungsi sebagai nabi di tengah-tengah umat Tuhan.

Apabila Tuhan memanggil kita, kepekaan kepada suara-Nya dan ketaatan untuk menjawab "Ya" akan melancarkan rancangan Tuhan dalam kehidupan kita. Anak-anak Eli yang hidup sembarangan dan

melayani alang-alang tidak pernah mendengar suara Tuhan mahupun panggilan-Nya. Sekalipun ayah mereka melayani di bait Tuhan, mereka tetap tidak peka kepada suara Tuhan.

Demikian juga dengan panggilan pastor gereja Kalvari di Malaysia, Dr. Prince Guneratnam yang dilahirkan di sebuah kota kecil di Muar, Johor. Ibu bapanya, Samuel Ezekiel dan Constance Theresea telah mendidik anak mereka dalam kasih Tuhan.

Sejak kecil, Prince pernah mendengar daripada bapanya bahawa melayani Tuhan tidak mudah kerana mereka sering kekurangan susu atau minyak kereta! Bagaimanapun ini tidak mematikan panggilan Prince. Ketika dia berumur 13 tahun, dia telah dipanggil oleh Tuhan untuk melayani-Nya. Sejak itu, Prince selalu membawangkan dirinya berkhutbah kepada banyak orang. Pada waktu itu, mata Prince tidak dapat melihat tetapi seorang hamba Tuhan menjamahnya sehingga dia dapat melihat. Pengalaman ini juga menyentuh jiwanya.

Panggilannya menjadi kenyataan apabila dia ke sekolah alkitab untuk dilatih. Di sana dia bertemu dengan calon isterinya yang mula-mula berfikir jejaka yang menamakan dirinya Prince tentu seorang yang angkuh. Dia tidak menyangka Prince rela berkorban dan memetik bunga di lereng bukit untuk sang kekasihnya, Petrina.

Setelah melayani di Gereja Glad Tiding di Klang, Prince pun melayani sebagai gembala di Gereja Kalvari Damansara Endah pada November 1972. Di bawah kepimpinannya juga, gereja Sidang Jemaah Allah juga bertumbuh, menjalin persahabatan dengan misi seluruh dunia dan menjadi lebih kukuh dalam strukturnya.

Jawab “Ya” sewaktu Tuhan memanggil namamu dan rancangan-Nya yang terindah akan bermula dalam kehidupan anda.

Doa: Ya Tuhan, Aku menjawab Ya, Ya, Ya

HARI 133

Sukar Menghadapi Kenyataan

Renungan-Lukas 18:18-27

Lalu Yesus memandang dia dan berkata:

Alangkah sukarnya orang yang berwang masuk ke dalam kerajaan Allah.

Lukas 18:24

Seorang raja mengajukan satu pertanyaan kepada Yesus, “Guru yang baik, apa yang harus aku perbuat untuk memperoleh kehidupan kekal?” Akhirnya, sebaik-baik saja dia memahami syarat-syarat yang diperlukan untuk masuk ke dalam kerajaan syurga, dia tidak sanggup menerima cabaran syaratnya. Dia sama sekali tidak berdebat dengan Yesus kerana dia sudah memahami jawapan-Nya. Dengan sedih, dia berpaling daripada Tuhan dan tetap menempuh jalan yang lama.

Tuhan Yesus berkata bahawa raja itu sudah mengetahui semua perintah Tuhan sejak kecil seperti jangan berzina, jangan membunuh, jangan mencuri, jangan mengucapkan saksi dusta, dan menghormati ayah dan ibu. Bagaimanapun baginda belum menerima cabaran untuk mengikut Yesus. Tuhan Yesus mengajukan satu cabaran, “Masih tinggal satu hal yang harus kaulakukan: juallah segala yang kaumiliki dan bagi-bagilah itu kepada orang-orang miskin, maka engkau akan beroleh harta di syurga, kemudian datanglah ke mari dan ikutlah Aku.” (Lukas 18:22)

Benarkah anda mahu jawapan daripada Tuhan? Betulkah engkau sudah menerima jawapannya, memahaminya, tetapi berpaling dan berjalan sendiri kerana tidak suka mengubah kehidupan. “Ketika raja itu mendengar perkataan itu, dia menjadi amat sedih, sebab dia kaya.” (Lukas 18:23) Tuhan Yesus tidak hanya ajak-ajak ayam sahaja, Dia begitu serius sewaktu mengajak kita untuk berkorban bagi kerajaan Tuhan dan tidak mahu kita hangat-hangat tahi ayam sahaja.

Setelah menggondol dua PhD dalam bidang Sains, John Sung, membuang dua gulungan yang berada di tangan-nya demi berperang bagi kerajaan syurga di Negara Cina. Beliau tidak berpaling daripada Yesus dengan sedih dan mempertahankan kelayakannya untuk berkecimpung dalam bidang Sains. Dia menjadi pengkhotbah yang berkorbar-kobar di negara Cina. Saya mendengar bahawa dia akan masuk ke keranda sewaktu berkhotbah tentang kematian, atau berkipas-kipas obor api ketika berkhotbah tentang kehangatan iman. Sanak saudara saya yang tua masih teringat kemanisan khutbahnya sewaktu dia datang ke Malaysia.

Doa: Ya Tuhan, aku tidak mahu berpaling daripada Engkau dengan sedih ketika Engkau menuntut aku untuk menyerah demi kerajaan syurga.

HARI 134

Bilakah Dirayakannya

Renungan-1 Korintus 6:13-18

*Tetapi percabulan dan rupa-rupa kecemaran
atau keserakahan disebut saja pn jangan di antara kamu,
sebagaimana sepatutnya orang-orang kudus.
Efesus 5:3*

"Kita kahwin sekarang," kata Rina mendesak. "Kenapa terburu-buru?" tanya Salleh. "Pokoknya, kita mesti berkahwin sekarang kerana saya sudah hamil?" "Saya belum sedia kerana saya masih belum ada pekerjaan tetap!" teriak Salleh. Pertengkaran pertama ini memuncak sehingga Salleh melenyapkan dirinya entah ke mana. Telefon bimbitnya? Juga lenyap. Juga lenyap. Rina berasa umpama bunga sedap dipakai, layu di buang di kesepian biliknya.

Kini Rina sudah membunting secara senyap-senyap. Dia tidak berani memberitahu keluarganya kerana maknanya pasti mengamuk, "Babi engkau, sungguh memalukan keluarga!" Rina tidak tahu Salleh itu 'playboy' yang sering bertukaran pasangan. Dengan senyap-senyap, Rina melahirkan anak itu lalu mencampakkan bayi comel itu di hutan! Dia meyesal, sampai hati Salleh memupuk perhubungan intim bersamanya tanpa bertanggungjawab. Apa gunanya menyesal? Nasi sudah menjadi bubur.

Memang, seks itu pemberian daripada Tuhan bukan untuk nikmat semata-mata tetapi untuk pasangan yang mendirikan rumahtangga bersama dan mengikat janji di hadirat Tuhan.

Dengan penularan AIDS yang semakin rancak melalui seks rambang, risiko yang perlu ditanggung ini menjadi satu kenyataan bagi mereka yang menganut gaya hidup 'playboy.' Bagi perempuan, kehamilan yang tidak diharapkannya membawa kesengsaraan dan perasaan bersalah dalam emosi mereka seandainya mereka menggugurkan anak atau mendamparkan bayi ke sampah sarap. Keterlibatan dalam perhubungan seperti ini seringkali membawa kehampaan dan kekosongan dalam kehidupan.

C.S.Lewis seorang filsuf berkata, "Hanya perkahwinan dengan kesetiaan yang tuntas kepada pasangan awak, atau elakkannya sama sekali." Seks merupakan keterlibatan emosi dan biologis yang terintim antara dua orang yang saling mencintai dan ini hanya diizinkan dalam rangka perkahwinan.

"Janganlah sesat! Orang cabul, penyembah berhala, orang berzina, banci, orang pemburit, pencuri, orang kikir, pembauk, pemfitnah dan penipu tidak akan mendapat bahagian dalam kerajaan Allah. Dan beberapa orang di antara kamu demikianlah dahulu. Tetapi kamu telah memberi dirimu disucikan, kamu telah dikuduskan, kamu telah dibenarkan dalam nama Tuhan Yesus Kristus dan Roh Allah kita." (1 Korintus 6:9-11)

Doa: Tuhan yang Maha Kudus, Kami mahu hidup suci dan berkenan kepada-Mu.

HARI 135

Bagai Pinang Dibelah Dua?

Renungan-Matius 19:1-9

Demikianlah mereka bukan lagi dua, melainkan satu.

Kerana itu, apa yang telah dipersatukan Allah,

tidak boleh diceraikan manusia.

Matius 19:6

Penduduk di Kampung Kayu Ara menghebohkan sepasang joli bagi pinang dibelah dua telah disatukan. Setelah berkenalan setahun Aida, yang cantik, dijabkabulkan dengan Yusuf yang kacak dan mahligai madu pun dibangunkan. Setelah beberapa tahun, ceritanya berlainan. Setiap kali, Aida masuk ke dalam kamar, Yusuf seakan-akan ternampak ulat yang masuk dan Aida pula melihat cacing!

Perkahwinan itu suatu perjanjian yang dimaksudkan untuk sepanjang hidup. Cincin perkahwinan yang kita pakai melambangkan keutuhan perhubungan yang tidak terputus-putus. Perkahwinan bukanlah mencari orang yang tepat melainkan menjadi orang yang tepat bagi pasangan kita. Untuk mempertahankan perkahwinan yang kukuh, kita perlu menyerahkan keinginan sendiri dan belajar hidup seiring dengan kehendak pasangan kita.

Aida berasa kecewa kerana Yusuf begitu ketagihan sukannya. Selain itu, dia berasa Yusuf begitu mementingkan keperluan dan kerjaya sendiri sehingga tidak peka terhadap keperluan isterinya. Wang yang diberikan kepada isterinya pun tidak cukup untuk menguruskan keperluan rumahtangga malahan dia yang meminjam wang kepada Yusuf.

Yusuf pula berfikir Aida telah menipukan dirinya kerana setelah berkahwin dia menjadi begitu gemuk, pakaiannya bercomot sos cili, dan emosinya sering bergelora. Bau badan Aida pun tidak seharum seperti dahulu, maklumlah sering berkeringatan kerana pekerjaan rumah. Aida rupa-rupanya sudah lupa mendandan diri atau menjaga susuk badannya.

Kedua-dua insan ini menyedari bahawa perkahwinan bukanlah mahligai madu dan peribahasa 'bagai pinang yang dibelah dua' hanya untuk kecocokan rupa sahaja. Perkahwinan itu penyatuan dua insan yang penuh dengan kelemahan dan dijabkabulkan itu hanya permulaan suatu cabaran memahami insan yang tak sempurna. Maka tinggalkan keluhan anda kerana anda tidak salah jodoh! Bersyukurlah dan minta kebijaksanaan Tuhan untuk mengasihi suami atau isteri serta berusaha menyesuaikan perbezaan itu.

Doa: Tuhan Penyayang, saya bersyukur atas isteri saya, saya mahu bersikap lebih peka terhadap segala keperluannya dan menolongnya menguruskan rumahtangga.

HARI 136

Kasihilah isterimu

Renungan-Efesus 5:22-23

Kerana itu sebagaimana Jemaah tunduk kepada Kristus,

demikian jugalah isteri kepada suami dalam segala hal.

Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah

mengasihi Jemaah dan telah menyerahkan diri-Nya baginya

Efesus 5:24-35

Menunduk kepada kekasihnya sewaktu belum berkahwin begitu manis dan mudah bagi Miriam. Siapa berkata menunduk kepada malaikat seperti Sean susah amat? Sean yang selalu membawa bunga ros segar, coklat serta CD yang penuh dengan lagu-lagu romantik memang mudah diturutinya. Siapa berkata mengasihi Miriam yang manis dan cantik terlalu susah?

Mengapa setelah berkahwin berkorban untuk isteri begitu sulit bagi Sean dan menunduk kepada suami begitu susah bagi Miriam? Perintah Tuhan, "Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah mengasihi Jemaah dan telah menyerahkan diri-Nya baginya" Efesus 5:25) bagi misi yang mustahil. Miriam terpaksa memohon dengan perasaan pilu agar Sean memberi hari minggu untuk keluarganya dan bukan bola sepak. "Kasihan anak-anakmu yang memerlukan banyak perhatianmu, mereka sedang membesar," seru isterinya dengan sayu, Miriam terpaksa menguruskan pendidikan anak, memandu mereka ke sekolah namun, tangisan isteri Sean tidak bererti apa-apa bagi dirinya. Sukannya kini mengambil alih isterinya dan Sean tidak mahu berkorban walau seharipun.

Miriam pula berasa dia tidak dapat menunduk kepada suaminya kerana dia tidak mengasihi dengan bersungguh-sungguh. "Berapakah jam suami saya rela berkorban untuk keluarganya? Anda boleh menghitungnya. Mengapa pula saya mesti mendengar pesannya. Apakah yang diketahuinya tentang urusan rumahtangga ini? Mengapa saya mesti pula menunduk kepada dia?"

Barangsiapa tidak mengasihi isterinya bagi orang yang tidak merawat tubuh sendiri walau mereka telah disatukan.

Bagaimanakah seorang suami mengasihi isteri seperti Kristus mengasihi Jemaah? Kristus rela mengorbankan nyawa-Nya demi Jemaah-Nya agar mereka beroleh kehidupan kekal. Relakah seorang suami berkorban bagi isterinya? Berilah lebih waktu kepada isteri dan anak-anakmu. Sudikah anda menunduk kepada suami demi menjaga kerukunan rumahtangga?

Doa: Tuhan, ajarilah aku mengasihi isteri dan keluarga aku seperti Kristus mengasihi Jemaah-Nya.

HARI 137

Kekuatan bagi Rajawali

Renungan-Yesaya 40:27-31

*.... tetapi orang-orang yang menanti-nantikan
Tuhan mendapat kekuatan baru;
mereka seumpama rajawali yang naik terbang
dengan kekuatan sayapnya;
mereka berlari dan tidak menjadi lesu,
mereka berjalan dan tidak menjadi lelah.
Yesaya 40:31*

Saya asyik menatap burung rajawali dari kaca jendela AIA Kuala Lumpur. "Amboi, sungguh bergaya!" Burung rajawali sesungguhnya dapat menjadi lambing kekuatan seperti yang dinyatakan dalam Alkitab. Rajawali melayang dengan anggun lalu melingkar-lingkar dengan sayapnya yang kuat sebelum meluncur dengan bergaya. Yang pasti, matanya menatap ke bawah dengan tajam dan mencari-cari binatang-binatang kecil seperti ayam. Dengan kekuatan yang luarbiasa, rajawali meluncur dan mengaut makanannya dengan tepat.

Nabi Yesaya berkata, "Orang-orang muda menjadi lelah dan lesu dan teruna-teruna jatuh tersandung, tetapi orang-orang yang menanti-nantikan Tuhan mendapat kekuatan baru: mereka seumpama rajawali yang naik terbang dengan kekuatan sayapnya; mereka berlari dan tidak menjadi lesu, mereka berjalan dan tidak menjadi lelah." (Yesaya 40:29-31)

Saya masih teringat memberi kaunseling kepada seorang teruna yang cuba membunuh diri kerana putus cinta. Cinta berasa lelah secara emosi dan terfikir menelan pil-pil untuk menghilangkan kelelahannya. Saya pun menasihati dia menanti-nantikan kekuatan baru daripada Tuhan kerana Tuhan sahaja gunung batu yang kekal. "Yang hatinya teguh Kaujagai dengan damai sejahtera, sebab kepada-Mulah ia percaya. Percayalah kepada Tuhan selama-lamanya sebab Tuhan Allah adalah gunung batu yang kekal." (Yesaya 26:3-4) "Nantikanlah Tuhan! Kuatkanlah dan teguhkanlah hatimu! Ya, nantikanlah Tuhan!" (Mazmur 27:14) "Hanya pada Tuhan saja kiranya aku tenang, sebab daripada-Nyalah harapanku." (Mazmur 62:6)

Sesungguhnya. Setelah menantikan Tuhan, pemuda ini melayang dan meluncur bagi rajawali di langit. Dia dapat berfokus pada pelajaran sehingga berkelulusan cemerlang. Tragedi mungkin melanda kehidupan anda tetapi ingat hanya Tuhan yang memberi kekuatan semula lagi untuk meluncur tinggi.

Doa: Tuhan Penyayang, Gunung Batukan yang kekal, ketika aku lelah, ajarilah aku menantikan Engkau.

HARI 138

Menyambutlah Seorang Anak

Renungan-Markus 9:33-37

Barangsiapa menyambut seorag anak seperti ini dalam nama-Ku, ia menyambut Aku, bukan Aku yang disambutnya, tetapi Dia yang mengutus Aku.

Markus 9:37

Berdiri di depan saya ialah seroang anak comel, Rachel tung, ayng cuba mengajar saya membaca daripada sebuah gambar tentang pemuzik yang terkenal. "Nah, bach memberi kita firman Tuhan, Beethoven memberi kita api Tuhan. Mozart memberi kita gelak ketawa Tuhan dan Tuhan memberi kita muzik supaya kita dapat berdoa tanpa perkataan. Faham?" tanya Racel Tung dengan matanya yang terbeliak sambil ketawa terbahak-bahak.

Fikiranku terlayang kepada beberapa kanak-kanak yang telah melayani Tuhan pada usia yang cukup muda. Kakak Rachel Tuhung yang berumur 13 tahun, Rebecca, sudah bermain piano di gereja FGA untuk ibadah hari minggu atas dorongan ibunya sendiri. Margaret Thung.

Saya juga teringat kedua-dua adik saya yang mendorong anaknya yang berumur lapan tahundan sebeelas untuk bermain violin bagi ibadah gereja Kalvari. Di tengah-tengah kesibukannya, Melody dan Eileen tidak pernah gagal menghantar anak mereka untuk latihan. Unutk menggalakkan Eunise Yeo, say pun mengunjungi ibadah petang gerejanya untuk memberi dukungan moral. Saya menunjukkan jari jempol saya serta senyuman kebanggaan saya beberapa kali.

Suatu hari, ibu Eunise pun berpesan keapda Denise Leom, sepupu Eunise, "pastor Chris memohon agar kamu kembali bermain violin setelah UPSR anda. Saya tahu rumah kau cukup jauh, datanglah... Pastor Chris berkata janganlah sia-siakan bakatmu itu."

Wah! Bayangkan anak-anak ini telah melayani Tuhan pada usia yang muda hasil dorong orang dewasa seperti emak dan pastor mereka.

Sambutlah seorang anak dan galakkan mereka melayani Tuhan. Tuhan Yesus pun tahu nilai dan potensi seorang anak kecil. "Maka yesus mengambil seorang anak kecil dan menempatkannya di tengah-tengah mereka, kemudian Ia memeluk anak itu dan berkata keapda mereka: Barangsiapa menyambut seroang anak seprti ini dalam nama-Ku, ia menyamut Aku." (Markus 9:36-37)

Doa: Tuhan, tolonglah aku memeluk seorang anak, menyambut mereka dan menggalakkan mereka demi kerajaan Tuhan.

HARI 139

Ketakutan yang Meremang

Renungan-Mazmur 91

Sebab Tuhan ialah tempat perlindunganmu, Yang Mahatinggi telah kau buat tempat perteduahanmu.

Mazmur 91:9

Ketakutan boleh menyebabkan kita meremang dan berfikiran kusut masai. Saya masih teringat bagaimana ketakutan telah menyebabkan fikiran dan emosi saya kecelaruan. Sebuah bom telah meledak di Univesiti saya dan semua mahasiswa begitu takut. Perpustakaan Univesti telah berkecaian, buku-bukunya dan sepihan kaca bertaburan. Seorang teman saya terkejut sehingga tidak dapat bercakap selama seminggu kerana terlalu takut!

Peristiwa itu membuat semua mahasiswa sungguh takut sungguhpun hanya sebiji mercun yang meledak pada waktu lebaran.

Pada suatu petang, saya telah meninggalkan bilik asrama saya untuk belajar di perpustakaan. Sebelum saya keluar dari bilik, saya telah menggantungkan pakaian saya berdekatan dengan jendela. Setelah belajar dua jam, saya berasa haus dan kedinginan kerana angin Malang memang menusuk hingga ke tulang. Saya merangkak ke loteng untuk membancuh secawan **the** halia panas. Bulu roma saya berdiri ketiak saya melihat seorang lelaki berdiri berdekatan jendela saya.

Saya pun memberitahu semua mahasiswa lain yang kemudian melengkapi diri mereka dengan kayu hoki, penyapu, dan pelbagai alat untuk mengusir lelaki ini. Setelah menendang pintu bilik saya, mereka tercegang kerana hanya terserempak sehelai baju saya yang bergantung dekat jendela. Peristiwa itu menjadi kenangan manis yang membuat saya sering tertawa apabila mengimbas zaman dahulu.

Kita hidup pada zaman yang penuh ancaman dan bahaya yang mengelilingi suasana kita. Sewaktu kecil, kita takut akan bayang-bayang tetapi ketika besar kita menghadapi ancaman yang nyata. Penyakit sampar yang menular, peperangan, keadaan alam yang tidak stabil, dan bom yang meletup, membawa kita lebih dekat kepada Tuhan lagi. "Orang yang duduk di lindungan Yang Maha tinggi dan bermalam dalam naungan Yang Mahakuasa akan berkata kepada Tuhan: tempat perlindunganku dan kubu pertahananku, Allahku, yang kupercayai." (Mazmur 91:1-2)

Berlindung pada Tuhan yang Maha Kuasa dan mintalah perlindungan-Nya, "Dengan Kepak-Nya dia kaan melindungi engkau, di bawah sayap-Nya engkau akan berlindung, kesetiaan-Nya ialah perisai dan pagar tembok." (Mazmur 91:4)

Doa: Tuhan Penolongku, di bawah sayap-Mu aku berlindung selalu apabila malapetaka menimpa kemahku.

HARI 140

Tak berkesudahan Kasih Setia Tuhan

Renungan-Ratapan 3:22-23

Selalu baru tiap pagi;

besar kesetiaan-Mu!

Ratapan 3:23

"Mengajar lagi," saya mengeluh sambil menguap ketika ayam berkokok menandakan hari baru lagi. Wah, pagi yang dingin dan seronok untuk berlina beberapa jam lagi tetapi saya mesti mengajar lagi! Maklumlah makhluk yang suka tidur larut malam seperti saya memang berat tulang sebelah pagi.

Setiap makhluk di dunia ini mempunyai jadual tiap-tiap hari yang mungkin bercorak sama ketika bangun pagi, pergi ke kerja, dan pulang ke rumah. Setumpuk pinggan mangkuk yang perlu dicuci! Lantai ayng perlu dilap dan persiapan makanan tiga kali sehari. Apalagi memandu anak-anak kecil kita ke sekolah dan tuisyen! Penat, lelah, dan kadangkala membosankan! Pernahkah anda hendak melarikan diri dan bercuti tiga bulan!

Bangunlah setiap pagi dengan seruan, "Selalu baru setiap pagi; besar kesetiaan-Mu! (Ratapan 3:23)

Bersyukurlah kerana setiap pagi baru dan menggambarkan kesetiaan Tuhan. Setiap kali matahari terbenam pasti disusuli keterbitan matahari. Itulah kesetiaan Tuhan yang tidak pernah gagal. Setiap musim menabur benih pasti diikuti oleh musim menuai. Tuhan jarang menghampakan kita, bolehkah kita bersyukur untuk hal ini? Pada waktu malam, kita pasti melihat bulan dan bintang yang bertaburan di langit, dan burung berkicauan menjelang fajar menyingsing. Corak alam semula jadi yang sama di dunia ini melambangkan kasih setia Tuhan yang tidak berkesudahan.

Lihatlah setiap pagi sebagai kesempatan baru untuk menunjukkan kasih Ilahi kepada makhluk lain, suatu peluang berkenalan dengan orang baru, atau memulai rancangan pelayanan. Janganlah tutup fikiran dan hatimu kepada bisikan baru daripada Tuhan yang mungkin juga membawa perubahan kepada kehidupan anda.

Anak Tuhan harus hidup bagai bebunga segar yang disirami embun pagi kerana kita tinggal dalam kasih Tuhan. "Jika kamu menurut perintah-Ku, kamu akan tinggal di alam kasih-Ku, seperti Aku menurut perintah Bapa-Ku, dan tinggal di dalam kasih-Nya. Semuanya itu Kukatakan kepadamu, supaya sukacita-Ku ada di dalam kamu dan sukacitamu menjadi penuh." (Yohanes 15:10-11)

Doa: Puji Tuhan. Engkau memberi aku pagi yang baru untuk menggapai rancangan-Mu yang terindah pada hari ini.

HARI 141

Puteri Gunung Ledang

Renungan-Roma 5:1-11

*Akan tetapi Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita,
oleh kerana Kristus mati untuk kita,
ketika kita masih berdosa.*

Roma 5:8

Di puncak Gunung Ledang yang ditutupi oleh hutan rimba yang tebal dan onak duri, tinggal seorang puteri yang cantik bagai bidadari. Berita kecantikannya tersebar ke cuping Sultan Melaka sehingga baginda tergila-gila berkahwin dengan puteri tersebut. Baginda pun bertitah kepada pegawai istana. "Beta ingin menikah dengan Puteri Gunung yang berhidung bangir, berkulit mulus-mulus dan berwajah ayu itu. Utuskan serombongan untuk meminang Puteri Gunung Ledang, beta sanggup membayar mas kahwin yang tinggi."

Rombongan yang diketuai oleh Tun Mamat pun merentasi hutan rimba dan bertaruh nyawa dengan binatang buas sebelum mereka sampai ke istana Puteri. Sultan Melaka menunggu khabar baik dengan perasaan gemas dan rindu memperisterikan Puteri Gunung Ledang. Baginda yakin sungguh dengan mas kahwin yang tinggi, impian baginda pasti tercapai. Sesampai ke istana Puteri Gunung Ledang, Tun Mamat menyampaikan niat Sultan Melaka dengan seloka dan syair.

"Beta akan berkahwin dengan Sultan Melaka jika baginda boleh berkorban untuk beta. Beta ingin tujuh hati nyamuk, satu jambatan emas dari Melaka ke istana sini, dan juga semangkuk darah anak baginda... tujuh baldi airmata anak dara, tujuh baldi keringat," titah Puteri itu sambil tersenyum sinis.

Sultan Melaka menggelang-gelengkan kepala baginda serta bertitah pilu, "Permintaan puteri itu setinggi langit dan maksud beta tidak tersampai. Baiklah beta menjaga rakyat beta dengan baik-baik dan hidup aman damai."

Anda ingin menjalin perhubungan dengan Tuhan. Permintaan-Nya tidak setinggi langit dan anda tidak perlu menyelam ke dasar lautan untuk memenuhi syarat-Nya. Tuhan tidak menuntut tujuh hati nyamuk melainkan hati anda. Bukan anda yang patut berkorban kerana Dia sudah mengorbankan nyawa-Nya serta mencurahkan darah-Nya untuk membina jambatan antara Tuhan dan anda. Anda tidak perlu merentasi hutan dan sungai untuk mencari puncak istana-Nya kerana Tuhan Yesus sendiri sudah datang dan berjalan

di dunia demi anda. Dia hanya menuntut hati dan imanmu untuk mempercayai karya kematian-Nya di kayu salib.

Doa: Tuhan Penyelamat, aku serahkan diriku yang seadanya kepada Engkau.

HARI 142

Hidup Yang Kekal

Renungan-Roma 1:16-17

*Sebab di dalamnya nyata kebenaran Allah,
yang bertolak dari iman
dan memimpin keapda iman,
seperti ada tertulis:
Orang benar akan hidup oleh iman.
Roma 1:17*

Siapakah yang pernah menduga Martin Luther, tokoh reformasi, pernah meragukan penyelamatannya?

Martin Luther pernah menjadi rahib yang terkenal dan paling serius. Dia menempuh segala syarat gereja untuk memperoleh penyelamatannya. Walau dia sering ke biara untuk mendapat kepastian penyelamatannya, soalan yang merunsing hatinya ialah, bagaimanakah saya boleh mendapat rahmat Tuhan? Untuk mendapat rahmat daripada Tuhan, dia rajin berdoa dan berpuasa sehingga pengsan. Dia tetap berasa putus asa dan takut bertemu dengan Allah.

Sewaktu dia diutuskan ke Rom, dia begitu gembira kerana disangkanya di kota suci itu, dia akan mendapat rahmat Tuhan yang berkelimpahan. Dia asyik memasuki setiap gedung gereja untuk mendapat pengampunan dosa dan penghapusan siksa yang ditawarkan. Dengan lutut yang bertelanjang, dia menaiki setiap anak tangga gedung pengadilan Pilate sambil berkumut kamit Doa Bapa untuk melepaskan datuknya daripada obor perapian penyucian. Hatinya berbisik-bisik, "Adakah ini suatu kebohongan yang besar?" sambil dia melihat orang yang juga melakukan sedemikan.

Firman Tuhan yang telah dikajinya memberi Martin Luther keyakinan penyelamatan, "Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil, kerana injil adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, pertama-tama orang Yahudi, tetapi juga orang Yunani. Sebab di dalamnya nyata kebenaran Allah, yang bertolak dari iman dan memimpin kepada iman, seperti ada tertulis: orang benar akan hidup oleh iman." (Roma 1:16-17)

Siang malam dia merenungi dan akhirnya dia insaf bahawa kebenaran Tuhan tidak lain melainkan rahmat Tuhan. Beliau bebas daripada segala ketakutan, "Seakan-akan saya dilahirkan kembali dan dibebaskan ke firdaus." Rahmat Tuhan menjadi pusat segala sesuatu dalam kehidupannya. Pengampunan dosa dan kehidupan kekal pun didasarkan rahmat Tuhan yang menebus dosanya di kayu salib. Tuhan tidak menuntut tetapi Tuhan hanya menganugerahkan. "Sebab itu, sama seperti satu pelanggaran semua orang beroleh penghukuman, demikian pula satu kebenaran semua orang beroleh membenaran untuk hidup." (Roma 5:18)

Doa: Tuhan, aku mengucapkan terima kasih kerana kasih-Mu tidak menuntut syarat sebaliknya Engkau yang mengorbankan diri-Mu!.

HARI 143

Kain Yang Kotor

Renungan-Yesaya 1

*Marilah, baiklah kita berperkara firman
Tuhan-sekalipun dosamu merah seperti kirmizi,
akan menjadi putih seperti salji,*

*sekalipun berwarna merah seperti kain kesumba,
akan menjadi putih seperti bulu domba.
Yesaya 1:18*

Anak saudara saya, Eu-Wayne sangat lucu sewaktu dia kecil. Yang lucu, dia tidak boleh tidur tanpa menghidu bau sapu tangannya yang busuk! Aneh tetapi nyata! Kalau dia kehilangan saputangannya itu, sibuklah sekeluarga mencari-cari saputangan yang kotor itu. Pembantu rumah kami bijaksana, sewaktu dia sedang menangis dan berpeluhan kerana mencari saputangan yang kotor itu, dilapnya dengan saputangan agar berbau lagi. Setelah menghidu saputangan ini baru dia tidur nyenyak. Fenomena aneh itu jelas ada pada kanak-kanak kecil lain. Mereka menghidu bantal busuk atau anak patung yang berbau!

Seorang ibu teman saya telah menyimpan anak patung yang lama dan berbau itu sebagai kenangan waktu kecil anaknya. Anak patung yang berkoyak-koyak itu tidak pernah dibuang bahkan dijahit semula. "Zaitun memang suka boneka yang busuk ini sewaktu kecil," kata ibu ini.

Tuhan menerima kita bukan kerana kita putih seperti salju malahan sebaliknya Dia menerima kita sewaktu kita berlumuran kekotoran seperti kain lap. Kasih Tuhan menyebabkan Tuhan mampu lihat dosa kita dan tetap mengasihi kita. Tuhan membenci dosa tetapi Dia mencintai pendosa. Justru untuk kekotoran ini, Dia datang meletakkan nyawa-Nya dan mengorbankan diri-Nya.

Serahkan diri kepada Tuhan dan Dia akan menyucikan kita sehingga kita seputih salju. Bagai kain yang kotor, datanglah kepada air terjun ilah. "O, darah yang berharga, yang jadikan aku seputih salju, tiada air terjunku tahu, selain darah Yesus" (Robert Lowry)

Doa: Tuhan Penyayang, aku mengucapkan terima kasih kerana Engkau menyucikan aku daripada segala kekotoranku.

HARI 144

Jangan Dipangkas, Sakitnya

Renungan-Yohanes 15

*Barangsiapa yang tidak tinggal di dalam Aku,
ia dibuang ke luar seperti ranting dan menjadi kering,
kemudian dikumpulkan orang dan
dicampakkan ke dalam lalu dibakar.
Yohanes 15:6*

Tuhan Yesus terpandai menggunakan perumpamaan sewaktu mengajar orang ramai yang berpusu-pusu mendengar khutbah-Nya di tepi pantai mahupun di kaki bukit. Perumpamaan ialah penggunaan cerita duniawi untuk menyampaikan kebenaran rohani sehingga tidak sesiapa pun boleh berkata, "Maaf Yesus, pokoknya saya tiadk memahami firman-Mu!" Dalam satu perumpamaan-Nya, Dialah pokok anggur yang benar dan kita ranting yang mesti tinggal di dalam-Nya. Untuk tinggal di dalam-Nya bererti kita berhubungan erat dengan Tuhan Yesus dan berbuah lebat!

Orang Kristian harus mengerti kemandulan rohani bukanlah kehendak Tuhan. Suatu tanda kesungguhan iman seseorang ialah penghasilan buah yang berkelimpahan. Kemandulan rohani menggambarkan dahan yang tidak berpaut pada pokok. Kasih, kesabaran, tabah menderita, keceriaan keperibadian, kedamaian dan kehangatan adalah buah-buah Ilahi.

Apa logik perumpamaan ini? Seorang pekebun memotong atau memangkas ranting-ranting yang tidak berbuah dan membersihkan ranting-ranting agar berbuah lebat. Tuhan akan membersihkan dosa dalam kehidupan kita supaya kita memancarkan kemuliaan Tuhan.

Seorang pendeta pernah bertanya kepada Tuhan kenapa pelayanannya tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Tuhan bersabda kepada pendeta ini, "Jangan menganggap kesukaan berbohong kecil itu tidak memudaratkan kehidupan rohani anda! Kalau baju anda yang berharga \$200 jangan berkata \$500!

Oh ya, benarkah anda pernah berlayar ke seluruh dunia? Anda hanya pernah membaca tentang tempat terkenal di dunia. Anda pernah berkhotbah kepada 5000 orangkah? Usahlah terlalu menghebohkan diri!" Pendeta ini menyadari dia harus bekerjasama untuk memangkas kelemahan ini.

Pada malam itu, pendeta itu berlutut dan bertaubat daripada dosa bohong kecil. Sejak itu Tuhan menyertai dia dalam pelayanan secara hebat!

Beliau berkata jika kita rela melepaskan dosa dan dibersihkan Tuhan, kita tidak akan menerima kepedihan dipangkas kelak!

Doa: Tuhan Yesus, Engkaulah Pohon anggurku dan aku ranting, ajari aku tinggal di dalam diri-Mu dan berbuah.

HARI 145

Bibirnya Mesti Cukup Lembut

Renungan-Kejadian 1:26-28

Sebab itu seorang laki-laki

akan meninggalkan ayahnya

dan ibunya dan bersatu dengan isterinya,

sehingga keduanya menjadi satu daging.

Kejadian 2:24

Memilih teman hidup merupakan keputusan terpenting selain menerima Kristus sebagai penyelamat kita. Seorang teman hidup boleh membawa kesengsaraan dan neraka atau sebaliknya berkat yang berkelimpahan dalam kehidupan berumahtangga. Keretakan rumahtangga membawa padah ngeri dalam kehidupan seseorang isteri atau suami. Penceraian dan pergaduhan bukan sahaja meretakan mental dan jiwa kita bahkan anak-anak kita turut menjadi korban. "Apakah salahku sehingga ibubapa saya mahu bercerai?" tanya seorang anak.

Kerukunan rumahtangga sebaliknya mendatangkan berkat dalam kehidupan rumahtangga. Mr.Siew, suami seorang sahabat karib, Lay Hua yang bekerja bagi telekom di Hong Kong telah membelanja kami makan tengah hari di restoran. Dia membuat hati kami terharu dengan berkata, "Saya ada tiga domba iaitu tiga anak perempuan saya. Saya mengadakan saat renungan bersama mereka dan mereka juga menghafalkan ayat Alkitab..." Itulah dedikasi seorang bapa terhadap rumahtangganya, bukan sekadar mencukupi keperluan makanan tetapi juga menyajikan santapan rohani.

Pemilihan seorang suami atau isteri perlu disertai dengan doa yang teguh. Ruth Bell berfikir bahawa dia akan hidup membujang seumur hidupnya sebagai seorang misionari di Tibet namun walau bagaimanapun dia tetap berdoa, "Tuhan, dia mesti begitu tinggi sehingga apabila dia bertelut untuk berdoa, dia dapat mencapai syurga. Bahunya mesti cukup lebar sehingga dia boleh memikul beban keluarga. Bibirnya cukup lembut untuk mengembang senyuman, dan cukup tegas untuk bercakap dan juga lembut untuk berciuman. Kasihnya untuk Tuhan mesti begitu dalam sehingga dia akan berjuang bagi Kristus dan begitu lebar sehingga dia dapat memeluk dunia yang sesat serta tangannya cukup kuat untuk mendukung seorang anak!"

Tuhan menjawab semua doanya dan memberi Bill Graham kepada dia. Beliau bukan sahaja seorang penginjil yang hebat tetapi juga seorang suami dan ayah yang penyayang.

Doa: Tuhan, berikan aku seorang teman hidup yang mengasihi Engkau dan yang berjiwa hangat untuk melayani Engkau.

HARI 146

Masih mencium katak lagi?

Renungan-Yesaya 9:5-7

*Sebab seorang anak telah lahir untuk kita,
seorang putera telah diberikan untuk kita;
lambing pemerintahan ada di atas bahu-Nya.
dan nama-Nya disebutkan orang; Penasihat Ajaib,
Allah yang perkasa, Bapa yang kekal, Raja Damai.
Yesaya 9:5*

Pada zaman dahulu tinggal seorang puteri yang sangat cantik. Puteri ini percaya putera idamannya ialah seekor katak yang memerlukan ciumannya untuk menjelma ialah seekor katak yang memerlukan ciumannya untuk menjelma menjadi putera yang kacak. Puteri ini sudah berciuman dengan beribu katak namun belum seekor katak yang menjelma menjadi putera, riwayat mereka selalu berakhir sebagai sup katak raja.

Anda masih mencium katak-katakkah? Bilakah putera kacak ini akan menjelma dalam kehidupan anda?

Nabi Yesaya menyampaikan berita indah kepada kita kerana Putera damai sudah tiba di kalangan kita. Dia mendamaikan perhubungan kita dengan Tuhan yang terpisah sehingga harapan menjalin perhubungan dengan-Nya bukanlah mustahil lagi. Jurang antara Tuhan yang suci dan manusia yang berdosa sudah ditutupi dengan kedatangan-Nya. Murka Tuhan terhadap manusia digantikan dengan kedamaian.

Putera 'Immanuel' menandakan Tuhan menyertai umat-Nya. Kehidupan kita akan menjadi gelap gelita tanpa pengharapan istana kekal yang mulia tanpa penjelmaan Putera Damai ini. Putera ini berjalan di kalangan manusia sebagai seorang hamba yang selalu melayani orang tidak kira darjat atau bangsa.

Putera Damai ini tidak kisah tinggal di kalangan manusia yang makin tanpa berkatil emas.

Cik Elliot bertemu dengan Putera Damainya apabila dia tercampak ke lubang depresi.

Cik Elliot dari Brighton, England dikenali sebagai seorang yang berjiwa gembira kerana dia seorang pelukis yang terkenal dan penulisannya yang lucu mendapat sambutan yang baik. Namun penyakit menimpa dirinya pada waktu dia berumur 30 tahun, dia lumpuh. Depresi, kesedihan dan jiwa yang bergelora mewarnai jiwanya dan kecerahannya hilang sama sekali. Penginjil Dr. Caesar Malan mengunjungi Cik Elliot dan berkata, "Cik Elliot, datanglah kepada Domba yang membawa dosa dunia, seperti apa yang ada pada dirimu." Dia segera bertemu dengan Putera Immanuel yang memberi kedamaian dan bimbingan. Dia menulis 150 lagu bagi Tuhan dan berkata, "Tuhan melihat, melindungi dan membimbing... Tuhan menyuruh saya gembira selalu."

Doa: Tuhanku, aku hanya mahu Putera Damai untuk menggembirakan aku!

HARI 147

Bos BesarKu

Renungan-Lukas 19:1-10

*Semua orang yang diserahkan
oleh Bapa kepada-Ku akan datang kepada-Ku.
Aku tidak akan menolak sesiapa
pun yang datang kepada-ku.
Yohanes 6:37*

Pada suatu hari, seorang kawan saya menceritakan pengalaman pahitnya sewaktu dia terserempak dengan bos besarnya di lif. Kawan saya ini memegang fail syarikat itu dan bertali leher kemas kerana pada pagi itu semangat bekerjanya luarbiasa, mentari bersinaran ceria sewaktu dia masuk ke lif. Sewaktu dia bersenyuman manis dan menunjukkan gigi Darlianya kepada bos besarnya, senyumannya tidak dibalas. Semua otot muka bosnya lumpuh! Kebetulan pada hari itu, dia bertembung dengan bos besarnya

lagi di tandas. Lagi sekali, teman ini membuka gigi Darlianya dan mengucap, "Hai" tetapi rupa-rupanya bos ini pekak! "Betulkah dia tahu anda bekerja bagi Kumpulan A?" "Cik Tan, saya sedang memegang fail syarikat itu dan berada lif sebangunan dengannya," kata dia tersenyum tawar. "Bos awak itu malas 'exercise' otot mukanya!" kata saya.

Pernahkah anda mengalami pengalaman pahit seperti ini? Puji Tuhan, Dia menerima kita "seadanya aku." Dia menerima orang yang berkulit coklat, hitam, atau kuning. Anda bermata sepet, besar atau mata anda berwarna biru, perang, coklat. Semua ini tak kisah bagi Dia yang Maha Kuasa dan Maha Besar. Anda raja, perdana menteri, hamba, penyapu jalanraya, pengawal bank, pencuci tandas atau pensyarah? Semua ini tidak menjadi kisah kepada Raja atas segala raja!

Tuhan Yesus menerima pemugut cukai, nelayan, orang buta, orang kusta dan kanak-kanak tanpa memandang mereka jijik. Dia sering bergaulan dengan orang yang berdosa dan dipandang hina masyarakat. Dia membenci dosa tetapi Dia mencintai pendosa.

Pada waktu Yesus masuk ke kota Yerikho dan berjalan terus melintasi kota itu, di situ ada seorang pendek bernama Zakeus. Dia kepala pemungut cukai dan semua orang membencinya. Sewaktu Yesus mengunjungi ke kota itu, semua orang membuat tembok dan tidak mahu orang kerdil ini melihat Tuhan. Dia memanjat pokok ara untuk menjenguk Yesus. Bos Besar kita begitu peka, Dia mendongak ke atas lalu berkata, "Zakues, segeralah turun, sebab hari ini Aku harus menumpang di rumahmu." (Lukas 19:5)

Inilah Bos Besar kita, otot mukanya tidak mati sewaktu bertemu dengan kita! Siapa aku ini Tuhan menjadi biji mata-Mu.

Doa: Bosa Besar, terima kasih kerana sudi menerima aku seadanya.

HARI 148

Bohong Berkaki Pendek

Renungan-Lukas 12:1-5

*Tidak ada sesuatupun yang tertutup
yang tidak akan dibuka dan tidak ada
sesuatupun yang tersembunyi akan diketahui
Lukas 12:2*

Di negara Jerman ada perpatah yang berkata, "Bohong berkaki pendek" yang bererti kebohongan mudah terdedah. Perpatah India menggambarkan riwayat hidup bohong hanya lapan hari. Manusia memang payah diperbohongkan dan dalam sekelip mata, kebenaran akan muncul dan kepala yang hodoh akan bergeleng-geleng di depan semua orang.

Di masyarakat yang suka mencipta kebohongan, kejujuran dianggap sebagai suatu kecacatan malahan orang jujur dianggap sebagai orang yang terlalu polos atau lurus.

Walau bagaimanapun kehidupan yang lurus lebih baik daripada kebohongan. Sewaktu kita mengarang satu kebohongan, kita terdesak mencipta yang baru untuk membendung kepada yang hodoh itu dari muncul dari sewaktu ke sewaktu. Akhirnya, kita terperangkap dalam serangkaian kebohongan yang rumit. Hidup dalam kebohongan memang paya kerana 'beg' bohong selalu ada kebocoran apalagi kalau terhinggap pada mulut tempayan.

Paulus berkata tidak ada sesuatu yang dapat disembunyikan selama-lamanya. (1 Timotius 5:24-25) Kebohongan itu boleh tersembunyi sekejap waktu namun ia tetap akan dinyatakan. Lagipun, ia akan didedahkan terang-terang pada hari penghakiman. Amaran yang serius ini boleh kita bacakan dalam suratkhbar tentang pengarah syarikat yang menggelapkan wang tetapi terbocor kemudian.

Teman saya tergiur dengan barangan yang diiklankan dalam laman web tanpa mengetahui bahawa iklan itu hanya suatu bohong besar. Satu set pencukur rambut, sisir rambut, pelembab krim, dan peralatan

mandi manda diiklankan dengan gamabar-gambar yang canggih dan menarik. Harganya? Dua ratus ringgit Amerika. Kawan saya yang membabi buta telah membeli dengan kad kreditnya dan sewaktu hadiah itu dikirimkan ke rumahnya, dia terpinga-pinga. Pencukur, sisir, berus gigi dan sebagainya pesis sama dengan peralatan yang diberikan oleh agensi pelancung ketika kita ke Cina. Sewaktu teman ini kembali ke laman web, syarikat itu sudah gulung tikar. Teman saya dibohongi dan ditipu! Hadiah itu diberikan kepada saya kerana dia tidak mahu mengenangi peristiwa yang pahit ini.

Janganlah menyakiti hati orang lain dengan bohong.

Doa: Tuhan yang suci, ajarilah aku hidup dalam kejujuran dan jangan sesekali kebohongan melekat pada mulutku.

HARI 149

Penganiayaan

Renungan-Kisah Para Rasul 12:1-19
Kira-kira pada waktu itu raja Herodes
mulai bertindak dengan keras terhadap
beberapa orang daripada Jemaah.
Kisah Para Rasul 12:1

Pada zaman Herodes, penganiayaan keras datang kepada Jemaah Tuhan. Herodes menyuruh agar Yakobus, saudara Yohanes, dibunuh dengan pedang. Petrus juga dipenjarakan di bawah kawalan prajurit dan terpaksa tidur di antara prajuriti serta terbelenggu oleh rantai. Selain itu, juga ada prajurit-prajurit yang berkawal di muka pintu. Tiba-tiba seorang malaikat Tuhan mendekati Petrus dan cahaya bersinar dalam ruang itu. Malaikat itu menepuk Petrus untuk membangunkannya, katanya: "Bangunlah segera!" Maka gugurlah rantai itu daripada tangan Petrus. Setelah itu malaikat menemainya sehingga ke luar penjara.

Penganiayaan terjadi lagi di Kota Roma pada tahun 64, atas perintah Kaisar Nero, orang Kristian dianiayai dengan amat ngeri. Rasul Petrus mungkin dibunuh ketika itu dan dua abad berikut orang-orang terkenal seperti Ignatius, uskup Antiokhia, Polikarp dan uskup Smira (uskup Asia Kecil) dibunuh kerana iman mereka.

Polikarp yang diburu pemerintah mempunyai kesempatan untuk melarikan diri ke tempat lain, tapi dia tidak mahu, dan berkata, "Jadilah kehendak Allah." Dengan keberanian daripada Tuhan, dia pun turun dan berbincang dengan penganiayanya. Dia meminta mereka memberi dia satu jam untuk berdoa tanpa diganggu. Setelah berdoa, mereka pun membawa beliau ke kota.

Sewaktu dia masuk ke gelanggang, pemerintah bertanya apakah namanya Polikarp dan dia pun mengiakkannya. Pemerintah itu meminta agar Polikarp murtad dan merayu, "Ingatlah umurmu! Bersumpahlah demi kaisar yang ilahi..." Polikarp menoleh dengan airmuka tegas kepada seluruh orang kafir yang berada di gelanggang kemudian menarik nafas panjang sambil menengadah ke syurga seraya berkata, "Sudah lapan puluh tahun aku mengabdikan kepada-Nya, dan Dia tidak pernah berbuat satu kesalahan kepadaku: bagaimana mungkin aku mengumpat Rajaku yang menyelamatkan aku?"

Pemerintah itu berkata, "Saya akan membiarkan engkau dibakar habis oleh api, kalau engkau tidak takut akan binatang buas, pasti engkau akan menyesal." Polikarp menjawab, "Tuan mengancamkan api yang hanya menyala satu jam sahaja, dan pada waktu singkat sudah padam lagi. Tua tidak mengenal api, yakni hukuman yang akan datang dan siksaan kekal yang disediakan bagi orang-orang kafir. Mengapa Tuhan lambat-lambat? Nyalakan api yang dikehendaki Tuan!"

Menurut kesaksian orang yang hadir di sana, api yang berkobar-kobar nyalanya, mengambil rupa kubah lalu melingkari Polikarp, dan tubuhnya bagai emas yang dimurnikan api. Setelah dibakar, badannya tercium bau yang sangat harum!

Tuhan Yesus berkata, "Setiap orang yang mengakui Aku di depan manusia, Anak Manusia juga akan mengakui dia di depan malaikat-malaikat Allah." (Lukas 12:8) "Aku berkata kepadamu, hai sahabat-sahabat-Ku, janganlah kamu takut terhadap mereka yang dapat membunuh tubuh dan kemudian tidak dapat berbuat apa-apa lagi." (Lukas 12:4)

Doa: Tuhan Penyayang, ajari aku tidak melangkah seribu dari penganiayaan dan berilah aku keberanian untuk mengucapkan, "Jadilah kehendak-Mu."

HARI 150

Penggallah

Renungan-Matius 5:27-30

*Dan engkau, jika tanganmu
yang kanan menyesatkan engkau,
penggallah dan buanglah itu,
kerana lebih baik bagimu jika Satu
dari anggota tubuhmu binasa
daripada tubuhmu dengan
utuh masuk neraka
Matius 5:30*

Tuhan Yesus meletakkan disiplin yang tinggi. "Kamu telah mendengar firman: Jangan berzina. Tetapi Aku berkata kepadamu: setiap orang yang memandang perempuan serta menginginkannya, sudah berzina dengan dia di dalam hatinya. Maka jika matamu yang kanan menyesatkan engkau, cungkillah dan buanglah itu, kerana lebih baik bagimu jika satu dari anggota tubuhmu binasa, daripada tubuhmu dengan utuh dicampakkan ke neraka". (Matius 5:27-29)

Tanyakan diri sendiri, tabiat apakah yang akan menyebabkan kaki saudara tersandung dan dicampakkan ke neraka? Segera menggalkan tabiat itu agar tidak menjalar dan mencengkam kehidupan anda. Orang lain mungkin memandang ringan terhadapnya, tetapi anak Tuhan mesti berwaspada.

Ted Bundy, mahasiswa undang-undang terserempak setumpuk majalah porno. Dia menyembunyikan gambar-gambar yang lucah ini di bawah katilnya. Semakin hari semakin dosanya meluap-luap, dan akhirnya dia terperangkap seperti lalat dalam laman lelabah.

Dengan tidak sedar, dia meluncur di lebuhraya dosa yang akan membawa maut, dia merogol, membunuh gadis-gadis bahkan seorang anak kecil ditemui dalam keadaan yang menyedihkan. Akhirnya, Ted ditangkap dan dijatuhkan hukuman mati atas kekejaman dosanya.

Segala penyesalan tidak dapat memulihkan masa depannya ataupun masa depan mangsa-mangsanya. Sekalinya, Ted ingin mencungkil matanya, potong tangan ataupun anggota tubuh lain, semuanya sudah terlambat.

Sewaktu diberi peluang menasihati pemuda-pemudi, Ted memberi amaran agar pemuda-pemudi jangan menyentuh bahan nuclear seperti porno. Perkahwinan antara sek dan kejahatan boleh mencetuskan kekejaman yang paling ngeri.

Doa: Tuhan Penyayang, tolonglah aku berwaspada serta sucikan anggota tubuhku.